

BAB 1

PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK WANITA ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

1.1 PENGENALAN

Isu dalam mempertahankan hak dan pembebasan wanita seringkali kedengaran di corong radio, kaca televisyen, buku, majalah, suratkhbar, blog dan laman web semasa. Laungan emansipasi, feminisme dan gerakan pembebasan wanita abad ini yang bersifat individu mahupun secara berkumpulan lahir dengan satu hasrat yang murni iaitu mencetuskan satu kesedaran kepada semua pihak dalam mempertahankan kaum wanita daripada teraniaya dan tidak mendapat hak-hak yang sepatutnya. Kebangkitan wanita-wanita Barat dalam memperjuangkan hak-hak mereka di persada antarabangsa telah menaikkan semangat wanita-wanita Islam untuk turut bersatu hati dalam melaungkan hak-hak mereka bertepatan dengan Al-Quran dan Hadis. *Convention on the Elimination of All forms of Discrimination against Women* (CEDAW) merupakan satu landasan antarabangsa yang menjadi pemangkin gerakan wanita dalam semua aspek termasuk pendidikan.

Pendidikan hak-hak wanita Islam bukanlah merupakan satu perbahasan yang baru dalam dunia Islam namun ianya adalah kesinambungan tuntutan syariat Islam semenjak zaman Rasulullah s.a.w. Hak-hak wanita Islam yang diperjuangkan bukanlah satu tuntutan agar menyamaratakan hak kaum lelaki dan wanita, namun satu tuntutan pemberian hak yang sepatutnya diperolehi oleh wanita sebagaimana yang terdapat dalam Islam.

Islam merupakan agama yang sering mengingatkan umatnya agar menjaga hak-hak wanita dari teraniaya. Kaum lelaki dan wanita dijadikan oleh Allah s.w.t dengan sebaik-baik kejadian. Manusia tidak kira lelaki mahupun wanita diciptakan agar memiliki akal fikiran dan anggota badan untuk menjalani kehidupan seharian agar masing-masing dapat beribadah kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t berfirman dalam ayat 1 surah al-Nisa':¹

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ
مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ

عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

Al-Nisa' 4:1

Terjemahan: Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya-Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya- zuriat keturunan- lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silat'ur-rahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.²

Allah s.w.t merakamkan dalam ayat di atas bahawa lelaki dan wanita berasal dari 'diri yang satu' iaitu Nabi Adam.³ Lelaki dan wanita diciptakan kedua-duanya dari tanah yang serupa. Justeru, tiada perbezaan di antara lelaki dan wanita dalam penciptaan kedua-duanya. Apa yang berbeza adalah tanggungjawab dan hak masing-masing yang berlainan mengikut keperluan dalam kehidupan.

Rasulullah s.a.w turut mengingatkan kaum lelaki dalam khutbahnya yang terakhir menerusi khutbah al-wada^c di Arafah agar menjaga kepentingan hak-hak wanita dalam

¹ Al-Qur'an al-karim, Surah al-Nisa' ayat 1.

² Jabatan Perdana Menteri, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, terj. 'Sheikh Abdullah Basmeih, cet. ke-5 (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1992), 178.

³ Al-Imām Abī al-Qāsim Mahmūd Bin 'Umar Bin Muḥammad al-Zamakhsharī, Tafsīr al-Kashshāf 'An Haqāiq Ghiwāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī wajūhi al-Ta'wīl (Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 1:451.

erti kata memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada mereka dengan menggauli wanita dengan baik.⁴

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1979 melalui CEDAW menetengahkan undang-undang antarabangsa bagi memperkukuhkan hak-hak wanita. Dato' Seri Dr. Siti Hasmah Haji Mohd Ali selaku ketua delegasi Malaysia pada Persidangan Wanita Dunia ke-4 di Beijing pada tahun 1995 turut menyatakan persetujuan untuk memperakunya. Malaysia tidak ketinggalan untuk memperakui konvensyen tersebut pada tahun 1995 walaupun ianya telah dilaksanakan selama 16 tahun. Beberapa pengecualian ke atas Artikel-artikel 9(2), 16(1)(a), 16(1)(c), 16(1)(f) dan 16(g) masih kekal hingga ke hari ini berikutan percanggahannya dengan peruntukan Undang-Undang Syariah dan Perlembagaan Malaysia.⁵ Percanggahan pada Artikel-artikel tersebut merangkumi pemberian hak yang sama antara wanita dan lelaki dalam kewarganegaraan anak dan hak kesetaraan antara wanita dan lelaki yang melibatkan perwalian, pengangkatan anak, perkahwinan dan perceraian serta pemilihan nama keluarga, profesion dan pekerjaan.

Pada 1 Ogos 2001 pula, pindaan telah dibuat dalam Parlimen pada Artikel 8(2) dengan memasukkan perkataan 'gender' dalam usaha memperkasakan kesaksamaan gender.⁶ Malaysia turut bangkit melalui Pertubuhan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)⁷ seperti Wanita Jemaah Islah Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM),

⁴ Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būḥārī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, cet. ke-11. (Beirut: Dār al-Fikr al-Ma'āṣir, 1991), 330.

⁵ Ministry of Women, Family and Community Development, *Malaysia Report To The United Nations Committee On The Elimination Of Discrimination Against Women (First and Second Report)* (Kuala Lumpur: Ministry of Women, Family and Community Development, 2004), 20.

⁶ *Ibid.*

⁷ Rebecca Foley, "Muslim Women's Challenges to Islamic Law The Case of Malaysia," *Feminist Journal of Politics* 6, no. 1, (2004), 60.

Muslimat Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), Sisters In Islam (SIS) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia⁸ (SUHAKAM) dalam melaungkan kebebasan dan hak wanita.

Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada tahun 2009 turut mengambil perhatian yang serius melalui Akademi Fiqh Islami (*Islamic Fiqh Academy*) dalam mencapai satu resolusi terhadap satu fatwa berkaitan gerakan Islam di institusi pendidikan untuk membasmi keganasan rumah tangga merangkumi penekanan terhadap penjagaan hak-hak wanita dan keluarga dalam Islam.⁹ *OIC Plan Of The Advancement Of Women* (OPAAW)¹⁰ merupakan satu pendekatan dalam membanteras keganasan terhadap wanita di negara-negara OIC dan menyuarakan keadilan dan kesamarataan. OPAAW juga berusaha memperkukuhkan kedudukan wanita Islam melalui kerjasama Badan-Badan NGO, komuniti dan sektor swasta dalam memastikan wanita mendapat hak penjagaan kesihatan, ekonomi, sosial, politik, budaya, penambahbaikan penyertaan dalam masyarakat dan termasuklah hak dalam mendapat pendidikan.

Kesedaran tentang hak-hak wanita telah diperluaskan dalam bidang pendidikan. CEDAW ternyata menjadi inspirasi utama dalam kewujudan institusi pendidikan yang memperkembangkan maklumat berkaitan hak-hak wanita.¹¹ Artikel 10 melalui CEDAW memperuntukkan hak pendidikan yang sama bagi wanita seperti mana yang diperolehi oleh kaum lelaki termasuk peluang, biasiswa dan kemudahan mendapatkan pendidikan tersebut.¹²

⁸ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, "Laporan Tahunan 2010 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia" (laporan, SUHAKAM, Selangor, 2011), 16.

⁹ "Laporan Perhimpunan Fiqh Islami, Pertubuhan Persidangan Islam," dikemaskini 5 Februari 2012, dicapai 5 Februari 2012, <http://www.fiqhacademy.org.sa>.

¹⁰ OIC Plan Of Action For The Advancement Of Women, "OIC Plan Of Action For The Advancement Of Women (OPAAW, Cairo Plan Of Action For Women)" (laporan, OPAAW, Cairo, 2008), 2.

¹¹ "Women's Human Rights Education Institutes," dikemaskini 12 November 2012, dicapai 12 November 2012, http://www.oise.utoronto.ca/cwse/Women_s_Human_Rights_Education_Institutes_%28WHRI%29/.

¹² Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, "Laporan Tahunan 2010 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia" 23.

Kewujudan institusi pendidikan khusus di Barat yang mempelajari perihal hak-hak wanita seperti Center for Women's and Gender Studies di Universiti Texas, Austin¹³ bermula seawal 1979. Women's Human Rights Education Institute di Universiti Toronto¹⁴ mula beroperasi pada tahun 1983. Institusi ini menawarkan kursus selama 6 minggu untuk mempersiapkan peserta dengan bengkel dan latihan intensif sebagai moderator dan duta hak-hak wanita. Program CEDAW *For Change* selama satu minggu juga diadakan di institusi ini untuk mengukuhkan kefahaman tentang wanita dan hak-haknya. Terdapat juga negara lain yang mula mengambil inisiatif untuk menawarkan pengajian khusus berkaitan hak-hak wanita seperti Women's and Gender Studies Program, di Universiti Middle Tennessee State, USA.¹⁵

Di Timur Tengah pula pengajian berkaitan hak-hak wanita diberikan secara khusus di Women's Studies Center Jerusalem¹⁶ pada tahun 1989, dan Center For Women Studies, University of Jordan¹⁷ pada tahun 1998. Di Mesir, menerusi Cynthia Nelson Institute for Gender and Women's Studies¹⁸ turut menumpukan perhatian dalam bidang pengajian wanita. Walaupun Iran tidak meratifikasi CEDAW, namun semangat untuk turut bersama-sama menyahut seruan CEDAW dalam bidang pendidikan tetap diteruskan dengan pembukaan Center for Women's Studies, University of Tehran¹⁹ pada tahun 2001.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memberikan pendidikan khusus tentang hak-hak wanita apabila turut menawarkan mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita di

¹³ "Center for Women's & Gender Studies," dikemaskini 12 November 2012, dicapai 12 November 2012, <http://www.utexas.edu/cola/centers/cwgs/womens-rights/Womens-Rights-Initiative.php>.

¹⁴ "Women's Human Rights Education Institutes," dikemaskini 12 November 2012, dicapai 12 November 2012, <http://learnwhr.org/about/>.

¹⁵ "Women's & Gender Studies," dikemaskini 16 Disember 2012, dicapai 16 Disember 2012, <http://www.mtsu.edu/womenstu/index.php>.

¹⁶ "Women's Studies Center," dikemaskini 16 April 2013, dicapai 20 April 2013, http://www.wsc-pal.org/index.php?option=com_content&view=frontpage&Itemid=2.

¹⁷ "Center for Women Studies," dikemaskini 22 Februari 2013, dicapai 24 Februari 2013, <http://centers.ju.edu.jp/centers/wsc/home.aspx>.

¹⁸ "Cynthia Nelson Institute for Gender and Women's Studies," dikemaskini 22 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, <http://www.aucegypt.edu/GAPP/IGWS/Pages/default.aspx>.

¹⁹ "Center for Women's Studies," dikemaskini 24 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, [http://www.ut.ac.ir/en/contents/CWS/Center.for.Women's.Studies.\(CWS\).html](http://www.ut.ac.ir/en/contents/CWS/Center.for.Women's.Studies.(CWS).html).

Institut Pengajian Tinggi Awam yang terpilih melalui Pengajian Gender di peringkat ijazah lanjutan di Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA), Universiti Sains Malaysia.²⁰

Pada tahun 1994, Rancangan Pengajian Gender mula diperkenalkan pada sesi 1994/1995 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.²¹ Pengajaran tentang Islam dan Gender di ajar dalam tempoh empat hingga lima minggu dengan memberi penekanan kepada perkara-perkara asas yang perlu difahami bagi tajuk tersebut. Disebabkan kekurangan tenaga pakar, kursus tersebut tidak lagi ditawarkan dan ditawarkan semula berdasarkan keperluan pada semester 1 sesi 2006/2007 oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya dan dinamakan sebagai Kursus Undang-Undang Islam dan Gender.

Justeru, Institut Pendidikan Guru di Malaysia sebagai satu institusi khusus dalam latihan keguruan juga mengambil inisiatif agar tidak ketinggalan dalam bersama-sama memberi kefahaman yang sewajarnya kepada wanita tentang hak-hak mereka. IPG turut tidak ketinggalan dalam mendedahkan tentang hak-hak wanita Islam kepada para guru pelatih melalui kursus yang ditawarkan meskipun tiada kursus khusus berkaitan pendidikan hak-hak wanita atau gender di IPG di seluruh Malaysia.²²

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Meskipun hak-hak wanita semakin mendapat perhatian semua pihak, namun penindasan terhadap hak-hak mereka ternyata lebih daripadanya melindunginya.

²⁰ "Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Wanita (KANITA)," dikemaskini 15 Ogos 2013, dicapai 15 Ogos 2013, <http://www.kanita.usm.my>.

²¹ Raihanah Abdullah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," dalam *Pengajian Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia*, ed. Mohd. Fauzi Hamat, Joni Tamkin Borhan dan Ab. Aziz Mohd Zin (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 245.

²² Sharifah Nooraida Wan Hasan dan Raihanah Abdullah, "Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Muslim: Pengalaman Institut Pendidikan Guru di Sarawak," *Online Jurnal of Islamic Education* 2, no. 1 (2014), 73.

Weaver²³ memperjelaskan bahawa keupayaan wanita Islam untuk mendapat pembelaan diri di Pakistan ternyata tidak menyebelahi mereka. Ordinan Hudud di Pakistan pada tahun 1979 mengkategorikan bahawa zina dan rogol adalah dalam kategori yang sama. Perkara ini menjadikan para wanita yang dirogol teraniaya dan tidak mendapat hak serta pembelaan dalam ordinan tersebut. Zina merupakan satu tindakan yang dilakukan dengan persetujuan pihak lelaki dan wanita, manakala rogol pula adalah tindakan yang dipersetujui oleh hanya kaum lelaki. Wanita yang dirogol perlu mendapat pembelaan yang sewajarnya. Walaupun ordinan ini tidak berkait dengan ordinan undang-undang keluarga Islam namun, ianya ternyata melibatkan isu pengabaian hak-hak wanita terutamanya wanita yang dirogol dan sudah berkahwin.

Pengabaian terhadap wanita dalam perceraian turut diketengahkan oleh Guessous²⁴ di Maghribi di mana wanita Islam yang didera suami terpaksa bertahan selama lebih sepuluh tahun sebelum diceraikan. Kekurangan pendidikan dan sokongan moral serta mudah mengalah dan membiarkan diri ditindas tanpa mengadu kepada pihak berkuasa merupakan sebab berlakunya penindasan tersebut.

Di Malaysia pula, masih kedengaran aduan atau rasa tidak puas hati wanita terhadap urusan di mahkamah syariah atau pejabat agama. Wanita dikenal pasti sebagai ‘pelanggan utama’ Mahkamah Syariah di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia. Maznah Mohamad mendapati bahawa Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Johor menunjukkan bahawa golongan yang tertinggi sekali membuat permohonan ke Mahkamah Syariah adalah wanita dengan kadar 60 peratus hingga 62 peratus.²⁵ Lebih banyak kaum wanita menuntut taklik dan fasakh dari talak. Keadaan ini

²³ Katherine M. Weaver, “Women’s Rights and Shari’a Law: A Workable Reality? An Examination of Possible International Human Rights Approaches Through The Continuing Reform of The Pakistani Hudood Ordinance,” *Duke Journal of Comparative and International Law* 17 (2007), 510.

²⁴ Nouzha Guessous, “Women’s Rights in Muslim Societies: Lessons from the Moroccan Experience,” *Philosophy & Social Criticism* 38, no. 4–5 (2012), 528.

²⁵ Maznah Mohamad, “Di mana berlaku Diskriminasi dalam Undang-undang Keluarga Islam,” dalam *Undang-undang Keluarga Islam dan Wanita di Negara-negara ASEAN*, (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 1999), 242.

mengambarkan penganiayaan terus berlaku terhadap wanita sehingga terpaksa menuntut cerai di bawah taklik dan fasakh.²⁶ Sekiranya penganiayaan berlaku, seorang wanita berhak membubarkan perkahwinannya dengan beberapa alasan yang diperuntukkan oleh mahkamah.

Raihanah²⁷ turut menggambarkan bahawa meskipun wanita bangkit dan menjadi plaintif yang ramai dalam kes-kes perceraian di Mahkamah Syariah, namun masih kedengaran cerita mengenai wanita Islam yang teraniaya dalam perkahwinan seperti digantung tidak bertali dan ditinggalkan bersama anak-anak tanpa sebarang nafkah. Muslihah dan Najibah²⁸ turut menyokong bahawa, kegagalan bekas suami memberi nafkah kepada bekas isteri sekaligus menambah gangguan emosi dan ekonomi wanita yang teraniaya disebabkan perceraian yang lalu untuk meneruskan kehidupan. Ada pula wanita yang menderita dalam permasalahan hadanah selepas perceraian tanpa pendedahan maklumat, tidak mampu berbuat apa-apa melainkan hanya merelakan apa sahaja nasib yang menimpa anak-anak mereka.²⁹

Di sebalik pengabaian hak-hak yang berlaku ke atas para wanita, Honarvar³⁰ menyatakan bahawa masyarakat Islam di dunia kurang berminat tentang perbincangan berkaitan hak-hak wanita. Kegagalan wanita dalam dunia Islam untuk memahami keistimewaan dan hak-hak mereka adalah kerana kurangnya minat masyarakat terhadap hak-hak tersebut. Ekoran dari kurangnya minat dalam mengambil tahu perihal hak-hak wanita maka kefahaman tentang hak-hak tersebut turut amat kurang. Kekurangan

²⁶ Mohamed Azam Mohamed Adil, "Akta Keganasan Rumah Tangga 1994: Remedinya Terhadap Isteri," dalam *Wanita dan Perundangan Islam*, ed. Raihanah Abdullah (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001), 206.

²⁷ Raihanah Abdullah, "Wanita, Perceraian dan Mahkamah Syariah," dalam *Wanita dan Perundangan Islam*, ed. Raihanah Abdullah (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2001), 120.

²⁸ Muslihah Abdullah dan Najibah Mohd Zin, "How Divorced Women Can Effectively Enforce the Financial Support Orders: The Legal and Administrative Actions," *International Journal of Humanities and Social Science* 2, no. 13 (2012), 144.

²⁹ Sharifah Nooraida Binti Wan Hasan, "Hak-Hak Wanita Mualaf Dalam Penjagaan Anak (Hadanah) Menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009), 153.

³⁰ Nayer Honarvar, "Behind The Veil: Women's Rights in Islamic Societies," *Journal of Law and Religion* 16 (1988), 355.

pemahaman tersebut membawa kepada hilangnya keupayaan untuk memiliki hak-hak tersebut dengan tepat.

NoorAziah dan Mohamad Nizam³¹ turut menyimpulkan bahawa kebanyakan daripada wanita tidak menyedari serta memahami selok-belok undang-undang keluarga Islam dan tidak diberikan pendidikan serta pendedahan yang mantap berkaitan undang-undang keluarga Islam dengan sewajarnya untuk membolehkan mereka menuntut hak-hak dengan prosedur yang sepatutnya. Raihanah³² menambah lagi bahawa, penganiayaan dan diskriminasi terhadap wanita amat memerlukan elemen pendidikan sebagai satu cara terbaik dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada semua pihak berkaitan hak-hak wanita.

Terdapat beberapa penulisan berkaitan pelaksanaan pengajaran hak-hak wanita Islam di IPT, kolej dan sekolah. Henry,³³ Raihanah,³⁴ Shukriyyah,³⁵ I'mār,³⁶ Gharavi,³⁷ Abu al-Rub³⁸ dan Muedini³⁹ telah berkongsi pengalaman tentang pengajaran berkaitan hak-hak wanita yang dilaksanakan di IPT, kolej dan sekolah masing-masing.

Justeru, melihat kepada pentingnya aspek pendidikan dalam penyaluran maklumat berkaitan hak-hak wanita, maka kajian ini dilaksanakan di IPG, sesuai dengan persekitaran IPG yang melatih bakal guru. Pelatih wanita IPG juga didapati telah

³¹ NoorAziah Mohd Awal and Mohamad Nizam Awang, "Discrimination of Women in the Syariah Court: Perceptions or Reality?" (proceedings, International Seminar On Islamic Thoughts; UKM & Kementerian Penerangan Malaysia, Bangi, Selangor, 7-9 Disember 2004), 488.

³² Raihanah Abdullah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 239.

³³ Malikka Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," *Peace & Change* 31 no.1 (2006), 109.

³⁴ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 244.

³⁵ Haqqī Shukriyyah, "Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn," (tesis sarjana, Damsyik University, Syria, 2008), 345.

³⁶ I'mār, "Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falastīn Min Wajhah Nazr al-Mu'allimīn," (tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Al-Najah, Nablus, Palestine, 2008), 127.

³⁷ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," *Procedia Social And Behavioral Science* 46 (2012), 1791.

³⁸ Emad Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," (tesis sarjana, An-Najah National University, Palestine, 2012), 186.

³⁹ Fait A Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," *Political Science & Politics* 45, no. 1 (2012), 105.

mendominasi profesion perguruan di 27 IPG seluruh Malaysia. Pada tahun 2010, seramai 22,805 pelatih wanita berada di IPG berbanding 11,907 pelatih lelaki.⁴⁰ Kajian mensasarkan lebih ramai guru pelatih wanita berada di IPG berbanding lelaki. Kesedaran wanita Islam warga pendidik terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam perlu dipupuk dalam diri mereka supaya didalami dan difahami dalam mengetahui hak-hak yang seharusnya dimiliki.

Peranan pensyarah di Institut Pendidikan Guru sebagai penyampai kurikulum dilihat sebagai agen penting dalam menyalurkan maklumat yang lebih jelas agar kefahaman yang telah diperolehi berkaitan hak-hak wanita Islam dalam kurikulum yang digubal dapat dikongsi bersama dengan guru pelatih di IPG dan sekaligus dipindahkan dalam proses penyebaran ilmu kepada masyarakat apabila mereka ditempatkan di sekolah masing masing.

Dalam mendokong usaha ini, kajian ini merupakan nilai tambah dalam memantapkan kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG dalam perlaksanaannya untuk memupuk kesedaran para wanita warga pendidik sesuai dengan misi IPG Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu, Institut Pendidikan Guru⁴¹ melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik ke arah pendidikan sekolah bertaraf dunia.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kalangan guru pelatih di IPG di Malaysia. Kajian menganalisa pengetahuan dan menilai peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan.

⁴⁰ "Guru lelaki wanita diseimbang," *Berita Harian*, 26 Oktober 2010.

⁴¹ "Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang," dikemaskini 13 November 2012, dicapai 13 November 2012, http://www.ipbl.edu.my/portal/visi_misi.cfm.

Kajian dilakukan dengan penelitian terhadap pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan oleh pensyarah IPG melalui kurikulum lama yang diguna pakai berkuatkuasa Julai 2005 sehingga Mei 2013 dan kurikulum baru yang disemak semula berkuatkuasa Jun 2013. Secara khususnya kajian ini menggariskan beberapa objektif seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti pengetahuan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
2. Mengenal pasti peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.
3. Meneliti pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif-objektif yang telah dinyatakan di atas, kajian akan menjawab beberapa persoalan kajian fasa kuantitatif,⁴² hipotesis⁴³ dan persoalan kajian fasa kualitatif yang berikut:

Persoalan kajian fasa kuantitatif dan hipotesis:

1. Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

⁴² Persoalan kajian dibahagikan kepada dua fasa iaitu kuantitatif dan seterusnya kualitatif sebagaimana yang dicadangkan oleh Creswell; Lihat John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, ed. ke-3 (USA: Sage Publications Inc, 2009), 142.

⁴³ Hipotesis dibina hanya pada kajian kuantitatif yang bertujuan untuk menjalankan analisis statistik yang menggunakan data numerical untuk tujuan membuat inferens; Lihat Othman Talib, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik* (Selangor : Penerbit UPM Serdang, 2013), 45.

2. Sejauh manakah pengetahuan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG?
 3. Sejauh manakah peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?
 4. Sejauh manakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG?
 5. Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?
- Ho₁: Tidak terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
- Ha₁: Terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
6. Adakah terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?
- Ho₂: Tidak terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
- Ha₂: Terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
7. Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

Ho₃: Tidak terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Ha₃: Terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Persoalan kajian fasa kualitatif:

1. Bagaimana pemahaman pensyarah pelaksana kurikulum terhadap hak-hak wanita Islam?
2. Bagaimana peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam di IPG?
3. Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG?
4. Jelaskan kelebihan dan kelemahan pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.

1.6 KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Kurikulum berkaitan Islam sememangnya penting untuk didedahkan kepada pelajar mahupun di tadika, sekolah rendah, sekolah menengah dan juga di institusi pengajian tinggi. Moore⁴⁴ melihat bahawa pengajaran berkaitan Islam dan Islam memainkan peranan yang amat penting dalam melayari kehidupan pelbagai budaya di Amerika Syarikat. Islam merupakan agama yang menekankan konsep kesederhanaan

⁴⁴ James R. Moore, "Why Religious Education Matters: The Role of Islam in Multicultural Education," *Multicultural Perspectives* 11, no. 3 (2009), 140.

dan keamanan. Ini adalah bagi mengelakkan daripada berlakunya kekejaman dan keganasan dalam Islam. Media Barat perlu mengambil perhatian yang serius terhadap kenyataan yang sering dikeluarkan oleh mereka bahawa masyarakat Islam adalah meragukan dan dilabel sebagai pengganas.⁴⁵ Pendidik bertanggungjawab dalam menyuntik peranan Tamadun Islam dalam ketamadunan manusia melalui penggubalan kurikulum yang memberi kefahaman tentang Islam dari segi dalaman dan luaran.⁴⁶

Pendidikan keagamaan merupakan satu wasilah dalam memperkembangkan hak-hak asasi manusia dalam masyarakat.⁴⁷ Pendidikan ini sememangnya menyumbang kepada perkembangan dalam memberi kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat tentang perihal hak-hak wanita. Pengajian Islam merupakan salah satu cabang ilmu yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan pengetahuan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui pendekatan pedagogi dalam kurikulumnya. Pendidikan agama mempunyai peranan yang tersendiri dalam menggabungkan keperluan rohani, akhlak serta keadilan dalam masyarakat dengan perjuangan wanita Islam dalam masyarakat.

Roald⁴⁸ dan Mohd Anuar⁴⁹ mendapati bahawa keadilan Islam dalam isu kesaksamaan gender merupakan daya tarikan bagi penganut bukan beragama Islam untuk memeluk Islam. Islam dilihat sebagai agama yang menjaga dan memberikan hak yang sewajarnya kepada para wanita. Justeru, Perlembagaan Islam yang terdapat di dalam al-Quran, ternyata memberi kepercayaan dan keyakinan kepada wanita Barat dalam melindungi hak-hak mereka sekaligus berjaya menepis dakwaan media Barat yang menyifatkan Islam sebagai agama pengganas.

⁴⁵ Khalida Tanvir, "Misconceptions About Human Rights and Women's Rights in Islam," *Interchange* 39, no. 2 (2008), 245.

⁴⁶ Moore, "Why Religious Education Matters: The Role of Islam in Multicultural Education," 140.

⁴⁷ Jake L. Seymour, "Religious Education for Justice and Human Rights: A Commitment of The Religious Education Association," *Religious Education* 108, no. 4 (2013), 349.

⁴⁸ Anne Sofie Roald, "The Conversion Process in Stages: New Muslims in The Twenty-First Century," *Islam dan Christian-Muslim Relations* 23, no. 3 (2012), 347.

⁴⁹ Mohd Anuar Ramli, "Analisis Gender Dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu" (tesis Phd, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 142.

Kadar pengislaman di negara Barat seperti Amerika Syarikat, Australia, New Zealand telah meningkat pada pertengahan abad ke-20. Antara faktor pengislaman yang dikenal pasti menyebabkan peningkatan tersebut adalah kesaksamaan gender yang dilihat oleh wanita Barat sebagai satu keistimewaan yang dianugerahkan oleh Islam ke atas wanita. Masyarakat di Barat melihat Islam sebagai agama yang memberi kesaksamaan gender melalui penjagaan hak-hak kaum wanita.⁵⁰

Zaleha dan Raihanah⁵¹ menegaskan bahawa konsep kesetaraan gender dalam Islam berhubungkait dengan keadilan, iaitu meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Perbezaan ini tidak sekali-kali melebihi mahupun menambah darjat seorang lelaki di samping merendahkan kedudukan seorang wanita. Kesetaraan lelaki dan wanita ini telah dijelaskan dalam al-Quran dan diperjelaskan melalui rangkaian hadis. Ketidakadilan berlaku terhadap wanita bukanlah bersumberkan Islam namun tradisi tempatan yang tidak Islamik.

Gerakan memperkasakan hak-hak wanita Islam ternyata membawa perubahan demi perubahan terhadap Undang-undang keluarga yang sedia ada. Isu-isu perjuangan dalam hak-hak wanita memberi impak positif terhadap pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam dari semasa ke semasa. Penambahbaikan kod perundangan di Mesir, Pakistan, Bangladesh, Syria dan Lubnan terhadap Undang-Undang Keluarga Islam dalam isu perkahwinan, perceraian dan penjagaan anak tetap dilaksanakan meskipun pembaharuannya bergerak secara agak perlahan jika dibandingkan dengan negara-negara di Barat.⁵²

Malaysia juga tidak ketinggalan mengalami pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam dalam memberikan hak yang sepatutnya kepada para wanita.

⁵⁰ Anne Sofie Roald, "The Conversion Process in Stages: New Muslims in The Twenty-First Century," 347.

⁵¹ Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, "Emansipasi Wanita pada Abad 21: Islam sebagai Model Perjuangan," dalam *Islam Dalam Era Globalisasi*, ed. Mohd Yuswandi dan Siti Suhafzan Sh. Ibrahim. (Kuala Lumpur: YADIM Press, 2007), 41.

⁵² Azizah Al-Hibri, "Muslim Women's Rights in The Global Village: Challenges And Opportunities," *Journal of Law and Religion* 15 (2000), 37.

Pembaharuan yang dilaksanakan di Malaysia merupakan hasil desakan pelbagai pihak dalam memberi keadilan kepada para wanita untuk memperoleh hak-hak mereka di Mahkamah Syariah.⁵³ Undang-Undang Keluarga merupakan antara korpus yang turut memberi ilham kepada para pendidik khususnya wanita dalam menerapkan isu berkaitan hak-hak wanita Islam melalui sistem pendidikan.

Pendidikan merupakan saluran terbaik dalam memberi pendedahan kepada wanita Islam tentang hak-hak mereka. Gharavi⁵⁴ dan Ahmad⁵⁵ menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai model pendidik yang terbaik dalam dunia pendidikan. Model pengajaran Rasulullah s.a.w. mengambil perhatian terhadap aspek sukatan pelajaran dan langkah-langkah pengajaran. Langkah pengajaran merangkumi pengwujudan pusat pendidikan, penyampaian di tempat terbuka, masjid sebagai tempat pengajaran, pemilihan tempat yang sesuai, pemilihan pelajar, pengajaran berperingkat dan keadilan terhadap anak didik.⁵⁶ Model ini amatlah sesuai untuk diadaptasikan dalam mana-mana mata pelajaran yang diajar untuk memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Rasulullah merupakan pendidik unggul yang berjaya dan patut dicontohi dalam melaksanakan model pengajarannya dan mencakupi kesemua bidang termasuk kognitif, afektif dan psikomotor.⁵⁷

Model pengajaran dan pembelajaran menurut Imām al Shāfiʿī, Imām Mālik ibn Anas, Imām Abū Ḥanīfah, Imām Aḥmad ibn Ḥanbal dan Imām al-Ghazālī juga merupakan model perlu dicontohi dalam dunia pendidikan.⁵⁸ Model-model ini adalah wajar diberi perhatian utama kerana menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai ikutan dalam

⁵³ Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah dan Sharifah Nooraida Wan Hasan, "Perluah Wanita Dididik Dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian," *The Online Journal of Islamic Education* 2, no. 2 (2014), 84.

⁵⁴ Nahleh Gharavi Naeeni, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary," *Procedia Social And Behavioral Science* 9 (2010), 1239.

⁵⁵ Ahmad Mohd Salleh, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF* (Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2011), 130.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*, 137.

⁵⁸ *Ibid.*, 138.

menerajui bidang pendidikan jika dibandingkan dengan teori-teori yang dibawa oleh cendekiawan Barat. Para sarjana Islam sememangnya sudah memiliki dan mengaplikasikan kaedah yang berkesan dalam pengajaran mereka sejak zaman Rasulullah s.a.w. Dunia kini hanya menelusuri bidang pendidikan daripada model yang terdapat dalam kaca mata sejarah Islam. Walau bagaimanapun, model-model yang dicadangkan oleh beberapa penulis Islam masa kini merupakan pelengkap kepada dunia pendidikan khususnya dalam bidang kajian ini, iaitu kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.

Menurut Khurshid⁵⁹ faktor pendidikan yang berkualiti adalah satu proses untuk melengkapkan guru dan pelajar wanita berpendapatan rendah tentang ekonomi dan budaya kelas pertengahan di samping faktor pemerkasaan jantina dan penglibatan komuniti. Jallad,⁶⁰ Muedini⁶¹ dan Moore⁶² menjadikan pendidikan berkaitan Islam sebagai asas dalam memperjelaskan pegangan Islam kepada segenap lapisan masyarakat. Islam bukanlah satu agama yang dikaitkan dengan keganasan dan sebaliknya Islam adalah agama yang menganjurkan keamanan. Jallad⁶³ juga turut melihat bahawa pendidikan merupakan cara yang terbaik untuk menyampaikan maklumat berkaitan Islam dan hak asasi manusia agar masyarakat Islam semakin terbuka untuk menerima kritikan Barat dan mampu mengeluarkan hujah yang bernas dalam menangani media Barat daripada terus mengecam tindakan pelampau Islam yang kurang mendalami tentang ajaran Islam yang sebenar.

Gharavi⁶⁴ dan Kassam⁶⁵ bersepakat dalam menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan utama dalam melaksanakan pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak

⁵⁹ Ayesha Khurshid, "Globalization and Women's Rights: Islamic Traditions of Modernity in a Transnational Women's Education Project" (tesis Phd, Universiti of Wisconsin, Madison, 2012), 162.

⁶⁰ Ruba Saleh Jallad, "Islam and Human Rights: Compatibility Paradox" (tesis sarjana, University of Jordan, Jordan, 2012), 84.

⁶¹ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 105.

⁶² Moore, "Why Religious Education Matters: The Role of Islam in Multicultural Education," 140.

⁶³ Jallad, "Islam and Human Rights: Compatibility Paradox," 84.

⁶⁴ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

⁶⁵ Zayn Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam. In Teaching Islam, ed. Brannon M. Wheeler," laman sesawang Oxford Islamic Studies Online, dicapai pada 19

wanita. Kassam⁶⁶ menjadikan sorotan literatur dalam al-Quran melalui penafsirannya serta hadis dan sirah para nabi sebagai sandaran dalam mendedahkan hak-hak wanita kepada para pelajarnya. Penceritaan yang diceritakan dalam al-Quran, hadis dan sirah tentang penjagaan hak-hak wanita dikaitkan dengan pengamalan kehidupan seharian yang dilalui oleh pelajar. Keadaan ini akan mampu menambah pemahaman para pelajar dalam menghayati elemen serta hak-hak wanita yang dipelajari.

Penggunaan modul-modul dianggap sebagai satu kemudahan yang sangat membantu para guru dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran.⁶⁷ Beliau menyatakan pandangannya bahawa pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam tidak dapat hanya diajar dalam satu semester sahaja terutama kepada pelajar yang kurang pendedahannya tentang pengajian wanita dan Islam. Penekanan terhadap pengajaran tersebut sewajarnya dilaksanakan dari tahun ke tahun supaya penelitian terhadap kurikulum tersebut tercapai. Walau bagaimanapun, pengajaran berbantuan modul dianggap dapat membantu para guru dalam mencapai objektif pengajaran.⁶⁸

Korpus ‘Gerakan Hak Asasi Manusia’ berkait rapat dengan Hak-hak Wanita dalam Islam. Muedini⁶⁹ menegaskan bahawa dalam memberi kefahaman tentang hak-hak asasi kepada pelajar, elemen hak-hak wanita dalam Islam telah diberi penekanan dengan mengaitkan tajuk yang diajar dengan peranan agama Islam itu sendiri dalam memperkenalkan hak asasi manusia Islam kepada masyarakat. Malahan Islam juga mengetengahkan bagaimana untuk memperbaiki hak-hak yang seharusnya diterima oleh setiap individu.

Februari 2013, <http://www.onlinedatabase.librarynet.com.my:2191/article/book/islam-9780195152258-chapter-8>>.

⁶⁶ *Ibid.*

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ *Ibid.*

⁶⁹ Muedini, “Teaching “Islam and Human Rights” in the Classroom,” 105.

Gharavi⁷⁰ melihat bahawa ‘pendidikan’ berkaitan pengajian wanita Islam sebagai satu keperluan, sejajar dengan perubahan diri yang perlu ada pada wanita Islam dalam mendepani serangan budaya serta isu berkaitan hak-hak mereka. Wanita harus diberi peluang untuk memperbaiki kehidupan, mendapat hak-hak yang sepatutnya dan tahu tentang peranan serta tugas yang harus dipikul untuk menjadikan martabat wanita Islam terpelihara.⁷¹ Pendidikan hak-hak wanita di sisi Rasulullah s.a.w adalah model yang terbaik untuk diikuti kerana wanita dipandang mulia dan terjaga kedudukannya melalui peraturan yang terkandung di dalam al-Quran sebagai landasan.

Pengajian berkaitan hak-hak wanita peringkat siswazah di Tehran mengetengahkan al-Quran dan hadis sebagai model utama dalam mendidik wanita termasuk mendedahkan status menurut Al-Quran, peranan dan hak-hak wanita. Gharavi⁷² menegaskan bahawa pengamatan dibuat melalui penelitian undang-undang yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis adalah merupakan satu keperluan dalam merancang pendidikan berkaitan wanita. Perancangan pendidikan berkaitan pengajian wanita Islam hendaklah diterokai dengan teliti berdasarkan hujah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Ianya mampu mendekatkan wanita dengan intipati yang terdapat di dalamnya dan menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup masyarakat.

Pendedahan elemen hak asasi manusia diterapkan dalam kurikulum pendidikan sivik di Palestin. Sebagai sebuah negara yang telah lama berdepan dengan kemelut pencabulan hak-hak asasi manusia, Abu al-Rub⁷³ mendapati bahawa sikap serta peranan guru, buku teks dan iklim pembelajaran adalah tunggak utama dalam memastikan pengajian hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin tercapai.

⁷⁰ Gharavi, “Islamic Women Studies Is Important And Necessary,” 1239.

⁷¹ *Ibid.*, 1242.

⁷² Gharavi, “What Is Women’s Studies in Islam?,” 1791.

⁷³ Emad Abu Al-Rub, “The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students,” 186.

I^cmār⁷⁴ dalam kajiannya turut membuat penelitian terhadap pendapat 152 orang guru yang mengajar di Daerah Nablus, Palestin tentang pendedahan hak asasi manusia dalam kalangan pelajar dari sudut pengetahuan, moral dan kemahiran.

Shukriyyah⁷⁵ dan Tibbitts⁷⁶ menyarankan pengajian yang berkonsepkan model sebagai satu komponen penting dalam menjayakan misi pendidikan. Shukriyyah⁷⁷ menegaskan bahawa Republik Syria perlu menyediakan model konseptual pengajian hak asasi manusia di semua peringkat pengajian bermula seawal pra sekolah hingga peringkat ijazah. Model ini adalah perlu untuk rujukan para guru dan guru pakar dalam melaksanakan pengajian ini dengan jayanya.

Tibbitts⁷⁸ mengetengahkan tiga model Pendidikan Hak Asasi Manusia berdasarkan pengalamannya. Bagi negara-negara membangun, pendidikan hak asasi manusia sering kali dikaitkan dengan ekonomi, perkembangan komuniti dan hak-hak wanita.⁷⁹ Model yang pertama adalah Model Nilai dan Kesedaran yang menggunakan pendekatan falsafah dan sejarah. Model ini memberi tumpuan kepada pemindahan ilmu dalam memberi pendedahan asas kepada masyarakat. Model ini berkaitan dengan bidang kurikulum berasaskan sekolah dan kempen kesedaran awam.

Kurikulum berasaskan sekolah memerlukan pendekatan pedagogi yang menarik agar difahami dan diminati oleh masyarakat sekeliling. Guru merupakan duta penting memandangkan aktiviti yang dilaksanakan oleh para guru mampu menambah pemahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari. Kempen kesedaran awam pula merangkumi unsur pengiklanan, liputan media dan program masyarakat.

⁷⁴ I^cmār, “Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falasṭīn Min Wajhah Naẓr al-Mu^callimīn”, 182.

⁷⁵ Shukriyyah, “Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn”, 345.

⁷⁶ Felisa Tibbitts, “Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education,” *International Review of Education* 48, no. 3-4 (2002), 163.

⁷⁷ Shukriyyah, “Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn,” 345.


⁷⁸ Tibbitts, “Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education,” 163.

⁷⁹ *Ibid.*, 160.

Model yang kedua adalah Model Akauntabiliti yang menggunakan pendekatan undang-undang dan politik yang memberi tumpuan kepada bidang latihan dan rangkaian yang melibatkan penjawat awam, golongan profesional yang terdedah dengan masyarakat, peguam, wartawan dan pakar perubatan. Model yang ketiga merupakan Model Transformasi yang menggunakan pendekatan psikologi dan sosiologi. Ianya yang memberi penumpuan kepada mangsa penderaan, trauma dan penduduk yang terdedah kepada konflik. Model ini juga bersesuaian dilaksanakan di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi kerana berkemungkinan terdapat pelajar yang mengalami masalah penderaan, pencabulan dan perkara lain yang berkaitan hak-hak asasi dalam kehidupan bersama keluarga di rumah.

Perkembangan dalam mengenal pasti kerangka teoritikal kajian adalah seperti yang digambarkan dalam rajah 1.1 yang berikut:

Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal Kajian



Sumber: Penulis

1.7 DEFINISI TAJUK

Dalam kajian ini, beberapa definisi operasi telah dikemukakan dan terbahagi kepada tiga bahagian;

1.7.1 Pengajaran

‘Pengajaran’ merujuk kepada pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah dalam satu sesi yang telah dirancang.⁸⁰ Imām al-Ghazālī melalui falsafah pendidikannya, telah menghuraikan bahawa pengajaran adalah merupakan satu proses memberi panduan. Al-Ghazālī menukilkan pandangan Abū Dardā’ bahawa guru dan pelajar berkongsi kebaikan dalam proses pengajaran. Bahkan satu sesi pengajaran akan memberi manfaat kepada orang yang tidak berkaitan dalam pengajaran tersebut.⁸¹ Menurut Al-Kiswānī dan Al-Khaṭīb⁸² dari Fakulti Pendidikan, Kolej *Ḥittīn* Jordan istilah pengajaran membawa kepada perubahan tingkahlaku secara beransur-ansur kesan dari pengajaran tersebut. Pengajar memainkan peranan penting dalam memastikan objektif pengajaran tercapai.

Mok Soon Sang⁸³ mendapati bahawa pengajar perlu merancang pengajaran secara sistematik dan teliti dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai untuk membimbing, memotivasikan dan menggalakkan pelajar untuk memperolehi ilmu sekaligus mengembangkan pengetahuan dan mewujudkan kesedaran terhadap tajuk yang dipelajari. Pengajar perlu menimbulkan minat pembelajaran para pelajar, memberi bimbingan dengan cara belajar yang berkesan, menjelaskan keraguan, membantu dalam

⁸⁰ Mok Soon Sang, *Prinsip Teras Pengajaran dan Pembelajaran 1*. (Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd, 2012), 161.

⁸¹ Al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. (Beirut: Dār al-Kutub al- ‘Ilmiyyah, 1998), 1:19.

⁸² Al-Kiswānī, Muṣṭafā Khalil dan al-Khaṭīb, Ibrāhīm Yāsīn, *Asāsīyyat Taṣmīm al-Tadrīs*. (Amman: Dār al-Thaqāfah, 2007), 43.

⁸³ Mok Soon Sang, *Prinsip Teras Pengajaran dan Pembelajaran 1, 2*.

penyelesaian masalah, membekalkan bahan pelajaran, meningkatkan penguasaan kemahiran pelajar, membentuk sikap pengajaran yang betul, memupuk idealisme yang luhur dan nilai murni yang tinggi.⁸⁴

1.7.2 Pendidikan Hak Wanita Islam

‘Pendidikan Hak Wanita Islam’ pula merupakan kurikulum yang merangkumi tajuk-tajuk berkaitan hak-hak wanita dalam Islam yang didedahkan dalam melalui pro forma atau sukatan pelajaran yang telah digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia⁸⁵ dan Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.⁸⁶ Tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah meliputi aspek berkaitan munakahat yang terkandung di dalamnya tajuk-tajuk berkaitan hak-hak wanita Islam sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan serta isu-isu semasa berkaitan perkahwinan. Subtajuk terbahagi kepada beberapa unit iaitu pra perkahwinan, meminang, mahar, perkahwinan, talak, idah, rujuk, fasakh, khuluk, *li‘ān* dan *nushūz*. Perkataan ‘hak-hak wanita’ turut digunakan dalam kajian ini dan memberi maksud yang sama di samping penggunaan perkataan ‘hak wanita’.

1.7.3 Institut Pendidikan Guru

‘Institut Pendidikan Guru’ pula adalah terdiri daripada 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) yang terdapat di seluruh Malaysia yang menjadi pusat latihan utama yang

⁸⁴ *Ibid.*, 5.

⁸⁵ Bahagian Pendidikan Guru (BPG) adalah pusat yang bertanggungjawab dalam merangka kurikulum Maktab Perguruan sebaik sahaja dinaik taraf kepada IPG bermula 13 Julai 2005 hingga 11 Ogos 2010.

⁸⁶ Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran (IPGKPM) merupakan pusat yang bertanggungjawab dalam urus tadbir IPG bermula 11 Ogos 2010 apabila pentadbiran BPG diserahkan kepada IPGKPM. Rujuk “Institut Pendidikan Guru Malaysia,” dikemaskini 24 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, http://www.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=92&Itemid=700&lang=ms

melatih bakal guru. Kesemua Institut Pendidikan Guru diletakkan di bawah pentadbiran Institut Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. IPG ini terdahulu dikenali sebagai Maktab Perguruan yang hanya melatih bakal guru bertaraf diploma dan sijil sahaja telah dinaiktaraf dan mula melatih bakal guru dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pada 13 Julai 2005. IPG⁸⁷ juga turut melatih semula guru-guru yang sudah berkhidmat di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pelajaran di Malaysia melalui Program Pensiswazahan Guru (PPG).

1.7.4 Wanita Islam

Penggunaan perkataan ‘wanita Muslim’ turut digunakan dalam borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan dalam kajian ini. Namun perkataan ‘wanita Islam’ telah digunakan dalam keseluruhan perbincangan dalam kajian. Kedua-dua perkataan adalah bertujuan membawa maksud yang sama.

1.8 SKOP DAN BATASAN PENYELIDIKAN

Kajian melibatkan pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus Pengantar Ilmu Fiqh (PIM1034) dan Pengajian Islam 2 (PA2312) yang berkhidmat di 21 buah Institut Pendidikan Guru seluruh Malaysia. Pemilihan dua kursus ini adalah kerana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam diajar sebagai unit kecil dalam kedua-dua kursus berkenaan. Pemilihan hanya 21 daripada 27 buah IPG ini memandangkan hanya 21 buah IPG yang menawarkan kedua-dua kursus ini kepada bakal guru. Kedua-dua kursus ini merupakan kursus wajib bagi guru pelatih pengkhususan ‘Ijazah Sarjana

⁸⁷“Institut Pendidikan Guru Malaysia,” dikemaskini 24 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, http://www.moe.gov.my/ipgm/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=92&Itemid=700&lang=ms

Muda Pendidikan Islam Sekolah Rendah' melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP). Pensyarah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini merupakan pensyarah yang berkhidmat di IPG pada tahun 2007 hingga 2013 bertepatan dengan bermulanya program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG pada 13 Julai 2005.

1.9 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN

Terdapat beberapa kajian yang dilaksanakan berkaitan pengajaran hak-hak wanita Islam di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Raihanah Abdullah,⁸⁸ Muedini⁸⁹ dan Henry⁹⁰ berkongsi pengalaman tentang pengajaran yang dilaksanakan di institut pengajian tinggi dan sekolah masing-masing dengan kaedah pengajaran yang berbeza. Pengajaran berkaitan hak-hak wanita diajar menerusi kursus samada secara khusus mahupun tidak khusus.

Dalam kajian ini pula, penekanan diberikan terhadap peranan pensyarah di pusat latihan perguruan iaitu IPG dalam mendedahkan kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam melalui pendekatan pedagogi. Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan hak-hak wanita Islam perlu dipupuk dalam diri warga pendidik.

Kajian seperti ini adalah penting untuk dilaksanakan kerana ianya merupakan nilai tambah dalam memantapkan kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG bersesuaian dengan misi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan guru yang kompeten dan berjiwa pendidik melalui program pembangunan guru yang dinamik.

Pendekatan pedagogi dilihat sebagai satu keperluan dan elemen penting dalam memyalurkan maklumat berkaitan hak-hak wanita Islam kepada masyarakat

⁸⁸ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 239.

⁸⁹ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 101.

⁹⁰ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 102.

memandangkan bakal guru yang dilatih di IPG akan ditempatkan di kawasan bandar dan pedalaman seluruh Malaysia apabila sudah tamat belajar nanti. Kajian ini juga turut mengetengahkan kepentingan pendidikan di IPG dalam era modenisasi sebagai penyebar maklumat yang terbaik kepada masyarakat. Tugas guru sebenarnya mampu memberi bantuan dan kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam secara tidak langsung kepada komuniti setempat apabila berhadapan dengan situasi tertentu.

Walaupun tiada kursus khusus tentang kurikulum hak-hak wanita Islam, namun pendedahan yang disalurkan melalui kursus-kursus berkaitan, mampu memastikan IPG mendokong usaha dalam memartabatkan hak-hak kaum wanita. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa:

- a) Pengalaman dan pengetahuan sedia ada pensyarah membantu pengajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam.
- b) Pensyarah memainkan peranan penting dalam memastikan objektif pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam didedahkan kepada para guru pelatih.
- c) Pendekatan pengajaran yang berbeza mampu menambah minat guru pelatih dalam mendalami perihal hak-hak wanita Islam.

1.10 SUSUNAN PENULISAN

Bab pertama dalam kajian ini mengutarakan latarbelakang pendidikan hak-hak wanita Islam dan permasalahan kajian yang menjadi aspek utama kajian dijalankan. Pendetailan objektif, persoalan dan kepentingan kajian turut dibincangkan dalam memastikan kajian yang dijalankan memberi impak yang besar dalam dunia penulisan ilmiah. Kerangka teori yang menghimpunkan teori-teori sedia ada turut diperkenalkan diikuti dengan penjelasan definisi operasi kajian untuk memudahkan pemahaman pembaca. Skop serta batasan kajian merupakan satu elemen penting yang perlu

didedahkan agar impak kajian ke atas masyarakat dapat dilihat sebagai satu dapatan yang mewakili populasi yang dikaji.

Bab yang kedua pula membincangkan kepentingan pedagogi dalam dunia pendidikan serta model pengajaran di sisi Rasulullah s.a.w. Seterusnya perbincangan lanjut berkaitan kebangkitan feminis dan perjuangan feminisme di persada antarabangsa, Malaysia dan kesan Korpus Undang-Undang Keluarga Islam terhadap perjuangan feminisme. Hak-hak wanita Islam menurut Islam turut diperbahaskan dengan mengkategorikannya kepada empat kategori iaitu wanita dan al-Quran, wanita dan hadis, wanita dan pandangan ulama fiqh serta wanita dan penulisan pemikir Islam kontemporari. Perbincangan terperinci telah diutarakan berkaitan pengajaran hak-hak wanita Islam dengan mengetengahkan model-model serta pengajaran di persada antarabangsa dan Malaysia berdasarkan mata pelajaran dan mod penyelidikan. Pengetahuan dan peranan tenaga pengajar sebagai pelaksana kurikulum serta pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dikupas dengan mendalam. Kerangka konseptual bagi kajian ini diperkenalkan di akhir bab ini.

Bab yang ketiga pula membincangkan dengan mendalam tentang reka bentuk, metodologi, populasi dan teknik pemilihan sampel kajian. Tiga instrumen kajian iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian dibincangkan secara mendalam dengan mengambil kira tentang pembentukannya, pra-ujian, kesahan, kajian rintis dan pemilihan responden. Prosedur pengumpulan data dan pentadbiran instrumen kajian diperjelaskan dengan terperinci. Proses penganalisan data kajian diterangkan dalam bab ini dengan perbincangan tentang analisis data dalam fasa kuantitatif dan fasa kualitatif.

Bab yang keempat pula membincangkan dapatan kajian bagi fasa pertama iaitu kuantitatif secara terperinci dalam penganalisan deskriptif tentang demografi responden yang merangkumi jantina, IPG, bidang pengkhususan, status perkahwinan, taraf pendidikan, pengalaman mengajar di IPG, jawatan dan pengalaman mengajar

kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam. Analisis seterusnya dilaksanakan dengan menganalisa mod, kekerapan, median, sela dan peratusan ketiga-tiga konstruk secara mendalam. Melalui analisa ujian statistik inferensi pula, hubungan di antara variabel-variabel yang juga merupakan konstruk-konstruk yang telah ditetapkan turut dianalisa untuk melihat perhubungan antara kesemuanya.

Bab yang kelima pula membincangkan tentang fasa yang kedua iaitu fasa kualitatif. Menerusi bab ini, demografi responden dalam sesi temu bual dan pemerhatian turut dianalisa dengan menambah sedikit maklumat tambahan berkaitan latar belakang pengajaran yang dikumpul semasa pemerhatian dilaksanakan. Pengetahuan, peranan pensyarah pelaksana dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG turut dikupas dengan terperinci berdasarkan subtajuk-subtajuk yang telah ditetapkan. Data yang diperolehi dari hasil analisis data kualitatif ini merupakan penjelasan terperinci kepada data kuantitatif dalam fasa pertama.

Dalam bab yang keenam pula diketengahkan rumusan hasil penyelidikan, implikasi kajian dan cadangan dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG agar lebih berkesan pada masa yang akan datang.

1.11 RUMUSAN

Pendidikan merupakan agenda penting dalam memberi pendedahan dan menyalurkan maklumat kepada para wanita Islam tentang hak-hak mereka. Kesedaran berkaitan peranan dan kepentingan wanita Islam agar mengetahui hak-hak dan undang-undang yang diperuntukkan ke atas mereka dalam melindungi diri dari teraniaya bukanlah satu tugas yang mudah. Semua pihak haruslah berganding bahu dalam merealisasikan tugas ini di mana jua kita berada tidak kira pendidik yang berjantina lelaki mahupun wanita. Sebagaimana sayangnya Rasulullah s.a.w terhadap para wanita

sehingga baginda tidak lupa untuk menyebut dan menegaskan tentang keperluan penjagaan dan pemberian hak-hak yang sepatutnya kepada para wanita dalam khutbahnya yang terakhir.⁹¹

Kewajipan menjaga hak-hak wanita Islam ini bertepatan sekali dengan pepatah Melayu, ‘Tangan yang menghayun buaian akan menggoncang dunia.’ Wanita Islam akan dapat terus menjalankan tanggungjawab murni sebagai seorang anak, isteri, ibu dan pekerja yang bertanggungjawab jika perlu, apabila mendapat hak-hak yang sewajarnya berlandaskan Syariat Islam yang sebenar. Tuntutan ibadah yang diwajibkan ke atas wanita dalam Islam juga akan terpelihara.

Keadaan wanita yang berlaku pada zaman jahiliah sebelum kedatangan Islam, seakan-akan telah berulang kembali pada masa kini. Wanita sering dieksploitasi, dijadikan bahan tontonan umum di kaca televisyen, ditindas jika tidak diperlukan, dirampas hak-hak yang sepatutnya diperolehi dan yang paling menyedihkan, wanita tidak lagi menjadi tauladan seperti para *Ummahātul al-Mu’minīn* yang dianggap sebagai tulang belakang kejayaan perjuangan Islam suatu masa dahulu.

Justeru, tugas dalam meneruskan pemerkasaan hak-hak wanita Islam adalah satu keperluan yang amat serius pada abad ini, agar kejayaan Islam pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat sebelum ini akan terungkai semula pada masa kini.

IPG merupakan satu institusi yang dilihat paling sesuai dalam memberi bantuan untuk mendedahkan sekaligus menyalurkan maklumat kepada masyarakat agar peka dan faham akan hak-hak yang sepatutnya diberi kepada wanita Islam dan diterima oleh mereka.

⁹¹ Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 330.

BAB 2

HAK WANITA ISLAM DAN PENDIDIKAN

2.1 PENGENALAN

Rasulullah s.a.w dalam khutbah terakhir baginda pada tahun ke-10 Hijrah sekaligus mengingatkan umatnya agar memelihara dan memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada kaum wanita.⁹² Ianya menunjukkan bahawa pendidikan hak-hak wanita ini adalah amat penting dalam liputan sejarah Islam yang tercatat hingga kini.

Pendekatan pedagogi merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam menyalurkan maklumat berkaitan hak-hak wanita dalam Islam. Pendekatan ini sekaligus membantu dalam memberi kefahaman dan menyedarkan para Wanita Islam tentang hak-hak yang sepatutnya dimiliki. Islam meletakkan wanita pada tempat yang mulia dan tinggi seperti juga kaum lelaki. Tiada timbul isu penindasan, penderaan, ketidakadilan dan pencabulan hak asasi sekiranya syariat Islam dipraktikkan dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu Islam kerana agama Islam merupakan agama syumul yang sentiasa memartabatkan kaum wanita.


Pedagogi melalui kurikulum yang digubal mampu membantu dalam menyuntik kesedaran dan kefahaman wanita Islam dalam mengemudi kehidupan. Meskipun terdapat beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Institusi Latihan Perguruan di Malaysia yang tidak mempunyai kurikulum khusus berkaitan hak-hak wanita Islam, namun penerapannya dalam kurikulum Pengajian Islam yang lain dianggap sebagai satu langkah bijak Kementerian Pendidikan dalam merealisasikan Pendidikan Hak-Hak

⁹² Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 330.

Wanita Islam di Malaysia agar diketahui oleh semua masyarakat tidak kira di mana jua mereka berada.

Penulisan dalam bab ini menerusi sorotan literatur kajian dapat dibahagikan kepada empat tema seperti dalam rajah 2.1 yang berikut:

Rajah 2.1. Tema Sorotan Literatur Kajian



Sumber: Penulis

2.2 PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN

Pedagogi dalam pendidikan semakin mendapat tempat dalam merealisasikan matlamat dan hala tuju sesebuah negara. Pedagogi merupakan satu cabang ilmu yang membincangkan kaedah pengajaran murid.⁹³ Keperluan sesebuah negara diterjemahkan kepada masyarakat melalui sistem pendidikan dalam kurikulum yang digubal. Pendidikan melalui pedagogi dilihat sebagai satu agen yang boleh membawa perubahan

⁹³ Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran" (kertas kerja, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam 2012, Seremban, 3-6 Julai 2012), 1.

pemikiran dan tingkah laku kepada masyarakat.⁹⁴ Kepentingan dunia pendidikan dalam membina budaya bangsa⁹⁵ serta memajukan sesebuah negara⁹⁶ dilihat sebagai satu matlamat utama penerapan nilai dan sesuatu budaya melalui pendekatan pedagogi dalam merealisasikan objektif pengajaran.

Al-Ghazālī menukilkan dalam falsafah pendidikannya dari Ibn ʿAbbās r.a bahawa seorang guru yang berperanan mengajar dan menyampaikan kebaikan kepada pelajarnya sangat mulia di sisi Islam. Ibn ʿAbbās mengumpamakan kemuliaan seorang guru, sehinggakan ikan-ikan di lautan memohon keampunan ke atas dirinya.⁹⁷ Kemuliaan peranan guru melalui pendidikan dalam merealisasikan objektif pengajaran ternyata turut diperbahaskan oleh para ulama dalam Islam.

2.2.1 Pendidikan Berkonsepkan Keadilan

Seperti mana yang dibincangkan oleh Dover⁹⁸ pengajaran berkaitan keadilan sosial merangkumi tiga aspek penting yang perlu diambil perhatian iaitu aspek kurikulum, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta tindakan sosial guru dalam mempromosikan keadilan sosial dalam diri pelajar. Dover mendapati bahawa peranan di antara pengajaran berkaitan keadilan sosial lebih berkesan dalam mendidik jiwa pelajar supaya mencintai keadilan daripada peranan gerakan reformis berorientasikan keadilan

⁹⁴ Tatang Suratno, "Memaknai Etnopedagogi Sebagai Landasan Pendidikan Guru Di Universitas Pendidikan Indonesia" (prosiding, The 4th International Conference on Teacher Education; UPI & UPSI, Bandung Indonesia, 8-10 November 2010), 520.

⁹⁵ *Ibid.*, 515.

⁹⁶ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti" (prosiding, Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003, Kuching, Sarawak, 19-20 Ogos 2003), 8.

⁹⁷ Al-Ghazālī, *Ihyā' ʿUlūm al-Dīn*, 1:19.

⁹⁸ Alison G. Dover, "Teaching for Social Justice: From Conceptual Frameworks to Classroom Practices," *Multicultural Perspectives* 15, no. 1 (2013), 8.

yang sering diperjuangkan.⁹⁹ Aspek pendidikan dilihat sebagai satu strategi yang berkesan dalam menerapkan keadilan sosial dalam diri pelajar.¹⁰⁰

Perbincangan berkaitan kurikulum latihan perundangan di Malaysia pula mendapati bahawa, pengajaran undang-undang bioetika dan undang-undang bioteknologi di Malaysia perlu dijadikan sebagai kursus wajib atau pilihan seperti negara-negara lain di dunia.¹⁰¹ Latihan perundangan di Malaysia hanya menjadikan kedua-dua komponen ini sebagai tajuk kecil di dalam kursus undang-undang harta dan undang-undang perubatan.¹⁰² Keperluan dalam menerapkan kepentingan undang-undang bioetika dan undang-undang bioteknologi dalam latihan perundangan menunjukkan bahawa kurikulum perundangan turut menjadikan aspek pengajaran dalam pendidikan sebagai agen penting dalam memastikan peguam-peguam yang bakal dilatih mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Gerakan mempromosikan hak asasi manusia mendapati bahawa strategi dalam pedagogi adalah faktor utama yang perlu diambil perhatian dalam menarik minat pelajar dalam melibatkan diri semasa pengajaran pendidikan hak asasi manusia dilaksanakan. Di peringkat antarabangsa, pelbagai strategi dilakukan dalam memastikan pendidikan hak asasi manusia berjaya dilaksanakan. Tibbitts¹⁰³ menyarankan agar para guru tidak ketinggalan dalam menambah kesedaran masyarakat tentang hak asasi manusia melalui bidang pendidikan. Pendidikan hak asasi manusia yang berpandukan model nilai dan kesedaran ternyata mampu menyalurkan maklumat kepada masyarakat berkaitan usaha kerajaan dalam mempromosikan hak asasi manusia.¹⁰⁴

⁹⁹ *Ibid.*, 9.

¹⁰⁰ *Ibid.*, 11.

¹⁰¹ Idzuafi Hadi Kamilan, Zinatul Ashiqin and Latifah Amin, "Teaching of Bioethics and Biotechnology Law in Malaysian Law Schools," *Procedia Social and Behavioral Sciences* 15 (2011), 1520.

¹⁰² *Ibid.*, 1518.

¹⁰³ Tibbitts, "Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education," 170.

¹⁰⁴ *Ibid.*, 159.

2.2.2 Model Pengajaran Dan Pembelajaran Rasulullah S.A.W

Rasulullah s.a.w merupakan seorang pendidik, guru serta model terbaik yang sewajarnya dijadikan contoh dalam era pendidikan masa kini. Baginda merupakan seorang guru yang mampu mendidik, menasihati dan sekaligus merupakan seorang pendakwah yang berjiwa mulia dan tidak pernah kenal erti penat lelah dalam memberi pendidikan yang terbaik kepada isteri-isterinya, para sahabat serta sekalian umat ketika hayatnya.¹⁰⁵ Sifat dan keperibadian baginda yang unggul mampu menjadikan baginda sebagai idola, pemimpin serta guru dalam semua perkara bagi masyarakat Arab pada ketika itu. Rasulullah s.a.w pada awal kerasulan menjadikan rumah baginda sebagai pusat pengajaran untuk mengajar 30 orang lelaki dan wanita yang baru memeluk Islam secara sulit pada ketika itu.¹⁰⁶ Strategi baginda dalam mendidik dan sekaligus menyebarkan dakwah kepada umatnya memerlukan pengorbanan yang tinggi, memandangkan rumah baginda dijadikan tempat mengajar.

Rasulullah seterusnya menjadikan rumah al-Arqām bin Abī al-Arqām di Kota Mekah untuk menjadi tempat pertemuan dan pengajaran dalam memberi tunjuk ajar tentang ajaran Islam kepada kaum Islamin yang mencecah hampir 40 orang pada ketika itu.¹⁰⁷ Baginda menjadikan wahyu Allah s.w.t sebagai sukatan pelajaran yang terbaik dalam kurikulum pendidikan yang baginda gubal untuk mendidik umatnya.¹⁰⁸ Kurikulum dan pemilihan tempat merupakan perkara yang diambil kira oleh Rasulullah s.a.w dalam menjayakan sesi pengajaran dan pembelajarannya.

Baginda juga mempunyai kaedah pengajaran yang berkesan seperti penyampaian khutbah,¹⁰⁹ perdebatan dan perbincangan¹¹⁰ tentang perkara berkaitan akidah dan Islam.

¹⁰⁵ Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 16.

¹⁰⁶ *Ibid.*, 69.

¹⁰⁷ *Ibid.*

¹⁰⁸ *Ibid.*

¹⁰⁹ *Ibid.*, 328.

¹¹⁰ *Ibid.*, 71.

Kebijaksanaan baginda dalam pengajaran dan dakwah berjaya menjadikan Islam sebagai agama yang disegani oleh masyarakat Arab pada ketika itu. Rasulullah s.a.w berwuduk dan menunaikan solat seperti mana yang dipertontonkan oleh Jibril kepada baginda. Dan selepas itu, baginda mengajar Saidatina Khadijah r.a berwuduk dan menunaikan solat sebagaimana baginda melaksanakannya.¹¹¹ Kaedah amali ini sering kali digunakan oleh para pendidik masa kini dalam pengajaran mereka. Adaptasi dari sunnah Rasulullah s.a.w ini adalah sangat sesuai dan berkesan untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ahmad Mohd Salleh,¹¹² Gharavi,¹¹³ Noornajihan dan Abd Halim¹¹⁴ bersependapat bahawa Rasulullah s.a.w merupakan model terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam arena Pendidikan Islam. Rasulullah memiliki kaedah pengajaran yang terbaik dalam mendidik umatnya. Kemahiran baginda dalam menyampaikan kuliah, bercerita, bersoal jawab dan menjalankan aktiviti yang sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan merupakan kunci keberkesanan pedagogi Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada para sahabat r.a.¹¹⁵

Kaedah pengajaran Rasulullah s.a.w. menurut Ahmad Mohd Salleh pula antaranya penyampaian khutbah dan kuliah, dialog atau perbincangan, soal jawab, hafalan, perdebatan, cerita, menggunakan gaya atau isyarat, lukisan, demontsrasi atau praktikal, statistik, galakan mempelajari bahasa asing dan perancangan ilmiah yang mencakupi bidang kognitif, afektif dan psikomotor.¹¹⁶ Model ini merupakan model pengajaran dan pembelajaran yang terbaik dan perlu dijadikan panduan oleh para guru dalam mana mana bidang sekalipun.

¹¹¹ Ḥalbī, Maḥmūd Muḥammad Riyād Ṭaʿmahu, *NisaʿḤaula al-Rasūl*. (Beirūt: Dār al-Maʿrifah, 1998), 30.

¹¹² Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 130.

¹¹³ Gharavi, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary," 1239.

¹¹⁴ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 1.

¹¹⁵ *Ibid.*, 2.

¹¹⁶ Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 133.

Model pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dapat digambarkan melalui rajah 2.2 yang berikut:

Rajah 2.2. Model Pengajaran dan Pembelajaran Rasulullah S.A.W.




Sumber: Penulis

2.3 KEBANGKITAN FEMINIS DALAM PERJUANGAN FEMINISME

Gerakan feminisme menyaksikan ramai wanita yang memilih untuk memperjuangkan feminisme dalam merealisasikan agenda penting ini dari segenap aspek kehidupan. Perjuangan disebarkan menerusi perundangan, pendidikan dan penulisan. Kebangkitan feminisme dalam bab ini dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian iaitu kebangkitan feminisme di persada antarabangsa yang berfokuskan negara di Timur Tengah dan seterusnya di Malaysia. Pemilihan Timur Tengah dan Malaysia sebagai fokus utama memandangkan kedua-dua negara ini mempunyai latar belakang

agama yang sama iaitu Islam sebagai agama rasmi. Kebangkitan feminisme yang dibincangkan dapat digambarkan dalam rajah 2.3 yang berikut:

Rajah 2.3. Kebangkitan Feminis Dalam Perjuangan Feminisme



Sumber: Penulis

2.3.1 Perjuangan Feminis Di Persada Antarabangsa

Menurut Kausar,¹¹⁷ kemuncak perjuangan feminis di dalam Women Liberation dapat dilihat dari Deklarasi Beijing pada tahun 1997. Deklarasi ini menuntut setiap kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan untuk melaksanakan resolusi pro-women's lib yang telah diluluskan. Desakan perjuangan feminis ini memberi impak yang mendalam dalam memperkasakan hak-hak wanita.

Kirmani dan Philips¹¹⁸ menjelaskan bahawa kebangkitan feminis dalam dunia Islam bermula seawal 1980an. Islam dengan jelas merupakan asas kepada perjuangan feminis pada era ini. Mir-Hoseini¹¹⁹ juga mendapati bahawa kebangkitan wanita Islam pada abad ke-20 berpaksikan ajaran Islam sebagai perisai dalam menuntut kesetaraan gender selaras dengan kemodenan yang tidak berlawanan dengan syariat Islam.

Gerakan wanita di Timur Tengah dipelopori oleh Huda Sha'rawi seorang feminis yang berasal dari Mesir yang telah mendapat pengiktirafan oleh negaranya atas segala sumbangannya dalam menyokong isu pembelaan terhadap hak-hak wanita pada tahun 1945.¹²⁰ Semangat yang ditunjukkannya menjadi dorongan kepada pejuang-pejuang wanita untuk turut berkecimpung dalam dunia feminisme.

Gerakan wanita di Timur Tengah ini, banyak didokong oleh penulisan ahli-ahli sosiologi, antropologi, sains politik dan para wartawan yang berfokuskan kepada isu kontemporari di Negara-negara Timur Tengah.¹²¹ Penulisan turut menjadi pemangkin kepada perjuangan dalam memperkasakan wanita. Gerakan wanita di Mesir, Palestin,

¹¹⁷ Zeenath Kausar, *Woman's Empowerment and Islam: The UN Beijing Document Platform for Action* (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2002), 41.

¹¹⁸ Nida Kirmani dan Isabel Phillips, "Engaging with Islam to Promote Women's Rights: Exploring Opportunities and Challenging Assumptions," *Progress in Development Studies II*, no. 2 (2011), 89.

¹¹⁹ Ziba Mir-Hosseini, "The Construction of Gender in Islamic Legal Thought: Strategies Reform," dalam *Islamic Family Law And Justice For Muslim Women*, ed. Hjh Nik Noraini Nik Badlishah (Kuala Lumpur: Sister in Islam, 2003), 111.

¹²⁰ Ellen L. Fleischmann, "The Other "Awakening": The Emergence of Women's Movements in the Modern Middle East, 1990-1940," dalam *A Sosial History of Women & Gender In The Modern Middle East*, ed. Margaret L. Meriwether and Judith E. Tucker (United States of America: Westview Press, 1999), 89.

¹²¹ *Ibid.*, 93.

Turki dan Iran turut menyaksikan kepelbagaian elemen tambahan yang menyumbang kepada gerakan tersebut di antaranya keadaan sesebuah masyarakat, politik dan budaya.¹²²

Al-Hibri¹²³ yang menjadi pengasas kepada ‘Karamah’ yang telah menghimpunkan 400 peguam wanita Islam di Timur Tengah dan Afrika Utara bagi memperjuangkan Hak Asasi Manusia pada tahun 1993 menegaskan lagi bahawa, reformasi yang perlu dilakukan oleh wanita Islam hendaklah berlandaskan hukum Islam dan tidak terpesong darinya. Perjuangan yang berfokuskan kesaksamaan gender dalam perundangan Islam ini telah diajar kepada pemimpin-pemimpin wanita dari seluruh dunia. Karamah berjaya mengubah cara hidup dan menolak balik perundangan nenek moyang mereka dalam memperkasakan wanita Islam untuk bersuara, bekerjasama dengan pakar perundangan, peguam dan pemimpin untuk membawa perubahan.¹²⁴

Hammami¹²⁵ dan Fawzy¹²⁶ mendapati bahawa gerakan wanita di Palestin dan Mesir lebih tertumpu pada perjuangan terhadap isu-isu berkaitan hak-hak wanita dalam perkahwinan dan kekeluargaan berbanding dengan isu-isu lain. Isu keganasan terhadap wanita juga menjadi topik utama dalam agenda perbincangan berkaitan hak-hak wanita. Piagam Wanita 1994 merupakan fokus utama dalam gerakan wanita di Palestin.¹²⁷ Model Parlimen pada tahun 1998 merangka dan membincangkan perundangan dari sudut keadilan, kesaksamaan dan hak asasi wanita.¹²⁸ Hammami mendapati, isu-isu

¹²² *Ibid.*, 120.

¹²³ Azizah al-Hibri, “Remembering Hypatia’s Birth: It Took a Village,” *Hypatia* 28, no. 2, (2013), 402.

¹²⁴ *Ibid.*, 403.

¹²⁵ Rema Hammami, “Attitudes Towards Legal Reform of Personel Status Law in Palestine,” dalam *Women’s Rights & Islamic Family Law: Perspectives on Reform*, ed. Lynn Welchmen (New York: Zed Books Ltd, 2004), 133.

¹²⁶ Essam Fawzy, “Muslim Personal Status Law in Egypt: The Current Situation and Possibilities of Reform Through Internal Initiatives,” dalam *Women’s Rights & Islamic Family Law: Perspectives on Reform*, ed. Lynn Welchmen (New York: Zed Books Ltd, 2004), 28.

¹²⁷ Penny Johnson, “Agents for Reform: The Women’s Movement, Social Politics and Family Law Reform,” dalam *Women’s Rights & Islamic Family Law: Perspectives on Reform*, ed. Lynn Welchmen (New York: Zed Books Ltd, 2004), 147.

¹²⁸ *Ibid.*

politik juga merupakan antara faktor penting yang menyumbang kepada perjuangan wanita berbanding hak-hak wanita dalam bidang ekonomi.¹²⁹

Di Maghribi pula, selama lebih 30 tahun, NGO wanita dan hak asasi manusia telah bertindak dan bersepakat dalam memperjuangkan hak-hak wanita. Namun yang demikian, terdapat perselisihan pendapat antara perjuangan hak-hak wanita yang berteraskan nilai-nilai Islam dan perjuangan menurut adat tradisi tempatan. Namun perselisihan berakhir dengan penerimaan Parlimen dalam penggubalan Undang-Undang Keluarga yang baru dan diisytiharkan pada Februari 2004.

Guessous¹³⁰ dan Hursh¹³¹ bersependapat bahawa perjuangan dalam memperkasakan hak-hak wanita Islam di Maghribi perlu didasari model pembaharuan undang-undang keluarga Islam terlebih dahulu dan diikuti dengan model yang mendapat sokongan padu daripada pemimpin politik dan sosial kerajaan berdasarkan budaya masyarakat tempatan.¹³² Dalam menggalakkan keadilan, ekuiti dan kesaksamaan untuk melindungi hak-hak wanita dalam ekonomi, memerlukan dasar ekonomi dan dasar sosial yang sesuai. Setelah itu, barulah wanita benar-benar boleh dilindungi dan mendapat manfaat daripada undang-undang sesebuah negara yang telah digubal.¹³³

Perjuangan wanita Islam di Senegal juga turut memperlihatkan kempen NGO wanita tempatan dalam memperjuangkan pembaharuan undang-undang keluarga tempatan dengan memberi fokus kepada konsep hak-hak wanita dengan laungan slogan '*We don't want equality; we want to be given our rights*'.¹³⁴ Tuntutan perjuangan hak-

¹²⁹ Hammami, "Attitudes Towards Legal Reform of Personel Status Law in Palestine," 132.

¹³⁰ Nouzha Guessous, "Women's Rights in Muslim Societies: Lessons from the Moroccan Experience," 526.

¹³¹ John Hursh, "Advancing Women's Rights Through Islamic Law: The Example of Morocco," *Berkeley Journal of Gender, Law & Justice* 27, no. 2 (2012), 303.

¹³² *Ibid.*

¹³³ Nouzha Guessous, "Women's Rights in Muslim Societies: Lessons from the Moroccan Experience," 521.

¹³⁴ Nadine Sieveking, "We Don't Want Equality; We Want to be Given Our Rights: Muslim Women Negotiating Global Development Concepts in Senegal," *Africa Spectrum* 42, no. 1 (2007), 39.

hak wanita Islam di negara ini berfokuskan kepada istilah ‘pemberian hak dan bukan kesamarataan’.

Menurut Barlow dan Akbarzadeh,¹³⁵ kewujudan CEDAW telah membangkitkan kesedaran wanita Sudan dalam memperjuangkan hak-hak mereka. Dalam pertengahan abad ke-20, muncul dua golongan feminis iaitu feminis yang memperjuangkan Islam dan yang berfahaman sekular. Feminis Islam bertujuan untuk membawa hak-hak wanita dalam kerangka konseptual Islam berdasarkan al-Quran dan hadis. Sebaliknya, feminis sekular mencabar konseptual feminis Islam dengan menghebahkan fahaman feminisme yang sama antara feminis Islam dan bukan Islam.

2.3.2 Perjuangan Feminis Di Malaysia

Pergerakan wanita di Malaysia tidak menjadikan teori Barat dalam ideologi feminisme sebagai teori yang diamalkan di Malaysia. Teori Barat yang terdiri daripada fahaman feminisme radikal, marxis dan sosialis, liberal serta pasca moden tidak dijadikan asas kepada perjuangan gerakan wanita di Malaysia.¹³⁶ Gerakan wanita di Malaysia dapat dibahagikan kepada empat fasa iaitu anti kolonial 1946,¹³⁷ politik pasca kemerdekaan 1963,¹³⁸ perkembangan dan identiti politik 1969¹³⁹ dan pasca gerakan reformasi 1999.¹⁴⁰ Gerakan wanita di Malaysia dikaitkan dengan Islam, bermula seawal 1980an.¹⁴¹

¹³⁵ Rebecca Barlow and Shahram Akbarzadeh, “Women’s Rights in the Muslim World: Reform or Reconstruction?,” *Third World Quarterly* 27, no. 8 (2006), 1481.

¹³⁶ Cecilia Ng, Maznah Mohamad and Tan Beng Hui, *Feminisme and The Women’s Movement in Malaysia An Unsung (R) evolution* (New York: Routledge, 2006), 10.

¹³⁷ *Ibid.*, 17.

¹³⁸ *Ibid.*, 19.

¹³⁹ *Ibid.*, 21.

¹⁴⁰ *Ibid.*, 30.

¹⁴¹ *Ibid.*, 28.

Kesedaran wanita terhadap hak-hak asasi amat mempengaruhi kegiatan NGO wanita di Malaysia dalam dua dekad terakhir abad ke-20.¹⁴² Wanita Islam memperjuangkan hak-hak mereka melalui pertubuhan-pertubuhan wanita Islam tempatan untuk merealisasikan kesaksamaan, keadilan, kebebasan dan maruah seperti yang terdapat dalam Al-Quran tanpa mencabar Islam sebagai agama.¹⁴³ Pergerakan wanita Islam di Malaysia mendapati bahawa, Undang-Undang Keluarga Islam gagal memberikan keadilan yang telah ditetapkan dalam al-Quran sekaligus gagal mencerminkan gaya hidup Islam yang sebenar.¹⁴⁴ Dua strategi pembaharuan yang berlandaskan keadilan dan kesamaratan telah diperjuangkan iaitu penafsiran dari sudut agama dan sistem undang-undang Islam.¹⁴⁵

Perjuangan feminisme Islam di Malaysia adalah perjuangan dalam pembebasan dari sebarang keganasan daripada kaum lelaki sekiranya berlaku pelanggaran hak yang boleh mengganggu kesejahteraan dalam kehidupan.¹⁴⁶ Pelanggaran hak-hak terhadap wanita yang telah dilaksanakan oleh orang Islam sendiri atas nama Islam, ternyata perlu ditegakkan.¹⁴⁷ Apabila hak-hak yang sepatutnya diperolehi oleh para wanita tidak dapat diberikan, maka pelanggaran hak-hak tersebut perlu diperjuangkan.

Usaha kerajaan dan badan bukan kerajaan di Malaysia, dalam memperbaiki status wanita Islam, tidak seharusnya dilihat sebagai gerakan pembebasan wanita seperti di Barat.¹⁴⁸ Usaha yang dilaksanakan sangat berbeza, di mana usaha yang dituntut adalah pemberian hak yang sewajarnya kepada kaum wanita. Pertubuhan-pertubuhan

¹⁴² Makmor Tumin, *Wanita Di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 24.

¹⁴³ Frank Martela, "Fighting for Women's Rights in an Islamic context - A Case Study of Malaysia" (modul, Course of Transforming Gender Ideologies in Society Gender & Development Studies, Asian Institute of Technology, 2006), 16.

¹⁴⁴ Lynn Welchman, "Husband's Authority: Emerging Formulations In Muslim Family Laws," *International Journal of Law, Policy and the Family* 25, no.1, (2011), 1.

¹⁴⁵ Foley, "Muslim Women's Challenges to Islamic Law The Case of Malaysia," 59.

¹⁴⁶ Rohana Ariffin, "Feminism In Malaysia: A Historical and Present Perspective of Women's Struggles in Malaysia," *Women's Studies International Forum* 22, no. 4, (1999), 417.

¹⁴⁷ Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, "Emansipasi Wanita pada Abad 21: Islam sebagai Model Perjuangan," 41.

¹⁴⁸ *Ibid.*, 50.

wanita di Malaysia tidak sewajarnya berhenti memperjuangkan keadilan dalam memberikan hak yang telah dijamin oleh Islam kepada para wanita.¹⁴⁹

Kejayaan wanita di Malaysia menurut Nik Safiah¹⁵⁰ adalah amat bergantung pada kegiatan-kegiatan bersifat akar umbi yang dirancang dan dikendalikan oleh ratusan pertubuhan sukarela dalam memperjuangkan, memperbaiki dan mempertingkatkan hak-hak wanita dalam pelbagai aspek. Gerakan pertubuhan wanita yang bersatu hati dalam menganjurkan program serta latihan dalam memastikan wanita mendapat hak-haknya, mampu menggalas tugas penting dalam perjuangan feminisme yang dilaksanakan.

Dalam usaha untuk menuntut keadilan hak-hak melalui sistem perundangan Islam pula, perkumpulan wanita perlu terlibat secara aktif dalam projek penafsiran teks dan undang-undang Islam.¹⁵¹ Pembaharuan undang-undang keluarga yang tercetus dari penilaian semula kod perundangan yang sedia ada, turut menjadi pemangkin dalam usaha membela wanita agar berupaya tampil di mahkamah dalam menuntut hak-hak mereka. Meskipun pembaharuan demi pembaharuan telah dilaksanakan terhadap perundangan, namun keberadaan wanita Islam yang menuntut hak-hak di mahkamah masih kurang dan ia merupakan satu cabaran yang masih perlu difikirkan oleh semua pihak.

Wanita yang mengambil inisiatif untuk menjadikan Islam sebagai senjata utama dalam perjuangan feminisme, meyakini bahawa Islam merupakan akar tunjang dalam membawa kejayaan murni untuk merealisasikan setiap impian dan ilham para feminis. Pelbagai usaha yang dipergiatkan untuk membantu pergerakan ini di antaranya penerapan hak-hak wanita dalam bidang penulisan. Idea yang digarap oleh penulis menerusi penulisan artikel, majalah, surat khabar dan risalah merupakan asset penting

¹⁴⁹ *Ibid.*

¹⁵⁰ Nik Safiah Karim, *Wanita Malaysia: Harapan Dan Cabaran* (Kuala Lumpur: K Publishing & Distributors Sdn. Bhd, 1990), 32.

¹⁵¹ Noraini Othman, "Muslim Women and The Challenge of Islamic Fundamentalism/Extremism: An Overview of Southeast Asian Muslim Women's Struggle for Human Rights and Gender Equality," *Women's Studies International Forum* 29, no. 4, (2006), 339.

dalam menyampaikan maklumat berkaitan hak-hak wanita dan seterusnya mencetuskan transformasi demi transformasi dalam pelbagai bidang.

Laporan Akhir “Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005” menerusi bab 3 berkaitan kajian gender, wanita, keluarga dan masyarakat mendapati bahawa terdapat 192 kajian yang dijalankan berkaitan wanita, keluarga dan masyarakat yang dilaksanakan oleh para pengkaji dari universiti di Malaysia bagi tempoh lima tahun (2001-2005).¹⁵²

Di antara tema yang sering diutarakan adalah kajian berkaitan wanita adalah penglibatan wanita dalam pekerjaan dan pembangunan negara, wanita mendepani arus teknologi maklumat, perkahwinan, institusi keluarga, penceraian dan konflik keluarga, keganasan rumah tangga dan perlindungan undang-undang.¹⁵³ Hal yang demikian menunjukkan bahawa wanita di Malaysia telah semakin giat dalam memperjuangkan hak-hak mereka melalui bidang penulisan.

Kausar dan Zaleha¹⁵⁴ mengetengahkan permasalahan wanita menurut falsafah feminis kepada permasalahan psikologi dan isu perundangan. Terdapat empat bab berkaitan isu wanita dibincangkan dalam penulisan ini. Dalam isu yang diketengahkan melalui penulisan ini, pengaruh Barat didapati menyumbang kepada gerakan feminisme kepada negara-negara lain di dunia.

Negara Islam tidak ketinggalan memperjuangkan isu wanita sekaligus memerlukan transformasi dalam memperjuangkan gerakan ini yang berlandaskan kepada dua sumber perundangan syariah yang utama. Landasan al-Quran dan hadis adalah perlembagaan terbaik yang harus diteliti, dikaji dan dikenal pasti supaya maklumat yang diperolehi tidak terpesong dari ajaran Islam yang sebenar.

¹⁵² “Kajian Mengenai Gender, Wanita, Keluarga dan Masyarakat” (Laporan Akhir “Kajian Inventori Penyelidikan Pembangunan Sosial di Malaysia 2001-2005”, Kuala Lumpur, 2006), 13.

¹⁵³ *Ibid.*, 14.

¹⁵⁴ Zaleha Kamaruddin and Zeenath Kausar, “Preface to the first edition, dalam “*Woman’s Issues Women’s Perspectives, Second Edition*,” ed. Zaleha Kamaruddin and Zeenath Kausar (Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, 2002), v.

Baterah dan Che Zarinna berkongsi pendapat berkaitan gerakan emansipasi wanita dalam kajian yang melibatkan seramai 246 orang wanita Islam di Shah Alam, Selangor. Kajian ini berkaitan pandangan mereka terhadap gerakan emansipasi wanita. Seramai 53.3 peratus menyatakan bahawa tidak wujudnya gerakan pembebasan wanita dalam Islam.¹⁵⁵ Namun yang demikian, apa yang amat diperlukan adalah kesedaran masyarakat dalam memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada wanita Islam dan bukan hanya menuntut hak-hak wanita, namun sekaligus memberikan hak-hak tersebut kembali kepada mereka.

Zaleha dan Raihanah¹⁵⁶ sering kali memastikan penulisan mereka supaya wanita yang teraniaya dalam perkahwinan polgami mendapat hak-hak mereka. Kedua-duanya bersependapat bahawa, Malaysia adalah sebuah negara yang tidak menghalang seseorang suami untuk berpoligami seperti yang diamalkan di Mesir, Jordan, Pakistan, dan Indonesia. Namun yang demikian, pemantauan melalui tindakan undang-undang telah dijalankan bagi mengatasi masalah penderaan terhadap isteri dalam berpoligami. Penderaan yang dimaksudkan sama ada penderaan berbentuk fizikal dan penderaan mental. Melindungi wanita melalui pelaksanaan undang-undang dalam berpoligami dapat membantu bagi memastikan agar hak-hak wanita terpelihara.

2.3.3 Korpus Undang-Undang Keluarga Islam

Undang-Undang Keluarga Islam turut menyumbang kepada perjuangan dalam memperkasakan hak-hak wanita dalam Islam. Korpus perundangan keluarga Islam dalam menambahbaik dan memberikan keadilan kepada kaum wanita menjadi pencetus pemikiran para pengkaji khususnya wanita untuk mengetengahkan hak-hak wanita

¹⁵⁵ Baterah Alias dan Che Zarinna Sa'ari, *Islam dan Emansipasi Wanita* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 144.

¹⁵⁶ Zaleha Kamaruddin and Raihanah Abdullah, "Protecting Muslim Women Against Abuse of Polygamy in Malaysia: Legal Perspective," *Hawwa* 6 (2008), 180.

dalam bidang pendidikan. Korpus perundangan keluarga Islam dapat dikategorikan kepada tiga kategori iaitu pembaharuan undang-undang keluarga, perlindungan wanita dan kesamarataan.

2.3.3 (a) Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam

Undang-Undang Keluarga Islam di Negara-Negara Islam turut mengalami perubahan dalam peruntukannya. Perubahan yang berlaku adalah disebabkan desakan dalam menambah baik kedudukan para wanita dari sudut perundangan. Beberapa negara seperti Mesir, Jordan, Syria, Tunisia dan Maghribi telah melalui proses perubahan tersebut pada kurun ke 19 Masehi.¹⁵⁷

Perjuangan pembaharuan undang-undang keluarga Islam tempatan di Sinegal yang diperjuangkan oleh Badan NGO adalah berfokuskan kepada pemberian hak-hak wanita dan bukannya menuntut hak kesamarataan.¹⁵⁸ Namun yang demikian, strategi kebangsaan yang baru di negara ini, sekaligus berfokuskan kepada perjuangan kesamarataan dan keadilan wanita.¹⁵⁹

Hursh¹⁶⁰ turut mengakui bahawa, usaha dalam memajukan hak-hak wanita di dunia Islam adalah melalui pembaharuan Undang-Undang Keluarga. Di Maghribi, pembaharuan perundangan *Mudawwana* merupakan model yang perlu diikuti oleh semua negara Islam dalam memastikan perjuangan hak-hak wanita berjaya. Tuntutan agama hendaklah saling berinteraksi dengan kehendak rakyat yang memerlukan keadilan dan kemanusiaan. Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam di Maghribi yang

¹⁵⁷ Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah dan Sharifah Nooraida Wan Hasan, "Perlukah Wanita Dididik Dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian, 84.

¹⁵⁸ Sieveking, "We Don't Want Equality; We Want to be Given Our Rights: Muslim Women Negotiating Global Development Concepts in Senegal," 39.

¹⁵⁹ *Ibid.*, 44.

¹⁶⁰ Hursh, "Advancing Women's Rights Through Islamic Law : The Example of Morocco," 305.

diimbangi dengan laungan serta gerakan penyokong wanita menerusi reformis dan feminis adalah faktor kejayaan tersebut.

Perubahan yang berteraskan budaya, sosial dan politik ini menjamin keberkesanan laungan hak-hak wanita yang dipertahankan. Weaver¹⁶¹ dan Mullally¹⁶² menyifatkan bahawa, kegagalan Pakistan dalam memperjuangkan hak-hak wanita melalui Undang-Undang Keluarga Islam menyebabkan penyalahgunaan hak-hak wanita masih terus kekal.

Di India pula, pembaharuan perundangan telah dilaksanakan dalam pemberian nafkah oleh bekas suami kepada bekas isteri yang diceraikan.¹⁶³ Pemberian ini melibatkan tempoh nafkah yang dipertanggungjawabkan ke atas suami adalah sehingga isteri tersebut meninggal dunia atau berkahwin semula. Pembaharuan ini dilaksanakan adalah kerana memikirkan bahawa wanita yang diceraikan tidak mampu menjaga dirinya dan memerlukan nafkah daripada suami.

Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia tidak ketinggalan mengalami perubahan setelah 30 tahun penggubalannya. Perundangan Keluarga Islam tersebut telah mengalami tiga fasa perubahan.¹⁶⁴ Fasa yang pertama sekitar tahun 1980an merupakan fasa komprehensif yang telah memperincikan hak-hak wanita dalam perkahwinan dan selepas perceraian dengan lebih detail agar para wanita mampu mendapatkan hak-hak yang sepatutnya.

Fasa yang kedua sekitar tahun 1990an pula terlaksana disebabkan disebabkan kelemahan Undang-Undang Keluarga Islam dan Mahkamah Syariah dalam membela nasib para wanita pada sudut ketidakseragaman peruntukan, penangguhan kes dan

¹⁶¹ Weaver, "Women's Rights and Shari'a Law: A Workable Reality? An Examination of Possible International Human Rights Approaches Through The Continuing Reform of The Pakistani Hudood Ordinance," 508.

¹⁶² Siobhan Mullally, "As Nearly As May Be: Debating Women's Human Rights in Pakistan," *Social and Legal Studies* 14 (2005), 355.

¹⁶³ Werner F. Menski, "The Reform Of Islamic Family Law And A Uniform Civil Code In India," dalam *Islamic Family Law*, ed. Chibli Mallat and Jane Connors (London: Graham and Trotman Ltd, 1990), 287.

¹⁶⁴ Mohd Khairul Anuar Ismail, Raihanah Abdullah dan Sharifah Nooraida Wan Hasan, "Perlukah Wanita Dididik Dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian, 84.

desakan NGO wanita. Fasa ketiga sekitar tahun 2000an pula terlaksana disebabkan isu kesamarataan gender yang menjadi fokus dalam pembaharuannya.

Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam sememangnya menjadi nadi dalam memartabatkan hak-hak para wanita walaupun pembaharuannya berlaku sangat perlahan dalam dunia Islam tidak seperti negara-negara di Barat.¹⁶⁵ Gerakan pembaharuan ini turut memperjuangkan sifar penindasan terhadap wanita dalam menangani keganasan rumah tangga yang berleluasa.¹⁶⁶

Zaleha¹⁶⁷ turut menyatakan bahawa transformasi Undang-Undang Islam yang dilaksanakan perlu disusuli dengan penyediaan Pusat Syariah setempat agar lebih mesra komuniti, untuk membantu masyarakat dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan undang-undang yang dihadapi.

2.3.3 (b) Perlindungan Wanita Islam

Wanita Islam menyanjung dan mempertahankan bahawa, Islam adalah agama yang memberi jaminan dalam menjaga kebajikan dan hak-hak mereka. Implikasi korpus perundangan Islam terhadap wanita turut dijadikan semangat dan dorongan dalam memberi perlindungan kepada kaum Hawa ini.

Di Maghribi, Undang-Undang Keluarga Islam ternyata melindungi wanita apabila tindakan berani seorang wanita yang telah dipukul oleh suaminya melarikan diri ke rumah ibu bapanya untuk melindungi diri.¹⁶⁸ Si isteri tidak mahu pulang ke pangkuan suami walaupun suaminya telah mendesak dirinya untuk berbuat sedemikian. Ayah

¹⁶⁵ Al-Hibri, "Muslim Women's Rights in The Global Village: Challenges And Opportunities," 37.

¹⁶⁶ Mehrun Siraj, "Women And The Law: Significant Developments In Malaysia," *Law Society Review* 28 (1994), 561.

¹⁶⁷ Zaleha Kamaruddin, "The Islamic Legal System in Malaysia and The Quest For Transformation In The 21 Century," *Australian Journal of Basic and Applied Sciences* 6, no. 11 (2012), 74-82.

¹⁶⁸ Ziba Mir Hosseini, *Marriage On Trial, A Study of Islamic Family Law* (New York: I.B. Tauris & Co. Ltd, 2000), 105.

kandung wanita tersebut telah memfailkan kes ke mahkamah dan mendapat khidmat bantuan peguam dalam menuntut cerai. Suami bersetuju dengan perceraian secara khuluk sekaligus wanita tersebut mendapat hak nafkah bagi anaknya.

Dalam menangani masalah isteri yang *nushūz*, Islam membolehkan suami memukul isteri dengan pukulan yang tidak menyakitkan fizikal si isteri. Namun yang demikian, apa yang berlaku adalah terdapat suami yang menyalahgunakan kuasa tersebut sebagai seorang yang bertanggungjawab dalam mendisiplin dan mendidik isteri.¹⁶⁹ Mahkamah turut memberi perlindungan pada wanita agar tidak dipukul dengan pukulan yang tidak sepatutnya dengan merujuk kepada Al-Quran dan Hadis semasa menjatuhkan hukuman. Hal ini merupakan salah satu cara dalam melindungi wanita seperti mana yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam konteks pemilikan harta sepencarian, isteri pertama bagi suami yang berpoligami juga turut mempunyai hak terhadap hartanya sepanjang perkahwinan mereka.¹⁷⁰ Harta yang diperolehi sepanjang perkahwinan mereka adalah hak bersama suami dan isteri pertama tanpa boleh diganggu oleh isteri baru. Perundangan Keluarga Islam di Malaysia turut melindungi para wanita dengan mengambil kira modal, tenaga, sokongan moral dan masa yang disumbangkan kepada suami dalam memiliki harta tersebut.

Perlindungan wanita dalam poligami dikawal oleh Undang-Undang Keluarga Islam. Lelaki yang berpoligami perlu mematuhi peruntukan dalam sistem perundangan keluarga Islam untuk mengelakkan pengabaian hak-hak isteri. Pindaan Undang-Undang Keluarga Islam memberi hak kepada isteri kedua untuk mendaftar perkahwinan agar

¹⁶⁹ Murad H. Elsaidi, "Human Rights And Islamic Law: A Legal Analysis Challenging The Husband Authority to Punish Rebellious Wives," *Muslim World Journal of Human Rights* 7, no.2 (2011), 2.

¹⁷⁰ Mohd. Norhusairi Bin Mat Hussin, "Konsep Sumbangan Dalam Penentuan Pembahagian Harta Sepencarian Di Mahkamah Syariah Di Malaysia: Perspektif Sosio-Perundangan" (tesis Phd, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 110.

memperoleh hak dari sudut perundangan sekiranya bercerai dan kematian suami.¹⁷¹ Walaupun terdapat hak-hak tertentu bagi para wanita dalam poligami namun berlakunya pengabaian hak-hak isteri yang tidak dipatuhi suami yang berpoligami. Pematuhan terhadap undang-undang yang sedia ada memerlukan kesedaran dan kerjasama semua pihak dalam masyarakat.

Wanita diberikan hak untuk menuntut fasakh dalam peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam. Peruntukan ini membantu wanita yang teraniaya oleh kekejaman suami yang sering kali melakukan penganiayaan terhadap isterinya. Hak fasakh membolehkan wanita membubarkan perkahwinan dengan cara tersebut apabila berhadapan dengan suami yang melakukan keganasan terhadap isterinya dari sudut fizikal, emosi dan mental.¹⁷²

Undang-Undang Keluarga Islam ternyata memberi jalan keluar dalam melindungi hak-hak wanita agar mampu membela dan menjamin kebajikan para wanita. Wanita perlu menyedari hak-hak yang telah diperuntukkan oleh perundangan Islam dalam Korpus Undang-Undang Keluarga Islam yang sedia ada.

2.3.3 (c) Kesamarataan

Undang-Undang Keluarga Islam di Saudi memutuskan bahawa wanita boleh mengahwini lelaki yang tidak bermastautin di Saudi, namun tidak boleh berkahwin dengan lelaki bukan Islam. Berlainan dengan kaum lelaki yang tidak dilarang sama sekali untuk berkahwin dengan wanita bukan Islam.¹⁷³ Hak-hak ini ternyata agak bercanggah antara satu sama lain. Hak kesamarataan antara lelaki dan wanita ternyata

¹⁷¹ Zaleha Kamaruddin and Raihanah Abdullah, "Protecting Muslim Women Against Abuse of Polygamy in Malaysia: Legal Perspective," 184.

¹⁷² Raihanah Abdullah, "Alasan Membubarkan Perkahwinan Melalui Fasakh," Jurnal Syariah 5, no. 1 (1997), 13.

¹⁷³ Sifa Mtango, "A State of Opression? Women's Rights in Saudi" *Asia Pacific Journal On Human Rights And The Law* 1 (2004), 62.

tidak dititikberatkan. Lelaki juga boleh menceraikan wanita dengan hanya menyebut, ‘aku ceraikan engkau’ dan hanya perlu menerangkan sebab kenapa dan mengapa isterinya diceraikan. Namun bagi para wanita, mereka perlu berdepan dengan undang-undang untuk memohon cerai dari suami yang kurang bertanggungjawab dan melalui proses perundangan yang memerlukan bukti dan kehadiran suami ke mahkamah untuk menjalani proses perceraian.

Di Bangladesh, Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam 1961 menyeimbangkan kuasa suami dengan peluang isteri untuk menceraikan suaminya dengan *Talak-e-tafwid* iaitu talak yang membenarkan isteri menceraikan suaminya atas kegagalan suami dalam perkahwinan seperti memukul isteri dan berkelakuan ganas terhadap isteri.¹⁷⁴ Isteri mentalakkan suaminya dan apabila talak tersebut diterima oleh suami, maka perceraian itu telah sah dan boleh didaftarkan. Pemakaian ordinan ini walaupun dianggap sedikit berbeza dengan Malaysia, namun ianya bertujuan untuk memberi hak sama rata wanita dalam perceraian, agar wanita yang teraniaya mendapat pembelaan melalui implementasi peruntukan tersebut.

Hak kesamarataan dalam berpoligami sangat dititik beratkan dalam pengamalannya. Suami hendaklah memberi hak yang sama rata di antara kesemua isteri yang dikahwininya. Walaupun kesamarataan ini dituntut oleh Islam dalam berpoligami, namun Zaleha dan Raihanah menyifatkan dalam kajian mereka bahawa masih ada lagi isteri yang dianiaya dalam hidup berpoligami sekaligus tidak mendapat hak yang sama rata antara kesemua isteri.¹⁷⁵ Meskipun Undang-Undang Keluarga Islam berperanan mengawal suami yang berpoligami, namun pengabaian isteri masih lagi berlaku seakan-akan tiada jalan penyudahnya.

¹⁷⁴ Taslima Monsoor and Raihanah Abdullah, *Gender Equity: Islamic Family Law and Women, A Research From Malaysia and Bangladesh* (Dhaka: British Council, 2009), 37.

¹⁷⁵ Zaleha Kamaruddin and Raihanah Abdullah, “Protecting Muslim Women Against Abuse of Polygamy in Malaysia: Legal Perspective,” 191.

Wanita yang telah bercerai turut mendapat peluang yang sama rata untuk mendapatkan hak penjagaan anak. Malahan ibu merupakan penjaga yang terbaik dalam Undang-Undang Keluarga Islam selagi mana ibu berkelakuan baik dan mampu menjaga kebajikan anaknya walaupun ibu tersebut bergelar wanita mualaf.¹⁷⁶ Hak yang sama turut diperolehi oleh wanita dalam perceraian secara khuluk yang mana wanita diberi peluang untuk menuntut cerai dengan membayar sejumlah wang kepada suaminya untuk membolehkan perceraian itu dilaksanakan.¹⁷⁷ Di samping suami memiliki kuasa talak, isteri juga memiliki kuasa khuluk. Begitulah indahnya Perundangan Keluarga Islam yang menjaga hak kesamarataan antara lelaki dan wanita yang masing-masing berhak ke atas diri masing-masing.

2.4 HAK-HAK WANITA ISLAM MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Perhatian serius tentang hak-hak wanita yang ditunjukkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada era 70an menyebabkan banyak penulisan Barat dan Islam berfokuskan kepada persoalan wanita. Hak-hak wanita yang diterjemahkan melalui penulisan menambah semangat para wanita dalam menuntut hak-hak mereka. Konsep kesetaraan gender dijadikan tema perjuangan dan reformasi dalam gerakan pembebasan wanita. Seperti Wanita Barat, Wanita Islam juga turut tidak ketinggalan dalam memperjuangkan pemeliharaan terhadap hak asasi mereka.

Persepsi Wanita Islam dalam perjuangan meraih kesetaraan gender ini perlu diberi satu fenomena baru di mana perjuangan hak-hak wanita dalam Islam adalah satu perjuangan yang menuntut agar pemeliharaan dan pemberian semula hak yang sepatutnya dimiliki oleh mereka seperti yang dirakamkan dalam al-Quran dan Sunnah.

¹⁷⁶ Sharifah Nooraida Binti Wan Hasan, "Hak-Hak Wanita Mualaf Dalam Penjagaan Anak (Hadanah) Menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001," 154.

¹⁷⁷ Mohammad Hashim Kamali, *Freedom, Equality And Justice In Islam* (Selangor: Ilmiah Publishers, 2002), 75.

Perjuangan yang berteraskan keadilan dalam Islam ini bukanlah perjuangan untuk melebihi darjat wanita dari lelaki ataupun menyamaratakan darjat wanita dan lelaki.¹⁷⁸

Dalam Islam, keadilan bagi para wanita juga turut dirasai oleh wanita mualaf.¹⁷⁹ Mereka juga turut mendapat hak-hak yang sama seperti wanita yang dilahirkan Islam dalam hak hadanah selagi mana mereka masih beragama Islam dan menjaga kebajikan anak.¹⁸⁰ Tiada beza bagi wanita mualaf untuk mendapatkan hak-hak dalam hadanah menurut *fuqahā'* dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia.¹⁸¹ Kemurnian Islam dalam memelihara hak-hak wanita termasuk golongan saudara baru terbukti dan merangkumi seluruh aspek kehidupan wanita.

Baterah dan Che Zarina¹⁸² mendapati bahawa keganasan rumah tangga merupakan antara faktor yang mendorong kepada wujudnya gerakan pembebasan wanita Islam. Penderaan dan penganiayaan terhadap wanita Islam perlu dibendung dengan langkah yang bijak. Menurut keduanya, wanita diberikan Allah kebebasan dalam hidupnya yang perlu dipelihara oleh semua pihak. Konsep kebebasan wanita dalam Islam merangkumi kebebasan berfikir, kebebasan berakidah, kebebasan berilmu, kebebasan wanita berkerjaya, kebebasan berpolitik dan termasuk hak-hak wanita Islam dalam perkahwinan dan kekeluargaan.¹⁸³

Hak-hak wanita Islam menurut perspektif Islam dalam bab ini dapat dikategorikan kepada empat bahagian seperti dalam rajah 2.4 di bawah:

¹⁷⁸ Mohd Anuar, "Analisis Gender Dalam Karya Fiqh Klasik Ulama Melayu", 142.

¹⁷⁹ Mualaf berasal dari perkataan Arab yang bermaksud orang yang baru memeluk Islam.

¹⁸⁰ Sharifah Nooraida Binti Wan Hasan, "Hak-Hak Wanita Mualaf Dalam Penjagaan Anak (Hadanah) Menurut Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak)", 56.

¹⁸¹ *Ibid.*, 164

¹⁸² Baterah dan Che Zarinna, *Islam dan Emansipasi Wanita*, 67.

¹⁸³ *Ibid.*, 116.

Rajah 2.4. Hak-Hak Wanita Islam Menurut Perspektif Islam



Sumber: Penulis

2.4.1 Wanita Dan Al-Quran

Berbuat baik terhadap para wanita merupakan satu kewajipan yang dianjurkan dalam Islam sebagaimana firman Allah s.w.t dalam ayat 19 surah al-Nisa':¹⁸⁴

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرْهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذْهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَجَعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Al-Nisa' 4:19

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, tidaklah halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaullah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik.

¹⁸⁴ Al-Qur'ān al-karīm, Surah al-Nisa' ayat 19.

Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka(disebabkan tingkahlakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).¹⁸⁵

Al-Zamakhsharī dalam tafsirannya menjelaskan bahawa perbuatan mengasari wanita adalah sesuatu amalan yang tidak menjaga hak-hak wanita. Pada zaman jahiliah wanita dianggap sebagai harta pusaka yang perlu diwariskan apabila berlaku kematian. Tindakan mewarisi perempuan yang kematian ayah, abang atau saudara lelaki yang bertanggungjawab ke atas mereka hanya kerana harta adalah satu perbuatan yang keji.¹⁸⁶ Wanita juga disakiti oleh suami yang mengahwininya bukan kerana cinta dan kasih sayang dan akan mengurung serta berbuat jahat dengan mengasari mereka. Kedua-dua perbuatan ini merupakan tabiat buruk lelaki pada zaman jahiliah.¹⁸⁷

Ayat ini diturunkan sekaligus menegah perbuatan tersebut serta memperhalusi bahawa wanita perlu dipelihara dengan baik kecuali bagi wanita yang melakukan perkara yang keji seperti berzina, buruk akhlaknya dan derhaka kepada suami. Walaupun demikian, wanita sebegini tidak boleh diperlakukan sesukati hati oleh suami.¹⁸⁸ Sekiranya wanita berkenaan berkelakuan baik dan menjaga rumah tangganya, maka berbuat baiklah terhadap mereka. Kewajipan menjaga hak-hak wanita dalam Islam dinyatakan secara terperinci dalam ayat ini. Allah s.w.t menegaskan bahawa wanita perlu dilindungi dan tidak diperlakukan dengan sewenang-wenangnya. Al-Zamakhsharī¹⁸⁹ dan Hamka¹⁹⁰ bersependapat dalam penafsiran mereka bahawa wanita

¹⁸⁵ Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, 185.

¹⁸⁶ Al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashshāf* °An Ḥaqāiq Ghiwāmiq al-Tanzīl wa °Uyūn al-Aqāwīl fī wajūhi al-Ta'wīl, 480.

¹⁸⁷ Al-Duktūr Muḥammad Sulaymān °Abd Allah al-°Ashqār, *Al-Qurān al-Karīm wa bi al-Hāmish Zubdat al-Tafsīr min Fath al-Qadīr*, cet. ke-2 (Kuwait: Dār al-Mu'īd, 1996), 2: 101.

¹⁸⁸ Al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashshāf* °An Ḥaqāiq Ghiwāmiq al-Tanzīl wa °Uyūn al-Aqāwīl fī wajūhi al-Ta'wīl, 480.

¹⁸⁹ *Ibid.*

¹⁹⁰ Prof Dr. Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka), *Tafsir Al-Azhar* (Jakarta: Pustaka Panjimas, 1987), 4:300.

hanya boleh menerima hukuman sekiranya mengabaikan kewajipan dan mengganggu ketenteraman rumah tangga.

Aspek keadilan juga diingatkan oleh Allah s.w.t sekiranya seorang suami hendak berpoligami. Tuntutan Islam yang sering menjaga hak-hak wanita dan emosi seseorang perempuan merupakan daya tarikan kepada mereka yang bukan beragama Islam untuk memeluk Islam.¹⁹¹ Allah s.w.t berfirman lagi dalam ayat 3 surah al-Nisa':¹⁹²

وَإِنْ يَتَأْتِيهَا خِيفَتُمْ ۖ فَلَا تُفْسِدُوا فِي الْيَتَمَىٰ فَانكِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَتَىٰ
وَتِلْكَ وَرُبَعٌ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ ۖ فَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ ۖ
تَعُولُوا ﴿٤﴾

Al-Nisa' 4:3

Terjemahan: Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.¹⁹³

Meneliti pemahaman ayat di atas, al-^cAshqār¹⁹⁴ menjelaskan bahawa sekiranya seorang suami takut untuk tidak berlaku adil dalam kasih sayang dan giliran bermalam kepada isteri-isteri dalam berpoligami, memadailah bagi mereka untuk berkahwin seorang sahaja. Al-^cAshqār¹⁹⁵ dan al-Zamakhsharī¹⁹⁶ kedua-duanya memperakui pendapat Imām al-Shāfi'ī bahawa memiliki seorang isteri sahaja adalah lebih baik untuk mengelakkan suami dari tidak berlaku adil dalam pemberian nafkah isteri, anak dan perbelanjaan rumah tangga berdasarkan kemampuan masing-masing.

¹⁹¹ Roald, "The Conversion Process in Stages: New Muslims in The Twenty-First Century," 357.

¹⁹² Al-Qur'ān al-karīm, Surah al-Nisa' ayat 3.

¹⁹³ Jabatan Perdana Menteri, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an, 179.

¹⁹⁴ Al-^cAshqār, Al-Qurān al-Karīm wa bi al-Hāmish Zubdat al-Tafsīr min Fath al-Qadīr, 97.

¹⁹⁵ Ibid.

¹⁹⁶ Al-Zamakhsharī, Tafsīr al-Kashshāf 'An Ḥaqāiq Ghiwāmiḍ al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī wajūhi al-Ta'wīl, 458.

Al-Zamakhsharī¹⁹⁷ dalam penafsirannya turut menegaskan peringatan Allah s.w.t supaya menjaga hak-hak wanita dalam berpoligami. Memiliki isteri yang ramai tetapi tidak berlaku adil adalah tidak dibenarkan dalam Islam walaupun Islam mengizinkan suami berkahwin tidak melebihi empat orang. Wanita pada sifat dan emosinya dianggap lemah dan diibaratkan seperti anak-anak yatim yang kematian ayah dan ibu yang memerlukan penjagaan yang baik dalam menjaga hak-hak mereka.¹⁹⁸

Pada zaman jahiliah, wanita dan kanak-kanak tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka. Isteri dan anak yang kematian suami dan ayah tidak dibenarkan memiliki harta yang ditinggalkan oleh ayah mereka.¹⁹⁹ Islam menggantikan adat nenek moyang pada zaman jahiliah yang tidak mengiktiraf para wanita dalam sistem pewarisan harta dengan perundangan Islam yang memberikan hak pewarisan harta (faraid) yang adil kepada para wanita. Melalui perundangan ini, secara asasnya wanita Islam diberi peluang untuk mewarisi satu bahagian berbanding dua bahagian bagi lelaki dalam pewarisan harta pusaka. Undang-undang pewarisan harta pusaka telah termaktub dengan terperinci dalam firman Allah s.w.t menerusi ayat 12 surah al-Nisa'.²⁰⁰

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّهُنَّ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ
فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوَصِّينَ بِهَِا أَوْ دِينَ وَلَهُنَّ
الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِن لَّمْ يَكُن لَّكُمْ وَلَدٌ فَإِن كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ
مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ تُوصُونَ بِهَِا أَوْ دِينَ ۚ وَإِن كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ
كَلَّةً أَوْ امْرَأَةٌ وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ ۚ فَإِن كَانُوا
أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الثُّلُثِ ۚ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دِينَ غَيْرِ
مُضَارٍّ وَصِيَّةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

Al-Nisa' 4:12

¹⁹⁷ Ibid., 457.

¹⁹⁸ Abī al-Hasan ʿAlī Bin Aḥmad al-Wāḥidī al-Nisāburī, *Asbāb al-Nuzūl, Taʾwīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1994), 80.

¹⁹⁹ Ibid.

²⁰⁰ *Al-Qurʾān al-karīm, Surah al-Nisa'* ayat 12.

Terjemahan: Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu peroleh seperempat dari harta yang ditinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka (isteri-isteri) pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka (isteri-isteri kamu) ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan, dan sesudah dibayarkan hutang kamu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan nada meninggalkan saudara lelaki (seibu) atau saudara perempuan (seibu), maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya seperenam. Kalau pula mereka (saudara-saudara yang seibu itu) lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan), sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh si mati. Dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiat-wasiat yang tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat (kepada waris-warisan). (Tiap-tiap satu hukum itu adalah ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui dan Maha Penyabar.²⁰¹

Betapa indahnya Islam dalam menyusun aturan undang-undang yang lengkap dalam menjaga hak-hak Wanita Islam. Terdapat banyak ayat-ayat dalam Al-Quran yang menasihati kaum lelaki agar berbuat baik terhadap para wanita tidak kira masa, keadaan dan tempat.²⁰² Undang-undang yang termaktub dalam Al-Quran ini sewajarnya dipatuhi agar wanita yang dimartabatkan sebagai anak, pelajar, ibu dan pemimpin masyarakat terpelihara berlandaskan syariat. Peranan Islam dan Al-Quran dalam memelihara wanita merupakan antara penyebab ramainya wanita Barat memeluk Islam pada abad ke-21.²⁰³

²⁰¹ Jabatan Perdana Menteri, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, 182.

²⁰² Anwar Hekmat, *Women and The Koran, The Status of Women in Islam* (New York: Prometheus Books, 1997), 221.

²⁰³ Roald, "The Conversion Process in Stages: New Muslims in The Twenty-First Century," 357 ; Kristiane Backer (Bekas Wartawan, Penyampai TV German dan Penulis buku ' From MTV Mecca, How Islam Inspired My Life' yang memeluk Islam pada 1995), dalam temubual dengan penulis pada 6 Januari 2014.

2.4.2 Wanita Dan Hadis

Amalan berkelakuan baik terhadap para wanita sering ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w sepanjang hayat baginda. Anjuran berbuat baik kepada wanita ini dinyatakan dalam banyak hadis daripada Rasulullah s.a.w. Daripada °Amrū Bin Aḥwaṣ r.a berkata: Rasulullah s.a.w bersabda:

أَلَا اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّمَا هُنَّ عَوَانٌ عِنْدَكُمْ، لَيْسَ تَمْلِكُونَ مِنْهُنَّ شَيْئًا غَيْرَ ذَلِكَ، إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُّبِينَةٍ. فَإِنْ فَعَلْنَ فَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ، وَاضْرِبُوهُنَّ ضَرْبًا غَيْرَ مُبْرِحٍ، فَإِنْ أَطَعَكُمْ، فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا. أَلَا إِنَّ لَكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ حَقًّا، وَلِنِسَائِكُمْ عَلَيْكُمْ حَقًّا. فَأَمَّا حَقُّكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ فَلَا يُوطِئَنَّ فُرْشَكُمْ مَنْ تَكْرَهُونَ وَلَا يَأْذَنَنَّ فِي بُيُوتِكُمْ لِمَنْ تَكْرَهُونَ، أَلَا وَحَقُّهُنَّ عَلَيْكُمْ أَنْ تُحْسِنُوا إِلَيْهِنَّ فِي كِسْوَتِهِنَّ وَطَعَامِهِنَّ.

Terjemahan: Ketahuilah, berwasiatlah kamu dengan kebaikan kepada kaum wanita, kerana mereka umpama tawanan kamu. Kamu tidak menguasai sedikit pun selain itu, kecuali bila mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Bila mereka melakukan hal tersebut, tinggalkanlah mereka di tempat tidur mereka dan pukullah dengan pukulan yang tidak menyakitkan, Namun bila mereka mentaati kamu, maka tiada jalan untuk kamu menyusahkan mereka. Ketahuilah, kamu mempunyai hak ke atas mereka, dan mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Hak kamu ke atas mereka adalah mereka tidak boleh membiarkan orang yang kamu benci berada di tempat tidurmu dan tidak mengizinkan orang yang dibenci masuk ke rumah kamu. Adapun hak mereka terhadap kamu adalah berbuat baik kepada mereka dalam memberi pakaian dan makanan.²⁰⁴

Al-Mubārakfūrī²⁰⁵ menjelaskan bahawa suami hendaklah melayan isteri yang taat kepadanya dengan sebaik mungkin. Bagi isteri yang *nushūz* dan berkelakuan tidak

²⁰⁴ Hadis riwayat al-Tarmizī, Kitāb al-Riḍā°, Bab Mā Jā'a fī Ḥaqq al-Mar'ah °Alā Zaujihā, no. hadis 1173. Al-Tarmizī mengatakan bahawa hadis ini adalah *ḥadīth ḥasan ṣaḥīḥ*. Lihat Muḥammad Bin °Isā al-Sulamī al-Tarmizī, "Jāmi' al-Tarmizī" dalam *Tuhfat al-Aḥwazī bi Syarḥ Jāmi' al-Tarmizī*, Imām al-Hāfiẓ Abī al-°Ulā Muḥammad Abd al-Raḥmān Ibn °Abd al-Rahīm al-Mubārakfūrī (Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah, 1353H), j.4:273.

²⁰⁵ *Ibid.*, 274.

baik, mereka boleh diasingkan dari tempat tidur dan dipukul dengan pukulan yang tidak menyakitkan sebagai peringatan kepada isteri tersebut. Dalam memberi pengajaran kepada para wanita, kekerasan dan kekasaran tidak dianjurkan dalam Islam. Ternyata, penindasan serta kekasaran terhadap wanita yang dilakukan oleh sesetengah daripada suami pada masa kini, merupakan satu kesalahan dan larangan dalam Islam. Suami juga diingatkan agar memberi kemudahan pakaian dan makanan kepada wanita kerana ianya adalah sebahagian daripada hak-hak wanita dalam perkahwinan. Bagi menjamin sebuah ikatan perkahwinan yang didasari dengan iman dan ihsan, suami haruslah memelihara kebajikan isteri seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w.

Rasulullah s.a.w meneruskan peringatan dalam berbuat baik kepada wanita menerusi hadis daripada Abū Hurairah r.a. Rasulullah s.a.w bersabda:

وَأَسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا فَإِنَّهُنَّ خُلِقْنَ مِنْ ضِلَعٍ ، وَإِنْ أَعْوَجَ شَيْءٌ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ ،

فَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسْرَتَهُ ، وَإِنْ تَرَكَتُهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا .

Terjemahan: Jagalah kaum wanita dengan baik, sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk, dan sesungguhnya yang paling bengkok dari tulang rusuk itu adalah yang teratas, maka jikalau engkau berusaha meluruskannya dengan paksa maka engkau akan mematahkannya, dan jika engkau biarkannya, ia akan tetap bengkok, maka jagalah kaum wanita dengan baik.²⁰⁶

Al-^cAsqalānī²⁰⁷ turut memberi penekanan agar berbuat baik kepada wanita secara berterusan. Ini adalah kerana fitrah kejadian wanita memerlukan bimbingan. Sekiranya wanita tidak dibimbing dan hanya dibiarkan begitu sahaja, maka mereka akan terus berada dalam kesesatan. Penciptaan wanita diibaratkan tulang rusuk, yang mana akan patah sekiranya dibengkok dengan paksaan. Maka bimbingan yang diberikan kepada wanita hendaklah dalam bentuk lemah lembut dan penuh dengan kasih sayang kerana wanita memiliki sifat semulajadinya yang lemah.

²⁰⁶ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Nikāh, Bāb al-Wasāt bi al-Nisā', no. Hadis 5186. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, "Ṣaḥīḥ al-Bukhārī" dalam *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ibn Ḥajr al-^cAsqalānī (Beirut: Dār Kutub al-^cIlmiyyah, 1989), j.9:314.

²⁰⁷ *Ibid.*, 316.

Selain itu, hak-hak wanita dalam amalan bersedekah turut dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ʿAbbās r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ خَرَجَ وَمَعَهُ بِلَالٌ فَظَنَّ أَنَّهُ لَمْ يَسْمَعْ ، فَوَعظَهُنَّ وَأَمَرَهُنَّ بِالصَّدَقَةِ
فَجَعَلَتِ الْمَرْأَةُ تُلْقِي الْقُرْطَ وَالْحَاتَمَ ، وَبِلَالٌ يَأْخُذُ فِي طَرَفِ ثَوْبِهِ.

Terjemahan: Rasulullah s.a.w keluar bersama Bilal dan dia mengira bahawa mereka tidak mendengar, maka Nabi memberi pelajaran kepada wanita dan memerintahkan untuk bersedekah, maka seorang wanita memberikan anting-anting dan cincin emasnya, dan Bilal memasukkannya ke saku bajunya.²⁰⁸

Al-ʿAsqalānī²⁰⁹ menjelaskan melalui maksud hadis tersebut bahawa wanita diberi hak dalam bersedekah dengan harta yang mereka miliki tanpa perlu meminta izin daripada suami untuk berbuat demikian. Islam memberikan hak yang sama rata untuk lelaki dan wanita dalam bersedekah kerana sedekah itu merupakan penghapus dosa-dosa seseorang hamba Allah. Wanita dianjurkan untuk bersedekah demi memperbanyakkan amal ibadah yang dilakukan. Dakwaan sesetengah pihak bahawa wanita tidak mempunyai hak untuk membelanjakan hartanya kecuali dengan izin suami adalah dakwaan yang kurang tepat. Setiap hamba Allah di muka bumi ini layak berbuat baik selagi tidak bercanggah dengan hukum Syarak.

Jelaslah bahawa, wanita turut mendapat tempat yang tinggi di sisi Rasulullah s.a.w. Rasulullah menuntut agar para wanita diberi pendidikan, dibimbing, dipelihara dan jangan dibiarkan begitu sahaja. Di samping itu, kaum wanita juga diberi peluang yang sama rata untuk merebut pahala di sisi Allah s.w.t seperti kaum lelaki.

²⁰⁸ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-ʿIlm, Bāb ʿIzzah al-Imām al-Nisāʾ wa Taʿlīmihinna, no. hadis 98. Lihat Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ibn Ḥajr al-ʿAsqalānī, j.1:256.

²⁰⁹ *Ibid.*, 257.

2.4.3 Wanita Dan Pandangan Ulama *Fiqh*

Keunggulan wanita dalam Islam banyak dibahasakan dalam karya sarjana Islam. Perbincangan yang mendalam berkaitan hak-hak wanita dalam penulisan menggambarkan betapa Islam memelihara kedudukan dan hak-hak wanita. Kedatangan Islam membawa sinar kepada para wanita dan sekaligus menghilangkan era kegelapan pada Zaman Jahiliah.²¹⁰ Kekejaman layanan terhadap wanita pada Zaman Jahiliah amat dibenci oleh Islam. Justeru, agama Islam membawa sinar baru dalam memastikan layanan yang baik diberikan pada wanita oleh pelbagai pihak dalam masyarakat Islam.

Dalam Islam, wanita dipelihara haknya sebagai anak, isteri dan ibu. Al-Muṭahharī,²¹¹ ʿUqlah²¹² dan al-Qarḍāwī²¹³ masing-masing menerangkan bahawa perempuan mempunyai hak untuk menerima atau menolak lelaki yang meminang mereka. Dalam Islam, lelaki berhak memilih wanita dalam peminangan, namun wanita diberi penghormatan terakhir untuk membuat keputusan. Lelaki yang memiliki ilmu agama dan akhlak yang baik hendaklah diterima pinangannya. Islam ternyata memberi hak memilih bagi para wanita agar dapat hidup aman damai dalam era perkahwinan bersama pasangan yang dipilih olehnya.

Pemberian mahar dalam Islam juga merupakan satu tanda penghormatan yang diberikan kepada wanita. Mahar yang diberikan tidak boleh dibelanjakan oleh suami tanpa keizinan isteri.²¹⁴ Pensyariatan mahar dalam Islam menunjukkan betapa Islam menghargai para wanita. Lelaki tidak boleh mengahwini wanita yang mereka inginkan tanpa diberikan mahr sebagai tanda persetujuan isteri untuk menerima suami dalam

²¹⁰ Dr. Amīn al-Manāsiyyah, *Al-Thaqāfah al-Islāmiyyah al-Aṣīlah wa Mustajiddāt al-Aṣr* (Amman: al-Akādīmiyyun li al-Nashr wa al-Tauzīʿ, 2006), 253.

²¹¹ Murtaḍā al-Mutahharī, *Nizām Huqūq al-Mar'ah fi al-Islām*, terj. Abū Zahra' al-Najāfī (Iran: al-Lujnah al-ʿUlyā, 1394), 63.

²¹² Dr. Muḥammad ʿUqlah, *Nizām al-Uṣrāh fi al-Islām* (Amman: Maktabah al-Risālah, 1989), 1:170.

²¹³ Yusuf al-Qarḍāwī, *Qadāyā al-Islāmiyyah Muʿāṣarah* (Amman Maktabah al-ʿAbdalī al-Tijārī, 1987), 69.

²¹⁴ Al-Mutahharī, *Nizām Huqūq al-Mar'ah fi al-Islām*, 177.

hidup mereka. Al-Manāsiyyah menegaskan lagi bahawa Mahar dianggap sebagai tanda terima kasih dan sayang suami atas kesudian isteri untuk menerimanya dalam hidup mereka.²¹⁵

Semasa perkahwinan pula, sekiranya terdapat permasalahan dalam rumah tangga yang tiada jalan penyelesaiannya selain berpisah, maka Islam turut memberikan hak kepada wanita untuk menuntut khuluk iaitu membayar sejumlah bayaran kepada suami untuk melepaskan dirinya dari ikatan perkahwinan. Wanita diberikan hak dalam khuluk dan begitu juga suami yang diberikan hak dalam talak.²¹⁶ Khuluk merupakan penghormatan kepada kaum wanita kerana mereka mempunyai hak untuk bertindak mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak.

Al-[°]Ashqar²¹⁷ memperjelaskan perbincangan tentang perihal hak-hak wanita yang terdapat dalam sistem undang-undang perkahwinan di Jordan yang dikenali sebagai '*Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah al-Urdunī*'. Dalam penulisannya, Al-[°]Ashqar membincangkan secara khusus berkaitan pendaftaran perkahwinan secara rasmi dan perkahwinan *al-[°]Urfī*.²¹⁸ Pada pandangannya, pendaftaran perkahwinan dianggap penting bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan kepada pasangan suami isteri khususnya para wanita kerana apabila berlaku kematian suami, maka isteri akan kehilangan hak pewarisan harta pusaka dan nafkah.²¹⁹

Al-Nasāī²²⁰ turut menyumbang kepada pengkayaan berkaitan amalan berbuat baik terhadap wanita melalui pengumpulan hadis baginda s.a.w. Sebanyak 403 potongan hadis dihimpunkan dalam penulisannya berkaitan berbuat baik terhadap wanita. Begitu indahny Islam dalam menyusun atur hak-hak suami dan isteri dalam rumah tangga.

²¹⁵ Al-Manāsiyyah, *Al-Thaqāfah al-Islāmiyyah al-Aṣīlah wa Mustajiddāt al-Aṣr*, 255.

²¹⁶ *Ibid.*, 257.

²¹⁷ Dr. [°]Amar Sulaymān [°]Abd Allah Al-[°]Ashqar, *Al-Wāḍiḥ fī al-Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah al-Urdunī* (Amman: Dār Nafā'is, 1997), 95.

²¹⁸ Perkahwinan *al-[°]Urfī* adalah perkahwinan yang tidak didaftarkan di mahkamah dan tiada dokumen pengesahan tentang perkahwinan. Perkahwinan ini hanya disahkan dari sudut syarak sahaja.

²¹⁹ Al-[°]Ashqar, *Al-Wāḍiḥ fī al-Qānūn al-Aḥwāl al-Syakhsīyyah al-Urdunī*, 96.

²²⁰ Abī [°]Abd al-Rahmān Aḥmad Bin Shu'ayb Al-Nasāī, *Ṭisharah al-Nisā'* (Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, 1989), 227.

Pasangan suami isteri diberikan hak masing-masing untuk mengemudi rumah tangga dengan syariat yang ditetapkan oleh Islam.

Zaidān²²¹ menerusi penulisannya mengkategorikan hak-hak wanita yang tinggal di negara Islam terbahagi kepada tiga kategori iaitu hak-hak wanita secara umum, khusus dan hak dalam berpolitik. Hak secara umum meliputi kebebasan dalam aspek sendiri, tempat tinggal, berfikir, belajar dan bermasyarakat.²²² Hak secara khusus pula meliputi perbincangan berkaitan hak pewarisan harta pusaka dan kekeluargaan termasuk hak isteri dalam perkahwinan.²²³ Manakala hak berpolitik pula membincangkan hak wanita dalam mengundi dan menjawat jawatan tertentu dalam pentadbiran sesebuah negara.²²⁴

2.4.4 Wanita Dan Penulisan Pemikir Islam Kontemporari

Menurut Barlow dan Akbarzadeh,²²⁵ kesedaran wanita Sudan dalam memperjuangkan hak-hak mereka telah bangkit dengan kewujudan CEDAW. Artikel yang berfokuskan kepada penulisan Fatima Mernissi seorang feminist Maghribi yang menulis karyanya melaungkan kebebasan wanita melalui penulisannya *Beyond The Veil* 1975, *The Veil* 1991 dan *Male Elite* 1991. Mernissi menegaskan dalam penulisannya bahawa Al-Quran dan perundangan Islam adalah petunjuk yang paling utama dalam mempertahankan hak-hak wanita Islam. Perjuangan wanita yang berpandukan Al-Quran akan membawa kepada perubahan dan kejayaan yang besar. Penceritaan Mernissi²²⁶ dalam penulisannya benar-benar memberi kesan yang mendalam kepada semangat dan perjuangan wanita di Sudan.

²²¹ Dr. Abd al-Karīm Zaidān, *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994), 4:82.

²²² *Ibid.*, 190.

²²³ *Ibid.*, 289.

²²⁴ *Ibid.*, 300.

²²⁵ Barlow and Akbarzadeh, "Women's Rights in the Muslim World: Reform or Reconstruction?", 1483.

²²⁶ *Ibid.*

Al-Hibri²²⁷ yang banyak menulis artikel berkaitan perjuangan wanita mendapati bahawa idealisme ini harus selari dengan pelaksanaan undang-undang agar lebih berkesan. Penerbitan Hypatia dalam ‘Women Studies International Forum’ yang menghimpunkan artikel-artikel berkaitan perjuangan wanita termasuk memperkasakan hak-hak wanita telah berjaya diterbitkan buat julung kalinya dengan usaha gigih al-Hibri dan rakan-rakannya.²²⁸ Kepayahan yang dilalui oleh beliau dalam mengumpul karya berkaitan perjuangan dan kebangkitan wanita ternyata membuahkan hasil. Melalui jurnal ini, kupasan berkaitan hak-hak wanita Islam dibincangkan dengan teliti.

Al-Hibri²²⁹ berkongsi perjuangan dalam idea pembaharuan undang-undang keluarga bersama rakan guamannya semasa mengajar di Sekolah Perundangan pada tahun 1993, sekaligus kesedaran tersebut dipupuk dalam kalangan pemimpin wanita pada ketika itu. Pemikirannya berkaitan hak-hak wanita pada ketika itu diterjemahkan melalui sistem pendidikan, perundangan dan penulisan.

Menerusi pendekatan lain, Raihanah²³⁰ mengutarakan permasalahan wanita melalui bukunya yang menghimpunkan sepuluh artikel berkaitan permasalahan wanita dan perundangan Islam. Beliau mendapati terdapat beberapa usaha yang ditunjukkan oleh pengkaji di Malaysia yang berminat dalam membahaskan isu wanita dalam perundangan Islam. Kupasan demi kupasan tentang wanita dalam keterlewatan kes di Mahkamah Syariah, hak penjagaan anak dan hak berkontrak turut diutarakan dalam buku tersebut.

Zainab²³¹ dalam kajiannya mendapati bahawa terdapat perkembangan dalam kajian berkaitan wanita di Malaysia terutama di antara tahun 1990 hingga 2004 dengan purata sebanyak 258 tajuk setahun jika dibandingkan di antara tahun 1970 hingga 1989

²²⁷ Al-Hibri, “Remembering Hypatia’s Birth: It Took a Village,” 401.

²²⁸ *Ibid.*, 402.

²²⁹ *Ibid.*

²³⁰ Raihanah, “Pendahuluan,” dalam *Wanita dan Perundangan Islam*.

²³¹ A. N. Zainab, “Growth and Pattern of Women’s Studies in Malaysia as Reflected by Generated Literature,” *Library and Information Science Research Electronic Journal* 18, no. 2 (2008), 1.

yang hanya mencatat jumlah purata sebanyak 36 tajuk. Jenis-jenis penerbitan yang dihasilkan adalah dalam bentuk laporan ijazah akademik penyelidikan, disertasi, tesis kedoktoran, jurnal, buku, laman web dan kertas kerja persidangan. Zainab membahagikan tajuk penulisan yang terhasil berkaitan wanita di antara tahun 1970 hingga 2004 kepada 14 kategori termasuk satu kategori yang memfokuskan perihal ‘Feminisme dan hak-hak wanita’ sebanyak 92 tajuk.²³²

2.5 PENGALAMAN PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM

Perkongsian pengalaman beberapa buah Negara Islam di peringkat antarabangsa menambah semangat para wanita untuk menceburkan diri dalam memperjuangkan hak-hak wanita Islam. Perjuangan yang berkonsepkan pendidikan sebagai pengemudi dan penjana idea masyarakat dalam memelihara hak-hak wanita, dianggap sebagai satu wasilah yang sangat berkesan.

Keberkesanan dalam sesebuah pedagogi bergantung kepada tenaga pengajar sebagai penggerak bagi kurikulum yang digubal. Beberapa model juga turut diketengahkan di persada antarabangsa dalam memastikan pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita dalam pendidikan hak-hak asasi manusia dilaksanakan dengan berkesan.

²³² *Ibid.*, 7.

2.5.1 Model Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam

Terdapat beberapa penulisan di peringkat antarabangsa yang menetengahkan model pengajaran bagi pendidikan hak-hak wanita Islam. Shukriyyah²³³ dan Tibbits²³⁴ menegaskan bahawa pendidikan yang berkonsepkan model merupakan satu komponen penting dalam dunia pendidikan. Republik Syria²³⁵ perlu menyediakan model konseptual pengajian hak asasi manusia dalam semua peringkat pengajian bermula dari pra sekolah hingga ke peringkat ijazah. Model amat diperlukan sebagai rujukan para guru pakar dalam melaksanakan pengajian.

Korpus ‘Gerakan Hak Asasi Manusia’ berkait rapat dengan hak-hak wanita dalam Islam. Muedini²³⁶ memberi kefahaman tentang hak-hak asasi kepada pelajar dengan memberi penekanan terhadap elemen hak-hak wanita dalam Islam. Islam mengajar untuk memelihara dan memperbaiki hak-hak yang seharusnya diterima oleh setiap individu. Ajaran yang terdapat dalam Islam berperanan dalam memperkenalkan hak asasi manusia kepada masyarakat.

Terdapat tiga model Pendidikan Hak Asasi Manusia yang diketengahkan oleh Tibbits²³⁷ berdasarkan pengalamannya. Model tersebut adalah Model Nilai dan Kesedaran, Model Akauntabiliti dan Model Transformasi. Model-model ini turut dijadikan panduan dalam melaksanakan pendidikan berkaitan hak-hak wanita kerana pengajian hak asasi manusia merupakan cabang utama pendidikan hak-hak wanita.

Gharavi²³⁸ dan Kassam²³⁹ menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan utama dalam menjayakan pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita. Sorotan

²³³ Shukriyyah, “Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn,” 345.

²³⁴ Tibbits, “Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education,” 163.

²³⁵ Shukriyyah, “Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn,” 345.

²³⁶ Muedini, “Teaching “Islam and Human Rights” in the Classroom,” 105.

²³⁷ Tibbits, “Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education,” 163.

²³⁸ Gharavi, “What Is Women’s Studies in Islam?,” 1791.

literatur dalam al-Quran, hadis dan sirah nabi dijadikan sandaran dalam mendedahkan hak-hak wanita kepada para pelajar.²⁴⁰ Modul juga merupakan bahan bantu yang sangat berkesan dalam memastikan objektif dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran tercapai.²⁴¹ Modul merupakan bahan pengajaran tambahan yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk mendapatkan maklumat dan memindahkan maklumat tersebut dengan mudah kepada para pelajar.²⁴²

Pendidikan hak-hak wanita di sisi Rasulullah s.a.w adalah model yang terbaik untuk diikuti kerana wanita dipandang mulia dan terjaga kedudukannya melalui peraturan yang terkandung di dalam al-Quran sebagai landasan. Pengajaran Rasulullah s.a.w mementingkan peribadi guru, sukatan pelajaran, tempat mengajar, kemahiran dan kaedah pengajaran guru untuk mengimplementasikan sesebuah kurikulum agar berkesan.²⁴³ Gharavi²⁴⁴ menegaskan lagi bahawa, ‘pendidikan’ berkaitan pengajian wanita Islam sebagai satu keperluan dalam mendepani serangan budaya serta isu berkaitan hak-hak wanita.

Di Tehran, pengajian berkaitan hak-hak wanita di peringkat siswazah mengetengahkan al-Quran dan hadis sebagai model utama dalam mendidik wanita. Gharavi²⁴⁵ menjelaskan bahawa penelitian undang-undang yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis merupakan keperluan dalam merancang pendidikan berkaitan wanita. Pendidikan berkaitan pengajian wanita Islam hendaklah selari berdasarkan hujah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Ianya mampu mendekatkan wanita dengan intipati yang terdapat di dalam al-Quran sebagai panduan hidup masyarakat.

²³⁹ Kassam, “Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam”.

²⁴⁰ *Ibid.*

²⁴¹ *Ibid.*

²⁴² South East Asia Programme Cambodia UNIFEM, "Foreword," *Training Manual for Trainers The Essentials To Understanding Cedaw, How It Applies In Cambodian Context?* (Cambodia: UNIFEM, t.t.), iv.

²⁴³ Rujuk rajah 2.2.

²⁴⁴ Gharavi, “Islamic Women Studies Is Important And Necessary,” 1239.

²⁴⁵ Gharavi, “What Is Women’s Studies in Islam?,” 1791.

Sebagai sebuah negara yang telah lama berdepan dengan kemelut pencabulan hak-hak asasi manusia, Abu al-Rub²⁴⁶ dan I^cmār²⁴⁷ mendapati bahawa pendedahan elemen hak asasi manusia telah diterapkan dalam era pendidikan di Palestin. Abu al-Rub mendapati bahawa hak-hak asasi manusia diajar telah dalam kurikulum pendidikan sivik. Menurutnya, sikap serta peranan guru, buku teks dan iklim pembelajaran adalah tunggak utama dalam memastikan pengajian hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin tercapai.

I^cmār²⁴⁸ dalam kajiannya turut membuat penelitian terhadap pendapat 152 orang guru yang mengajar di Daerah Nablus, Palestin tentang pendedahan hak asasi manusia dalam kalangan pelajar dari sudut pengetahuan, moral dan kemahiran. Sebagai sebuah negara yang berdepan dengan pencabulan hak asasi manusia yang turut menyaksikan wanita menjadi mangsa kezaliman, I^cmār mendapati bahawa buku teks amat diperlukan dalam pengajaran untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berkesan dan meresap ke dalam jiwa pelajar, di samping kerjasama yang erat antara para guru, pentadbir sekolah dan pertubuhan hak asasi manusia. Kerajaan juga diseru agar memperbanyakkan graduan lulusan hak asasi manusia di universiti dalam peringkat ijazah sarjana supaya dalam berkhidmat dalam masyarakat di Palestin.²⁴⁹

Pelbagai model dan teori telah dibangunkan dalam pendidikan hak-hak wanita sama ada menerusi kurikulum tersebut dengan sendirinya, mahupun diterapkan melalui pengajaran pendidikan hak-hak wanita dalam pendidikan hak asasi manusia di sekolah mahupun di peringkat universiti. Model dan teori yang terbina ini menjadi kayu ukur dalam menjalankan kajian ini dengan lebih mendalam melalui konteks pengajaran di Institut Pendidikan Guru.

²⁴⁶ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.


²⁴⁷ I^cmār, "Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falasṭīn Min Wajhah Naẓr al-Mu^callimīn," 127.

²⁴⁸ *Ibid.*, 182.

²⁴⁹ *Ibid.*, 241.

Model-model yang telah dihasilkan oleh para pengkaji yang terdahulu dalam pendidikan hak-hak wanita Islam dapat dikategorikan kepada dua tema yaitu pengajaran hak-hak wanita berdasarkan model pendidikan hak-hak wanita model pendidikan hak asasi manusia. Pengajaran hak-hak wanita melalui pendidikan hak asasi manusia juga merupakan salah satu cabang pengajian hak-hak wanita yang sering dilaksanakan. Walaupun terdapat banyak model pengajaran hak-hak wanita Islam ini, namun model Rasulullah s.a.w adalah merupakan model yang terbaik dan seharusnya menjadi panduan utama di samping model-model yang sedia ada. Model-model yang tersebut diringkaskan dalam rajah 2.5 yang berikut:

Rajah 2.5. Model-Model Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam



Sumber: Penulis

2.5.2 Pengajaran Hak-Hak Wanita Islam Menurut Islam

Rasulullah s.a.w sangat mengambil berat tentang pendidikan yang diberikan ke atas wanita Islam. Rasulullah s.a.w turut mengajar wanita untuk bersedekah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ^cAbbās r.a:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ خَرَجَ وَمَعَهُ بِلَالٌ فَظَنَّ أَنَّهُ لَمْ يَسْمَعْ ، فَوَعظَهُنَّ وَأَمَرَهُنَّ بِالصَّدَقَةِ
فَجَعَلَتِ الْمَرْأَةُ تُلْقِي الْقُرْطَ وَالْحَاتَمَ ، وَبِلَالٌ يَأْخُذُ فِي طَرَفِ ثَوْبِهِ.

Terjemahan: Rasulullah s.a.w keluar bersama Bilal dan dia mengira bahawa mereka tidak mendengar, maka Nabi memberi pelajaran kepada wanita dan memerintahkan untuk bersedekah, maka seorang wanita memberikan anting-anting dan cincin emasnya, dan Bilal memasukkannya ke saku bajunya.²⁵⁰

Al-^cAsqalānī²⁵¹ menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w menuntut agar seorang pemimpin mengajar wanita dalam perkara yang berkaitan dengan Syariat Islam. Bukan sahaja suami yang perlu mengajar isterinya, bahkan seorang pemimpin juga perlu mengajar para wanita di bawah jagaan mereka agar hidup berlandaskan Syiar Islam. Dalam hadis di atas, Rasulullah s.a.w telah mengajar para wanita agar bersedekah sebagai penghapus dosa-dosa yang dilakukan. Hal ini adalah kerana Rasulullah s.a.w telah diperlihatkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj bahawa ramai wanita menjadi penghuni neraka disebabkan banyak mengumpat dan derhaka kepada suami. Maka dengan itu, Rasulullah s.a.w mengajar para wanita agar memperbanyakkan bersedekah dengan harta yang dimiliki untuk menghapus dosa yang telah dilakukan. Wanita mempunyai hak untuk bersedekah tanpa izin suami bagi harta yang mereka miliki.²⁵²

²⁵⁰ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-‘Ilm, Bāb ‘Izzah al-Imām al-Nisā’ wa Ta‘līmihinna, no. hadis 98. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Faṭḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ibn Ḥajr al-‘Asqalānī, j.1:256.

²⁵¹ *Ibid.*

²⁵² *Ibid.*

Menurut Zaidān,²⁵³ wanita Islam perlu menguasai dua cabang ilmu iaitu ilmu berkaitan Syariah Islam dan ilmu duniawi. Syariah Islam merangkumi ilmu berkaitan akidah, tafsir, hadis, sirah dan ibadah termasuk ilmu-ilmu yang khusus untuk para wanita seperti hak-hak seorang isteri dalam perkahwinan. Wanita perlu mendalami dan mempelajari ilmu keagamaan sehingga mencapai tahap *al-faqīhah*²⁵⁴ supaya dapat mengajar ilmu yang diperolehi kepada wanita Islam yang lain dan menjadi pendakwah yang mampu membantu dalam menyebarkan Islam. Ilmu duniawi pula merupakan ilmu berkaitan perubatan, bersalin, cara mendidik anak dan ilmu lain yang hanya bersesuaian dengan fitrah wanita.

Anjuran mengajar dan mendidik para wanita sama seperti kaum lelaki turut diperlihatkan dalam sirah Rasulullah s.a.w. Baginda memastikan wanita mendapat hak pendidikan yang sama seperti para lelaki. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abī Saʿīd al-Khudrī r.a:

اجْتَمَعْنَ يَوْمَ كَذَا وَكَذَا، فَاجْتَمَعَنَ. فَاتَاهُنَّ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، فَعَلَّمَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَهُ اللَّهُ، ثُمَّ قَالَ: "مَا مِنْكُنَّ مِنْ امْرَأَةٍ تَقْدِمُ بَيْنَ يَدَيْهَا مَنْ وَلَدَهَا ثَلَاثَةَ إِلَّا كَانُوا لَهَا حِجَابًا مِنَ النَّارِ. فَقَالَتْ امْرَأَةٌ: وَاثْنَيْنِ، وَاثْنَيْنِ، وَاثْنَيْنِ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "وَاثْنَيْنِ وَاثْنَيْنِ وَاثْنَيْنِ.

Terjemahan: Berhimpunlah para wanita pada hari sekian, sekian. Maka mereka pun berkumpul. Lalu Rasulullah s.a.w datang kepada mereka dan mengajarkan kepada mereka apa yang telah diajarkan oleh Allah s.w.t. kepadanya. Setelah itu baginda bersabda: Tidak ada seorang wanita pun di antara kamu yang akan kehilangan tiga orang anaknya, melainkan anaknya itu melindungi ibunya dari api neraka. Seorang perempuan daripada mereka berkata: Wahai Rasulullah, sekiranya dua, dua, dua. Baginda bersabda: Walaupun dua, dua, dua.²⁵⁵

²⁵³ Zaidān, *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, 4:251.

²⁵⁴ Orang yang pakar dan mendalami ilmu fiqh.

²⁵⁵ Hadis riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Faḍl man Yamūt lahu walad fa yaḥtasibuh, no. Hadis 2633. Lihat Muslim bin Hajjāj, "*Saḥīḥ Muslim*," dalam *Sharḥ Saḥīḥ al-Muslim*, al-Imām Maḥyū al-Dīn Abī Zakariyyā Ibn Sarf al-Nawawī, (Beirut: Dār al-Khayr, 1996), j.16:139.

Dalam hadis di atas, Al-Nawawī menukilkan daripada Abī Saʿīd al-Khudrī r.a bahawa seorang wanita telah datang berjumpa Rasulullah s.a.w dan meminta baginda agar mengajar para wanita tentang Islam, sebagaimana yang diajarkan oleh baginda kepada kaum lelaki. Dalam memastikan wanita diberikan hak untuk mendapat pendidikan berkaitan Islam, maka Rasulullah meminta wanita tersebut untuk berkumpul bersama para wanita yang lain pada hari yang ditetapkan untuk proses pengajaran. Pada hari tersebut Rasulullah s.a.w mengajar kepada para wanita dengan mendedahkan kelebihan wanita yang melahirkan anak bahawa, setiap anak yang dilahirkan merupakan perisai serta pelindung bagi seorang ibu dari api neraka.²⁵⁶

Betapa Rasulullah s.a.w mengambil berat perihal pengajaran hak-hak wanita kepada para wanita di zamannya. Dalam sebuah hadis lagi yang diriwayatkan oleh Abū Musā al-Ashʿarī r.a Rasulullah s.a.w. bersabda:

ثَلَاثَةٌ هُمْ أَجْرَانِ: رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنَ بِنَبِيِّهِ وَآمَنَ بِمُحَمَّدٍ ﷺ، وَالْعَبْدُ الْمَمْلُوكُ إِذَا أَدَّى حَقَّ اللَّهِ وَحَقَّ مَوْلَاهُ، وَرَجُلٌ كَانَتْ عِنْدَهُ أَمَةٌ فَأَدَّبَهَا فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا، وَعَلَّمَهَا فَأَحْسَنَ تَعْلِيمَهَا، ثُمَّ أَعْتَقَهَا فَتَزَوَّجَهَا، فَلَهُ أَجْرَانِ.

Terjemahan: Ada tiga orang lelaki yang akan mendapat pahala sebanyak dua kali: seorang dari Ahli Kitab yang beriman kepada Nabinya dan beriman kepada Muhammad s.a.w, dan seorang hamba sahaya yang menunaikan hak Allah dan hak tuannya, dan seorang yang memiliki hamba wanita lalu dia berbuat baik kepadanya, mendidiknya dengan baik, dan mengajarkan kepadanya dengan sebaik-baik pengajaran, kemudian membebaskannya dan memperisterikannya, maka baginya dua pahala.²⁵⁷

Al-ʿAsqalānī²⁵⁸ menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w memberi penegasan bahawa lelaki yang mengajar hamba wanita dan ahli keluarga dengan sebaik-baik pengajaran akan mendapat pahala sebanyak dua kali ganda. Tuntutan dalam

²⁵⁶ *Ibid.*, 140.

²⁵⁷ Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitab al-ʿIlm, Bāb Taʿlīm al-Rajul Amatāh wa Ahlah, no. Hadis 97. Lihat Abū ʿAbd Allāh Muḥammad bin Ismāʿīl al-Bukhārī, “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī” dalam *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ibn Ḥajr al-ʿAsqalānī, j.1:252.

²⁵⁸ *Ibid.*

memberikan pendidikan yang baik sekali lagi ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w dengan memberi gambaran bahawa, sesiapa yang mengajar wanita sekalipun wanita dari golongan hamba, akan mendapat pahala yang berlipat ganda.

Justeru, pengajaran dalam mendidik para wanita berkaitan hak-hak mereka telah diperkenalkan seawal sirah Rasulullah s.a.w. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita sebagai hamba Allah di muka bumi ini untuk membimbing dan memberi didikan terbaik kepada para wanita melalui proses pedagogi yang ternyata amat berkesan dan terbukti pada lipatan sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w. Pendidikan merupakan cara untuk menyampaikan maklumat yang terbaik dengan mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi dan menjamin sesebuah pengajaran itu memberi kesan dalam diri pelajar.

2.5.3 Pengajaran Hak-Hak Wanita Islam Di Persada Antarabangsa Dan Malaysia

Pengalaman pengajaran dan pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam telah dibincangkan oleh beberapa penulis yang berkongsi pengalaman, teori dan kajian mereka dalam usaha menyokong pengajaran hak-hak wanita di persada antarabangsa. Kassam,²⁵⁹ Henry,²⁶⁰ Raihanah,²⁶¹ Shukriyyah,²⁶² I'cmar,²⁶³ Khurshid,²⁶⁴ Gharavi,²⁶⁵ Abu al-Rub²⁶⁶ dan Muedini²⁶⁷ telah berkongsi pendapat dalam penulisan dan kajian berkaitan hak-hak wanita dalam Islam. Penerapan elemen hak-hak wanita diajar melalui subjek-

²⁵⁹ Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

²⁶⁰ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 109.

²⁶¹ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 244.

²⁶² Shukriyyah, "Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn," 345.

²⁶³ I'cmar, "Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falastīn Min Wajhah Naẓr al-Mu'allimīn," 127.

²⁶⁴ Ayesha Khurshid, "Globalization and Women's Rights: Islamic Traditions of Modernity in a Transnational Women's Education Project," 162.

²⁶⁵ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

²⁶⁶ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

²⁶⁷ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 105.

subjek tertentu berdasarkan kesesuaian budaya dan negara masing-masing. Kesemuanya diajar di sekolah, kolej dan di institusi pengajian tinggi di negara masing-masing.

Pengajaran hak-hak wanita Islam tersebut masing-masing diterapkan dalam pedagogi melalui enam subjek yang berikut iaitu Hak-Hak Wanita, Hak Asasi Manusia, Politik Timur Tengah, Islam dan Gender, Wanita dan Isu Gender dalam Islam dan subjek Kemanusiaan merangkumi Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Sains Kemasyarakatan.

2.5.3(a) Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Melalui Mata Pelajaran dan Penyelidikan

Hak-hak wanita turut diketengahkan melalui subjek hak asasi manusia. Henry,²⁶⁸ Shukriyyah²⁶⁹ dan Abu al-Rub²⁷⁰ berkongsi kajian dan pengalaman tentang pengajaran hak-hak wanita dalam hak asasi manusia. Henry²⁷¹ mengendalikan pedagogi di kolejnya berasaskan pemikiran kritikal pelajar terhadap alam sekeliling berkaitan hak-hak wanita. Shukriyyah²⁷² menegaskan pengajian hak asasi manusia di semua peringkat pengajian bermula seawal pra sekolah hingga peringkat ijazah memerlukan model konseptual pengajaran. Abu al-Rub mendapati bahawa pendedahan elemen hak asasi manusia diterapkan dalam kurikulum pendidikan sivik di Palestin di peringkat sekolah.²⁷³

Pendidikan hak-hak wanita di peringkat sekolah juga turut diterapkan melalui subjek kemanusiaan merangkumi kurikulum Bahasa Arab, Pendidikan Islam dan Sains

²⁶⁸ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 109.

²⁶⁹ Shukriyyah, "Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn," 345.

²⁷⁰ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

²⁷¹ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 102.

²⁷² Shukriyyah, "Mafāhīm Huqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Nazari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn," 345.

²⁷³ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 189.

Kemasyarakatan bagi pelajar yang berumur antara 11 hingga 12 tahun.²⁷⁴ Pendedahan secara tidak langsung dilaksanakan oleh para guru dalam memastikan elemen hak asasi manusia diterapkan kepada para pelajar di Palestin. Pelajar perlu mendapat pendedahan berikutan situasi negara mereka yang berdepan dengan kekejaman dan pencabulan hak asasi termasuk pengabaian hak-hak wanita. I^cmār²⁷⁵ mendapati bahawa pengajaran hak asasi manusia berkait rapat dengan hak-hak wanita.

Khurshid²⁷⁶ dan Gharavi²⁷⁷ mengetengahkan pengajaran hak-hak wanita Islam melalui kursus hak-hak wanita. Pendekatan yang sedikit berbeza, di mana pengajaran melalui pengajian yang berfokuskan wanita diketengahkan menerusi mod penyelidikan bagi pelajar universiti.²⁷⁸ Pengajaran yang diajar merangkumi tajuk berkaitan wanita dan al-Quran, hak-hak wanita, psikologi dan sosiologi wanita, fisiologi dan kesihatan wanita dan hak wanita dalam ekonomi serta politik.²⁷⁹ Al-Quran dan hadis merupakan rujukan utama dalam memastikan wanita memahami hak-hak mereka melalui pendekatan pedagogi.²⁸⁰

Pengajaran hak-hak wanita berpandukan al-Quran turut diperkenalkan oleh Kassam melalui kursus wanita dan isu gender dalam Islam. Kassam mengaitkan Islam dalam menjelaskan kepada para pelajar di universitinya tentang hak-hak wanita. Perbezaan di antara wanita di zaman jahiliah dan Islam amat berbeza, sekaligus mampu meyakinkan bahawa hak-hak wanita terpelihara dalam Islam.²⁸¹

Muedini²⁸² yang merupakan seorang tenaga pengajar di Jabatan Sains Politik di Kolej Eckerd berkongsi pengalamannya dalam mengendalikan kursus 'Pengajian Politik

²⁷⁴ I^cmār, "Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falasṭīn Min Wajhah Naẓr al-Mu'allimīn," 127

²⁷⁵ *Ibid.*

²⁷⁶ Ayesha Khurshid, "Globalization and Women's Rights: Islamic Traditions of Modernity in a Transnational Women's Education Project," 162.

²⁷⁷ Gharavi, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary," 1242.

²⁷⁸ *Ibid.*, 1790.

²⁷⁹ *Ibid.*

²⁸⁰ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791

²⁸¹ Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

²⁸² Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 105.

Timur Tengah' yang mengetengahkan tajuk wanita sebagai tajuk kecil dalam kursus tersebut. Tajuk berkaitan hak-hak wanita Islam ini diajar selama satu hingga dua minggu sahaja dalam sepanjang semester tersebut. Pendedahan berkaitan Islam dan hak asasi serta Islam dan gender membuka ruang kepada pelajar untuk mendalami dengan lebih terperinci perihal hak-hak wanita menurut syariat Islam.²⁸³

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam mengetengahkan isu hak-hak wanita tersebut dalam sistem pengajian. Kebimbangan pelbagai pihak tentang gelombang feminisma Barat yang boleh mempengaruhi pemikiran wanita Islam didedahkan kepada pelajar.²⁸⁴ Raihanah²⁸⁵ telah turut berkongsi pengalaman Universiti Malaya di bawah Pejabat Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial dalam mengendalikan kursus berkaitan Islam dan Gender walaupun hanya ditawarkan sebagai satu tajuk kecil di bawah Kursus Gender, Agama, Adat dan Perubahan Sosial. Kursus ini meneliti kedudukan wanita dari kaca mata agama-agama utama di dunia. Kursus ini kemudiannya tidak ditawarkan atas sebab kekurangan pensyarah dan ditawarkan semula oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya di bawah Kursus Undang-Undang Islam dan Gender pada semester 1 sesi 2006/2007. Pelajar didedahkan dengan realiti perjuangan wanita tanpa mengeneipkan perundangan Islam yang asal.²⁸⁶

Penulisan barat juga memberi inspirasi kepada wanita Islam dalam menjalankan kajian berkaitan pengajaran hak-hak wanita. Curthoys,²⁸⁷ Tibbitts,²⁸⁸ Brett, Gaillard dan Salema²⁸⁹ merupakan antara penulis barat yang turut mengetengahkan pengajaran berkaitan hak-hak wanita berdasarkan pengalaman mereka. Penulisan ini turut

²⁸³ *Ibid.*, 103.

²⁸⁴ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 245.

²⁸⁵ *Ibid.*, 247.

²⁸⁶ *Ibid.*, 248.

²⁸⁷ Ann Curthoys, "Gender Studies in Australia: A History." *Australian Feminist Studies* 15, no. 31 (2000), 19.


²⁸⁸ Tibbitts, "Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education," 163.

²⁸⁹ Peter Brett, Pascale Mompont-Gaillard, dan Maria Helena Salema. *How All Teachers Can Support Citizenship And Human Rights Education: A Framework For The Development of Competences* (Belgium: Council of Europe, 2009), 33.

menambah maklumat tentang pelaksanaan mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita di persada antarabangsa. Dalam berkongsi pengalaman masing-masing, Tibbitts²⁹⁰ mendedahkan model pengajaran hak asasi manusia, manakala Curthoys²⁹¹ menceritakan pengajian wanita berkonsepkan penyelidikan yang diceburinya dengan mendapat biasiswa feminis di Australia. Brett, Gaillard dan Salema²⁹² pula menyediakan kerangka teori sebagai panduan kepada tenaga pengajar dalam mendukung pengajaran sivik kewarganegaraan dan hak asasi manusia.

Pendedahan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa termasuk Malaysia adalah seperti yang digambarkan dalam rajah 2.6 yang berikut:

2.6. Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Melalui Mata Pelajaran dan Penyelidikan



Sumber: Penulis

²⁹⁰ Tibbitts, "Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education," 164.

²⁹¹ Ann Curthoys, "Gender Studies in Australia : A History," 31

²⁹² Peter Brett, Pascale Mompoin-Gaillard, and Maria Helena Salema. *How All Teachers Can Support Citizenship And Human Rights Education: A Framework For The Development of Competences* (Belgium: Council of Europe, 2009), 47.

2.5.3(b) Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Di Pusat Pengajian Wanita Di Persada Antarabangsa dan Malaysia

Pengajian berkaitan hak-hak wanita Islam telah rancak diperkenalkan di Timur Tengah pada akhir abad ke-20 hingga awal abad ke-21. Pengajian berkaitan wanita Islam ini telah diberikan secara khusus di Women's Studies Center Jerusalem²⁹³ pada tahun 1989, dan Center For Women Studies, University of Jordan²⁹⁴ pada tahun 1998. Di Mesir pula, menerusi Cynthia Nelson Institute for Gender and Women's Studies²⁹⁵ pengajian berkaitan wanita turut diberikan perhatian. Tehran juga turut bersama-sama menyahut seruan CEDAW dalam bidang pendidikan dengan memperkenalkan Center for Women's Studies, University of Tehran²⁹⁶ pada tahun 2001.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memberikan pendidikan khusus tentang hak-hak wanita Islam apabila turut menawarkan mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita di Institut Pengajian Tinggi Awam yang terpilih. Pada tahun 1994, Rancangan Pengajian Gender mula diperkenalkan pada sesi 1994/1995 di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.²⁹⁷ Pengajaran tentang hak-hak wanita Islam melalui kursus 'Islam dan Gender'. Disebabkan kekurangan tenaga pakar, kursus tersebut tidak lagi ditawarkan dalam Rancangan Pengajian Gender, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam ditawarkan semula berdasarkan keperluan oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya pada semester 1 sesi 2006/2007 dan dinamakan sebagai Kursus Undang-Undang Islam dan Gender.

²⁹³ "Women's Studies Center," dikemaskini 16 April 2013, dicapai 20 April 2013, http://www.wsc-pal.org/index.php?option=com_content&view=frontpage&Itemid=2.

²⁹⁴ "Center for Women Studies," dikemaskini 22 Februari 2013, dicapai 24 Februari 2013, <http://centers.ju.edu.jp/centers/wsc/home.aspx>.

²⁹⁵ "Cynthia Nelson Institute for Gender and Women's Studies," dikemaskini 22 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, <http://www.aucegypt.edu/GAPP/IGWS/Pages/default.aspx>.

²⁹⁶ "Center for Women's Studies," dikemaskini 24 Mei 2013, dicapai 24 Mei 2013, [http://www.ut.ac.ir/en/contents/CWS/Center.for.Women's.Studies.\(CWS\).html](http://www.ut.ac.ir/en/contents/CWS/Center.for.Women's.Studies.(CWS).html).

²⁹⁷ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 245.

2.6 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual dalam kajian ini mendapati bahawa terdapat perkaitan antara hubungan variabel tak bersandar dan variabel bersandar. Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita, peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dan pengajaran dan pembelajaran merupakan variabel tak bersandar dalam kajian ini. Manakala, pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam merupakan variabel bersandar.

Pengetahuan, peranan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam mempengaruhi kejayaan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di Institut Pendidikan Guru. Ketiga-tiga variabel tak bersandar ini merupakan faktor yang menyumbang kepada kejayaan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam yang dibincangkan sebelum ini, hanya diajar di sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi sahaja. Justeru, kajian ini merupakan nilai tambah terhadap pengajaran hak-hak wanita Islam yang menjurus kepada pengajaran di Institut Pendidikan Guru di Malaysia.

2.6.1 Pengetahuan Tenaga Pengajar Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam

Pengetahuan tenaga pengajar dalam bidang pengajarannya sangat penting untuk memastikan maklumat yang disampaikan bertepatan dengan tajuk pengajaran bagi satu mata pelajaran. Meneliti perkembangan dunia pendidikan semasa, para guru perlu bekerja keras untuk menambah ilmu pengetahuan dan sentiasa mengetahui perkembangan serta perubahan maklumat terkini dalam mata pelajaran yang akan diajar.

Guru yang berkualiti hendaklah bijak dalam menyampaikan pengajaran sekaligus bijak dalam memahami kandungan kurikulum matapelajaran yang diajar.²⁹⁸

Gharavi²⁹⁹ dan Kassam³⁰⁰ menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan utama dalam menjayakan pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita. Sorotan literatur dalam al-Quran, hadis dan sirah nabi dijadikan sandaran dalam mendedahkan hak-hak wanita kepada para pelajar.³⁰¹ Jelaslah menunjukkan bahawa, guru perlu memahami aspek hak-hak wanita yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis melalui penafsiran yang tepat.

Pengetahuan guru dalam korpus gerakan hak asasi manusia mendukung pengajaran hak-hak wanita dan undang-undang Islam. Pengajaran yang berfokuskan kaedah bacaan artikel para sarjana sebelum sesi pengajaran dilaksanakan, telah menjadikan Muedini perlu mengetahui maklumat yang terperinci berkaitan artikel-artikel yang berkaitan dengan Islam, hak-hak wanita dan hak asasi manusia. Kekangan masa yang sangat terhad dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran menyebabkan guru perlu memilih kaedah bacaan sebagai salah satu kaedah yang membantu guru dalam merealisasikan objektif pengajaran.³⁰²

Penyediaan lapan modul oleh Kassam dalam pengajian hak-hak wanita Islam merupakan himpunan maklumat-maklumat penting berkaitan pengajaran tersebut. Ini merupakan panduan para guru terutamanya guru yang baru menceburkan diri dalam pengajaran berkaitan hak-hak wanita dan Islam. Tidak semua modul yang dibekalkan perlu didedahkan kepada para pelajar. Namun ianya merupakan panduan dalam

²⁹⁸ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

²⁹⁹ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

³⁰⁰ Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

³⁰¹ *Ibid.*

³⁰² Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 102.

menambah serta memberi kefahaman kepada guru yang mengajar akan kandungan kurikulum yang diajar.³⁰³

2.6.2 Peranan Tenaga Pengajar Sebagai Pelaksana Kurikulum Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam

Tenaga pengajar yang terdiri daripada guru mahupun pensyarah memainkan peranan penting dalam mengemudi satu sesi pengajaran. Al-Ghazālī menukilkan dalam falsafah pendidikannya dari Ibn ʿAbbās r.a bahawa seorang guru yang berperanan mengajar dan menyampaikan kebaikan kepada pelajarnya sangat mulia di sisi Islam.³⁰⁴ Kebolehan dan kepakaran tenaga pengajar akan menentukan sama ada satu sesi pengajaran tersebut berkesan dan mencapai objektif pelaksanaannya. Sebuah pengurusan sekolah mahu pun institusi pendidikan yang baik dapat melahirkan guru yang berkualiti, persekitaran pembelajaran yang memberansangkan dan melahirkan pelajar yang bermoral dan cemerlang.³⁰⁵

Rasulullah s.a.w merupakan seorang guru yang tidak pernah jemu mendidik, menasihati dan merupakan seorang pendakwah yang berjiwa mulia dalam memberi pendidikan yang terbaik kepada isteri-isterinya, para sahabat serta sekalian umat ketika hayatnya.³⁰⁶ Sifat dan keperibadian baginda yang unggul mampu menjadikan baginda sebagai idola, pemimpin serta guru dalam semua perkara bagi masyarakat Arab pada ketika itu. Peribadi Rasulullah s.a.w sekaligus memudahkan baginda berperanan sebagai pelaksana kurikulum yang terkandung dalam al-Quran dengan berkesan.

³⁰³ Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

³⁰⁴ Al-Ghazālī, *Iḥyā' ʿUlūm al-Dīn*, 1:19.

³⁰⁵ *Ibid.*, 8.

³⁰⁶ Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 16.

Sebagai sebuah negara yang telah lama berdepan dengan kemelut pencabulan hak-hak asasi manusia, Abu al-Rub³⁰⁷ mendapati bahawa sikap serta peranan guru adalah merupakan tunggak utama dalam memastikan pengajian hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin tercapai. Dalam satu kajiannya di salah sebuah sekolah di Palestin, seramai 187 orang guru perempuan dan 164 orang guru lelaki yang mengajar pendidikan sivik di negara tersebut menjadi responden dalam kajian tersebut. Pendedahan elemen hak-hak wanita dalam hak asasi manusia yang diterapkan melalui kurikulum pendidikan sivik di Palestin menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara pengajaran guru yang sudah berpengalaman dengan guru yang masih baru dalam perkhidmatan. Justeru peranan guru tidak mengambil kira pengalaman dalam dunia pendidikan namun berdasarkan kesungguhan para guru dalam mengajar sesuatu ilmu kepada pelajar.³⁰⁸

Henry³⁰⁹ berdasarkan pengalamannya, mendapati bahawa pengajaran yang berasaskan kajian kes dan pemikiran kritikal adalah salah satu pengajaran yang berkesan dalam pendidikan hak-hak wanita Islam melalui mata pelajaran hak asasi manusia. Kebijaksanaan beliau dalam pengajarannya, memberi ruang kepada pelajar untuk meluahkan pendapat dan cadangan terhadap tajuk hak asasi manusia berdasarkan situasi kajian. Pelajar yang pernah melihat dan mengalami sendiri keperitan dalam mempertahankan hak-hak mereka akan menulis berdasarkan apa yang dialami sebelum ini. Mereka akan berkongsi tentang rakan-rakan, sanak saudara atau sesiapa pun yang pernah teraniaya dan tidak dibela nasibnya terutama sekali golongan wanita.³¹⁰

Seorang pelajar Pakistan telah menulis karangannya dan menekankan bahawa pendekatan dan undang-undang berasaskan Al-Quran adalah yang terbaik. Henry

³⁰⁷ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

³⁰⁸ *Ibid.*

³⁰⁹ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 109.

³¹⁰ *Ibid.*, 103.

mendapati dalam banyak penulisan pelajarannya berkaitan kajian kes yang dijalankan telah menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar memulakan penulisan dengan menimbulkan isu pencabulan hak asasi manusia dan kelonggaran undang-undang negara-negara tertentu menyebabkan hak-hak asasi tidak dapat dipertahankan.³¹¹

Muedini pula yang merupakan seorang tenaga pengajar yang mengetengahkan tajuk wanita sebagai tajuk kecil dalam kursus Pengajian Politik Timur Tengah. Tajuk berkaitan hak-hak wanita ini diajar selama satu hingga dua minggu sahaja dalam sepanjang semester tersebut.³¹² Beliau memulakan sesi dengan memberi kuliah berkaitan tajuk. Beliau seterusnya membawa pendekatan pengajaran berasaskan bahan bacaan sebagai sumber rujukan utama dalam kursus ini memandangkan masa yang terlalu singkat untuk mendalami tajuk berkaitan hak-hak wanita Islam.³¹³

Raihanah berkongsi pengalamannya, dalam mendedahkan kepada pelajar kebimbangan pelbagai pihak tentang ideologi feminisma Barat yang boleh mempengaruhi pemikiran wanita Islam dalam mengajar kursus berkaitan gender.³¹⁴ Perbincangan sepintas lalu dalam tajuk kecil berkaitan isu wanita dan Islam mampu memberi sedikit sebanyak input berkaitan hak-hak wanita. Pensyarah telah berperanan walaupun peruntukan masa yang ditetapkan untuk pengajaran agak terhad. Pelajar mampu menjawab soalan pensyarah berkaitan pemahaman tentang wanita dalam Islam dengan jawapan ringkas bahawa Islam menjamin dan memberi kedudukan yang istimewa kepada wanita.³¹⁵

³¹¹ *Ibid.*, 105.

³¹² Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 104.

³¹³ *Ibid.*, 102.

³¹⁴ Raihanah, "Pengajian Gender dan Islam di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia: Pengalaman Universiti Malaya," 245.

³¹⁵ *Ibid.*, 246.

2.6.3 Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran merupakan merupakan satu elemen utama dalam proses penyampaian sesebuah mata pelajaran. Objektif, kaedah, perancangan, bahan bantu dan strategi pengajaran yang kreatif mampu memberi kefahaman yang lebih mantap kepada para pelajar. Dalam mendedahkan pelajar tentang hak-hak wanita Islam, tenaga pengajar perlu memastikan komponen-komponen pendidikan tersebut dilaksanakan dengan berkesan. Guru yang berkualiti hendaklah bijak dalam menyampaikan pengajaran.³¹⁶

Model juga amat diperlukan dalam sesebuah pengajaran. Republik Syria³¹⁷ perlu menyediakan model konseptual pengajian hak asasi manusia dalam semua peringkat pengajian bermula dari pra sekolah hingga ke peringkat ijazah. Model amat diperlukan sebagai rujukan para guru pakar dalam melaksanakan pengajian.

Ahmad Mohd Salleh,³¹⁸ Gharavi,³¹⁹ Noornajihan dan Abd Halim³²⁰ bersependapat bahawa Rasulullah s.a.w merupakan model terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran terutamanya arena pendidikan berkaitan Islam. Rasulullah memiliki kaedah pengajaran yang terbaik dalam mendidik umatnya. Kemahiran baginda dalam menyampaikan kuliah, bercerita, bersoal jawab merupakan kunci keberkesanan pedagogi Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada para sahabat r.a.³²¹ Baginda juga mempunyai kaedah pengajaran yang berkesan seperti penyampaian khutbah,³²²

³¹⁶ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

³¹⁷ Shukriyyah, "Maḥāḥim Ḥuqūq al-Insān wa Madā Kifāyatihā min Wajhati Naẓari al-Mudarrisīn wa al-Muwajjihīn al-Ikhtisāsiyyīn," 345.

³¹⁸ Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 130.

³¹⁹ Gharavi, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary," 1239.

³²⁰ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 1.

³²¹ *Ibid.*, 2.

³²² Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 328.

perdebatan dan perbincangan³²³ tentang perkara berkaitan akidah dan Islam. Kebijaksanaan baginda dalam pengajaran dan dakwah berjaya menjadikan Islam sebagai agama yang disegani oleh masyarakat Arab pada ketika itu.

Model pengajaran dan pembelajaran menurut Imām al Shāfiʿī, Imām Mālik ibn Anas, Imām Abū Ḥanīfah, Imām Aḥmad ibn Ḥanbal dan Imām al-Ghazālī juga merupakan model perlu dicontohi dalam dunia pendidikan.³²⁴

Kassam³²⁵ menjelaskan bahawa modul juga merupakan bahan bantu yang sangat berkesan dalam memastikan objektif dalam satu sesi pengajaran dan pembelajaran tercapai.³²⁶ Modul merupakan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk mendapatkan maklumat yang seharusnya dipindahkan dengan mudah kepada para pelajar. Beliau berkongsi lapan modul dalam pengajian wanita menurut Islam.

Henry³²⁷ berdasarkan pengalamannya menegaskan bahawa, pengajaran hak-hak wanita Islam dalam hak asasi manusia yang berasaskan kajian kes dan pemikiran kritikal adalah satu kaedah pengajaran yang berkesan. Ianya membantu pelajar dalam memahami situasi sebenar berdasarkan kajian kes yang dikaji. Pedagogi yang berkesan dalam pendidikan hak asasi manusia adalah pedagogi yang memberi ruang kepada pelajar untuk berkongsi pandangan dan buah fikiran tentang isu-isu berkaitan.

Muedini mencadangkan kepada para pelajar agar meneruskan pembacaan tentang tokoh-tokoh pemikir yang berkecimpung dalam memperkatakan isu-isu Islam dan hak asasi manusia seperti Fatima Mernissi, Leila Ahmed's, Mahmood Monshipouri's dan Niaz Shah.³²⁸ Kaedah perbincangan serta bertukar pendapat sesama pelajar menambah pengetahuan dan maklumat tentang hak-hak wanita dalam

³²³ *Ibid.*, 71.

³²⁴ Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 138.

³²⁵ Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

³²⁶ *Ibid.*

³²⁷ Henry, "Human Rights in the College Classroom: Critical Thinking about Their Complex Roots," 109.


³²⁸ *Ibid.*

pembelajaran hak asasi manusia. Meskipun pendedahan tentang hak-hak wanita Islam hanya diajar dalam jangka masa yang sangat singkat, namun untuk menguji kefahaman pelajar tentang tajuk yang telah dipelajari, Muedini memberi soalan kefahaman kepada pelajar berdasarkan artikel yang diberikan. Kaedah yang dipilih membantu memberi kefahaman kepada pelajar dengan lebih dekat lagi.

Abu al-Rub³²⁹ mendapati bahawa iklim pembelajaran dalam pengajaran hak-hak wanita melalui pendidikan sivik bagi pelajar yang berumur lapan hingga sembilan tahun adalah sangat penting. Pemilihan iklim pembelajaran yang sesuai akan dapat menambah minat dan kefahaman pelajar terhadap pendedahan hak-hak wanita dalam hak asasi manusia.

Kerangka konseptual kajian digambarkan seperti dalam rajah 2.7 yang berikut:

2.7. Kerangka Konseptual Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam



Sumber: Penulis

³²⁹ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

2.7 RUMUSAN

Perbincangan berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam bukanlah satu perkara yang baru dalam kajian para sarjana terdahulu. Kebangkitan feminisme diperjelaskan kepada pelajar menurut al-Quran dan hadis agar tidak mendapat tanggapan yang salah dan terikut-ikut dengan budaya Barat. Kedudukan wanita menurut kaca mata Islam turut diperbahaskan dengan panjang lebar.


Pendedahan berkaitan pengajaran dan pengalaman para tenaga pengajar turut dikongsikan dalam penulisan mereka. Model-model pengajaran hak-hak wanita Islam yang bersesuaian dengan budaya dan politik negara masing-masing juga turut diperkenalkan.

Fokus yang dibahaskan dalam kajian ini adalah tertumpu kepada pengajaran hak-hak wanita Islam di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. IPG yang turut tidak ketinggalan dalam menyahut cabaran pendidikan negara untuk memberi pendedahan kepada para wanita Islam berkaitan hak-hak mereka. Pendidikan dianggap sebagai agen utama dalam menyebarkan maklumat kepada para wanita. Guru yang berkualiti menjamin pendidikan yang berkualiti.

Justeru, dalam menyebarkan maklumat sekaligus mendedahkan hak-hak wanita Islam kepada para pelajar di IPG, kerjasama padu dan minat yang ditunjukkan oleh para pensyarah merupakan antara faktor kejayaan sesebuah pedagogi.

Sorotan literatur yang dibincangkan melalui bab ini dapat digambarkan seperti dalam rajah 2.8 yang berikut:

Rajah 2.8. Pemetaan Sorotan Literatur Kajian



BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kalangan guru pelatih di IPG di Malaysia. Fokus kajian adalah untuk mengenal pasti pengetahuan dan peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan serta penelitian terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan oleh pensyarah IPG.

Reka bentuk dan metodologi kajian yang digunakan untuk merungkai persoalan kajian akan diperjelaskan dengan mendalam melalui bab ini. Populasi dan sampel yang dipilih serta instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini diperincikan dengan teliti. Prosedur pengumpulan data kajian serta proses penganalisan data turut dibincangkan.

Soal selidik, temu bual dan pemerhatian merupakan tiga cara pengumpulan data yang telah dilaksanakan dalam kajian ini bagi menjawab objektif, persoalan kajian dan hipotesis yang telah ditetapkan.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Bryman³³⁰ dan Zainuddin³³¹ reka bentuk kajian adalah merupakan pelan atau kerangka kerja utama pengkaji dalam menjelaskan metod dan prosedur kajian bagi

³³⁰ Alan Bryman, *Social Research Methods*, ed. Ke-2 (New York: Oxford University Press, 2004), 27.

mengumpul dan menganalisis data yang diperlukan. Reka bentuk kajian yang tidak sesuai dengan tujuan kajiannya, akan menjadikan hasil kajian yang diperoleh tidak tepat dan tidak sesuai untuk menjadi rujukan pada masa akan datang.³³² Zainuddin³³³ dan Sabitha³³⁴ menegaskan dalam merangka reka bentuk kajian, pengkaji perlu mengambil kira aspek responden, jenis data yang diperlukan, teknik persampelan, teknik pengumpulan data, limitasi dan kos kajian bergantung pada objektif, persoalan kajian dan hipotesis bagi kajian tersebut.

Kajian ini menggunakan model '*mixed methods sequential explanatory design*'.³³⁵ Model '*mixed methods design*' berbentuk *sequential explanatory* (penjelasan berterusan) ini terdiri dari dua fasa yang berbeza bermula dengan fasa kuantitatif dan diikuti dengan fasa kualitatif.³³⁶ Pemilihan reka bentuk ini menurut Creswell, adalah reka bentuk yang diminati oleh ramai pelajar ijazah tinggi yang kurang berpengalaman dalam '*mixed methods design*'.³³⁷ Melalui pendekatan ini, data primer dalam kajian kuantitatif disokong dengan data sekunder dalam kajian kualitatif untuk memperjelaskan keputusan bagi kajian kuantitatif.³³⁸ Kombinasi kajian kuantitatif dan kualitatif dalam mengumpul, menganalisa dan menggabungkannya dalam satu kajian memberi gambaran yang lebih lengkap dalam menjawab persoalan kajian yang dibincangkan.³³⁹ Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, penekanan diberikan kepada fasa kuantitatif.³⁴⁰

³³¹ Zainudin Awang, *Research Methodology And Data Analysis*, ed. ke-2 (Selangor: UITM Press, 2012), 32.

³³² Chua Yan Piaw, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan* (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 53.

³³³ Zainudin, *Research Methodology And Data Analysis*, 32.

³³⁴ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005), 81.

³³⁵ John W. Creswell and Vicki L. Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, ed. ke-2 (USA: Sage Publications Inc, 2011), 82.

³³⁶ *Ibid.*, 83.

³³⁷ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 216.

³³⁸ *Ibid.*

³³⁹ *Ibid.*, 304.

³⁴⁰ John W. Creswell and Vicki L. Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 74.

Kajian berbentuk penjelasan bertujuan untuk menjelaskan perkaitan yang diperhatikan antara variabel-variabel yang dikaji.³⁴¹ Kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti pengetahuan, peranan dan perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kalangan pensyarah di IPG. Reka bentuk kajian ini telah dirancang untuk menguji hipotesis sama ada menyokong atau menolaknya, sekaligus menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.³⁴²

Dalam menjawab persoalan kajian pada fasa pertama iaitu fasa kuantitatif, dapatan soal selidik yang diedarkan bertujuan untuk menguji hipotesis kajian sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara variabel dalam kerangka konseptual bagi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Kajian berbentuk korelasi telah dijalankan untuk mengetahui korelasi atau perhubungan antara variabel dari dua aspek yang dikaji.³⁴³ Aspek yang pertama adalah corak perhubungan yang wujud sama ada berbentuk negatif mahupun positif atau tiada perkaitan langsung. Corak yang kedua merupakan perhubungan yang dibincangkan dari segi darjah kekuatan perhubungan yang diukur dalam bentuk koefisien korelasi, r . Darjah kekuatan antara variabel mempunyai julat +1 atau -1. Kajian ini mencari kekuatan perhubungan atau perkaitan antara dua variabel.³⁴⁴ Dapatan soal selidik ini diperjelaskan lagi melalui dapatan temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan sekaligus menjawab objektif kajian yang digariskan oleh pengkaji.

Pada fasa kedua iaitu fasa kualitatif pula, dapatan temu bual dan pemerhatian memperjelaskan fenomena signifikan hubungan antara variabel tak bersandar dengan variabel bersandar dalam kajian ini dan menjawab persoalan 'apa' dan 'bagaimana' yang

³⁴¹ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 82.

³⁴² *Ibid.*, 84.

³⁴³ Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 134.


³⁴⁴ *Ibid.*

berkaitan dengan peranan, pengetahuan dan bagaimana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hak-hak wanita Islam dilaksanakan di IPG.³⁴⁵

Reka bentuk kajian ini dapat digambarkan seperti dalam rajah 3.1 yang berikut:

³⁴⁵ Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009), 26.

Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian ‘Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Di Institut Pendidikan Guru Di Malaysia’



Sumber: Penulis

3.3 METODOLOGI KAJIAN

Data melalui kajian ini diperolehi dari soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan. Strategi '*mixed methodology*' merupakan pendekatan yang dipilih seperti mana yang dicadangkan oleh Creswell³⁴⁶ dan Gray.³⁴⁷ Kajian berpandukan model '*mixed methodology*' yang berorientasikan reka bentuk '*sequential explanatory*' ini, menggabungkan pendekatan melalui dua fasa iaitu kuantitatif dan kualitatif.³⁴⁸ Strategi penjelasan yang berterusan dalam kajian ini dilaksanakan melalui dua fasa yang berbeza.³⁴⁹ Walau bagaimanapun, reka bentuk ini memberi penekanan kepada fasa kuantitatif dalam kajian yang dilaksanakan.³⁵⁰

Kaedah dan data kuantitatif dalam fasa pertama menyediakan maklumat asas untuk kajian kualitatif seterusnya dalam fasa kedua.³⁵¹ Data kuantitatif yang diperolehi melalui soal selidik membantu dalam mengenal pasti variabel yang berpotensi untuk dipilih dalam menjalankan kajian bagi fasa kedua. Fasa kualitatif yang seterusnya memilih temu bual dan pemerhatian sebagai instrumen dalam memperjelaskan lagi perkaitan antara variabel-variabel yang diuji. Data kualitatif yang diperolehi merupakan penjelasan kepada hasil data kuantitatif yang telah diperolehi sebelumnya.³⁵² Data bagi ketiga-tiga instrumen ini diinterpretasi dengan teliti supaya ia dapat digabung untuk menghasilkan satu dapatan kajian yang menjawab objektif, persoalan dan hipotesis kajian serta dapat dijadikan rujukan pada masa akan datang.

Instrumen berdasarkan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam kajian ini dapat digambarkan seperti dalam rajah 3.2 yang berikut:

³⁴⁶ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 203.

³⁴⁷ David E. Gray, *Doing Research In The Real World*, ed. ke-2 (London: SAGE Publications Ltd, 2009), 205.

³⁴⁸ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 203.


³⁴⁹ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 81.

³⁵⁰ *Ibid.*, 74.

³⁵¹ *Ibid.*, 155.

³⁵² *Ibid.*, 165.

Rajah 3.2. Instrumen Kajian



Sumber: Penulis

3.4 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Matlamat penyelidikan adalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan parameter populasi yang dikaji. Maklumat yang tepat mengenai parameter sesuatu populasi hanya boleh didapati sekiranya kita mengkaji keseluruhan populasi.³⁵³

Kajian '*mixed methodology*' berbentuk penjelasan berterusan ini, memilih keseluruhan populasi sebagai responden bagi menjawab instrumen kajian dalam fasa kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan. Bagi fasa kualitatif pula, instrumen terdiri dari temu bual dan pemerhatian.

Bagi fasa pertama, responden soal selidik dalam kajian ini adalah merupakan keseluruhan populasi kajian yang terdiri daripada semua pensyarah IPG yang terlibat dalam pengajaran dua kursus iaitu PA2312: Pengajian Islam 2 dan PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh bagi program Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) seramai 60 orang. Pemilihan dua kursus ini adalah kerana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam diajar sebagai unit kecil dalam kedua-dua kursus berkenaan. Kedua-dua kursus ini merupakan kursus wajib bagi guru pelatih pengkhususan 'Ijazah Sarjana

³⁵³ Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 152.

Muda Pendidikan Islam Sekolah Rendah' melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP).

Pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kursus PA2312: Pengajian Islam 2 diajar melalui tajuk 'Sistem Kekeluargaan Dalam Islam' pada semester 2 PPISMP selama 10 jam. Sukatan meliputi tajuk pertunangan, peminangan, mahar, perkahwinan, nusyuz, talaq, khulu', fasakh, ruju' dan iddah. Kurikulum ini diguna pakai semenjak Julai 2007 hingga Mei 2013.³⁵⁴ Berkuat kuasa Julai 2013 pula, kurikulum PA2312: Pengajian Islam 2 disemak semula dan digantikan dengan kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh dan pendidikan hak-hak wanita Islam diajar melalui tajuk 'Munakahat' pada semester 1 PPISMP selama 10 jam. Pro forma meliputi tajuk pra perkahwinan, perkahwinan, talak, iddah dan rujuk, fasakh dan khulu', lian dan nusyuz serta isu semasa berkaitan munakahat.³⁵⁵

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan kurikulum yang berkaitan dengan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG yang menjadi fokus dalam kajian ini.

³⁵⁴ Bahagian Pendidikan Guru KPM, "Kursus Persediaan, Sukatan Pelajaran, Pengajian Islam 2" (Sukatan Pelajaran, BPG KPM, 2007), 26.

³⁵⁵ Institut Pendidikan Guru KPM, "Pro Forma Kursus, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh" (Pro Forma Kursus, IPGKPM, 2013), 3.

Jadual 3.1. Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam Bagi Program PPISMP di IPG

Nama Kursus	Kod Kursus	Tajuk	Kandungan	Semester diajar	Jam
Pengajian Islam 2 (Kuat kuasa Julai 2007 hingga Mei 2013)	PA2312	5.1 Kekeluargaan Dalam Islam	5.1.1 Perkahwinan - Pengertian - Rukun - Meminang - Perempuan yang haram dikahwini - Mahar - Walimatul Urus - Nusyuz 5.1.2 Talaq - Pengertian - Hukum - Hikmah Talaq - Rukun Talaq - Syarat Talaq - Bilangan Talaq - Khulu' - Fasakh - Ruju' - Iddah	2	10
Pengantar Ilmu Fiqh (Kuat kuasa Jun 2013 hingga sekarang)	PIM1034	6. Munakahat	6.1 Pra Perkahwinan 6.2 Perkahwinan 6.3 Talak 6.4 Iddah dan Rujuk 6.5 Fasakh dan Khulu' 6.6 Lian dan Nusyuz 6.7 Isu semasa berkaitan munakahat	1	10

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru KPM dan Institut Pendidikan Guru KPM

Meskipun tiada tajuk kurikulum khusus tentang hak-hak wanita Islam di IPG, namun pendedahan hak-hak wanita Islam didedahkan kepada bakal guru melalui dua kursus yang tersebut. Walaupun tajuk yang dibincangkan dalam kurikulum tersebut agak umum iaitu 'Sistem Kekeluargaan Dalam Islam'³⁵⁶ dan 'Munakahat',³⁵⁷ namun penegasan dan perbincangan berkaitan hak-hak wanita Islam turut dibincangkan dalam pengajarannya.

³⁵⁶ Bahagian Pendidikan Guru KPM, "Kursus Persediaan, Skema Kerja Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran-Pembelajaran, Pengajian Islam 2" (Skema Kerja Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran-Pembelajaran, BPG KPM, 2007), 6.

³⁵⁷ Institut Pendidikan Guru KPM, "Skema TLO, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh" (Skema TLO, IPGKPM, 2013), 3.

Pensyarah tersebut merupakan pensyarah yang berkhidmat di 21 buah IPG di seluruh Malaysia. Pemilihan hanya 21 daripada 27 buah IPG ini memandangkan hanya 21 buah IPG yang menawarkan kedua-dua kursus ini kepada bakal guru. Pensyarah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini merupakan pensyarah yang berkhidmat dan mengajar kedua-dua kursus berkaitan di IPG pada tahun 2007 hingga 2013 bertepatan dengan bermulanya program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG pada 13 Julai 2005.

Bagi fasa kualitatif pula, persampelan secara '*purposive*' untuk memilih empat orang responden yang sama yang sudah menjawab soal selidik kajian dalam fasa kuantitatif untuk proses temu bual dan pemerhatian bagi membincangkan penjelasan terperinci berkaitan kajian yang dijalankan.³⁵⁸ Sampel dipilih daripada pensyarah yang mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh sahaja. Memandangkan temu bual dan pemerhatian dilaksanakan pada tahun 2013, maka hanya pensyarah yang mengajar kursus PIM1034 sahaja yang dapat menjadi responden temu bual sekaligus dijadikan responden pemerhatian untuk mengukuhkan lagi hipotesis yang sedia ada.

Persampelan bertujuan ini membolehkan pengkaji memilih responden yang berpengalaman dan dapat memberikan maklumat tambahan dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.³⁵⁹ Terdapat lima orang pensyarah yang mengajar kursus PIM1034 pada tahun 2013, namun hanya empat orang pensyarah yang dipilih untuk temu bual dan pemerhatian memandangkan seorang daripada lima orang pensyarah tersebut merupakan pensyarah pengkhususan Bahasa Arab dan bukan pengkhususan Pengajian Islam atau Pendidikan Islam.

Dalam '*mixed methodology*' yang berorientasikan reka bentuk '*sequential explanatory*', jumlah sampel dalam fasa kualitatif lebih kecil dari fasa kuantitatif memandangkan ianya adalah fasa pendetailan dan penjelasan bagi keputusan yang

³⁵⁸ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 181.

³⁵⁹ *Ibid.*, 173.

diperolehi dalam fasa kuantitatif.³⁶⁰ Maka jumlah sampel yang sama tidak diperlukan. Apa yang diperlukan adalah data kualitatif yang bermakna untuk memperkembangkan tema yang sedia ada dalam kajian kuantitatif.³⁶¹

Maklumat lanjut melalui temu bual menjelaskan serta mengukuhkan lagi maklumat tentang hubungan pengetahuan, peranan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pensyarah dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG dengan lebih terperinci.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Bagi mendapatkan data dalam kajian ini, terdapat tiga instrumen yang digunakan untuk menjawab objektif, persoalan dan hipotesis kajian iaitu soal selidik, temu bual semi struktur dan pemerhatian. Soal selidik yang merupakan instrumen yang dipilih untuk mendapatkan data dalam fasa pertama kajian iaitu fasa kuantitatif. Melalui fasa kedua pula, kajian kualitatif dilaksanakan melalui dua instrumen iaitu temu bual semi struktur dan pemerhatian. Kesemua instrumen ini dibina berasaskan kepada tiga variabel tak bersandar seperti yang terdapat dalam kerangka konseptual bagi kajian ini. (Rujuk rajah 2.7)

3.5.1 Soal Selidik

Menurut Othman,³⁶² Gray³⁶³ dan Chua,³⁶⁴ soal selidik merupakan instrumen kajian yang biasa dan popular digunakan untuk mendapatkan data kajian dalam penyelidikan sains sosial. Soal selidik merupakan rangkaian soalan yang distrukturkan berasaskan

³⁶⁰ *Ibid.*, 181.

³⁶¹ *Ibid.*, 186.

³⁶² Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 167.

³⁶³ Gray, *Doing Research In The Real World*, 338.

³⁶⁴ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 265.

variabel-variabel yang dikenal pasti untuk menghasilkan data dalam menjelaskan masalah yang dikaji. Setiap variabel diperhalusi sehingga dapat dipecahkan kepada variabel-variabel kecil yang dapat membantu menjelaskan kajian.³⁶⁵

3.5.1(a) Pembentukan Soal Selidik

Sabitha³⁶⁶ mendefinisikan soal selidik sebagai set soalan atau item dalam bentuk tulisan yang memerlukan jawapan responden. Ianya merupakan alat khusus untuk mendapat maklumat untuk dianalisis. Jenis maklumat yang digabungkan dalam soal selidik semestinya berkait rapat dengan tujuan kajian dijalankan.³⁶⁷ Soal selidik hendaklah dikaitkan dengan variabel tertentu, persoalan kajian dan item dalam soal selidik yang telah dirangka. Teknik ini memudahkan pembaca mengaitkan bagaimana pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data.³⁶⁸

Pembentukan item-item dalam soal selidik bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada variabel-variabel tak bersandar dan persoalan kajian seperti dalam jadual 3.2 yang berikut:

³⁶⁵ Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 76.

³⁶⁶ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 120.

³⁶⁷ Kenneth S. Bordens and Bruce B. Abbott, *Research Design And Methods, A Process Approach*, ed. ke-6 (New York: Mc Graw Hill, 2005), 233.

³⁶⁸ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 151.

Jadual 3.2. Variabel, Persoalan Kajian dan Item Dalam Soal Selidik ‘Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG’

Variabel	Persoalan Kajian	Item Dalam Soal Selidik
Latar belakang responden	Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan bahagian A (1-10)
Variabel tak bersandar 1: Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita	Sejauh manakah pengetahuan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam? Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan bahagian B (11-22)
Variabel tak bersandar 2: Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum	Sejauh manakah peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG? Adakah terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan bahagian C (23-35)
Variabel tak bersandar 3: Pengajaran dan pembelajaran	Sejauh manakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG? Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan bahagian D (36-49)

Sumber: Penulis

Satu set soal selidik telah dibentuk untuk mendapatkan data dalam kajian ini. Soal selidik dibekalkan dengan maklumat pengkaji, tajuk kajian dan objektif kajian yang dijalankan untuk memudahkan responden mendapat gambaran tentang kajian. Demografi responden turut diperolehi untuk mendapatkan data berkaitan latar belakang responden, di samping maklumat berkaitan variabel-variabel dijadikan sebagai konstruk dan pandangan umum responden tentang pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Soal selidik tersebut dibahagikan kepada lima bahagian seperti yang berikut:

- i) Latar belakang responden.

- ii) Pengetahuan pensyarah berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam.
- iii) Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
- vi) Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.
- v) Pandangan umum pensyarah terhadap kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG.

Soal selidik terdiri daripada tiga konstruk atau dimensi utama yang mengandungi item-item dalam mendapatkan maklumat berkaitan variabel-variabel yang dikaji. Item-item positif dalam bentuk pernyataan dibina untuk mewakili setiap konstruk.³⁶⁹ Soal selidik dalam kajian ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Soalan tertutup adalah soalan dalam bahagian A, B, C dan D yang dibentuk supaya boleh memperoleh jawapan yang lebih piawai dan ia dapat dibandingkan di antara satu sama lain. Soalan jenis ini juga lebih mudah untuk dianalisis.³⁷⁰

Soalan terbuka iaitu soalan bahagian E dibentuk supaya responden boleh bebas memberikan jawapan dan pandangan.³⁷¹ Melalui soalan terbuka, maklumat yang lebih lengkap dapat dikumpul. Kedua-dua bentuk soalan digunakan untuk memperoleh maklumat yang lebih lengkap dan memudahkan proses analisis data melalui item-item positif yang dibina berdasarkan konstruk-konstruk yang ditetapkan.

Perincian item dalam soal selidik mengikut konstruk dan pembahagiannya dalam kajian ini, dapat digambarkan seperti dalam jadual 3.3 yang berikut:

³⁶⁹ Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 174.

³⁷⁰ Bryman, *Social Research Methods*, 148.

³⁷¹ *Ibid.*, 145.

Jadual 3.3. Perincian Item Soal Selidik Mengikut Konstruk Dan Pembahagiannya

Bahagian	Perincian item soal selidik mengikut konstruk
Bahagian A	Latar belakang responden • Nama IPG • Pengkhususan • Jantina • Bangsa • Taraf pendidikan • Pengalaman mengajar di IPG • Pengalaman mengajar kursus berkaitan hak-hak wanita Islam • Kod kursus yang diajar • Jawatan di IPG • Status perkahwinan
Bahagian B	Konstruk 1: Pengetahuan pensyarah berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam. • Pemahaman hak-hak wanita Islam sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan • Pengetahuan luas berkaitan hak-hak wanita Islam • Perincian hak-hak wanita Islam melalui sukatan pelajaran • Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui buku rujukan/ modul/ web/ bahan bercetak/ kursus anjuran institusi luar/ isu semasa yang berlaku seharian/ media dan program anjuran IPG
Bahagian C	Konstruk 2: Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG • Minat pensyarah terhadap isu berkaitan hak-hak wanita Islam • Pemupukan kesedaran pelajar tentang hak-hak wanita Islam dalam pengajaran • Membina minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran tentang hak-hak wanita Islam • Memupuk minat dan membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap isu-isu berkaitan hak-hak wanita Islam • Menampilkan tokoh wanita dalam pengajaran • Mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam di dunia • Mengaitkan pembelajaran dengan al-Quran dan hadis, sirah rasulullah dan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam • Membentuk idea feminisme Islam dalam pengajaran dan pembelajaran • Membina respon dan tingkah laku positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam
Bahagian D	Konstruk 3: Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG • Memastikan objektif pembelajaran yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan • Merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik • Mengkategorikan isi kandungan pelajaran sesuai dengan tajuk • Mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dilaksanakan • Merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar berkaitan hak-hak wanita Islam • Mengaitkan pengalaman pengajaran yang berkesan dalam memupuk kesedaran terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam

	• Penggunaan bahan-bahan bercetak dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar • Penggunaan laman web sebagai sumber rujukan pelajar dalam pembelajaran • Penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia dalam mempertingkatkan • Kefahaman pelajar • Pemilihan strategi pengajaran yang kreatif untuk memupuk minat pelajar • Mempelbagaikan bentuk pentaksiran (ujian) dalam menilai keberkesanan pengajaran • Tugasan pelajar menambah kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam
Bahagian E	Pandangan umum terhadap kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG • Program yang dilaksanakan di IPG dalam meningkatkan kesedaran tentang hak-hak wanita Islam • Pandangan tentang kepentingan kurikulum hak-hak wanita Islam • Masalah yang dihadapi semasa pengajaran dan pembelajaran

Sumber: Penulis

Dalam kajian ini, skala nominal dan ordinal telah yang digunakan untuk mengukur item-item dalam soalan tertutup menerusi bahagian A, B, C dan D. Skala nominal digunakan untuk mengukur soalan bahagian A yang mewakili kategori-kategori sesuatu variabel dalam latar belakang responden. Skala nominal penting dalam mengumpul maklumat latar belakang responden.³⁷² Ia sekadar untuk melabel atau menamakan sesuatu ciri atau kategori.³⁷³ Data tersebut hanya mewakili jenis kategori sahaja dan nilainya tidak boleh ditambah, ditolak, didarab dan dibahagi.³⁷⁴

Skala ordinal pula digunakan untuk mengukur item-item dalam bahagian B, C dan D dalam soal selidik yang dihasilkan. Penyusunan dalam skala ordinal boleh disusun dalam bentuk menaik atau menurun.³⁷⁵ Pengkaji memilih untuk menyusun skala ordinal dalam bentuk menurun dengan menggunakan skala ordinal yang paling kerap digunakan iaitu skala Likert.³⁷⁶ Skala likert atau pengkadaran³⁷⁷ dengan nilai poin 1-5 digunakan

³⁷² Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 214.

³⁷³ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 64.

³⁷⁴ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 225.

³⁷⁵ Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 80.

³⁷⁶ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 226.

³⁷⁷ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 63.

untuk mewakili kualiti pencapaian pada bahagian B dan C serta tahap kejayaan pada bahagian D. Menurut Sabitha³⁷⁸ skala likert disusun dari bentuk yang paling positif hingga ke paling negatif.

Penggunaan skala Likert bagi kualiti pencapaian terdiri dari 1(Cemerlang), 2 (Memuaskan), 3 (Kurang memuaskan), 4 (Tidak memuaskan) dan 5 (Lemah). Penggunaan skala likert bagi tahap kejayaan pula terdiri dari 1 (Amat berjaya), 2 (Berjaya), 3 (Kurang berjaya), 4 (Tidak berjaya) dan 5 (Tidak berjaya langsung).

Pembentukan soal selidik melalui beberapa proses sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Rajah 3.3 menunjukkan proses pembentukan soal selidik yang telah dilaksanakan seperti yang berikut:

Rajah 3.3. Proses Pembentukan Soal Selidik



Sumber: Penulis

3.5.1(b) Pra-Ujian

Sebelum soal selidik diedarkan, pra-ujian telah dilaksanakan terlebih dahulu. Pra-ujian telah dijalankan ke atas 10 orang responden yang bukan terdiri dari responden

³⁷⁸ *Ibid.*, 203.

kajian yang hanya bertujuan untuk menguji masalah yang wujud dalam sesuatu reka bentuk soal selidik pada bulan Januari 2013.³⁷⁹ Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa item yang perlu diperjelaskan lagi kerana pilihan jawapan yang diberikan tidak diisi oleh responden. Item yang mengelirukan responden turut diubah dan diperjelaskan lagi.

3.5.1(c) Kesahan

Pengukuran yang tepat pada nilai sebenar sesuatu variabel akan menjadikan soal selidik mempunyai kesahan yang tinggi.³⁸⁰ Kesahan yang tinggi merujuk kepada keupayaan suatu instrumen yang dibina dalam mengukur konsep yang dinyatakan dalam hipotesis kajian.³⁸¹ Kelemahan aspek kesahan menyebabkan data yang diperolehi tidak mencukupi dan menimbulkan masalah dalam proses penganalisaannya.³⁸² Sebelum kajian rintis dilaksanakan, kesahan terlebih dahulu diperolehi dari empat orang tenaga pakar bagi soal selidik yang telah dibina.

Proses kesahan pada kandungan dan format soal selidik telah disemak oleh empat tenaga pakar yang telah dipilih untuk meneliti item dalam kajian ini yang dilaksanakan pada bulan Mac dan April 2013. Proses kesahan yang dilakukan secara bersemuka antara pengkaji dan tenaga pakar banyak memberi maklum balas yang baik dalam memperbaiki item-item dalam soal selidik yang telah dibina. Tiga daripada empat tenaga pakar yang dipilih adalah pensyarah yang berkhidmat di salah sebuah Universiti di Jordan. Soal selidik telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris untuk mempermudah proses kesahan tersebut. Pemilihan tiga pakar ini memandangkan ketiga-tiganya merupakan tenaga pengajar di Pusat Pengajian Wanita dan Fakulti

³⁷⁹ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 34.

³⁸⁰ *Ibid.*, 214.

³⁸¹ *Ibid.*, 212.

³⁸² Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 91.

Pendidikan sekaligus terlibat dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di universiti tersebut.

Tiga orang tenaga pakar meneliti kesemua item dan membantu dalam memperbaiki item tersebut supaya kandungannya lebih menjurus kepada konsep yang ingin dikaji. Tenaga pakar yang pertama adalah seorang Profesor dan Pengarah Pusat Pengajian Wanita. Tenaga pakar yang kedua pula adalah seorang Profesor dan Ketua Jabatan Pengajian Latihan Konsultasi dan Komunikasi, Pusat Pengajian Wanita. Tenaga pakar yang ketiga adalah Pensyarah Kanan, Unit Kurikulum dan Pengajaran, Fakulti Sains Pendidikan.

Seorang lagi tenaga pakar yang telah dipilih merupakan Profesor di salah sebuah universiti di Malaysia.

3.5.1(d) Kajian Rintis

Kajian rintis juga dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Kajian rintis merupakan kajian yang berskala kecil yang hasilnya bertujuan untuk mengubahsuai reka bentuk kajian serta memperelokkan perancangan dan metodologi bagi kajian sebenar.³⁸³ Ia membantu dalam memperbaiki soal selidik sekaligus melaksanakan penelitian terhadap kesesuaian soal selidik yang dibina dari sudut kandungan, format dan pengukuran yang dipilih terutamanya bagi soal selidik yang baru dibina oleh pengkaji.³⁸⁴

Zainuddin³⁸⁵ dan Chua³⁸⁶ pula menambah bahawa kesesuaian soal selidik turut dikenal pasti dari sudut kesesuaian istilah. Kajian rintis membolehkan pengkaji

³⁸³ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 36.

³⁸⁴ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 150.

³⁸⁵ Zainudin, *Research Methodology And Data Analysis*, 153.

³⁸⁶ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 258.

menentukan item-item dalam setiap konstruk harus dikekalkan atau disingkirkan.³⁸⁷ Item-item yang sesuai sahaja akan dimasukkan dalam soal selidik untuk memastikan ketekalan idea. Data bagi kajian rintis dianalisis menggunakan analisis item melalui nilai kebolehpercayaan 'Cronbach Alpha'.³⁸⁸ Item yang memiliki nilai alfa yang kurang dari 0.65 akan disingkirkan daripada soal selidik.³⁸⁹ Gray³⁹⁰ dan Bryman³⁹¹ pula masing-masingnya mendapati bahawa hanya nilai alfa yang melebihi 0.9 dan 0.8 sahaja adalah diterima.

Dalam kajian ini, ujian rintis telah dilaksanakan pada bulan Julai 2013 ke atas 15 orang responden yang bukan merupakan responden sebenar kajian namun memiliki ciri-ciri yang hampir sama dengan responden sebenar. Proses kajian rintis seolah-olah menjalankan kajian sebenar tapi dalam skala yang lebih kecil.³⁹² Responden yang dipilih dalam kajian rintis ini merupakan pensyarah yang mengajar pendidikan hak-hak wanita Islam melalui kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di IPG. Kursus tersebut telah disemak semula dan elemen hak-hak wanita Islam telah dikeluarkan dari pro forma dan tidak diajar lagi melalui kursus tersebut bermula Jun 2013. Justeru, dalam kajian rintis yang dilaksanakan, pensyarah yang telah mengajar kursus TITAS telah dipilih untuk dijadikan responden memandangkan mereka mempunyai ciri-ciri individu yang hendak dikaji.³⁹³

Nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Ia dilaksanakan terhadap ketiga-tiga konstruk untuk memastikan setiap item dalam konstruk yang digunakan adalah relevan dan sah untuk mengukur ketiga-tiga variabel.

³⁸⁷ *Ibid.*, 285.

³⁸⁸ Gray, *Doing Research In The Real World*, 363.

³⁸⁹ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 285.

³⁹⁰ Gray, *Doing Research In The Real World*, 363.

³⁹¹ Bryman, *Social Research Methods*, 72.

³⁹² Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 92.

³⁹³ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 202.

Jadual 3.4 menunjukkan nilai kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’ yang diperolehi melebihi 0.8 (lingkungan nilai boleh terima paling rendah melebihi 0.65),³⁹⁴ menjadikan item dalam ketiga-tiga boleh digunapakai untuk analisis seterusnya.

Jadual 3.4: Nilai Kebolehpercayaan ‘Cronbach Alpha’

Konstruk	Bilangan item	Cronbach Alpha
1) Pengetahuan pensyarah berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam	12	0.862
2) Peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG	13	0.957
3) Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG	12	0.951

Sumber: Analisa Penulis

Berdasarkan nilai kebolehpercayaan instrumen soal selidik bagi ketiga-tiga konstruk dalam bahagian B, C dan D membolehkan soal selidik tersebut digunakan untuk kajian yang sebenar tanpa membuat sebarang perubahan.

3.5.1(e) Pemilihan Responden Soal Selidik

Responden soal selidik terdiri dari semua pensyarah IPG yang mengajar kursus PA2312: Pengajian Islam 2 dan PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh, bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang mendedahkan elemen hak-hak wanita Islam diajar sebagai unit kecil dalam kedua-dua kursus berkenaan. Data bagi pensyarah yang mengajar diperolehi dari semua Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) bagi 27 buah IPG di Malaysia. Pengkaji telah menghubungi setiap IPG bagi mendapatkan angka yang tepat sebagai populasi kajian ini. Hanya 21 buah IPG sahaja yang menawarkan kursus-kursus ini bagi tempoh 2007 hingga 2013.

³⁹⁴ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 258.

Jadual 3.5 menunjukkan bilangan pensyarah IPG yang mengajar kursus PA2312 dan PIM1034 di 21 buah IPG seluruh Malaysia, berkuat kuasa Julai 2007 hingga Mei 2013 yang merupakan responden soal selidik dalam kajian ini. Responden merupakan keseluruhan populasi dalam kajian ini.

Jadual 3.5. Responden Soal Selidik Yang Mengajar Kursus PA2312 Dan PIM1034 Berkuat kuasa Julai 2007-Mei 2013

Bil	Kod IPG	Bilangan Pensyarah PA2312	Bilangan Pensyarah PIM1034
1	IPG Kampus 1		4
2	IPG Kampus 2		2
3	IPG Kampus 3	1	1
4	IPG Kampus 4		3
5	IPG Kampus 5	1	
6	IPG Kampus 6		2
7	IPG Kampus 7		1
8	IPG Kampus 8		5
9	IPG Kampus 9		5
10	IPG Kampus 10		4
11	IPG Kampus 11		4
12	IPG Kampus 12		1
13	IPG Kampus 13		1
14	IPG Kampus 14		1
15	IPG Kampus 15		4
16	IPG Kampus 16		1
17	IPG Kampus 17		4
18	IPG Kampus 18	1	4
19	IPG Kampus 19		1
20	IPG Kampus 20	2	5
21	IPG Kampus 21		2
	Jumlah	5	55
	Jumlah Keseluruhan		60

Sumber: Analisa Penulis

3.5.2 Temu bual

Menurut Sabitha³⁹⁵ temu bual merupakan proses di mana penemu bual akan bertanya soalan pada seorang atau lebih responden untuk mendapatkan maklumat secara bersemuka. Temu bual bersemuka dilaksanakan dalam kajian ini untuk memastikan responden benar-benar memahami soalan yang dikemukakan sekali gus memberi pendapat dan jawapan kepada soalan temu bual yang diajukan.³⁹⁶ Cara pengumpulan data sebegini memberi peluang kepada pengkaji untuk membuat penjelasan tambahan sekiranya soalan kurang difahami.³⁹⁷

Kaedah temu bual semi struktur diaplikasikan dalam kajian ini. Menurut Chua³⁹⁸ dan Berg³⁹⁹ format temu bual semi struktur terletak di antara temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Pengkaji memilih temu bual semi struktur untuk mendapatkan data kerana pengkaji bebas menyoal dan mengetahui lebih mendalam lagi jawapan responden berdasarkan satu soalan formal yang telah diajukan.⁴⁰⁰ Keistimewaan pemilihan kaedah ini menurut Chua⁴⁰¹ dan Sabitha⁴⁰² adalah, pengkaji boleh mengubah suai soalan berdasarkan keperluan responden.

3.5.2(a) Pembentukan Panduan Temu bual

Panduan temu bual dirangka untuk memastikan pengkaji memberi fokus kepada soalan-soalan temu bual yang telah dibekalkan. Panduan temu bual menyenaraikan topik

³⁹⁵ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 122.

³⁹⁶ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 181.

³⁹⁷ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 123.

³⁹⁸ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 116.

³⁹⁹ Bruce L. Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, ed. ke-5 (USA: Pearson Education, 2004), 80.

⁴⁰⁰ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 116.

⁴⁰¹ *Ibid.*, 117.

⁴⁰² Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 127.

utama yang hendak diutarakan kepada responden.⁴⁰³ Dalam temu bual semi struktur, pengkaji selaku penemu bual tidak terhad kepada soalan yang disediakan dalam panduan temu bual sahaja.⁴⁰⁴ Pengkaji boleh menambah soalan temu bual berdasarkan respon yang diberikan oleh responden.⁴⁰⁵

Dalam menjalankan kajian berpanduan model '*mixed methodology*' yang berorientasikan reka bentuk '*sequential explanatory*' (penjelasan berterusan) ini, data kuantitatif yang diperolehi dari fasa pertama iaitu soal selidik amat diperlukan. Pembentukan soalan dalam temu bual dibina berdasarkan analisis data soal selidik dengan mengenal pasti variabel-variabel yang mempunyai hubungan dengan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG sekali gus menjadi faktor yang membawa kepada kejayaan pengajaran tersebut. Penjelasan yang mendalam diperlukan dalam kajian kualitatif seterusnya melalui temu bual yang dilaksanakan.⁴⁰⁶

Pembentukan soalan temu bual dibina dengan mengambil kira keputusan koefisien korelasi bagi soal selidik yang telah dilaksanakan. Data kuantitatif menunjukkan terdapat perhubungan antara variabel-variabel tak bersandar sekali gus menjadi faktor dalam menjayakan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam berdasarkan nilai pekali korelasi (r) positif yang diperolehi dalam hasil ujian koefisien korelasi.

Oleh yang demikian, dalam kajian kualitatif seterusnya yang terdiri dari temu bual dan pemerhatian akan dilaksanakan berdasarkan ketiga-tiga variabel tak bersandar yang mana mempunyai hubungan yang positif dengan variabel bersandar setelah diukur. Penjelasan yang terperinci diperlukan untuk memperjelaskan faktor yang mempengaruhi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

⁴⁰³ *Ibid.*, 134.

⁴⁰⁴ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 81.

⁴⁰⁵ *Ibid.*

⁴⁰⁶ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 81.

Justeru, pembinaan soalan temu bual dibina untuk memperjelaskan dengan lebih mendalam tentang variabel tak bersandar 1 dan 3 sekaligus menjawab persoalan kajian seperti dalam jadual 3.6 yang berikut:

Jadual 3.6. Variabel, Persoalan Kajian dan Item Dalam Panduan Temu bual ‘Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG’

Variabel	Persoalan Kajian	Item Dalam Panduan Temu bual
Latar belakang responden	Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan bahagian A (12 soalan)
Variabel tak bersandar 1: Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita	Bagaimana pemahaman pensyarah pelaksana kurikulum terhadap hak-hak wanita Islam?	Soalan bahagian B (7 soalan)
Variabel tak bersandar 3: Pengajaran dan pembelajaran	Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG?	Soalan bahagian C (13 soalan)

Sumber: Penulis

Panduan temu bual semi struktur yang dilaksanakan dapat dibahagikan kepada tiga bahagian seperti yang berikut:

- i) Demografi responden.
- ii) Pengetahuan dan pendedahan pensyarah terhadap hak-hak wanita Islam.
- iii) Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Soalan berkaitan demografi responden turut diutarakan untuk mendapatkan maklumat tentang latar belakang responden walaupun responden adalah responden yang sama dan telah menjawab soal selidik yang diedarkan. Terdapat dua puluh item temu bual yang dibina di bahagian B dan C dalam kajian ini bagi menjawab persoalan kajian

seperti yang dicadangkan oleh Chua.⁴⁰⁷ Bilangan tersebut merupakan bilangan maksimum bagi temu bual individu.⁴⁰⁸

Perincian item dalam temu bual mengikut konstruk dan pembahagiannya dalam kajian ini, dapat digambarkan seperti dalam jadual 3.7 yang berikut:

Jadual 3.7. Perincian Item Temu bual Mengikut Konstruk Dan Pembahagiannya

Bahagian	Perincian item temu bual mengikut konstruk
Bahagian A	Latar belakang responden • Nama IPG • Jantina • Bangsa • Umur • Jabatan • Pengkhususan • Taraf pendidikan • Jawatan di IPG • Pengalaman mengajar di IPG • Pengalaman mengajar kursus berkaitan hak-hak wanita Islam • Kod kursus yang diajar • Status perkahwinan
Bahagian B	Konstruk 1: Pengetahuan pensyarah berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam. • Apakah yang tuan/puan faham tentang hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan? Jelaskan. • Apakah yang boleh tuan/puan jelaskan tentang hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan? Jelaskan. • Jelaskan hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan? • Dari manakah tuan/puan mendapat maklumat berkaitan hak-hak wanita Islam? Jelaskan. • Adakah tuan/puan diberi pendedahan untuk menghadiri latihan/seminar/forum dalam isu-isu berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG? Jika ada, sila nyatakan nama program dan di peringkat mana. • Adakah tuan/puan terlibat dalam penggubalan pro forma/ modul/ JSU kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di peringkat IPG? Jika ya, sila nyatakan pengalaman tuan/puan. • Adakah tuan/puan terlibat dalam mana mana NGO berkaitan wanita? Sila nyatakan.

⁴⁰⁷ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 133.

⁴⁰⁸ *Ibid.*

Bahagian C	Konstruk 2: Perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG • Adakah tuan/puan benar-benar berminat untuk mengajar kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam? Jelaskan. • Adakah tuan/puan membaca bahan berkaitan hak-hak wanita Islam sebelum melaksanakan pengajaran tersebut? Jelaskan. • Bagaimana tuan/puan berusaha memastikan objektif pengajaran dan pembelajaran kurikulum ini tercapai? • Apakah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tuan/puan laksanakan dalam kurikulum tersebut? Jelaskan. • Apakah bahan bantu mengajar yang digunakan dalam sesi pengajaran tersebut? Jelaskan. • Adakah terdapat sesi perbincangan dan penilaian semula sesi pengajaran tersebut? Jika ada, apakah maklumbalas yang diperolehi dalam sesi ini? • Apakah tugas yang diberikan kepada pelajar dalam kurikulum tersebut? Jelaskan. • Bagaimana bentuk pentaksiran yang dilaksanakan untuk memastikan objektif pengajaran tercapai? • Bagaimanakah respons pelajar terhadap kurikulum tersebut? • Pada keseluruhannya, apakah subtajuk yang diminati oleh pelajar dalam kurikulum tersebut? Jelaskan. • Adakah tuan/puan berhadapan dengan masalah sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran kurikulum tersebut dilaksanakan? Jelaskan. • Mengapa pada pandangan tuan/puan, pelaksanaan kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam penting dilaksanakan di IPG. • Berikan komen atau cadangan tuan/puan terhadap pelaksanaan kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG.
------------	---

Sumber: Penulis

Pembentukan panduan temu bual turut melalui beberapa proses sebelum kajian sebenar dilaksanakan iaitu pra-ujian dan kajian rintis. Rajah 3.4 menunjukkan proses pembentukan panduan temu bual yang telah dilaksanakan seperti yang berikut:

Rajah 3.4. Proses Pembentukan Panduan Temu bual



Sumber: Penulis

3.5.2(b) Pra-Ujian

Chua,⁴⁰⁹ Berg⁴¹⁰ dan Sabitha⁴¹¹ bersependapat bahawa, item-item dalam garis panduan temu bual yang dibina, perlu melalui pra-ujian terlebih dahulu sebelum dilaksanakan dalam keadaan yang sebenar. Item-item perlu disemak terlebih dahulu dari segi bahasa, perkaitan dengan objektif kajian dan istilah yang digunakan untuk memastikan responden tidak merasa terancam dengan soalan yang diajukan.⁴¹²

Tenaga pakar yang membantu dalam proses pra ujian memeriksa serta menyemak item, bahasa dan istilah yang dibina agar selari dengan objektif kajian.⁴¹³ Tenaga pakar tersebut merupakan dua orang pensyarah yang berkhidmat di salah sebuah universiti di Jordan. Kedua-dua pensyarah tersebut merupakan Ketua Jabatan Pengajian Latihan Konsultasi dan Komunikasi, Pusat Pengajian Wanita dan Pensyarah Kanan, Unit Kurikulum dan Pengajaran, Fakulti Sains Pendidikan. Soalan temu bual telah

⁴⁰⁹ *Ibid.*, 126.

⁴¹⁰ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 90.

⁴¹¹ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 134.

⁴¹² Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 126.

⁴¹³ *Ibid.*

diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris dan diemail kepada kedua-dua pakar tersebut pada minggu pertama bulan Oktober 2013. Kedua-dua pensyarah ini merupakan pensyarah yang telah membuat kesahan dalam item soal selidik bagi kajian ini.

3.5.2(c) Kajian Rintis

Terdapat beberapa item yang perlu diperjelaskan dan diubahsuai kerana seorang responden yang telah menjawab soal selidik dan bukan merupakan responden sebenar dalam instrumen temu bual telah dipilih untuk ditemu bual dan didapati tidak berapa memahami beberapa soalan yang dikemukakan.⁴¹⁴ Menurut Creswell,⁴¹⁵ Ivankova dan Stick yang menjalankan kajian berpandukan '*mixed methodology explanatory sequential design*' memilih seorang responden yang telah menjawab soal selidik pada fasa kuantitatif utk menjawab temu bual dalam kajian rintis yang dijalankan. Proses kajian rintis ini dilaksanakan pada awal minggu ketiga bulan Oktober 2013 dan hanya mengambil masa sehari untuk diselesaikan.

Proses kajian rintis bagi temu bual tidak berstruktur ternyata, membantu pengkaji agar soalan temu bual yang bakal diajukan kepada responden sebenar, mudah difahami dan akan menjawab persoalan kajian yang ditetapkan.⁴¹⁶ Kajian rintis ini juga turut membantu pengkaji dalam menentukan hujah galakan minimum yang sering digunakan dalam sesi temu bual.⁴¹⁷ Antara galakan minimum yang digunakan dalam kajian ini adalah 'selepas itu', 'bolehkah ustaz/ustazah berikan penjelasan lanjut', 'contohnya', 'maksud ustaz/ustazah' dan 'mengapa?'. Galakan minimum adalah diperlukan untuk memperoleh maklumat lanjut yang ingin diperolehi oleh pengkaji.⁴¹⁸

⁴¹⁴ Bill Gillham, *Research Interviewing the Range of Techniques*, ed. ke-3 (USA: Open University Press, 2008), 73.

⁴¹⁵ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 308.

⁴¹⁶ Gillham, *Research Interviewing the Range of Techniques*, 74.

⁴¹⁷ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 117.

⁴¹⁸ Gillham, *Research Interviewing the Range of Techniques*, 73.

3.5.2(d) Pemilihan Responden Temu bual

Responden temu bual dipilih secara persampelan purposif (*purposive sampling*) seperti yang dicadangkan oleh Creswell⁴¹⁹ dan Idris.⁴²⁰ Empat orang responden yang sudah menjawab soal selidik kajian menjadi responden yang sama untuk proses temu bual bagi membincangkan penjelasan terperinci berkaitan kajian yang dijalankan.⁴²¹ Sampel dipilih daripada pensyarah yang mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh sahaja. Memandangkan temu bual dilaksanakan pada tahun 2013, maka hanya pensyarah yang mengajar kursus PIM1034 sahaja yang dapat menjadi responden dalam temu bual.

Persampelan bertujuan ini membolehkan pengkaji memilih responden yang berpengalaman dan dapat memberikan maklumat tambahan dalam menjelaskan variabel-variabel tak bersandar dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Empat orang pensyarah yang dipilih untuk temu bual memandangkan merupakan pensyarah pengkhususan Pengajian Islam atau Pendidikan Islam. Responden temu bual dipilih dengan memberikan perincian kepada perkara yang berikut:

- a) Telah menjawab soal selidik kajian
- b) Mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh
- c) Pensyarah pengkhususan Pengajian Islam

Jadual 3.8 di bawah menunjukkan bilangan pensyarah IPG yang mengajar kursus PIM1034 berkuat kuasa Jun 2013 di 3 buah IPG yang menjadi responden temu bual dalam kajian ini.

⁴¹⁹ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 83.

⁴²⁰ Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 88.

⁴²¹ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 181.

Jadual 3.8. Responden Temu bual Yang Mengajar Kursus PIM1034 Berkuat kuasa Jun 2013

Bil	Nama IPG	Bilangan Responden
1	IPG Kampus 3	1
2	IPG Kampus 5	1
3	IPG Kampus 20	2
	Jumlah Keseluruhan	4

Sumber: Analisa Penulis

3.5.3 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan cara pengumpulan data tanpa melibatkan komunikasi dan bertanya kepada responden.⁴²² Responden hanya diperhatikan dalam persekitaran semula jadi pemerhatian yang sedia ada.⁴²³ Instrumen pemerhatian dipilih dalam mendapatkan data bagi kajian ini kerana ianya merupakan aspek penting dalam mendapatkan pandangan tentang sesuatu isu. Kelebihan kajian pemerhatian adalah data yang diperolehi lebih tepat, kerana kurang dipengaruhi faktor ingatan, namun data yang direkodkan merupakan tingkah laku sebagai mana yang diperhatikan ketika kajian dilaksanakan.⁴²⁴

Pemerhatian diperlukan dalam kajian ini untuk menjelaskan analisa soal selidik yang telah diperolehi seperti mana juga tujuan temu bual dilaksanakan dalam fasa kedua iaitu fasa kualitatif. Pemerhatian menjelaskan peranan pensyarah pelaksana dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

⁴²² Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 135.

⁴²³ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 129.

⁴²⁴ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 136.

Pengkaji menjadi pemerhati dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pensyarah bagi kursus PIM1034, Pengantar Ilmu Fiqh. Pemerhatian tidak turut serta menjadikan pengkaji sekadar memerhatikan apa yang dilihat dan merekod pemerhatian yang dilaksanakan.⁴²⁵ Menurut Sabitha⁴²⁶ dan Gray,⁴²⁷ pensyarah dan guru pelatih menyedari kehadiran pengkaji sekali gus menjadikan ianya sebuah pemerhatian tidak turut serta yang ketara.

Dalam pemerhatian tidak turut serta ini, pengkaji tidak berhadapan sebarang bias kerana pengkaji tidak melibatkan dirinya secara psikologi dan rapat dengan responden.⁴²⁸ Pengkaji juga bebas memberi pendapat dalam melaporkan apa yang telah diperhati yang bermungkinan merupakan pengalaman yang tidak mampu diceritakan oleh responden dalam temu bual yang dilaksanakan.⁴²⁹

Kajian pemerhatian dijalankan ke atas responden semasa sesi pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dilaksanakan di IPG menggunakan borang laporan pemerhatian. Antara situasi yang akan diperhatikan adalah reaksi guru pelatih semasa sesi pengajaran dilaksanakan dan teknik yang digunakan oleh pensyarah dalam menghidupkan suasana pengajaran dalam menambah maklumat pelajar tentang hak-hak wanita. Sesi pemerhatian yang dilaksanakan akan dijalankan sendiri oleh pengkaji untuk mengukuhkan lagi maklumat yang diperolehi dari soal selidik dan temu bual.

3.5.3(a) Pembentukan Borang Laporan Pemerhatian

Dalam menjalankan kajian berpandukan model '*mixed methodology*' yang berorientasikan reka bentuk '*sequential explanatory*' (penjelasan berterusan) ini, data kuantitatif yang diperolehi dari fasa pertama iaitu soal selidik amat diperlukan. Garis

⁴²⁵ *Ibid.*, 137.

⁴²⁶ *Ibid.*

⁴²⁷ Gray, *Doing Research In The Real World*, 293.

⁴²⁸ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 137.

⁴²⁹ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 179.

panduan dalam membina borang laporan pemerhatian turut dibina berdasarkan analisis data soal selidik seperti yang dilaksanakan dalam pembentukan instrumen temu bual. Penjelasan yang mendalam diperlukan dalam kajian kualitatif seterusnya melalui temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan.⁴³⁰

Pembentukan garis panduan pemerhatian mengambil kira keputusan koefisien korelasi bagi soal selidik yang telah dilaksanakan. Data kuantitatif menunjukkan terdapat perhubungan antara variabel-variabel tak bersandar dengan variabel bersandar sekaligus menjadi faktor dalam menjayakan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam berdasarkan nilai pekali korelasi (r) positif yang diperolehi dalam hasil ujian koefisien korelasi.

Oleh yang demikian, pemerhatian akan dilaksanakan berdasarkan variabel-variabel tak bersandar yang mana mempunyai hubungan yang positif dengan variabel bersandar setelah diukur. Penjelasan yang terperinci serta mendalam amat diperlukan untuk memperjelaskan bagaimana faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG memberi kesan yang positif dalam kajian yang dilaksanakan.

Melalui pemerhatian yang dilaksanakan, pengkaji telah mencatat nota-nota penting berkaitan elemen yang diperhati.⁴³¹ Kelakuan dan aktiviti yang dilakukan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran turut direkodkan dalam borang laporan pemerhatian yang telah disediakan.

Oleh yang demikian, borang pemerhatian dibina untuk memperjelaskan dengan lebih mendalam tentang variabel tak bersandar 2 dan 3 sekaligus menjawab persoalan kajian seperti dalam jadual 3.9 yang berikut:

⁴³⁰ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 81.

⁴³¹ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 181.

Jadual 3.9. Variabel, Persoalan Kajian dan Item Dalam Panduan Pemerhatian ‘Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG’

Variabel	Persoalan Kajian	Item Dalam Panduan Pemerhatian
Latar belakang	Apakah maklumat berkaitan pelaksanaan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan 1-9
Variabel tak bersandar 2: Peranan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita	Bagaimana peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam di IPG?	Soalan 12, 14, 16, 17 dan 18
Variabel tak bersandar 3: Pengajaran dan pembelajaran	Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG? Jelaskan kelebihan dan kelemahan pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.	Soalan 10, 11, 13, 15,

Sumber: Penulis

Maklumat berkaitan latar belakang pemerhatian turut diutarakan pada awal borang laporan pemerhatian yang dibina. Tiada pembahagian dalam borang laporan pemerhatian bagi 18 item yang dibina. Item-item pemerhatian tidak disusun mengikut variabel-variabel yang dikaji untuk memudahkan proses penulisan laporan pemerhatian bersesuaian dengan kesinambungan idea-idea dalam pemerhatian pengajaran dan pembelajaran. Perincian item dalam borang laporan pemerhatian mengikut variabel-variabel tak bersandar dalam kajian ini, dapat digambarkan seperti dalam jadual 3.10 yang berikut:

Jadual 3.10. Perincian Item Pemerhatian Mengikut Variabel Tak Bersandar

Variabel Tak Bersandar	Perincian item pemerhatian
Latar Belakang	• Nama IPG • Nama/Kod kursus • Tajuk • Subtajuk • Program pengajian/ Ambilan • Tarikh • Masa • Objektif Pengajaran • Hak-hak wanita Islam yang dibincangkan
Variabel Tak Bersandar 2: Peranan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG	• Penekanan pensyarah dalam pengajaran • Kebolehan, kecekapan dan kemahiran pensyarah dalam menarik minat pelajar semasa pengajaran • Kreativiti dan inovasi pengajaran pensyarah dalam pengajaran • Penyampaian dan rumusan pembelajaran oleh pensyarah • Respons pelajar terhadap pengajaran pensyarah
Variabel Tak Bersandar 3: Pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG	• Pendekatan dan kaedah pengajaran yang dilaksanakan • Bahan bantu mengajar yang digunakan dalam pengajaran • Aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran untuk meningkatkan kefahaman pelajar • Kesesuaian tajuk yang diajar dengan pendidikan hak-hak wanita Islam

Sumber: Penulis

3.5.3(b) Pemilihan Responden Pemerhatian

Responden pemerhatian dipilih secara persampelan purposif (*purposive sampling*) seperti mana responden temu bual.⁴³² Empat orang responden yang sama iaitu responden yang ditemu bual dan sudah menjawab soal selidik. Pemilihan responden yang sama adalah penting untuk mengetahui maklumat lanjut berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan di IPG.⁴³³ Sampel juga merupakan pensyarah pengkhususan Pengajian Islam atau Pendidikan Islam yang mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh pada tahun 2013.

⁴³² Idris, *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*, 88.

⁴³³ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 181.

Pengkaji memilih responden yang sama seperti dalam temu bual untuk diperhatikan dalam satu jangka masa pengajarannya supaya dapat memberikan maklumat tambahan bagi menjelaskan variabel-variabel tak bersandar dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Responden pemerhatian dipilih dengan memberikan perincian kepada perkara yang berikut:

- a) Telah menjawab soal selidik kajian dan temu bual
- b) Mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh
- c) Pensyarah pengkhususan Pengajian Islam

Jadual 3.11 di bawah menunjukkan bilangan pensyarah IPG yang mengajar kursus PIM1034 berkuat kuasa Jun 2013 di 3 buah IPG yang menjadi responden pemerhatian dalam kajian ini.

Jadual 3.11. Responden Pemerhatian Yang Mengajar Kursus PIM1034 Berkuat kuasa Jun 2013

Bil	Nama IPG	Bilangan Responden
1	IPG Kampus 3	1
2	IPG Kampus 5	1
3	IPG Kampus 20	2
Jumlah Keseluruhan		4

Sumber: Analisa Penulis

3.6 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Sebelum melaksanakan kajian, surat kelulusan menjalankan kajian dari pihak Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya selaku tempat pengajian diperolehi terlebih dahulu. Seterusnya, kelulusan untuk menjalankan kajian dari pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pelajaran Malaysia turut diperolehi sebagai syarat kelulusan untuk menjalankan kajian

di IPG-IPG di Malaysia. Setelah mendapat dua surat kelulusan tersebut, pengkaji menulis surat permohonan menjalankan kajian ke 21 buah IPG yang dipilih untuk dijadikan lokasi kajian.

Surat permohonan menjalankan kajian ini hendaklah dibawa semasa hendak mengedarkan soal selidik, melaksanakan temu bual dan pemerhatian dalam fasa kuantitatif dan kualitatif yang dilaksanakan. Kebenaran bertulis daripada pihak dan individu yang akan dijadikan responden merupakan senarai semak penting yang dicadangkan oleh Chua⁴³⁴ dan Creswell.⁴³⁵ Sabitha⁴³⁶ menambah lagi, aspek kerahsiaan dan perasaan responden perlu dijaga dalam menjalankan kajian.

3.6.1 Pentadbiran Soal Selidik

Dalam kajian ini, borang soal selidik diedarkan ke 21 buah IPG di seluruh Malaysia. Pengagihan borang soal selidik dalam kajian ini diagih melalui dua cara iaitu soal selidik secara langsung dan melalui pos.⁴³⁷ Soal selidik secara langsung lebih dikenali sebagai soal selidik yang ditadbir sendiri oleh pengkaji.⁴³⁸ Kedua-dua proses ini dilaksanakan setelah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan setiap IPG.

3.6.1(a) Soal Selidik Secara Langsung

Pengkaji memberi taklimat ringkas kepada responden berkaitan tatacara menjawab borang soal selidik bagi tiga buah IPG yang soal selidiknya ditadbir sendiri oleh pengkaji pada awal Ogos 2013. Soal selidik yang telah siap diisi, dikembalikan

⁴³⁴ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 33.

⁴³⁵ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 175.

⁴³⁶ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 24.

⁴³⁷ *Ibid.*, 120.

⁴³⁸ Bryman, *Social Research Methods*, 132.

segera pada pengkaji sebaik sahaja siap dijawab oleh responden pada hari yang sama. Soal selidik yang ditadbir sendiri oleh pengkaji memiliki kelebihan daripada soal selidik secara pos. Ketiga-tiga IPG ini dipilih memandangkan dua IPG berada di Sarawak iaitu di Bandar Kuching dan Samarahan, berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji dan satu lagi IPG di Selangor yang berdekatan dengan tempat pengajian pengkaji iaitu Universiti Malaya. Kadar pulangan respons soal selidik lebih tinggi kerana pengkaji dapat berinteraksi dan meyakinkan responden untuk menjawab soal selidik yang diberikan.⁴³⁹

3.6.1(b) Soal Selidik Secara Pos

Pentadbiran soal selidik secara pos dilaksanakan ke atas 18 buah IPG, pengkaji telah mengedarkan soal selidik kepada responden di IPG-IPG berkenaan. Walaupun menurut Sabitha⁴⁴⁰ dan Bryman,⁴⁴¹ kadar pulangan soal selidik yang dihantar melalui pos dikatakan agak rendah, namun pengkaji tetap memilih untuk mengedarkan soal selidik secara pos memandangkan IPG-IPG yang menjadi lokasi kajian merangkumi IPG-IPG yang berada di seluruh Malaysia. Soal selidik turut dimuatkan dengan muka depan yang menerangkan tentang tajuk, objektif dan butiran pengkaji untuk memudahkan perhubungan antara responden dan pengkaji.

Keadaan geografi yang jauh menyebabkan cara ini adalah sangat sesuai dalam mendapatkan data bagi kajian ini. Kos pos yang agak tinggi memandangkan kesemua soal selidik yang dipos telah dihantar melalui perkhidmatan pos laju dan pos ekspres untuk menjamin keselamatan serta penerimaan dokumen soal selidik yang dihantar. Surat permohonan dan kelulusan menjalankan kajian telah dipos bersama soal selidik sekali gus menjelaskan objektif kajian dilaksanakan. Wang pos semula turut disertakan

⁴³⁹ Zainudin, *Research Methodology And Data Analysis*, 93.

⁴⁴⁰ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 121.

⁴⁴¹ Bryman, *Social Research Methods*, 135.

bersama sampul surat untuk memudahkan pihak responden mengepos semula soal selidik yang diperlukan.

Walaupun dikatakan kadar pulangan soal selidik secara pos agak rendah, namun pengkaji berjaya memastikan kesemua soal selidik dihantar semula kepada pengkaji dalam masa dua bulan iaitu pada bulan Ogos dan September 2013 dengan bantuan Pengarah serta Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral bagi kesemua IPG tersebut. Peringatan pertama dan kedua yang dihantar kepada responden sangat membantu dalam mendapatkan semula kesemua soal selidik yang telah diedar.⁴⁴²

Jadual 3.12 menunjukkan prosedur pengedaran soal selidik melalui pos yang merangkumi peringatan pertama dan kedua yang telah dilaksanakan dalam mendapatkan kembali kesemua soal selidik yang merupakan keseluruhan populasi.

Jadual 3.12. Prosedur Pengedaran Soal Selidik Secara Pos

Bil	Prosedur	Bilangan Responden
1	Soal selidik dipos ke 18 buah IPG (Awal Ogos 2013)	
2	Sebulan selepas soal selidik dipos (Awal September 2013)	39
3	Selepas Peringatan Pertama (Minggu kedua September 2013)	51
4	Selepas Peringatan Kedua (Minggu Terakhir September 2013)	60

Sumber: Analisa Penulis

3.6.2 Pentadbiran Temu bual

Dalam kajian ini, temu bual semi struktur secara bersemuka dilaksanakan ke atas empat orang pensyarah di empat buah IPG yang telah dipilih berdasarkan data kuantitatif dalam soal selidik yang telah dilaksanakan. Responden merupakan pensyarah yang sudah menjawab soal selidik sebelumnya dalam fasa kuantitatif. Data kualitatif

⁴⁴² Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 122.

yang diperolehi merupakan penjelasan kepada analisa kuantitatif yang telah diperolehi dalam kajian.⁴⁴³ Temu bual dilaksanakan setelah mendapat kelulusan dari pengarah IPG dan persetujuan daripada responden. Temu bual dilaksanakan selama satu jam bersama keempat-empat orang responden.

3.6.3(a) Pentadbiran Temu bual Semi Struktur Secara Bersemuka

Pemilihan temu bual bersemuka membolehkan responden mengagak keadaan atau situasi sama ada responden ingin terlibat dengan kajian ataupun tidak.⁴⁴⁴ Responden perlu diberitahu tentang tujuan kajian dan kepentingan sumbangan mereka dalam kajian tersebut. Pengkaji berpeluang melihat air muka dan emosi responden apabila diajukan soalan supaya dapat mengawal keadaan persekitaran temu bual yang dilaksanakan.⁴⁴⁵ Dalam temu bual semi struktur bersemuka ini, pengkaji boleh menjawab soalan dan memberi penjelasan dan berupaya mendahulukan soalan yang dirasakan sesuai.⁴⁴⁶ Kaedah ini dipilih oleh pengkaji untuk memastikan persoalan kajian terjawab dengan temu bual semi struktur yang lebih fleksibel.

Faktor responden, kewangan, masa dan jarak juga harus di ambil kira dalam menjalankan kajian.⁴⁴⁷ Walaupun temu bual ini memerlukan kos yang agak tinggi kerana empat orang responden yang dipilih berkhidmat di tiga buah IPG yang masing-masingnya berada di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia, namun data temu bual dari responden merupakan data yang amat diperlukan dalam kajian. Responden terdiri dari empat orang pensyarah yang terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran PIM1034, Pengantar Ilmu Fiqh bagi PPISMP semester satu Ambilan Jun 2013. Pengkaji telah pergi ketiga-tiga IPG tersebut untuk mendapatkan data yang diperlukan.

⁴⁴³ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 83.

⁴⁴⁴ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 123.

⁴⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁴⁶ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 79.

⁴⁴⁷ Bryman, *Social Research Methods*, 326.

Pelaksanaan temu bual dilaksanakan dalam minggu ketiga bulan Oktober 2013, sebaik sahaja kajian rintis tamat dijalankan pada minggu yang sama.

Panduan temu bual yang dirangka telah dijadikan panduan pengkaji dalam menjalankan temu bual. Topik-topik utama dan kata kunci yang dibekalkan digunakan dalam menemu bual agar ia selari dengan persoalan kajian yang diutarakan.⁴⁴⁸ Temu bual diadakan dengan mengambil kira faktor persekitaran yang kondusif, kesediaan responden, masa temu bual, kesesuaian responden dalam menjawab soalan yang diutarakan dan kepekaan pengkaji terhadap perasaan responden.⁴⁴⁹

Semasa temu bual bermula, *rappport* yang baik amat penting diwujudkan antara pengkaji dan responden.⁴⁵⁰ Kerahsiaan maklumat juga adalah penting untuk dimaklumkan kepada responden dalam bentuk bertulis. Menurut Creswell⁴⁵¹ dan Chua,⁴⁵² prosedur merekodkan temu bual perlu mendapat persetujuan dari responden terlebih dahulu.⁴⁵³ Borang izin rakam dan borang pemberitahuan serta persetujuan temu bual ditandatangani oleh responden sebagai satu langkah dalam menjaga etika dalam penyelidikan. Temu bual yang telah dilaksanakan selama satu jam telah dirakam untuk menjadi sistem sokongan kepada temu bual yang dilaksanakan untuk memudahkan pengkaji menulis semula transkrip temu bual dalam menganalisis data.⁴⁵⁴

Jadual 3.13 menunjukkan jadual temu bual dalam kajian ini bagi empat orang responden dari tiga buah IPG.

⁴⁴⁸ *Ibid.*, 324.

⁴⁴⁹ *Ibid.*, 325.

⁴⁵⁰ *Ibid.*, 326.

⁴⁵¹ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 176.

⁴⁵² Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 23.

⁴⁵³ *Ibid.*, 24.

⁴⁵⁴ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 178.

Jadual 3.13. Jadual Temu bual Kajian

Bil	IPG	Bilangan Responden
1	Temu bual di IPG Kampus 5 (Minggu ketiga bulan Oktober 2013)	1
2	Temu bual di IPG Kampus 20 (Minggu keempat bulan Oktober 2013)	2
3	Temu bual di IPG Kampus 3 (Minggu pertama bulan November 2013)	1

Sumber: Penulis

3.6.3 Pentadbiran Pemerhatian

Pemerhatian merupakan satu lagi instrumen bagi mengumpul data kualitatif dalam fasa dua kajian ini. Di samping temu bual, pemerhatian selama dua jam turut dilaksanakan untuk memastikan persoalan kajian terjawab dan penjelasan terhadap data soal selidik dapat diperjelaskan dengan terperinci.⁴⁵⁵ Kajian pemerhatian dipilih kerana ia menghasilkan data yang tepat, kurang dipengaruhi ingatan dan dicatat berdasarkan tingkah laku yang diperhatikan.⁴⁵⁶

Setelah mendapat kelulusan dari pengarah IPG dan persetujuan daripada responden, pengkaji membuat temu janji bersama responden berkaitan sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan diperhati. Pengkaji tidak menetapkan mana-mana unit dalam subtajuk ‘munakahat’ untuk dijalankan sesi pemerhatian. Pengkaji hanya menetapkan pengajaran adalah sesi pengajaran dan pembelajaran di bawah subtajuk ‘munakahat’.

Pemerhatian dilakukan selepas sahaja temu bual dilaksanakan ke atas empat orang pensyarah yang merupakan responden yang sama dalam sesi temu bual bersemuka yang telah dijalankan. Sebelum pemerhatian dilaksanakan, responden dikehendaki menandatangani surat persetujuan pemerhatian dan izin rakaman bagi kajian ini.

⁴⁵⁵ *Ibid.*, 83.

⁴⁵⁶ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 136.

3.6.3(a) Pemerhatian Tidak Turut Serta

Pengkaji memilih pemerhatian tidak turut serta untuk mendapatkan data kajian. Dalam pemerhatian tidak turut serta yang dilaksanakan, pengkaji memerhati beberapa aspek berkaitan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran pensyarah bagi kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh berdasarkan borang pemerhatian yang telah disediakan. Pengkaji memilih untuk mencatat nota dalam borang pemerhatian dan merakam sesi pengajaran untuk tujuan analisis data seperti yang dicadangkan oleh Creswell⁴⁵⁷ dan Chua.⁴⁵⁸ Rakaman diperlukan sebagai sokongan kepada nota pemerhatian untuk dilihat semula semasa membuat analisis.

Pengkaji tidak melibatkan diri dalam pengajaran tersebut sebaliknya hanya memerhati pergerakan, persekitaran dan sesi pengajaran yang dilaksanakan. Sesi pemerhatian secara ketara dilaksanakan dengan kehadiran pengkaji disedari oleh pensyarah dan pelajar.⁴⁵⁹ Pemerhatian dijalankan ke atas empat orang pensyarah bertanggungjawab dalam pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam melalui subtajud 'munakahat' dalam kursus tersebut bagi kurikulum yang telah dikemaskini berkuat kuasa Jun 2013.

Jadual 3.14 menunjukkan jadual pemerhatian dalam kajian ini bagi empat orang responden dari tiga buah IPG.

Jadual 3.14. Jadual Pemerhatian Kajian

Bil	IPG	Bilangan Responden
1	Pemerhatian di IPG Kampus 5 (Minggu ketiga bulan Oktober 2013)	1
2	Pemerhatian di IPG Kampus 20 (Minggu keempat bulan Oktober 2013)	2
3	Pemerhatian di IPG Kampus 3 (Minggu pertama bulan November 2013)	1

Sumber: Penulis

⁴⁵⁷ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 178.

⁴⁵⁸ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 149.

⁴⁵⁹ Sabitha, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, 137.

3.7 PENGANALISISAN DATA

Bagi kedua-dua fasa kuantitatif dan kualitatif dalam kajian berbentuk ‘*mixed methodology*’ ini, pengkaji melalui beberapa proses yang agak sama dalam menganalisis data. Proses yang dilalui adalah merangkumi penyediaan, penerokaan dan penganalisisan data untuk dianalisis. Selepas dianalisa, beberapa proses turut ditekankan dengan mengambil kira persembahan dan penafsiran analisis yang telah diperolehi. Kesahan data dan penafsirannya juga merupakan satu perkara yang perlu dititik beratkan dalam menjamin data yang diperolehi adalah tepat dan menjawab persoalan kajian.⁴⁶⁰

Jadual 3.15 menunjukkan proses penganalisisan data kajian mengikut prosedur dalam fasa kuantitatif dan kualitatif yang ditetapkan.

⁴⁶⁰ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 204.

Jadual 3.15. Proses Penganalisisan Data Kajian

Prosedur	Fasa pertama (Kuantitatif)	Fasa kedua (Kualitatif)
Penyediaan Data	Menyediakan data untuk dianalisis dengan perisian SPSS versi 20	Menyediakan transkrip data temu bual dan laporan pemerhatian untuk dianalisis dengan perisian ATLAS.ti versi 7.1.4
Penerokaan Data	- Membuat pemeriksaan data menggunakan jadual frekuensi - Membuat analisa deskriptif - Mengukur keserakan	Mewujudkan kod-kod dalam analisis data
Analisis Data	Membuat analisa inferensi dengan ujian statistik perhubungan (Ujian Korelasi Spearman Rho) melalui program SPSS	- Mengekod data - Mengelaskan kod-kod mengikut tema - Penggunaan ATLAS.ti.
Persembahan Analisis Data	Membincangkan hasil kajian dalam bentuk penjelasan, jadual dan rajah	Perbincangan hasil kajian melalui tema dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah
Penafsiran Analisis Data	- Menerangkan bagaimana hasil kajian dapat menjawab persoalan kajian dan hipotesis - Membandingkan hasil kajian dengan kajian terdahulu - Memilih hasil data yang diperlukan untuk kajian penjelasan dalam fasa kualitatif	- Triangulasi transkrip, laporan temu bual dengan video - Menerangkan bagaimana hasil kajian dapat menjawab persoalan kajian - Membandingkan hasil kajian dengan kajian terdahulu - Menyatakan bagaimana keputusan kualitatif menjelaskan keputusan kuantitatif
Kesahan Data dan Penafsirannya	Semakan dan pengesahan tenaga pakar	Semakan dan pengesahan tenaga pakar

Sumber: Penulis

3.7.1 Analisis Data Soal Selidik

Analisis bagi data soal selidik merupakan satu perkara yang amat penting dalam kajian ini. Keputusan bagi soal selidik adalah kayu ukur dalam pembinaan instrumen temu bual dan pemerhatian dalam menjelaskan aspek yang dipilih dalam fasa kualitatif. Fasa kualitatif merupakan penjelasan kepada fasa kuantitatif yang dilaksanakan menurut reka bentuk ‘*mixed methods explanatory*’ yang dipilih dalam kajian ini.

Soal selidik yang telah dijawab, dikumpul dan data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan program SPSS versi 20. Latar belakang responden dianalisa

dengan frekuensi dan peratusan untuk menjelaskan tentang demografi responden kajian. Dalam menganalisa variabel, pengkaji memilih untuk menyusun skala ordinal dalam bentuk menurun dengan menggunakan skala ordinal yang paling kerap digunakan iaitu skala likert.⁴⁶¹

Data yang telah dimasukkan diperiksa ketepatannya dengan menggunakan jadual frekuensi untuk memastikan data yang diisi lengkap dan tepat. Seterusnya, analisa deskriptif bagi data ordinal dalam skala likert yang digunakan dalam kajian ini dilaksanakan melalui pengiraan mod dan median.⁴⁶² Peratusan turut digunakan untuk menambah penjelasan dalam analisa deskriptif.⁴⁶³ Pengukuran keserakan variabel juga dilaksanakan dengan mengira sela untuk mengetahui sama ada nilai dalam satu kumpulan data berdekatan atau berjauhan antara satu sama yang lain.⁴⁶⁴

Untuk menjalankan ujian statistik inferensi, Zainuddin⁴⁶⁵ dan Othman⁴⁶⁶ menjelaskan bahawa, ujian bukan parametrik dipilih dalam kajian ini walaupun data tertabur secara normal, memandangkan skala yang digunakan untuk mengukur soal selidik adalah ordinal iaitu skala likert 5 poin. Ujian normaliti bagi taburan data tidak diperlukan dalam kajian ini memandangkan soal selidik diedar kepada keseluruhan populasi.⁴⁶⁷ Jika semua subjek dalam populasi menjadi responden kajian, maka nilai signifikan tidak perlu dilaporkan kerana keputusan korelasi tersebut merupakan keputusan korelasi bagi subjek dalam kajian.⁴⁶⁸

Seterusnya, ujian korelasi spearman rho dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara dua variabel yang dikumpul dari data ordinal dalam populasi yang

⁴⁶¹ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 226.

⁴⁶² Chua Yan Piaw, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 11.

⁴⁶³ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 1, Kaedah Penyelidikan*, 240.

⁴⁶⁴ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 8.

⁴⁶⁵ Zainudin, *Research Methodology And Data Analysis*, 101.

⁴⁶⁶ Othman, *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*, 264.

⁴⁶⁷ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 68.

⁴⁶⁸ *Ibid.*, 170.

sama.⁴⁶⁹ Zainuddin,⁴⁷⁰ Chua,⁴⁷¹ Creswell⁴⁷² dan Bryman⁴⁷³ bersependapat bahawa ujian korelasi spearman rho adalah merupakan ujian statistik inferensi yang sesuai. Nilai pekali dalam korelasi merupakan jawapan kepada persoalan dan hipotesis kajian yang ditetapkan.⁴⁷⁴ Keputusan yang diperolehi dipersembahkan dalam bentuk rajah dan jadual seperti yang dicadangkan oleh Creswell.⁴⁷⁵

Kekuatan nilai pekali korelasi (r) adalah nilai pengukuran kekuatan perhubungan antara dua variabel seperti dalam jadual 3.13 yang berikut:⁴⁷⁶

Jadual 3.13. Kekuatan Nilai Pekali Korelasi

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
.91 hingga 1.00 atau - .91 hingga - 1.00	Sangat Kuat
.71 hingga 0.90 atau - .71 hingga - .90	Kuat
.51 hingga 0.70 atau - .51 hingga - .70	Sederhana
.31 hingga 0.50 atau - .31 hingga - .50	Lemah
.01 hingga 0.30 atau - .01 hingga - .30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

Sumber: Chua, Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan, 2006.

Setelah data yang diperolehi dianalisa secara deskriptif dan inferensi, maka penafsiran data dibuat dengan menyatakan sama ada objektif, persoalan dan hipotesis kajian terjawab dengan data yang diperolehi.⁴⁷⁷ Perbincangan juga turut membandingkan keputusan kajian yang dihasilkan dengan kajian terdahulu. Seterusnya, pemilihan data daripada hasil kajian yang akan dipilih untuk kajian penjelasan dalam fasa kualitatif yang seterusnya. Penafsiran data yang telah dibuat perlu disahkan oleh

⁴⁶⁹ *Ibid.*, 42.

⁴⁷⁰ Zainudin, *Research Methodology And Data Analysis*, 98.

⁴⁷¹ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 159.

⁴⁷² Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 153.

⁴⁷³ Bryman, *Social Research Methods*, 130.

⁴⁷⁴ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 207.

⁴⁷⁵ *Ibid.*, 209.

⁴⁷⁶ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 167.

⁴⁷⁷ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 210.

tenaga pakar sama ada tepat dan sesuai dengan kajian yang dilaksanakan sebelum diterima untuk diguna pakai dalam kajian yang seterusnya.⁴⁷⁸

Penganalisisan data dalam soal selidik bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada persoalan kajian, skala dan analisis data seperti dalam jadual 3.16 yang berikut:

Jadual 3.16. Persoalan Kajian, Skala dan Analisis Data Soal Selidik

Persoalan Kajian	Variabel / Skala	Analisis Data
Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Latar belakang responden (nominal)	• Frekuensi • Peratusan
Sejauh manakah pengetahuan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam?	Variabel tak bersandar 1 (ordinal)	• Mod • Median • Peratusan • Sela
Sejauh manakah peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 2 (ordinal)	• Mod • Median • Peratusan • Sela
Sejauh manakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 3 (ordinal)	• Mod • Median • Peratusan • Sela
Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 1 (ordinal)	• Korelasi Spearman Rho
Adakah terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 2 (ordinal)	• Korelasi Spearman Rho
Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 3 (ordinal)	• Korelasi Spearman Rho

Sumber: Penulis

3.7.2 Analisis Data Temu bual

Data dalam kajian kualitatif bagi fasa yang kedua dalam kajian ini akan dianalisis melalui perisian ATLAS.ti versi 7.1.4.⁴⁷⁹ Perisian ini dipilih kerana ia

⁴⁷⁸ *Ibid.*, 211.

berupaya merekod teks termasuk PDF, imej, video dan audio dengan mudah.⁴⁸⁰ Ia juga dapat menghasilkan model visual melalui *network* dan membuat *link* mudah dengan kaedah '*drag & drop*'.⁴⁸¹ Temu bual yang dilaksanakan telah dirakam untuk tujuan penulisan transkrip temu bual.⁴⁸²

Pengkaji memilih proses analisis kandungan untuk menganalisa transkrip temu bual dalam kajian ini.⁴⁸³ Transkrip yang telah dihasilkan disemak terlebih dahulu untuk mengelakkan sebarang kesilapan penaipan. Persoalan kajian dikenal pasti untuk menentukan konstruk yang hendak dianalisa.⁴⁸⁴ Konstruk yang diuji dalam temu bual merupakan variabel tak bersandar 1 (pengetahuan pensyarah pelaksana berkaitan hak-hak wanita Islam) dan variabel tak bersandar 3 (pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam). Justeru, variabel-variabel ini merupakan tema-tema yang dianalisa dalam kajian ini.

Pembacaan semula transkrip yang telah terhasil merupakan satu keperluan agar pengkaji memahami perkembangan dan maklumat yang terdapat dalam data yang diperolehi.⁴⁸⁵ Ada kalanya soalan yang ditanya oleh pengkaji dijawab dalam soalan yang lain. Pengkaji seterusnya melabel idea berkaitan kategori yang telah dikenal pasti dengan kod-kod yang sesuai bagi data yang diperolehi menggunakan perisian ATLAS.ti.⁴⁸⁶ Teks dalam transkrip yang panjang diringkaskan dan diwakili oleh satu kod.⁴⁸⁷

Kod-kod yang dihasilkan merupakan kod berpaksi dan kod terbuka. Kod berpaksi merupakan kod yang telah disediakan berdasarkan persoalan dan keputusan kajian

⁴⁷⁹ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 49.

⁴⁸⁰ Othman Talib, *ATLAS.ti Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah* (Selangor: MPWS Rich Resources, 2013), 4.

⁴⁸¹ *Ibid.*

⁴⁸² Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 182.

⁴⁸³ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 285.

⁴⁸⁴ *Ibid.*

⁴⁸⁵ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 206.

⁴⁸⁶ *Ibid.*, 208.

⁴⁸⁷ Othman Talib, *ATLAS.ti Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*, 7.

kuantitatif dalam soal selidik kajian dalam fasa yang pertama. Kod terbuka pula merupakan kod yang dihasilkan setelah membaca dan meneliti transkrip.⁴⁸⁸ Kod-kod yang terbentuk perlu disahkan terlebih dahulu oleh pakar yang berkaitan.⁴⁸⁹ Pengkaji telah mendapat pengesahan dari seorang pensyarah yang merupakan seorang tenaga pengajar di salah sebuah IPG untuk memastikan kod-kod yang dibina dikategorikan dalam kategori yang tepat. Kod-kod yang telah dibina dan hampir sama dikelaskan mengikut tema tertentu.⁴⁹⁰

Rasional mengkategorikan kod-kod yang hampir sama dalam satu tema adalah untuk menunjukkan kekuatan setiap tema tersebut apabila ramai responden yang menyebut tentangnya.⁴⁹¹ Setelah tema-tema dikelaskan dan terbentuk, ianya dihubungkan antara satu sama lain untuk memperlihatkan perkaitan antara tema-tema tersebut dengan variabel-variabel tak bersandar. Perbincangan hasil analisis data temu bual berdasarkan tema-tema yang diperolehi, dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah. Rakaman audio yang dijalankan semasa pemerhatian turut dijadikan triangulasi kepada data teks dalam pemerhatian.

Penerangan yang terperinci diutarakan di akhir kajian dalam menjawab persoalan kajian yang ditetapkan dalam fasa kualitatif bagi temu bual. Pengkaji turut membandingkan hasil analisis temu bual dengan kajian terdahulu sekaligus menyatakan bagaimana data temu bual membantu menjelaskan keputusan kuantitatif yang dilaksanakan melalui fasa pertama.

Penganalisan data dalam temu bual bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada persoalan kajian, skala dan analisis data seperti dalam jadual 3.17 yang berikut:

⁴⁸⁸ *Ibid.*, 6.

⁴⁸⁹ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 212.

⁴⁹⁰ *Ibid.*, 208.

⁴⁹¹ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 287.

Jadual 3.17. Persoalan Kajian, Skala dan Analisis Data Temu bual

Persoalan Kajian	Variabel	Analisis Data
Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Latar belakang responden	• Frekuensi • Peratusan
Bagaimana pemahaman pensyarah pelaksana kurikulum terhadap hak-hak wanita Islam?	Variabel tak bersandar 1	• Analisis Kandungan
Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG?	Variabel tak bersandar 3	• Analisis Kandungan

Sumber: Penulis

3.7.3 Analisis Data Pemerhatian

Data pemerhatian turut dianalisis melalui perisian ATLAS.ti versi 7.1.4 seperti mana data temu bual dianalisa.⁴⁹² Laporan pemerhatian dicatatkan oleh pengkaji dalam borang laporan pemerhatian semasa pemerhatian dilaksanakan.⁴⁹³ Pengkaji memilih proses analisis kandungan untuk menganalisa borang pemerhatian dalam kajian ini.⁴⁹⁴ Persoalan kajian dikenal pasti untuk menentukan variabel yang hendak dianalisa.⁴⁹⁵

Variabel yang diuji dalam pemerhatian merupakan variabel tak bersandar 2 (peranan pensyarah pelaksana berkaitan hak-hak wanita Islam) dan variabel tak bersandar 3 (pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam) yang sekali gus merupakan tema-tema yang dianalisa dalam pemerhatian. Pengkaji seterusnya melabel idea berkaitan kategori yang telah dikenal pasti dengan kod-kod yang sesuai bagi data yang telah diperolehi.

Teks dalam laporan pemerhatian diringkaskan dan diwakili oleh satu kod.⁴⁹⁶ Kod-kod yang dihasilkan merupakan kod berpaksi dan kod terbuka seperti mana analisa

⁴⁹² Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 49.

⁴⁹³ Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*, 182.

⁴⁹⁴ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 285.

⁴⁹⁵ *Ibid.*

yang dihasilkan melalui data temu bual. Kod-kod yang terbentuk perlu disahkan terlebih dahulu oleh tenaga pakar untuk menjamin kesahannya sama seperti kod-kod yang terbina dalam data temu bual.⁴⁹⁷ Pengkaji telah mendapat pengesahan dari seorang pensyarah yang merupakan seorang tenaga pengajar di salah sebuah IPG untuk memastikan kod-kod yang dibina dikategorikan dalam kategori yang tepat. Kod-kod yang hampir sama dikelaskan mengikut tema tertentu.⁴⁹⁸ Tema-tema dihubungkan kaitkan antara satu sama lain untuk memperlihatkan perkaitan antara tema-tema tersebut. Hasil analisis pemerhatian dipersembahkan dalam bentuk jadual dan rajah berdasarkan tema yang diperolehi. Rakaman video pemerhatian turut dikodkan bersama data teks sebagai triangulasi kepada laporan pemerhatian yang diperolehi.

Di akhir kajian, penerangan yang terperinci diutarakan dalam menjawab persoalan kajian yang ditetapkan dalam instrumen pemerhatian. Pengkaji turut membandingkan hasil analisis temu bual dengan kajian terdahulu sekaligus menyatakan bagaimana data pemerhatian membantu menjelaskan keputusan kuantitatif yang dilaksanakan dalam fasa pertama.

Proses penganalisan data pemerhatian bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada persoalan kajian, skala dan analisis data seperti dalam jadual 3.18 yang berikut:

⁴⁹⁶ Othman Talib, *ATLAS.ti Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Ilustrasi Langkah Demi Langkah*, 7.

⁴⁹⁷ Creswell and Plano Clark, *Designing and Conducting Mixed Methods Research*, 212.

⁴⁹⁸ *Ibid.*, 208.

Jadual 3.18. Persoalan Kajian, Skala dan Analisis Data Pemerhatian

Persoalan Kajian	Variabel	Analisis Data
Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?	Latar belakang responden	• Frekuensi • Peratusan
Bagaimana peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam di IPG?	Variabel tak bersandar 2	• Analisis Kandungan
Jelaskan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG.	Variabel tak bersandar 3	• Analisis Kandungan
Jelaskan kelebihan dan kelemahan pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.	Variabel tak bersandar 3	• Analisis Kandungan

Sumber: Penulis

3.7.4 Triangulasi Dalam Fasa Kualitatif


Proses triangulasi data dalam kajian kualitatif amat diperlukan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data yang diperolehi.⁴⁹⁹ Dalam membuat penafsiran analisis data kualitatif bagi menjawab fasa kuantitatif, kaedah triangulasi membantu memperjelaskan persoalan kajian kualitatif. Kaedah triangulasi juga dilaksanakan dalam kajian ini untuk menjelaskan perkaitan data melalui temu bual dan pemerhatian terhadap variabel-variabel tidak bersandar seperti yang dicadangkan oleh Berg.⁵⁰⁰

Proses triangulasi data dalam kajian kualitatif dapat digambarkan dalam rajah 3.5 yang berikut:

⁴⁹⁹ Chua, *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Buku 2, Asas Statistik Penyelidikan*, 9.

⁵⁰⁰ Berg, *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*, 5.

Rajah 3.5. Proses Triangulasi Data Kualitatif



Sumber: Penulis

3.8 RUMUSAN

Pengkaji memilih untuk menggunakan model '*mixed methods sequential explanatory design*' untuk menghasilkan data bagi menjawab objektif, persoalan dan hipotesis dalam kajian ini. Reka bentuk ini dipilih dari lima reka bentuk '*mixed methods*' lain yang dicadangkan oleh Creswell iaitu '*mixed methods sequential exploratory design*', '*mixed methods embedded design*', '*mixed methods convergent parallel design*' '*mixed methods transformative design*' dan '*mixed methods multiphase design*'.

Ketepatan instrumen yang dibina dalam soal selidik, temu bual dan pemerhatian merupakan satu kombinasi instrumen yang ternyata mampu menghuraikan persoalan kajian melalui dua fasa yang berbeza bermula dengan fasa kuantitatif dan diikuti fasa kualitatif. Pembentukan ketiga-tiga instrumen melalui pra-ujian, kajian rintis dan pemilihan responden juga turut dititikberatkan. Prosedur pengumpulan data dan penganalisan data kajian dilaksanakan dengan berhati-hati serta mengambil kira pengesahan dari tenaga pakar dan proses triangulasi dalam memastikan hasil kajian tepat dan dapat dijadikan panduan bagi kajian-kajian serupa pada masa akan datang.

BAB 4

ANALISIS FASA KUANTITATIF DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

4.1 PENGENALAN

Menerusi fasa kuantitatif yang dilaksanakan, soal selidik merupakan instrumen yang digunakan untuk memperoleh data dalam kajian '*mixed methods sequential explanatory design*' ini. Data berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG dikumpul melalui soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah yang terlibat dalam pengajaran kursus PA2312: Pengajian Islam 2 dan PIM1034: Pengenalan Ilmu Fiqh bagi program PPISMP di IPG. Pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dibincangkan dalam dua kursus berkenaan telah membantu menyalurkan maklumat berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG meskipun IPG tidak menawarkan kursus khusus yang menyentuh tentang elemen hak-hak wanita dalam Islam. Pengwujudan dua kurikulum ini merupakan satu medan yang diambil oleh pengkaji untuk mengukur tiga dimensi iaitu pengetahuan pensyarah, peranan pensyarah pelaksana kurikulum dan pengajaran serta pembelajaran yang dijadikan variabel tidak bersandar dalam menjayakan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG di seluruh Malaysia yang merupakan variabel bersandar dalam kajian ini.

Penjelasan terperinci tentang dapatan data dalam fasa kuantitatif yang telah diperolehi akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab ini. Keputusan analisa kuantitatif ini amat penting memandangkan ianya merupakan penentu kepada kajian kualitatif yang seterusnya.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN SOAL SELIDIK

Dalam soal selidik bahagian A, maklumat berkaitan latar belakang responden yang telah mengajar kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG telah diperolehi. Soal selidik yang dilaksanakan dalam bahagian ini adalah bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Apakah maklumat berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

Latar belakang responden yang menjadi tunggak utama pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG melalui kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh dan PA2312: Pengajian Islam 2 bagi program PPISMP telah dikenal pasti. Dua kursus tersebut merupakan kursus wajib bagi guru pelatih pengkhususan Pendidikan Islam di IPG masing-masing.

Maklumat berkaitan responden dapat dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu jantina, IPG, pengkhususan, bangsa, status, taraf pendidikan, pengalaman mengajar di IPG, jawatan dan pengalaman mengajar kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam.

4.2.1 Jantina dan IPG

Responden kajian merupakan 60 orang pensyarah (36 lelaki, 24 perempuan) yang bertugas di 21 buah IPG di seluruh Malaysia. Pensyarah lelaki lebih ramai terlibat dalam pengajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG. Daripada 60 orang responden, 11.7% (7) adalah pensyarah dari IPG Kampus 20 yang mempunyai responden paling ramai dalam kajian ini. IPG Kampus 20 adalah IPG yang sinonim dengan Pusat Latihan Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab yang banyak

menawarkan kursus dalam bidang pengkhususan Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran dan Bahasa Arab.

Manakala 7 buah IPG yang mempunyai responden paling sedikit adalah IPG Kampus 5, 7, 12, 13, 14, 16 dan 19 masing-masingnya hanya diwakili oleh seorang responden sahaja.

IPG di Zon Sarawak dan Sabah yang mencatatkan jumlah responden tertinggi adalah IPG Kampus 1 di Zon Sarawak yang mewakili 6.7% (4) dan IPG Kampus 4 di Zon Sabah yang mewakili 5.0% (3). Taburan responden mengikut jantina dan IPG digambarkan dalam jadual 4.1 yang berikut:

Jadual 4.1. Taburan Responden Mengikut Jantina dan IPG


		Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
IPG	IPG Kampus 7	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 6	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(2) 3.3%
	IPG Kampus 5	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 4	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(3) 5.0%
	IPG Kampus 3	(2) 3.3%	(0) 0.0%	(2) 3.3%
	IPG Kampus 8	(4) 6.7%	(1) 1.7%	(5) 8.3%
	IPG Kampus 2	(0) 0.0%	(2) 3.3%	(2) 3.3%
	IPG Kampus 1	(4) 6.7%	(0) 0.0%	(4) 6.7%
	IPG Kampus 21	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(2) 3.3%
	IPG Kampus 20	(3) 5.0%	(4) 6.7%	(7) 11.7%
	IPG Kampus 19	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 18	(3) 5.0%	(2) 3.3%	(5) 8.3%
	IPG Kampus 17	(3) 5.0%	(1) 1.7%	(4) 6.7%
	IPG Kampus 16	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 15	(2) 3.3%	(2) 3.3%	(4) 6.7%
	IPG Kampus 14	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 13	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 12	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(1) 1.7%
	IPG Kampus 11	(2) 3.3%	(2) 3.3%	(4) 6.7%
	IPG Kampus 10	(0) 0.0%	(4) 6.7%	4 6.7%
	IPG Kampus 9	(5) 8.3%	(0) 0.0%	5 8.3%
	Jumlah	(36) 60.0%	(24) 40.0%	(60) 100.0%

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

4.2.2 Bidang Pengkhususan

Pensyarah yang menjadi responden dalam kajian ini terdiri daripada tiga bidang pengkhususan iaitu Pendidikan Islam, Pengajian Islam dan Bahasa Arab. Sebanyak 50% (30) daripada responden merupakan pensyarah berkelulusan Pendidikan Islam, 36.67% (22) Pengajian Islam dan 13.33% (8) Bahasa Arab. Pensyarah pengkhususan Pengajian Islam merupakan pensyarah-pensyarah yang berkelulusan Syariah, Al-Quran dan Al-Sunnah, Dakwah dan Kepimpinan dan Usuluddin. Taburan responden mengikut pengkhususan dapat digambarkan dalam Rajah 4.1 yang berikut:

Rajah 4.1. Taburan Responden Mengikut Pengkhususan



Sumber: Penulis

4.2.3 Bangsa

Bangsa Melayu merupakan bangsa majoriti bagi responden dalam kajian ini iaitu sebanyak 96.7%. Peratusan ini mencatat jumlah terbesar iaitu seramai 58 orang. Bangsa Bugis dan Brunei masing-masingnya mencatat peratusan sebanyak 1.7% yang mewakili hanya seorang responden sahaja. Bangsa Brunei diwakili oleh pensyarah yang merupakan anak jati Sabah yang mengajar kursus yang dikaji. Taburan bangsa pensyarah dapat diperhatikan dalam jadual 4.2 di bawah:

Jadual 4.2. Taburan Responden Mengikut Bangsa


	Kekerapan	Peratusan	Peratusan Sah	Peratusan Kumulatif
Brunei	1	1.7	1.7	1.7
Bugis	1	1.7	1.7	3.3
Melayu	58	96.7	96.7	100.0
Jumlah	60	100.0	100.0	

Sumber: Penulis

4.2.4 Status Perkahwinan

Majoriti daripada responden merupakan pensyarah yang sudah berkahwin yang mencatat peratusan tertinggi iaitu 91.7% mewakili 55 orang. Hanya 6.7% (4) daripada jumlah keseluruhan yang belum berkahwin dan 1.7% iaitu seorang sahaja yang berstatus janda. Tiada seorang pun daripada responden yang berstatus duda dalam kajian ini. Taburan responden dapat digambarkan dengan jelas dalam rajah 4.2 di bawah:

Rajah 4.2. Taburan Responden Mengikut Status



Sumber: Analisa Penulis


4.2.5 Taraf Pendidikan

Taburan responden berdasarkan taraf pendidikan menunjukkan bahawa hampir keseluruhan jumlah pensyarah memiliki ijazah sarjana sebanyak 81.7% (49) seperti yang disarankan dalam Gagasan Baharu IPG pada tahun 2011. Program pensarjanaan pensyarah IPG tersebut mensasarkan lebih ramai pensyarah memiliki ijazah lanjutan selaras dengan proses naik taraf maktab perguruan kepada IPG untuk membolehkan IPG melaksanakan program ijazah sarjana muda.⁵⁰¹ Peratusan tersebut mewakili 31 orang pensyarah lelaki dan 18 orang pensyarah wanita yang memiliki ijazah sarjana dalam bidang pengkhususan masing-masing. Terdapat juga 5% (3) daripada pensyarah wanita memiliki ijazah doktor falsafah. Manakala selebihnya iaitu 13.3% (5 lelaki, 3 wanita)

⁵⁰¹ Jabatan Pembangunan Profesionalisme IPGM, *The New IPG: Learner Centered University* (Kuala Lumpur: IPGM KPM, 2011),19.

daripada jumlah keseluruhan responden memiliki ijazah sarjana muda. Taburan responden berdasarkan taraf pendidikan dapat diperhatikan dalam rajah 4.3 berikut:

Rajah 4.3. Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan dan Jantina




Sumber: Analisa Penulis

4.2.6 Pengalaman Pensyarah Mengajar di IPG

Peratusan tertinggi bagi pengalaman mengajar pensyarah mendapati, terdapat hampir separuh daripada responden yang telah mengajar di IPG kira-kira 5-10 tahun (51.67%). Terdapat hanya 3.33% daripada responden yang telah mengajar melebihi 25 tahun. Jumlah ini sekaligus menunjukkan bahawa pensyarah yang mengajar adalah pensyarah yang berpengalaman di mana peratusan yang mengajar melebihi 5-25 tahun adalah seramai 80%. Jumlah pensyarah yang berpengalaman mengajar di IPG kurang

dari 5 tahun hanya mencatat peratusan sebanyak 20% seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4.4 yang berikut:

Rajah 4.4. Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar di IPG



Sumber: Analisa Penulis

4.2.7 Jawatan Pensyarah

Daripada keseluruhan responden, hanya 1.7% (1) merupakan pensyarah cemerlang yang telah berkhidmat di IPG kira-kira 5-10 tahun dan 5% (3) merupakan pensyarah kanan yang telah berkhidmat kira-kira 5-20 tahun. Jumlah yang terbanyak adalah pensyarah akademik iaitu 78.3% mewakili 47 orang. Bagi jawatan ketua jabatan pula, sebanyak 15% (9) daripada responden sedang memegang jawatan tersebut, sekaligus merupakan pensyarah yang telah berkhidmat lebih dari 5 tahun di IPG. Ternyata pemilihan pensyarah cemerlang, pensyarah kanan dan ketua jabatan

memerlukan seorang pensyarah berkhidmat lebih dari 5 tahun agar pengalaman mengajar di IPG dapat membantu dalam menggalas jawatan tersebut. Taburan responden mengikut jawatan dan pengalaman mengajar di IPG dalam diperhatikan dalam jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3. Taburan Responden Mengikut Jawatan dan Pengalaman Mengajar di IPG

		Jawatan di IPG				Jumlah
		Ketua Jabatan	Pensyarah Kanan	Pensyarah	Pensyarah Cemerlang	
Pengalaman mengajar di IPG	kurang dari 5 tahun	(0) 0.0%	(0) 0.0%	(12) 20.0%	(0) 0.0%	(12) 20.0%
	5-10 tahun	(3) 5.0%	(1) 1.7%	(26) 43.3%	(1) 1.7%	(31) 51.7%
	11-15 tahun	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(5) 8.3%	(0) 0.0%	(6) 10.0%
	16-20 tahun	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(2) 3.3%	(0) 0.0%	(5) 8.3%
	21-25 tahun	(3) 5.0%	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(4) 6.7%
	melebihi 25 tahun	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(0) 0.0%	(2) 3.3%
	Jumlah	(9) 15.0%	(3) 5.0%	(47) 78.3%	(1) 1.7%	(60) 100.0%

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

Sumber: Analisa Penulis

4.2.8 Pengalaman Pengajaran Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam dan Pengalaman Pengajaran Kursus PIM1034 Dan PA2312 di IPG

Pensyarah yang dipilih mengajar kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh dan PA2312: Pengajian Islam 2 bagi program PPISMP IPG dari tahun 2007 hingga 2013 adalah merupakan pensyarah yang berpengalaman dalam kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam. Peratusan pensyarah yang mengajar kurikulum PIM1034 sebanyak 8.3% mewakili 5 orang dan PA2231 sebanyak 91.7% mewakili 55 orang.

Seramai 51 daripada 60 orang responden telah berpengalaman mengajar kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam selama kurang dari 10 tahun. Terdapat juga 9 orang pensyarah yang berpengalaman mengajar melebihi kurikulum tersebut lebih dari 10 tahun. Pensyarah yang mengajar lebih daripada 10 tahun telah mengajar kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam sejak berkhidmat di sekolah menengah sebelum berkhidmat di IPG.

Fokus kajian tertumpu pada dua kursus di IPG iaitu pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kursus PA2312: Pengajian Islam 2 diajar melalui tajuk ‘Sistem Kekeluargaan Dalam Islam’ pada semester 2 PPISMP selama 10 jam. Kurikulum ini diguna pakai semenjak Julai 2007 hingga Mei 2013.⁵⁰² Berkuat kuasa Julai 2013 pula, kurikulum PA2312: Pengajian Islam 2 disemak semula dan digantikan dengan kursus PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh dan pendidikan hak-hak wanita Islam diajar melalui tajuk ‘Munakahat’ pada semester 1 PPISMP selama 10 jam.⁵⁰³

Pengalaman responden dalam pengajaran kurikulum hak-hak wanita Islam dapat digambarkan dalam jadual 4.4 di bawah:

⁵⁰² Bahagian Pendidikan Guru KPM, “Kursus Persediaan, Sukatan Pelajaran, Pengajian Islam 2,” 26.

⁵⁰³ Institut Pendidikan Guru KPM, “Pro Forma Kursus, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh,” 3.

Jadual 4.4. Pengalaman Responden Mengajar Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam dan Pengalaman Mengajar Kursus PIM1034 dan PA2312 di IPG

		Kursus berkaitan hak-hak wanita Islam yang diajar di IPG		Jumlah
		PIM1034	PA2312	
Pengalaman mengajar kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam	1-3 tahun	(3) 5.0%	(32) 53.3%	(35) 58.3%
	4-6 tahun	(0) 0.0%	(10) 16.7%	(10) 16.7%
	7-9 tahun	(1) 1.7%	(5) 8.3%	(6) 10.0%
	10-12 tahun	(0) 0.0%	(1) 1.7%	(1) 1.7%
	13-15 tahun	(0) 0.0%	(3) 5.0%	(3) 5.0%
	16-18 tahun	(0) 0.0%	(3) 5.0%	(3) 5.0%
	melebihi 18 tahun	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(2) 3.3%
	Jumlah	(5) 8.3%	(55) 91.7%	(60) 100.0%

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

Sumber: Analisa Penulis

4.3 ANALISA KONSTRUK PENGETAHUAN PENSYARAH PELAKSANA KURIKULUM BERKAITAN HAK-HAK WANITA ISLAM

Dapatan soal selidik dalam 12 item pada bahagian B adalah bagi mengukur konstruk pengetahuan pensyarah sekaligus mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Sejauh manakah pengetahuan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG?

Jadual 4.5 menunjukkan jumlah kekerapan dan peratusan bagi konstruk pengetahuan pensyarah dalam melaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG. Analisa keseluruhan mendapati bahawa, pensyarah pelaksana kurikulum mengklasifikasikan diri mereka hanya pada kategori cemerlang hingga kurang memuaskan pada tiga item terawal berkaitan pengetahuan tentang hak-hak wanita Islam

sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan. Pensyarah didapati lebih ramai memahami hak-hak wanita Islam sebelum dan semasa perkahwinan daripada selepas pembubaran perkahwinan. Tiada seorang pun pensyarah yang mengkategorikan diri mereka pada skala tidak memuaskan dan lemah. Dapatan ini sekaligus diperkukuhkan dengan item seterusnya berkaitan pengetahuan yang luas tentang hak-hak wanita Islam yang juga berada hanya pada skala cemerlang hingga kurang memuaskan.

Pengetahuan terhadap hak-hak wanita Islam terutamanya dalam hak-hak selepas pembubaran perkahwinan sememangnya memerlukan penerangan yang lanjut. Penerangan perlu diberikan oleh pensyarah dengan jelas kepada para pelajar. Penerangan yang jelas memerlukan adanya pengetahuan yang tinggi dan mendalam dalam diri pensyarah berkaitan hak-hak tersebut. Perkara ini turut dipersetujui apabila 88% daripada wanita Islam di Kota Bharu memerlukan penerangan lanjut tentang hak-hak wanita selepas perceraian.⁵⁰⁴

Konstruk pengetahuan seterusnya mengukur sumber yang paling banyak menyumbang dalam memberikan maklumat kepada pensyarah tentang hak-hak wanita Islam di IPG. Kedudukan pada skala cemerlang didahului oleh pengetahuan yang diperolehi dari bahan bercetak (35%), buku rujukan/modul (33.3%) dan melalui isu semasa yang berlaku seharian (26.7%). Seterusnya bagi pengetahuan yang diperolehi melalui laman web, media dan huraian sukatan pelajaran, masing-masingnya mencapai peratusan sebanyak 25%. Kursus anjuran institusi luar seperti badan kerajaan dan badan bukan kerajaan juga turut menyumbang kepada penyaluran maklumat tentang hak-hak wanita Islam kepada pensyarah yang mewakili 21.7%. Peratusan yang terendah dalam keseluruhan item bahagian ini sebanyak 13.3% merupakan pendedahan hak-hak wanita Islam melalui program anjuran IPG. Ini ternyata menunjukkan bahawa, kurangnya program-program berkaitan hak-hak wanita Islam dianjurkan oleh IPG-IPG di Malaysia.

⁵⁰⁴ Mohd Khairul Anuar , Raihanah dan Sharifah Nooraida, “Perluah Wanita Dididik Dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian,” 93.

Daripada 60 orang pensyarah, terdapat persamaan pendapat bagi pensyarah-pensyarah dalam pendedahan hak-hak wanita Islam yang diperolehi melalui buku rujukan/modul dan huraian sukatan yang mewakili 5% iaitu tiga orang responden pada skala lemah. Ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang pensyarah yang mendapati bahan-bahan yang dibekalkan oleh IPG dalam dua sumber maklumat yang berikut berada pada tahap yang lemah dan perlu diperhalusi lagi.

Secara keseluruhannya, daripada 12 item yang diutarakan dalam konstruk ini, didapati bahawa, elemen pengetahuan dalam kalangan pensyarah pelaksana kurikulum yang berada pada tahap lemah hanya diwakili tidak melebihi 10%. Ini menunjukkan bahawa konstruk pengetahuan merupakan konstruk yang amat penting kerana pengetahuan yang dimiliki akan membantu pensyarah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mudah dan tepat.

Jadual kekerapan dan peratusan bagi konstruk pengetahuan pensyarah dapat diperhatikan dalam jadual 4.5 yang berikut:

Jadual 4.5. Kekerapan dan Peratusan Bagi Konstruk Pengetahuan Pensyarah Pelaksana Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam

Item	Cemerlang	Memuaskan	Kurang memuaskan	Tidak memuaskan	Lemah	Jumlah
Memahami hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan	(44) 73.3%	(14) 23.3%	(2) 3.3%	-	-	(60)
Memahami hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan	(44) 73.3%	(14) 23.3%	(2) 3.3%	-	-	(60)
Memahami hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan	(42) 70%	(15) 25%	(3) 5%	-	-	(60)
Mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan hak-hak wanita Islam	(26) 43.8%	(29) 48.3%	(5) 8.3%	-	-	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui bahan bercetak	(21) 35%	(27) 45%	(7) 11.7%	(3) 5%	(2) 3.3%	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui buku rujukan/ modul	(20) 33.3%	(25) 41.7%	(8) 13.3%	(4) 6.7%	(3) 5%	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui isu semasa yang berlaku seharian	(16) 26.7%	(24) 40%	(18) 30%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui laman web	(15) 25%	(33) 55%	(7) 11.7%	(3) 5%	(2) 3.3%	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui media	(15) 25%	(29) 48.3%	(11) 18.3%	(4) 6.7%	(1) 1.7%	(60)
Hak-hak wanita Islam diperincikan melalui huraian sukatan pelajaran	(15) 25%	(22) 36.7%	(17) 28.3%	(3) 5%	(3) 5%	(60)
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui kursus anjuran institusi luar	(13) 21.7%	(23) 38.3%	(17) 28.3%	(5) 8.3%	(2) 3.3%	(60)
Pendedahan isu berkaitan hak-hak wanita Islam dalam program anjuran IPG	(8) 13.3%	(25) 41.7%	(15) 25%	(6) 10%	(6) 10%	(60)

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

Sumber: Analisa Penulis

Jadual 4.6 menunjukkan median, mod dan sela bagi konstruk pengetahuan pensyarah untuk mengukur elemen pengetahuan pensyarah dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam pendapat mereka tentang konstruk pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (1.75) dan mod (1.75). Dapatan kajian ini amat bertepatan dengan pendapat Mohd Salleh⁵⁰⁵ bahawa guru yang berkualiti perlu memahami kandungan kurikulum yang diajar sekaligus memastikan para guru sentiasa menambah ilmu pengetahuan.

Majoriti pensyarah berada pada kedudukan cemerlang dalam tiga item yang terawal iaitu keupayaan dalam memahami hak-hak wanita Islam sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan dengan median (1.0) dan mod (1). Manakala dalam sembilan item yang lain pula, majoriti daripada pensyarah hanya mengkategorikan kedalaman pengetahuan dan pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam pada tahap memuaskan dengan median (2.0) dan mod (2).

Dapatan data secara keseluruhan mendapati bahawa, pendapat pensyarah dalam elemen pengetahuan pensyarah agak konsisten dalam empat item terawal berkaitan pemahaman dan kedalaman pengetahuan tentang hak-hak wanita Islam dengan sela (2). Dalam item-item berkaitan pendedahan hak-hak wanita Islam yang diperolehi melalui sukatan pelajaran, buku rujukan, laman web, bahan bercetak, media, isu semasa, program anjuran institusi luar dan IPG pula, pensyarah didapati agak kurang konsisten dalam lapan item berkenaan dengan sela pendapat yang agak besar iaitu (4). Jumlah sela yang agak besar menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang responden yang turut mengkategorikan aspek pendedahan pengetahuan mereka berada di tahap yang lemah. (Rujuk jadual 4.5) Pengukuran elemen pengetahuan adalah jauh lebih baik dari elemen pendedahan dengan sela yang kecil iaitu (2).

⁵⁰⁵ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

Median, mod dan sela bagi konstruk pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam dapat diteliti dalam jadual yang berikut:

Jadual 4.6. Median, Mod Dan Sela Bagi Konstruk Pengetahuan Pensyarah Pelaksana Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam

Item	Median	Mod	Sela
Memahami hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan	1.00	1	2
Memahami hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan	1.00	1	2
Memahami hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan	1.00	1	2
Mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan hak-hak wanita Islam	2.00	2	2
Hak-hak wanita Islam diperincikan melalui huraian sukatan pelajaran	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui buku rujukan/ modul	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui laman web	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui bahan bercetak	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui kursus anjuran institusi luar	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui isu semasa yang berlaku seharian	2.00	2	4
Pendedahan berkaitan hak-hak wanita Islam melalui media	2.00	2	4
Pendedahan isu berkaitan hak-hak wanita Islam dalam program anjuran IPG	2.00	2	4
Min Keseluruhan	1.75	1.75	3.33

Sumber: Analisa Penulis

4.4 ANALISA KONSTRUK PERANAN PENSYARAH SEBAGAI PELAKSANA KURIKULUM BERKAITAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Dapatan soal selidik dalam 13 item pada bahagian C adalah bagi mengukur konstruk peranan pensyarah pelaksana kurikulum dalam pengajaran sekaligus bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Sejauh manakah peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

Daripada keseluruhan 13 item tersebut didapati bahawa 63% pensyarah memberikan pendapat yang positif terhadap peranan mereka yang diukur pada skala cemerlang dan memuaskan.

Kedudukan pada skala cemerlang yang melebihi satu perdua daripada responden (melebihi 50%) didahului dengan peranan pensyarah dalam membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar berkaitan isu hak-hak wanita Islam (55%), minat pensyarah mengajar mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam (51.7%) dan memupuk minat pelajar terhadap isu-isu berkaitan hak-hak wanita Islam (50%).

Manakala item selebihnya pada skala cemerlang yang kurang dari jumlah satu perdua daripada responden adalah peranan pensyarah dalam mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan sirah Rasulullah (46.7%), pemupukan kesedaran pelajar tentang hak-hak wanita Islam dalam pengajaran (45%), mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan al-Quran dan hadis (43.3%) dan mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam yang berlaku di dunia (40%).

Pada lima item berikutnya, kebanyakan pensyarah berada pada tahap memuaskan, namun terdapat juga pensyarah yang memilih untuk cemerlang dalam kelima-lima item ini dalam pembinaan tingkahlaku positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam dan pembinaan reaksi/ respons positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam yang masing-masingnya mencapai peratusan sebanyak 38.3%.

Peranan pensyarah diikuti dengan item mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam dan menampilkan tokoh wanita yang memberi inspirasi dalam mempertahankan hak-hak wanita Islam yang masing-masingnya berada pada jumlah 23.3%. Peranan yang terakhir iaitu membentuk idealisme feminisme Islam dalam pengajaran dan pembelajaran mencapai tahap cemerlang yang agak rendah iaitu sebanyak 15%.

Pada keseluruhannya juga, tidak ramai pensyarah yang mengkategorikan diri mereka lemah dalam semua item pada bahagian ini. Hanya 1.7% - 5% daripada jumlah pensyarah sahaja yang memlih skala lemah dalam menyatakan pandangan mereka. Hanya peranan pensyarah dalam mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam sahaja yang mewakili 5% daripada responden pada skala lemah. Pembelajaran hak-hak wanita Islam yang diterapkan dengan elemen Undang-Undang Keluarga Islam sememangnya memerlukan pembacaan dan maklumat yang meluas serta tepat.

Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi konstruk peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG.

Jadual 4.7. Kekerapan dan Peratusan Bagi Konstruk Peranan Pensyarah Sebagai Pelaksana Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam di IPG

Item	Cemerlang	Memuaskan	Kurang memuaskan	Tidak memuaskan	Lemah	Jumlah
Membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar berkaitan isu hak-hak wanita Islam	(33) 55%	(19) 31.7%	(5) 8.3%	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(60)
Minat pensyarah mengajar mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	(31) 51.7%	(24) 40%	(4) 6.7%	-	(1) 1.7%	(60)
Memupuk minat pelajar terhadap isu isu berkaitan hak-hak wanita Islam	(30) 50%	(22) 36.7%	(6) 10%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan sirah Rasulullah	(28) 46.7%	(22) 36.7%	(7) 11.7%	(1) 1.7%	(2) 3.3%	(60)
Pemupukan kesedaran pelajar tentang hak-hak wanita Islam dalam pengajaran	(27) 45%	(24) 40%	(6) 10%	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(60)
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan Al-Quran dan hadis	(26) 43.3%	(25) 41.7%	(7) 11.7%	-	(2) 3.3%	(60)
Membina minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran tentang hak-hak wanita Islam	(26) 43.3%	(23) 38.3%	(8) 13.3%	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(60)
Mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam yang berlaku di dunia	(24) 40%	(24) 40%	(7) 11.7%	(3) 5%	(2) 3.3%	(60)
Membina tingkahlaku positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam	(23) 38.3%	(26) 43.3%	(8) 13.3%	(2) 3.3%	(1) 1.7%	(60)
Membina reaksi/ respons positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam	(23) 38.3%	(26) 43.3%	(7) 11.7%	(3) 5%	(1) 1.7%	(60)
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam	(14) 23.3%	(31) 51.7%	(10) 16.7%	(2) 3.3%	(3) 5%	(60)
Menampilkan tokoh wanita yang memberi inspirasi dalam mempertahankan hak-hak wanita Islam	(14) 23.3%	(31) 51.7%	(9) 15%	(5) 8.3%	(1) 1.7%	(60)

Membentuk idealisme feminisme Islam dalam pengajaran dan pembelajaran	(9) 15%	(29) 48.3%	(18) 30%	(2) 3.3%	(2) 3.3%	(60)
---	------------	---------------	-------------	-------------	-------------	------

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

Sumber: Analisa Penulis

Jadual 4.8 menunjukkan median, mod dan sela bagi konstruk pengetahuan pensyarah untuk mengukur konstruk peranan pensyarah pelaksana dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam memberi pendapat mereka tentang konstruk peranan pensyarah pelaksana berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (1.81) dan mod (1.38). Jika dibandingkan dengan konstruk sebelumnya, maka konstruk peranan pensyarah pelaksana kurikulum pendidikan hak-hak wanita lebih rendah berbanding dengan konstruk pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam. Abu al-Rub⁵⁰⁶ mendapati bahawa peranan guru amat penting serta menjadi tunggak utama dalam pengajian hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin. Kajian terhadap 351 orang guru yang mengajar mata pelajaran tersebut mendapati bahawa keberkesanan pengajaran adalah bergantung pada kemahiran serta peranan guru dalam menarik minat pelajar.

Berdasarkan data yang diperolehi, majoriti pensyarah berada pada kedudukan cemerlang dalam dua item yang terawal iaitu minat pensyarah mengajar mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dan membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar berkaitan isu hak-hak wanita Islam dengan median (1.0) dan mod (1). Bagi item memupuk minat pelajar terhadap isu isu berkaitan hak-hak wanita Islam pula sedikit berbeza dengan median (1.5) dan mod (1).

⁵⁰⁶ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

Manakala dalam lima item yang lain pula, majoriti daripada pensyarah hanya mengkategorikan item pemupukan kesedaran terhadap mata pelajaran, membina minat pelajar terhadap pengajaran dan mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam yang berlaku di dunia, al-Quran, hadis dan sirah Rasulullah pada tahap memuaskan dengan masing-masingnya median (2.0) dan mod (1). Walaupun kekerapan berada di tahap cemerlang, namun nilai median hanya pada tahap memuaskan.

Bagi lima item yang terakhir pula, pensyarah turut berada pada tahap memuaskan dengan median (2.0) manakala mod (2). Lima item ini merupakan peranan pensyarah sebagai pelaksana dalam menampilkan tokoh-tokoh wanita sebagai inspirasi, mengaitkan pembelajaran dengan Undang-Undang Keluarga Islam, membentuk idealisme feminism Islam, membina respons dan tingkahlaku pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita.

Dapatan data secara keseluruhan mendapati bahawa, pendapat pensyarah dalam konstruk peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum di IPG didapati agak kurang konsisten dalam kesemua item-tem berkenaan dengan sela pendapat yang agak besar iaitu (4). Jumlah sela yang agak besar menunjukkan bahawa terdapat beberapa orang responden yang turut mengkategorikan peranan mereka dalam melaksanakan kurikulum mereka berada di tahap yang lemah.

Median, mod dan sela bagi konstruk peranan pensyarah pelaksana dalam kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam dapat diteliti dalam jadual yang berikut:

Jadual 4.8. Median, Mod Dan Sela Bagi Konstruk Peranan Pensyarah
Pelaksana Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam di IPG

Item	Median	Mod	Sela
Minat pensyarah mengajar mata pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	1.00	1	4
Membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar berkaitan isu hak-hak wanita Islam	1.00	1	4
Memupuk minat pelajar terhadap isu isu berkaitan hak-hak wanita Islam	1.50	1	4
Pemupukan kesedaran pelajar tentang hak-hak wanita Islam dalam pengajaran	2.00	1	4
Membina minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran tentang hak-hak wanita Islam	2.00	1	4
Mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam yang berlaku di dunia	2.00	1 ^a	4
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan Al-Quran dan hadis	2.00	1	4
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan sirah Rasulullah	2.00	1	4
Menampilkan tokoh wanita yang memberi inspirasi dalam mempertahankan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Mengaitkan pembelajaran hak-hak wanita Islam dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam	2.00	2	4
Membentuk idealisme feminisme Islam dalam pengajaran dan pembelajaran	2.00	2	4
Membina reaksi/ respons positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Membina tingkahlaku positif pelajar terhadap pendidikan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Min keseluruhan	1.81	1.38	4

a. Beberapa mod telah wujud. Nilai terkecil ditunjukkan.

Sumber: Analisa Penulis

4.5 ANALISA KONSTRUK PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KURIKULUM BERKAITAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Dapatan soal selidik dalam 12 item pada bahagian D adalah bagi mengukur konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sekaligus mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Sejauh manakah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG?

Daripada keseleluruhan 12 item tersebut didapati bahawa 70% daripada pensyarah memberikan pendapat yang positif terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita di IPG yang diukur pada skala amat berjaya dan berjaya. Respon positif pensyarah yang membawa kepada peratusan yang agak tinggi memperlihatkan bahawa aspek pengajaran dan pembelajaran merupakan komponen penting sesebuah kurikulum yang dilaksanakan.

Pelaksanaan pengajaran dengan menggunakan kaedah yang terbaik adalah menjamin keberkesanan sesebuah pengajaran. Ahmad Mohd Salleh⁵⁰⁷ dan Noornajihan dan Abdul Halim⁵⁰⁸ bersependapat bahawa model terbaik Rasulullah S.A.W dalam dunia pendidikan berjaya mendidik umat Islam hingga kini.

Kedudukan kesemua item pada skala amat berjaya mencapai peratusan di antara 16.7% hingga 28.3%. Pensyarah mengkategorikan kejayaan mereka dengan mendahului item mengkategorikan isi kandungan pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam sesuai dengan tajuk (28.3%) dan mempelbagaikan kaedah pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan (25%).

Item yang berada pada skala amat berjaya seterusnya adalah lima item yang mengukur keupayaan pensyarah dalam memilih strategi pengajaran yang kreatif untuk memupuk minat pelajar, mengaitkan pengalaman pengajaran yang berkesan dalam memupuk kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam, memastikan objektif pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan dan merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar berkaitan hak-hak wanita Islam yang masing-masingnya mencapai peratusan 23.3%.

Peratusan sebanyak 21.7% (amat berjaya) juga telah diperolehi dalam item merancang pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dengan baik

⁵⁰⁷ Ahmad, Kurikulum, *Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 130.

⁵⁰⁸ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 1.

dan penggunaan bahan-bahan bercetak dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam. Manakala item tugas yang diberikan kepada pelajar menambah kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam mencapai peratusan amat berjaya sebanyak 18.3%.

Penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam, penggunaan laman web sebagai sumber rujukan pelajar dalam pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dan mempelbagaikan bentuk pentaksiran (ujian) dalam menilai keberkesanan pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam merupakan tiga item terakhir yang mencapai 16.7% pada skala amat berjaya.

Walaupun kesemua 12 item dalam konstruk ini hanya memperoleh peratusan yang agak rendah pada skala amat berjaya, namun kebanyakan pensyarah masih berkeyakinan dengan kepentingan konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan memilih skala berjaya sekaligus melebihi 48.3%. Melalui konstruk ini, hanya 1.7% - 3.3% pensyarah yang mengkategorikan diri mereka lemah dalam kesemua item.

Jadual 4.9 menunjukkan kekerapan dan peratusan bagi konstruk pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam di IPG.

Jadual 4.9. Kekerapan dan Peratusan Bagi Konstruk Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam di IPG

Item	Amat berjaya	Berjaya	Kurang Berjaya	Tidak berjaya	Tidak Berjaya langsung	Jumlah
Mengkategorikan isi kandungan pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam sesuai dengan tajuk	(17) 28.3%	(29) 48.3%	(11) 18.3%	(1) 1.7%	(2) 3.3%	(60)
Mempelbagaikan kaedah pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan	(15) 25%	(35) 58.3%	(8) 13.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Memilih strategi pengajaran yang kreatif untuk memupuk minat pelajar	(14) 23.3%	(36) 60%	(9) 15%	-	(1) 1.7%	(60)
Mengaitkan pengalaman pengajaran yang berkesan dalam memupuk kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam	(14) 23.3%	(34) 56.7%	(10) 16.7%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Memastikan objektif pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan	(14) 23.3%	(34) 56.7%	(9) 15%	(1) 1.7%	(2) 3.3%	(60)
Merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar berkaitan hak-hak wanita Islam	(14) 23.3%	(33) 55%	(11) 18.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Merancang pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dengan baik	(13) 21.7%	(35) 58.3%	(9) 15%	(1) 1.7%	(2) 3.3%	(60)
Penggunaan bahan-bahan bercetak dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam	(13) 21.7%	(34) 56.7%	(11) 18.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Tugasan yang diberikan kepada pelajar menambah kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam	(11) 18.3%	(33) 55%	(14) 23.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam	(10) 16.7%	(40) 66.7%	(8) 13.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Penggunaan laman web sebagai sumber rujukan pelajar dalam pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	(10) 16.7%	(37) 61.7%	(11) 18.3%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)
Mempelbagaikan bentuk pentaksiran (ujian) dalam menilai keberkesanan pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	(10) 16.7%	(32) 53.3%	(16) 26.7%	(1) 1.7%	(1) 1.7%	(60)

Nota: Kekerapan adalah dalam kurungan.

Sumber: Analisa Penulis

Jadual 4.10 menunjukkan median, mod dan sela bagi konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam memberi pendapat mereka tentang konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (2.0) dan mod (2). Jika dibandingkan dengan dua konstruk sebelumnya, maka konstruk pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam adalah konstruk yang terendah.

Pensyarah didapati kebanyakannya bersependapat dalam 12 item yang disenaraikan, memandangkan kesemua item berada pada tahap berjaya dengan median (2.0) dan mod (2). Walau bagaimanapun sela bagi konstruk ini agak besar iaitu (4) kerana terdapat pensyarah yang mengkategorikan pendapat mereka pada tahap amat berjaya hingga tidak berjaya langsung dalam semua item pada konstruk ini.

Median, mod dan sela bagi konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kurikulum berkaitan hak-hak wanita Islam dapat diteliti menerusi jadual yang berikut:

Jadual 4.10. Median, Mod Dan Sela Bagi Konstruk Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Kurikulum Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam di IPG

Item	Median	Mod	Sela
Memastikan objektif pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan	2.00	2	4
Merancang pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dengan baik	2.00	2	4
Mengkategorikan isi kandungan pelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam sesuai dengan tajuk	2.00	2	4
Mempelbagaikan kaedah pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan	2.00	2	4
Merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar berkaitan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Mengaitkan pengalaman pengajaran yang berkesan dalam memupuk kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Penggunaan bahan-bahan bercetak dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Penggunaan laman web sebagai sumber rujukan pelajar dalam pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Penggunaan bahan bantu berbentuk multimedia dalam mempertingkatkan kefahaman pelajar terhadap hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Memilih strategi pengajaran yang kreatif untuk memupuk minat pelajar	2.00	2	4
Mempelbagaikan bentuk pentaksiran (ujian) dalam menilai keberkesanan pengajaran berkaitan hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Tugasan yang diberikan kepada pelajar menambah kesedaran terhadap hak-hak wanita Islam	2.00	2	4
Min keseluruhan	2.00	2	4

Sumber: Analisa Penulis

4.6 HUBUNGAN DI ANTARA PENGETAHUAN DAN PERANAN PENSYARAH PELAKSANA DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Ujian korelasi spearman rho dilaksanakan untuk melihat perhubungan antara dua variabel yang dikumpul dari data soal selidik yang telah diperolehi. Maka, ujian statistik inferensi dalam bahagian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara pengetahuan dan

peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG sekaligus menjawab persoalan kajian dan hipotesis yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

H_{01} : Tidak terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dan peranan pensyarah pelaksana dengan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

H_{a1} : Terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dan peranan pensyarah pelaksana dengan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Keputusan ujian korelasi spearman rho (rujuk jadual 4.11) mendapati bahawa, pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam mempunyai hubungan yang kuat dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.727$). Hubungan ini sekaligus menolak hipotesis nul dan mengekalkan hipotesis kajian.

Nilai korelasi yang positif ini sekaligus sesuai dengan hipotesis kajian yang menyatakan bahawa terdapat perhubungan antara pengetahuan dan peranan pensyarah dalam pengajaran hak-hak wanita Islam. Hubungan di antara kedua-dua variabel ini dapat diperhatikan dalam jadual 4.11 yang berikut:


Jadual 4.11. Ujian Korelasi Spearman Rho Bagi Hubungan Di Antara Pengetahuan Pensyarah Dan Peranan Pensyarah Pelaksana Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Di IPG.

			Pengetahuan Pensyarah	Peranan Pensyarah
Spearman's rho	Pengetahuan Pensyarah	Koefisien korelasi	1.000	.727**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	60	60
	Peranan Pensyarah	Koefisien korelasi	.727**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	60	60

Sumber: Analisa Penulis (**. Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)).

Pekali korelasi yang positif membawa maksud, semakin tinggi pengetahuan pensyarah, maka peranan pensyarah dalam melaksanakan kurikulum juga semakin tinggi. Pekali korelasi positif yang telah terbina dapat diperjelaskan dalam rajah 4.5 yang berikut:

Rajah 4.5. Graf Korelasi Hubungan Antara Pengetahuan Pensyarah Dan Peranan Pensyarah Pelaksana Kurikulum Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG.



Sumber: Analisa Penulis

Tibbits⁵⁰⁹ menegaskan bahwa, kurikulum berasaskan sekolah melalui Model Nilai dan Kesedaran dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia mengiktiraf guru sebagai duta penting dalam menambah pemahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari. Justeru, guru sebagai duta perlu memiliki pengetahuan tentang kurikulum yang bakal diajar untuk memastikan isi kandungan pelajaran disampaikan dengan jayanya.

4.7 HUBUNGAN DI ANTARA PERANAN PENSYARAH PELAKSANA KURIKULUM DAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Ujian korelasi spearman rho dalam bahagian ini pula bertujuan untuk melihat hubungan antara peranan pensyarah pelaksana kurikulum dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Dapatan data korelasi sekaligus menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Adakah terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

Ho₂: Tidak terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Ha₂: Terdapat perhubungan di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan

⁵⁰⁹ Tibbitts, "Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education," 163.

pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Keputusan ujian korelasi spearman rho (rujuk jadual 4.12) mendapati bahawa, peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam mempunyai hubungan yang sederhana dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.703$). Hubungan ini sekaligus menolak hipotesis nul dan mengekalkan hipotesis kajian.

Nilai korelasi yang positif ini bersesuaian dengan hipotesis kajian yang menyatakan bahawa terdapat perhubungan antara peranan pensyarah dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam.

Hubungan di antara kedua-dua variabel ini dapat diperhatikan dalam jadual 4.12 yang berikut:

Jadual 4.12. Ujian Korelasi Spearman Rho Bagi Hubungan Di Antara Peranan Pensyarah Pelaksana Dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Di IPG.

			Peranan Pensyarah	Pengajaran dan Pembelajaran
Spearman's rho	Peranan Pensyarah	Koefisien korelasi	1.000	.703**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	60	60
	Pengajaran dan Pembelajaran	Koefisien korelasi	.703**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	60	60


** . Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Sumber: Analisa Penulis

Pekali korelasi yang positif membawa maksud, semakin tinggi peranan pensyarah pelaksana dalam melaksanakan kurikulum, maka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam juga semakin berjaya.

Pekali korelasi positif yang telah terbina dapat diperjelaskan dalam rajah 4.6 yang berikut:

Rajah 4.6. Graf Korelasi Hubungan Antara Peranan Pensyarah Pelaksana Kurikulum Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG.



Sumber: Analisa Penulis

Kajian Rosnah, Muhammad Faisal dan Saedah⁵¹⁰ dalam kalangan guru Sekolah Berprestasi Tinggi, turut mencadangkan agar pembelajaran guru diberikan penumpuan kerana peranan pendidik yang berkualiti mampu menghasilkan pelajar yang berkualiti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Peranan guru juga turut dikenal pasti adalah merupakan tunggak utama dalam menjamin pengajaran hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin tercapai.⁵¹¹

⁵¹⁰ Rosnah Binti Ishak, Muhammad Faizal Bin A. Ghani dan Saedah Siraj, "Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2, no. 1 (2013), 58.

⁵¹¹ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students", 186.

Pendidik ternyata sememangnya memainkan peranan penting dalam menjamin keberkesanan sesi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.

4.8 HUBUNGAN DI ANTARA PENGETAHUAN PENSYARAH DAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Ujian korelasi spearman rho yang seterusnya pula bertujuan untuk melihat hubungan antara pengetahuan pensyarah dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Dapatan data korelasi yang diperolehi, sekaligus menjawab persoalan kajian dan hipotesis kajian yang telah ditetapkan seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Adakah terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG?

H_{03} : Tidak terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

H_{a3} : Terdapat perhubungan di antara pengetahuan pensyarah dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Keputusan ujian korelasi spearman rho (rujuk jadual 4.13) mendapati bahawa, pengetahuan pensyarah mempunyai hubungan yang kuat dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.715$). Hubungan ini sekaligus menolak hipotesis nul dan mengekalkan hipotesis kajian.

Nilai korelasi yang positif ini bersesuaian dengan hipotesis kajian yang menyatakan bahawa terdapat perhubungan antara pengetahuan pensyarah dan

pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam. Hubungan di antara kedua-dua variabel ini dapat diperhatikan dalam jadual 4.13 yang berikut:

Jadual 4.13. Ujian Korelasi Spearman Rho Bagi Hubungan Di Pengetahuan Pensyarah Dan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Di IPG.


			Pengetahuan Pensyarah	Pengajaran dan Pembelajaran
Spearman's rho	Pengetahuan Pensyarah	Koefisien korelasi	1.000	.715**
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	60	60
	Pengajaran dan Pembelajaran	Koefisien korelasi	.715**	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	60	60

**, Korelasi adalah signifikan pada aras 0.01 (2-tailed).

Sumber: Analisa Penulis

Pekali korelasi yang positif membawa maksud, semakin tinggi pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita, maka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG juga semakin berjaya. Pekali korelasi positif yang telah terbina dapat diperjelaskan dalam rajah 4.7 yang berikut:

Rajah 4.7. Graf Korelasi Hubungan Antara Pengetahuan Pensyarah Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG.



Sumber: Analisa Penulis

4.9 RUMUSAN

Dapatan data kuantitatif dalam kajian deskriptif mendapati bahawa, berdasarkan ketiga-tiga konstruk yang telah dianalisa, konstruk pengetahuan pensyarah dengan median (1.75) mendahului konstruk peranan pensyarah pelaksana (1.81) dan diikuti dengan konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam dengan median (2.0).

Berdasarkan analisa keseluruhan ujian korelasi spearman rho pula, koefisien korelasi antara pengetahuan pensyarah dan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.727$) merupakan nilai korelasi positif yang kuat, diikuti oleh nilai korelasi yang juga positif antara pengetahuan pensyarah dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.715$).

Korelasi di antara peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam juga positif namun mempunyai hubungan yang sederhana ($r = 0.703$).

Pensyarah sememangnya memainkan peranan yang amat penting dalam mengemudi pendidikan di peringkat tinggi. Pengetahuan dan kepakaran ilmu yang dimiliki oleh pensyarah, mampu membimbing para pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari.⁵¹² Menerusi kajian ini, keputusan kajian mendapati bahawa, ketiga-tiga variabel ini ternyata berkait rapat antara satu sama lain dalam memastikan pendidikan hak-hak wanita yang dilaksanakan di IPG tercapai.

Dapatan kajian yang telah diperolehi menjadi kayu ukur kepada pengkaji dalam kajian kualitatif seterusnya untuk mendalami dan memperjelaskan lagi ketiga-tiga konstruk yang merupakan variabel tidak bersandar iaitu pengetahuan pensyarah terhadap hak-hak wanita Islam, peranan pensyarah pelaksana dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Justeru fasa kualitatif memperlihatkan proses penambahan maklumat yang lebih terperinci tentang pendapat responden dalam ketiga-tiga konstruk yang tersebut.

⁵¹² Asmawati Suhid et al., "Personaliti Pendidik Yang Ideal : Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi?," *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah* 1, no. 1 (2014), 1.

BAB 5

ANALISIS FASA KUALITATIF DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

5.1 PENGENALAN

Menerusi fasa yang kedua iaitu fasa kualitatif, temu bual dan pemerhatian merupakan dua instrumen yang digunakan untuk memperoleh data seterusnya dalam kajian '*mixed methods sequential explanatory design*' ini.

Data dalam bahagian kualitatif ini diperolehi daripada pensyarah yang mengajar kursus PIM1034: Pengenalan Ilmu Fiqh bagi program PPISMP di IPG pada tahun 2013. Kursus semakan terkini ini berkuat kuasa pada bulan Jun 2013. Hasil dapatan data telah diperolehi dalam fasa pertama iaitu fasa kuantitatif. Keputusan yang positif terhadap hubungan di antara ketiga-tiga variabel iaitu pengetahuan, peranan dan sesi pengajaran serta pembelajaran pensyarah dalam sesi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG memerlukan penjelasan yang lebih terperinci dan mendalam dalam fasa kualitatif yang seterusnya.

Penambahan maklumat yang diperolehi dalam temu bual dan pemerhatian dalam bab ini akan mengukuhkan lagi kerangka konsep kajian yang dirangka dalam memastikan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG tercapai dengan jayanya pada masa yang akan datang.

Fasa kualitatif menghuraikan secara terperinci maklumat-maklumat yang diperolehi daripada keputusan fasa kuantitatif berdasarkan persoalan kajian dalam jadual 5.1 yang berikut:

Jadual 5.1. Variabel dan Persoalan Kajian Bagi Fasa Kualitatif

Variabel	Persoalan Kajian	Instrumen
Variabel tak bersandar 1: Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita	1) Bagaimana pemahaman pensyarah pelaksana kurikulum terhadap hak-hak wanita Islam?	Temu bual
Variabel tak bersandar 2: Peranan pensyarah pelaksana kurikulum berkaitan hak-hak wanita	2) Bagaimana peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam di IPG?	Pemerhatian
Variabel tak bersandar 3: Pengajaran dan pembelajaran	3) Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG?	Temu bual dan pemerhatian
	4) Jelaskan kelebihan dan kelemahan pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.	Pemerhatian

Sumber: Penulis

Penggunaan warna dan simbol menerusi perisian ATLAS.ti versi 7.1.4 juga telah digunakan dalam memperjelaskan data yang dianalisa menerusi rajah yang telah dihasilkan dalam *network-network* dalam bab ini seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual 5.2. Penggunaan Warna dan Simbol Dalam Analisa Kajian Bagi Fasa Kualitatif

Warna / Simbol	Penerangan
Hijau 	Variabel tak bersandar
Kuning 	Tema
Ungu 	Kod
	Variabel / Tema / Kod
	Transkrip temu bual / Laporan pemerhatian
	Rakaman pemerhatian

Sumber: Analisa Penulis

5.2 DEMOGRAFI RESPONDEN TEMU BUAL DAN PEMERHATIAN

Dalam kajian ini, responden temu bual dan pemerhatian merupakan responden yang sama. Justeru kedua-dua instrumen ini pada permulaannya, mengumpul maklumat berkaitan latar belakang pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Responden terdiri daripada dua orang pensyarah lelaki dan dua orang pensyarah perempuan yang terlibat dalam pengajaran PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh bagi PPISMP tahun 2013. Pensyarah yang menjadi responden sedang berkhidmat di Jabatan Pendidikan Islam dan Moral di IPG Kampus 3, IPG Kampus 5 dan IPG Kampus 20 yang masing-masingnya berada di Zon Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Pensyarah-pensyarah berkenaan masing-masingnya berumur di antara 33 hingga 48 tahun. Seorang daripadanya berbangsa Brunei dan tiga berbangsa Melayu. Pensyarah yang berbangsa Brunei merupakan anak jati Negeri Sabah. Hanya seorang daripada empat pensyarah tersebut belum berkahwin, manakala yang lainnya sudah berkahwin.

Pensyarah yang ditemu bual kesemuanya memiliki Ijazah Sarjana yang mana sudah menjadi satu keperluan bagi pensyarah-pensyarah di IPG sejak latihan perguruan dilaksanakan melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Pensyarah yang mengajar kursus berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG ini merupakan pensyarah pengkhususan Pengajian Islam. Pengalaman mengajar di IPG selama 1 hingga 12 tahun membolehkan ada dalam kalangan pensyarah tersebut yang memegang jawatan penting dalam organisasi IPG seperti Timbalan Ketua Jabatan, Penyelaras j-QAF dan Ketua Unit Ko-kurikulum. Kepakaran pensyarah ternyata menjadi kayu ukur utama dalam pemilihan jawatan yang disandang apabila ada di antara pensyarah Pengajian Islam dipilih sebagai Ketua Unit Ko-Kurikulum IPG.

Berdasarkan pengalaman pensyarah dalam pengajaran kursus berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG pula, terdapat tiga orang pensyarah yang hanya

berpengalaman di antara 1 hingga 2 tahun dalam pengajaran tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat seorang daripada pensyarah-pensyarah tersebut yang sudah berkecimpung dalam pengajaran kursus berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam ini melalui kursus PA2312: Pengajian Islam 2 yang berkuatkuasa pada Julai 2007 hingga Mei 2013 dan digantikan dengan PIM1034: Pengenalan Ilmu Fiqh berkuat kuasa Jun 2013. Pengalaman mengajar kursus ini sejak 2007 menjadikan pengalamannya dalam bidang pengajaran hak-hak wanita Islam adalah selama 8 tahun. Walaupun penerapan hak-hak wanita Islam hanya dalam tajuk-tajuk kecil sahaja, namun maklumat yang disampaikan daripadanya adalah amat membantu dalam memberi kesedaran kepada para wanita Islam di IPG.

Demografi responden temu bual dan pemerhatian dapat diperjelaskan dalam jadual 5.3 yang berikut:

Jadual 5.3. Demografi Responden Temu bual dan Pemerhatian

Item-Item	Responden 1	Responden 2	Responden 3	Responden 4
Kod IPG	IPG Kampus 5	IPG Kampus 20	IPG Kampus 20	IPG Kampus 3
Jantina	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki
Bangsa	Brunei	Melayu	Melayu	Melayu
Umur	38 tahun	48 tahun	33 tahun	43 tahun
Status	Kahwin	Kahwin	Bujang	Kahwin
Jabatan	JAPIM	JAPIM	JAPIM	JAPIM
Pengkhususan	Syariah	Syariah	Syariah	Dakwah dan Kepimpinan
Taraf Pendidikan	Sarjana	Sarjana	Sarjana	Sarjana
Jawatan di IPG	Pensyarah / Penyelaras JQAF	Pensyarah / Timbalan Ketua Jabatan	Pensyarah	Pensyarah / Ketua Unit Ko-kurikulum
Pengalaman mengajar di IPG	12 tahun	8 tahun	1 tahun	12 tahun
Pengalaman mengajar kurikulum berkaitan hak-hak wanita di IPG	1 tahun	8 tahun	1 tahun	2 tahun

5.3 LATAR BELAKANG PEMERHATIAN SESI PENGAJARAN

Selain daripada demografi responden dalam pemerhatian, maklumat berkaitan tempoh masa pengajaran, bilangan pelajar, subtajuk dan objektif pengajaran turut dikenal pasti semasa pemerhatian dilaksanakan dalam sesi pengajaran pensyarah. Pensyarah yang terlibat dalam pemerhatian merupakan mengajar kursus Pengantar Ilmu Fiqh: PIM1034 bagi tajuk Munakahat pada tahun 2013. Para pensyarah tersebut adalah terlibat dalam pengajaran bagi para guru pelatih PPISMP Ambilan Jun 2013.

Kesemua empat sesi pengajaran pensyarah yang terlibat dalam pemerhatian dilaksanakan dalam tempoh masa selama dua jam. Terdapat bilangan pelajar yang agak berbeza bagi keempat-empat sesi tersebut iaitu bagi IPG Kampus 3 (23 orang), IPG Kampus 5 (20 orang) dan IPG Kampus 20, masing-masingnya 15 orang bagi pengkhususan Pendidikan Islam dan 9 orang bagi pengkhususan Pendidikan Islam SJK(C). Bilangan pelajar yang berbeza adalah mengikut unjuran yang dibekalkan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG).

Dalam sesi pemerhatian bagi tajuk Munakahat bagi keempat-empat pensyarah, subtajuk merangkumi enam daripada tujuh unit bagi tajuk tersebut iaitu 6.1: Pra perkahwinan, 6.2: Perkahwinan, 6.3: Talak, 6.4: Iddah dan Rujuk, 6.5: Fasakh dan Khulu' dan 6.6: Lian dan Nusyuz. Hanya satu subtajuk yang terakhir iaitu 6.7: Isu semasa berkaitan munakahat sahaja yang tidak terlibat dalam pemerhatian.

Objektif atau hasil pembelajaran yang digariskan dalam keempat-empat sesi pengajaran ini menekankan elemen penghuraian dan penjelasan subtajuk serta penganalisan perkara berkaitan subtajuk tersebut. Sesi pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan agar mencapai hasil pembelajaran yang telah ditetapkan tercapai.⁵¹³ Jadual

⁵¹³ Institut Pendidikan Guru KPM, "Skema TLO, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh," 3.

5.4 menunjukkan maklumat tambahan yang diperolehi dalam pemerhatian yang telah dilaksanakan.

Jadual 5.4. Latar Belakang Pemerhatian Sesi Pengajaran

Item-Item	Responden 1	Responden 2	Responden 3	Responden 4
Nama IPG	IPG Kampus 5	IPG Kampus 20	IPG Kampus 20	IPG Kampus 3
Tempoh Masa	2 jam	2 jam	2 jam	2 jam
Bilangan Pelajar	20 orang	15 orang	9 orang	23 orang
Subtajuk	6.1 Pra perkahwinan 6.2 Perkahwinan	6.3 Talak 6.4 Iddah dan Rujuk 6.5 Fasakh dan Khulu' 6.6 Lian dan Nusyuz	6.5 Fasakh dan Khulu' 6.6 Lian dan Nusyuz	6.1 Pra perkahwinan 6.2 Perkahwinan 6.3 Talak
Objektif / Hasil Pembelajaran	Menghuraikan pengertian pra perkahwinan dengan terperinci (1.1) Menjelaskan konsep perkahwinan, talak, iddah dan rujuk (1.1)	Menghuraikan konsep fasakh, khulu', lian dan nusyuz (1.2) Menganalisis perkara yang berkaitan talak, iddah dan rujuk (1.6)	Menghuraikan konsep fasakh, khulu', lian dan nusyuz (1.2) Menganalisis perkara berkaitan talak, iddah dn rujuk (1.6)	Menghuraikan pengertian pra perkahwinan dengan terperinci (1.1) Menjelaskan konsep perkahwinan, talak, iddah dan rujuk (1.1) Menganalisis perkara yang berkaitan talak, iddah dan rujuk (1.6)

Sumber: Bahagian Pendidikan Guru, KPM dan Institut Pendidikan Guru, KPM.

5.4 PENGETAHUAN PENSYARAH DAN HAK-HAK WANITA ISLAM

Dalam mendapatkan pandangan pensyarah dalam konstruk 1 iaitu pengetahuan pensyarah tentang hak-hak wanita Islam, sesi temu bual dijalankan untuk memperkukuhkan maklumat dalam soal selidik yang diperolehi. Temu bual dalam


bahagian ini dilaksanakan bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Bagaimana pemahaman pensyarah pelaksana kurikulum terhadap hak-hak wanita Islam?

Dalam mencari jawapan kepada persoalan kajian di atas, temu bual yang dilaksanakan ke atas empat orang responden dimulakan dengan memperjelaskan persoalan berkaitan pengetahuan pensyarah tentang hak-hak wanita Islam sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan. Seterusnya persoalan berkisar sumber-sumber maklumat yang membantu para pensyarah dalam mendalami kefahaman berkaitan hak-hak wanita Islam juga turut dibincangkan.

Terdapat 16 hak-hak yang diketengahkan oleh para pensyarah semasa sesi temu bual dilaksanakan. 4 daripadanya adalah hak sebelum perkahwinan, 6 hak semasa perkahwinan dan 6 hak selepas pembubaran perkahwinan. Sebanyak 10 sumber maklumat dari pelbagai jenis bahan, telah membantu dalam memberi maklumat kepada para pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam. Rajah 5.1 menunjukkan *network* bagi pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam menerusi empat tema yang telah ditetapkan.

Rajah 5.1.1. Network Bagi Pengetahuan Pensyarah Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam



Perincian kod bagi empat tema yang ditetapkan agar memperjelaskan konstruk 1 iaitu pengetahuan pensyarah, turut disusun berdasarkan kekerapan dan taburan responden. Graf dalam rajah 5.2 menunjukkan dengan jelas bahawa setiap seorang responden berupaya menyenaraikan 1 hingga 5 hak wanita Islam semasa perkahwinan, 2 hingga 3 hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan dan hanya 1 hingga 3 hak wanita Islam sebelum perkahwinan. Seorang pensyarah perlu memiliki ilmu pengetahuan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini bertepatan dengan pendapat Mohd Salleh⁵¹⁴ bahawa guru yang berkualiti perlu memahami kandungan kurikulum yang diajar sekaligus memastikan para guru sentiasa menambah ilmu pengetahuan.

Para pensyarah ternyata banyak menyebut tentang hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan kerana kebanyakan daripada pensyarah yang ditemu bual merupakan mereka yang berstatus 'kahwin'. Hal ini sekaligus lebih banyak memberi peluang kepada responden untuk lebih mengetahui hak semasa perkahwinan daripada hak-hak yang lain. Bagi persoalan berkaitan sumber maklumat pula didapati bahawa responden menyenaraikan antara 3 hingga 5 sumber yang membantu dalam menyalurkan maklumat kepada para pensyarah dalam mengetahui hak-hak wanita Islam.


Jadual kekerapan ini menunjukkan bahawa responden berupaya menjawab dan berkongsi pendapat berkaitan pengetahuan mereka tentang hak-hak wanita Islam dengan menjawab sekurang-kurangnya satu jawapan bagi kod-kod yang telah ditetapkan. Pensyarah bukan sahaja menjawab bahawa mereka mengetahui tentang hak-hak wanita namun mampu menyenaraikannya dengan lebih terperinci.

Terdapat dua orang responden yang berupaya berkongsi 10 hak wanita Islam bagi kod sebelum, semasa dan selepas pembubaran perkahwinan. Manakala dua responden yang lain masing-masingnya menyebut enam dan empat hak bagi tiga kod

⁵¹⁴ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

yang tersebut. Bagi sumber maklumat pula, dua orang responden telah menyebut lima sumber manakala dua orang lagi menyebut tiga sumber. Taburan dan kekerapan terperinci bagi kod-kod dalam keempat-empat tema bagi konstruk pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam dapat digambarkan dalam rajah 5.2 yang berikut:

Rajah 5.2. Perincian Kod Bagi Pengetahuan Pensyarah Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam Berdasarkan Kekerapan Dan Taburan Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.4.1 Pola Jawapan Responden

Setelah meneliti jawapan responden dalam temu bual pada bahagian ini, terdapat tiga pola jawapan yang diutarakan oleh responden dalam kajian ini. Pola yang pertama adalah responden hanya menyebut jawapan yang diminta sahaja, pola yang kedua adalah responden menjawab dengan menghuraikan jawapan yang diberikan dan pola yang ketiga adalah responden menjawab dengan penghuraian berserta contoh. Perkara ini

dapat menunjukkan kedalaman pengetahuan pensyarah dalam topik yang diutarakan apabila mampu menghuraikan dengan jelas berkaitan soalan yang diutarakan.

5.4.2 Hak-Hak Wanita Islam Sebelum Perkahwinan

Menerusi temu bual yang dilaksanakan, pensyarah ternyata memahami dan mampu menyenaraikan beberapa hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan. Setiap pensyarah mampu menyatakan walaupun hanya satu hak seperti yang ditunjukkan dalam jadual 5.4. Terdapat empat hak yang diklasifikasikan oleh pensyarah sebagai hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan. Hak memilih pasangan merupakan antara hak yang disebut sebanyak tiga kali oleh responden yang berlainan dan diikuti dengan hak bertunang sebanyak dua kali. Hak bekerja dan menerima mahar juga turut diketengahkan walaupun masing-masing hanya disebut oleh seorang responden sahaja. Tema 'hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan' berdasarkan kekerapan dalam diperhatikan dalam jadual 5.5 yang berikut:

Jadual 5.5. Tema 'Hak-Hak Wanita Islam Sebelum Perkahwinan'
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Hak memilih pasangan	3
Hak bertunang	2
Hak bekerja	1
Hak menerima mahar	1

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi *network* dalam rajah 5.3 di bawah, didapati bahawa dalam menjelaskan hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan, para pensyarah menggunakan pola kedua (perkara dan huraian) dan pola ketiga (perkara, huraian dan contoh) dalam menyatakan


jawapan mereka. Pensyarah berupaya mengutarakan hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan dengan huraian berserta contoh yang jelas agar menunjukkan pemahaman yang mendalam terhadap hak-hak yang diutarakan.

Penerangan yang jelas telah dinyatakan tentang konsep mahar dan penetapannya yang tidak boleh dipengaruhi oleh ibu bapa. Peraturan pertunangan yang memerlukan batasan yang sesuai dengan syarak, had aurat dan batas-batas pergaulan turut dinyatakan oleh responden. Hak memilih pasangan juga turut ditekankan apabila tiga responden menyatakan pemilihan pasangan hidup adalah perlu dan bukanlah paksaan dari kedua-dua ibu bapa. Terdapat seorang responden yang ternyata agak berlainan pendapat dengan responden yang lain apabila menyatakan bahawa hak bekerja tergolong dalam hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan.

Penegasan diberikan oleh beliau dengan mengutarakan bahawa wanita Islam perlu bekerja mencari rezeki yang halal untuk menyara kehidupannya sebelum berkahwin. Undang-Undang Keluarga Islam di beberapa buah negara Islam masa kini ternyata tidak menghalang wanita daripada bekerja untuk mencari rezeki.⁵¹⁵ Rangkaian hak-hak wanita Islam sebelum perkahwinan menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.3 yang berikut:

⁵¹⁵ Azizah Yahia al-Hibri, "Muslim Women's Rights In The Global Village: Challenges And Opportunities," *Journal Of Law and Religion* 15 (2001), 49.

Rajah 5.3. Network Hak-Hak Wanita Islam Sebelum Perkahwinan Menurut Responden



5.4.3 Hak-Hak Wanita Islam Semasa Perkahwinan

Responden mengetengahkan sebanyak enam hak apabila ditanya soalan berkaitan hak-hak semasa perkahwinan. Di antara hak yang dinyatakan oleh pensyarah selaku responden adalah hak sebagai isteri (4 orang), hak sebagai ibu (3 orang) dan diikuti dengan hak sebagai anak, sebagai menantu, khuluk dan fasakh yang masing-masingnya disebut hanya oleh seorang responden sahaja. Hak sebagai isteri merupakan hak yang dinyatakan oleh kesemua responden dan tidak kurang juga hak sebagai ibu yang turut dinyatakan oleh tiga daripada empat orang responden. Hak wanita sebagai isteri dan ibu merupakan hak-hak yang dilihat amat bernilai dan turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat Islam seperti mana pentingnya sumbangan kaum lelaki dalam pembangunan umat Islam.⁵¹⁶

Jadual 5.6 menunjukkan tema ‘hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan’ berdasarkan kekerapan jawapan temu bual responden.

Jadual 5.6. Tema ‘Hak-Hak Wanita Islam Semasa Perkahwinan’ Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Hak sebagai isteri	4
Hak sebagai ibu	3
Hak sebagai anak	1
Hak sebagai menantu	1
Hak khuluk	1
Hak fasakh	1

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi *network* dalam rajah 5.4 di bawah, didapati bahawa dalam menjelaskan hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan, para pensyarah menggunakan ketiga-tiga pola iaitu pola pertama (hanya menyebut hak yang diminta), pola kedua (perkara dan


⁵¹⁶Foley, “Muslim Women's Challenges to Islamic Law The Case of Malaysia,” 60.

huraian) dan pola ketiga (perkara, huraian dan contoh) dalam menyatakan jawapan mereka. Para responden menghuraikan dengan panjang lebar hak sebagai isteri, ibu dan hak fasakh. Penghuraian yang terperinci ini, menunjukkan bahawa, para pensyarah memahami hak-hak yang dinyatakan dengan jelas dan tepat. Manakala hanya menyebut sahaja hak sebagai anak, menantu dan hak khuluk tanpa menghuraikannya dan memberi contoh.

Penekanan yang diberikan oleh tiga orang responden dalam menegaskan hak wanita Islam sebagai seorang isteri yang sememangnya perlu dijaga termasuk penjagaan hak terhadap isteri yang suaminya berpoligami, hak tempat tinggal, pakaian, didikan dan nafkah. Seorang responden turut menyatakan kepentingan menjaga hak-hak wanita dalam Islam dengan mengingatkan bahawa perempuan dijadikan dari tulang rusuk lelaki agar lebih dekat dihati.

Tuntutan fasakh yang merupakan satu jalan keluar dalam permasalahan rumah tangga yang tidak mungkin akan selesai, juga turut ditekankan oleh seorang responden. Beliau menyifatkan bahawa, wanita tidak seharusnya hanya pasrah kepada ketentuan Allah, namun perlu melakukan sesuatu untuk memelihara hak-hak mereka sekaligus berusaha memperbaiki kehidupan. Rangkaian hak-hak wanita Islam semasa perkahwinan menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.4 yang berikut:

Raiah 5.4. Network Hak-Hak Wanita Islam Semasa Perkahwinan Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.4.4 Hak-Hak Wanita Islam Selepas Pembubaran Perkahwinan

Dalam mengetengahkan hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan, responden telah mengklasifikasikan enam hak dalam bahagian ini. Di antara hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan yang seringkali dinyatakan oleh responden adalah hadanah seramai tiga orang. Hak nafkah, idah dan harta sepencarian masing-masingnya dinyatakan oleh dua orang responden. Manakala hak rujuk dan harta pusaka hanya dinyatakan oleh seorang responden sahaja. Hak wanita dalam harta sepencarian menurut Undang-Undang Keluarga Islam, dianggap sangat unik kerana wanita berhak menuntutnya selepas kematian suami atau perceraian termasuk khuluk.⁵¹⁷

Jadual 5.7 menunjukkan pengklasifikasian tema ‘hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan’ berdasarkan kekerapan jawapan responden.

Jadual 5.7. Tema ‘Hak-Hak Wanita Islam Selepas Pembubaran Perkahwinan’
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Hak hadanah	3
Hak nafkah	2
Hak idah	2
Hak dalam harta sepencarian	2
Hak rujuk	1
Hak harta pusaka	1

Sumber: Analisa Penulis


Dalam membicarakan hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan, responden ternyata kebanyakannya mengambil langkah hanya menyatakan hak-hak sahaja tanpa menerangkan dengan lanjut huraian tentang hak tersebut. Para responden menjawab soalan temu bual bahagian ini dengan lebih berhati-hati sekaligus

⁵¹⁷ Raihanah Abdullah, Patricia Martinez and Wirdati Mohd. Radzi, “Islam and Adat,” *Indonesia and The Malay World* 38, no. 111 (2010), 178.

mengkategorikan jawapan mereka dalam hak idah, harta pusaka, harta sepencarian, hadanah dan nafkah mengikut pola jawapan yang pertama. Pensyarah tidak menjelaskan dengan terperinci kerana kurang yakin untuk memberi huraian sebaliknya mengambil keputusan hanya dengan menyebut sahaja hak-hak tersebut.

Hanya dalam hak rujuk sahaja responden menjelaskan bahawa tempoh boleh rujuk dikira bukanlah bermula daripada keluarnya perempuan dari rumah suaminya, namun tempoh boleh rujuk dikira setelah jatuhnya talak dalam sesebuah perkahwinan. Rangkaian hak-hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.5 yang berikut:

Rajah 5.5. Network Hak-Hak Wanita Islam Selepas Pembubaran Perkahwinan Menurut Responden



5.4.5 Sumber Maklumat Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam

Terdapat 10 sumber maklumat yang dikenalpasti dalam memberi pendedahan berkaitan isu hak-hak wanita Islam kepada para pensyarah. Kebanyakan responden menyatakan bahawa internet dan buku merupakan sumber rujukan kepada mereka. Internet merupakan sumber yang mudah diperolehi dengan hanya memasukkan sahaja maklumat yang diperlukan, maka penjelasan kepada permasalahan yang diperlukan akan diperolehi. Dalam era profesionalisme pendidikan guru yang semakin maju, dunia perguruan dan pendidikan sememangnya tidak boleh dipisahkan dengan perkembangan teknologi maklumat.⁵¹⁸

Walau bagaimanapun, terdapat banyak daripada sumber-sumber yang diperolehi daripada internet perlu disahkan terlebih dahulu. Perkara ini menyebabkan pensyarah turut memilih buku untuk meneutralkan pandangan yang diperolehi dari internet. Hal ini menyebabkan tiga orang pensyarah memilih internet dan buku sebagai sumber rujukan.

Dua orang responden turut menyatakan bahawa modul dan penggubalan pro forma (sukatan), TLO (hasil pembelajaran) dan JSU (jadual spesifikasi ujian) sebagai sumber rujukan. Di antara sumber maklumat yang lain adalah suratkhobar, pembelajaran, kursus perkahwinan, penceramah kursus perkahwinan, Seminar Kekeluargaan Islam dan rancangan berunsur keagamaan di kaca televisyen yang masing-masingnya dinyatakan oleh hanya seorang responden.

Sumber maklumat yang dinyatakan tidak hanya tertumpu kepada bahan bercetak dan internet sahaja. Program yang dianjurkan, pembelajaran, penyertaan sebagai penceramah dan penggubal juga merupakan sumber yang mampu memberi maklumat

⁵¹⁸ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

kepada para pensyarah. Jadual 5.8 menunjukkan tema ‘sumber maklumat berkaitan hak-hak wanita Islam’ berdasarkan responden.

Jadual 5.8. Tema ‘Sumber Maklumat Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam’ Berdasarkan Kekerapan


Perkara	Kekerapan
Internet	3
Buku	3
Modul	2
Penggubalan pro forma, TLO dan JSU	2
Belajar	1
Suratkhabar	1
Kursus Perkahwinan	1
Penceramah Kursus Perkahwinan	1
Seminar Kekeluargaan Islam	1
Rancangan berunsur keagamaan di kaca televisyen	1

Sumber: Analisa Penulis

Di antara 10 bahan yang menjadi sumber maklumat para pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam, hanya sumber melalui modul dijelaskan dengan terperinci berserta contoh oleh seorang responden. Modul munakahat yang disediakan oleh pihak Jabatan Mufti semasa kursus dilaksanakan banyak membantu pensyarah tersebut dalam mengetahui maklumat tentang hak-hak wanita Islam. Tidak ketinggalan juga sembilan sumber yang lain yang hanya dinyatakan sahaja tanpa sebarang huraian oleh para pensyarah.

Antaranya kursus perkahwinan anjuran IPG, Seminar Kekeluargaan Islam 2012, rancangan keagamaan di kaca televisyen dan penyertaan pensyarah sebagai penceramah dan penggubal kurikulum PIM1034: Pengantar Ilmu Fiqh di IPG. Isu-isu semasa dalam surat khabar, internet, buku rujukan dan pembelajaran banyak membantu menyalurkan maklumat kepada mereka. Rangkaian sumber-sumber maklumat berkaitan hak-hak wanita Islam menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.6 yang berikut:

Rajah 5.6. Network Sumber Maklumat Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.5 PERANAN PENSYARAH PELAKSANA KURIKULUM DAN PENGAJARAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM


Sesi pemerhatian yang telah dilaksanakan ke atas empat orang responden bertujuan merungkai maklumat dalam konstruk 2 iaitu peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Pemerhatian yang dilaksanakan dalam bahagian ini adalah bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Bagaimana peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dalam pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam di IPG?

Pemerhatian yang dilaksanakan telah dibahagikan kepada tiga tema utama iaitu kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran, kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran dan minat pensyarah dalam pengajaran.

Terdapat 6 kod yang dikategorikan dalam tema pertama dan kedua iaitu kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran dan kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran. Manakala bagi tema yang ketiga hanya 2 kod sahaja yang dikategorikan dalam tema tersebut. Rajah 5.7 menunjukkan rangkaian bagi peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG menerusi tiga tema yang telah ditetapkan.

Rajah 5.7. Network Bagi Peranan Pensyarah Dalam Pelaksanaan Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam



Sumber: Analisa Penulis

Perincian kod bagi tiga tema yang ditetapkan agar memperjelaskan konstruk 2 iaitu peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita di IPG, turut disusun berdasarkan kekerapan dan taburan responden. Graf dalam rajah 5.8 menunjukkan dengan jelas bahawa setiap seorang responden berupaya memperlihatkan 1 hingga 10 kod bagi tema kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran, 4 hingga 7 kod bagi tema kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran dan hanya 1 hingga 2 kod bagi tema minat pensyarah dalam pengajaran.


Jumlah kekerapan dalam rajah 5.8 menunjukkan bahawa responden memperlihatkan peranan pensyarah pelaksana terhadap pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dengan mempamerkan sekurang-kurangnya satu jawapan bagi kod-kod yang telah ditetapkan. Setiap seorang daripada pensyarah yang diperhati telah berkongsi masing-masingnya 16, 15, 11 dan 8 kod yang berkaitan dengan kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar, kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pelajaran dan minat para pensyarah dalam pengajaran tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah menunjukkan peranan yang dimainkan dalam usaha memupuk kesedaran pelajar terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam.

Keperibadian pensyarah sebagai pelaksana kurikulum sememangnya merupakan tunggak utama yang menjadi motivasi bagi pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian bagi guru cemerlang pendidikan Islam menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keperibadian guru dan motivasi pelajar.⁵¹⁹

⁵¹⁹ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri Dan Mohd Izham Mohd Hamzah, "Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar," *Jurnal Teknologi* 51(E), Dis (2009), 70.

Taburan dan kekerapan terperinci bagi kod-kod dalam ketiga-tiga tema bagi konstruk peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dapat digambarkan dalam rajah 5.8 yang berikut:

Rajah 5.8. Perincian Kod Bagi Peranan Pensyarah Pelaksana Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Berdasarkan Kekerapan Dan Taburan Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.5.1 Kebolehan Pensyarah Dalam Membangkitkan Semangat Pelajar Dalam Pengajaran

Terdapat 6 kod yang telah dikategorikan dalam tema 'kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran' pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Semasa sesi pemerhatian dilaksanakan, pensyarah didapati banyak memberi penekanan dalam usaha memupuk minat pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam dalam pengajaran. Penegasan terhadap kod tersebut didapati berulang sebanyak 8 kali sepanjang sesi pengajaran bagi keempat-empat responden yang diperhati.

Bagi 3 kod yang lain iaitu kebolehan pensyarah dalam membina minat pelajar, membina reaksi positif pelajar dan membina tingkah laku positif pelajar dalam sesi pengajaran masing-masingnya dipamerkan sebanyak 3 kali dalam pemerhatian yang dijalankan. Manakala 2 lagi kod yang lain iaitu pemupukan kesedaran pelajar dalam pengajaran dan membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam masing-masingnya ditunjukkan sebanyak 2 kali sepanjang pemerhatian sesi pengajaran.

Jadual 5.9 menunjukkan tema 'kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran' berdasarkan kekerapan.

Jadual 5.9. Tema 'Kebolehan Pensyarah Dalam Membangkitkan Semangat Pelajar Dalam Pengajaran' Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Pemupukan minat pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam	8
Membina minat pelajar dalam pengajaran	3
Membina reaksi/ respons positif pelajar terhadap pengajaran	3
Membina tingkah laku positif pelajar dalam pengajaran	3
Pemupukan kesedaran pelajar dalam pengajaran	2
Membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam	2

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi kod 'pemupukan minat pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam', pensyarah telah berjaya memupuk minat pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam apabila pelajar mampu berkongsi pengalaman, sirah Rasulullah s.a.w dan isu semasa berkaitan hak-hak wanita Islam. Pensyarah turut menjadikan penceritaan tentang isu semasa sebagai satu daya tarikan untuk menarik minat pelajar. Aktiviti soal jawab, perbincangan dan mengaitkan pengajaran dengan lirik nasyid yang sedia ada merupakan

antara aktiviti yang menyumbang kepada ‘pembinaan minat pelajar dalam pengajaran’ untuk kod yang seterusnya.

Pelajar juga didapati menunjukkan kesungguhan dan memberi respons yang positif dalam sesi pengajaran. Soal jawab dua hala yang sering diamalkan antara pensyarah dan pelajar membawa kepada tingkah laku positif pelajar dalam pengajaran. Pensyarah turut membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap isu berkaitan hak-hak wanita Islam dengan menegaskan agar wanita tidak dipersiapkan oleh suami dan hak seorang isteri dipelihara sepenuhnya. Kesedaran untuk menghadiri kursus perkahwinan turut ditekankan oleh pensyarah agar dihadiri oleh pasangan yang ingin berkahwin.


Pelbagai cara telah dipamerkan oleh pensyarah untuk memastikan para pelajar bersemangat dalam mempelajari dan memahami pendidikan hak-hak wanita Islam dan kepentingannya dalam kehidupan seharian. Semangat belajar perlu ada dalam diri pelajar untuk menjamin keberkesanan sesebuah pengajaran. Peranan guru dalam perkara ini terbukti apabila 88% daripada guru menyatakan bahawa mereka berperanan sebagai aktivis sosial dalam memupuk minat pelajar dalam pengajaran keadilan sosial bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar.⁵²⁰

Guru perlu mendekati pelajar agar dapat membangkitkan semangat belajar dalam diri pelajar semasa pengajaran dilaksanakan. Sifat dan keperibadian Rasulullah s.a.w sebagai pendidik yang unggul pada zamannya perlu dicontohi kerana ia mampu menjadikan baginda sebagai idola, pemimpin, rakan serta guru dalam semua perkara bagi masyarakat Arab pada zamannya.⁵²¹ Rangkaian kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.9 yang berikut:

⁵²⁰ Dover, “Teaching for Social Justice: From Conceptual Frameworks to Classroom Practices,” 8.

⁵²¹ Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 69.

Rajah 5.9. Network Kebolehan Pensyarah Dalam Membangkitkan Semangat Pelajar Dalam Pengajaran Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.5.2 Kebolehan Pensyarah Dalam Mengaitkan Isi Pengajaran

Terdapat 6 kod yang telah dikategorikan dalam tema 'kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran' dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Sepanjang sesi pemerhatian dilaksanakan, pensyarah didapati memberi penekanan sebanyak 8 kali dalam usaha mengaitkan pengajaran dengan isu semasa dunia. Perkaitan pengajaran dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam juga turut diberi penekanan iaitu sebanyak 7 kali. Penekanan terhadap pemakaian Undang-Undang Keluarga Islam dalam mempertahankan hak-hak wanita sememangnya terbukti merupakan satu keperluan dalam pengajaran pendidikan hak asasi manusia menurut Muedini.⁵²²

Perkaitan pengajaran hak-hak wanita dengan al-Quran dan hadis serta sirah Rasulullah s.a.w turut dilaksanakan oleh responden dalam pengajaran masing-masingnya sebanyak 5 kali. Gharavi⁵²³ dan Kassam⁵²⁴ bersepakat dalam menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan utama dalam melaksanakan pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita.

Dalam sesi pengajaran yang dilaksanakan, pensyarah didapati turut menampilkan tokoh wanita dalam pengajaran sebanyak 2 kali dan mengaitkan pengajaran dengan kajian yang telah dilaksanakan sebanyak sekali. Jadual 5.10 menunjukkan tema 'kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran' berdasarkan kekerapan.

⁵²² Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 102.

⁵²³ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

⁵²⁴ Zayn Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam".

Jadual 5.10. Tema 'Kebolehan Pensyarah Dalam Mengaitkan Isi Pengajaran'
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Mengaitkan pengajaran dengan isu semasa dunia	8
Mengaitkan pengajaran dengan Undang-Undang Keluarga Islam	7
Mengaitkan pengajaran dengan sirah Rasulullah s.a.w	5
Mengaitkan pengajaran dengan al-Quran dan hadis	5
Menampilkan tokoh wanita dalam pengajaran	2
Mengaitkan pengajaran dengan kajian	1

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi kod yang mempunyai kekerapan yang tertinggi iaitu 'mengaitkan pengajaran hak-hak wanita dengan isu semasa dunia', pensyarah telah berjaya membuat perkaitan antara isu semasa yang positif dan negatif. Isu semasa yang positif seperti tuntutan iddah, mut'ah, harta pusaka dan nafkah yang hanya menjadi pengamalan dan peruntukan ke atas orang Islam sahaja. Isu semasa yang negatif antaranya pelaksanaan khitan ke atas perempuan yang memudaratkan para wanita dan penderaan terhadap isteri.

Kebanyakan pensyarah mengaitkan di antara isu perceraian dengan Undang-Undang Keluarga Islam dan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Terdapat seorang pensyarah yang turut mengaitkan pendapat mufti negeri terhadap pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam dalam sesi pengajaran. Dalam perkara ini, pensyarah didapati agak peka dengan isu yang berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga Islam.

Pensyarah juga didapati turut mengaitkan isi pengajaran dengan sirah Rasulullah s.a.w dalam isu poligami, talak dan petunangan. Kesemua pensyarah telah mengaitkan isi pengajaran dengan al-Quran dan hadis seperti mana yang dicadangkan oleh Gharavi⁵²⁵ dan Kassam⁵²⁶. Penampilan tokoh wanita seperti Ummu Salamah dalam isu


⁵²⁵ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

pertunangan dan Saidatina Fatimah dalam isu poligami menjadi contoh teladan dalam memperjelaskan isi pengajaran.

Seorang pensyarah didapati sangat mahir apabila mengaitkan tempoh iddah dengan kajian semasa yang menyatakan bahawa tempoh iddah selama tiga bulan dalam Islam mengurangkan kesan tompokan pada rahim wanita berbanding dengan orang yang bukan beragama Islam yang mana tiada tempoh iddah. Rangkaian kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.10 yang berikut:

⁵²⁶ Zayn Kassam, “Engendering and Experience: Teaching a Course on Women in Islam”.

Rajah 5.10. Network Kebolehan Pensyarah Dalam Mengaitkan Isi Pengajaran Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.5.3 Minat Pensyarah Dalam Pengajaran

Terdapat 2 kod yang telah dikategorikan dalam tema 'minat pensyarah dalam pengajaran' pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Semasa sesi pemerhatian dilaksanakan, pensyarah didapati banyak memberi penekanan terhadap penggunaan bahan pengajaran yang menarik. Penegasan terhadap kod tersebut didapati berulang sebanyak 4 kali jika dibandingkan dengan satu lagi kod yang lain, mewakili penerangan terperinci pensyarah kepada pelajar yang hanya memiliki kekerapan sebanyak 2 kali sahaja.

Kebolehan pensyarah menggunakan bahan pengajaran yang menarik dan penggunaan teknik penerangan yang terperinci semasa pengajaran adalah merupakan usaha yang memperlihatkan minat pensyarah dalam melaksanakan sesi pengajaran. Pengajaran hak-hak wanita dalam hak asasi manusia sememangnya memerlukan kepelbagaian multimedia sebagai sokongan terhadap pengajaran yang akan dilaksanakan.⁵²⁷

Jadual 5.11 menunjukkan tema 'minat pensyarah dalam dalam pengajaran' berdasarkan kekerapan.

Jadual 5.11. Tema 'Minat Pensyarah Dalam Pengajaran' Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Penggunaan bahan pengajaran yang menarik	4
Penerangan terperinci diberikan kepada pelajar	2

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi kod 'penggunaan bahan pengajaran yang menarik', pensyarah telah berjaya membuktikan bahawa minat seseorang pensyarah dalam sesi pengajaran amat

⁵²⁷ Cristine Chinkin, *Gender Mainstreaming in Legal and Constitutional Affairs: A Reference Manual for Governments and Other Stakeholders* (United Kingdom: Commonwealth Secretariat, 2001), 68.


membantu sesi pengajaran yang akan dikendalikan. Penggunaan bahan bantu mengajar seperti slaid *powerpoint* yang menarik, keratan akhbar tentang isu-isu semasa, buku rujukan dan peta minda menunjukkan bahawa minat seseorang tenaga pengajar dalam mempelbagaikan bahan pengajaran adalah antara peranan penting seseorang pensyarah dalam pedagogi yang akan dilaksanakan. Kemahiran dalam memberi penerangan berserta contoh juga didapati berkait rapat dengan minat seseorang pensyarah dalam mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Rasulullah s.a.w merupakan seorang pendidik, guru serta model terbaik yang sewajarnya dijadikan contoh dalam era pendidikan masa kini dan selamanya. Peranan baginda sebagai seorang guru dan pendakwah yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam memberi kefahaman serta penerangan demi penerangan, telah mampu mendidik, menasihati dan memberi pendidikan yang terbaik kepada isteri-isterinya, para sahabat serta sekalian umat ketika hayatnya.⁵²⁸

Rangkaian minat pensyarah dalam pengajaran menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.11 yang berikut:

⁵²⁸ Al-Būṭī, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawī*, 16.

Rajah 5.11. Network Minat Pensyarah Dalam Pengajaran Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.6 PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM


Sesi temu bual dan pemerhatian yang telah dilaksanakan ke atas empat orang responden juga bertujuan merungkai maklumat bagi persoalan kajian 3 dalam konstruk 3 iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan dalam bahagian ini adalah bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Bagaimana pendekatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan oleh pensyarah dalam memastikan pemupukan kesedaran hak-hak wanita Islam didedahkan di IPG?

Temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan telah dibahagikan kepada empat tema iaitu pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian bahan bantu mengajar, penilaian terhadap kefahaman pelajar dan kesesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar.

Terdapat 7 kod yang dikategorikan dalam tema pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, 4 kod bagi tema kepelbagaian bahan bantu mengajar, 2 kod bagi tema penilaian terhadap kefahaman pelajar dan 1 kod bagi tema kesesuaian tajuk pengajaran dengan para pelajar. Rajah 5.12 menunjukkan rangkaian bagi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG menerusi empat tema yang telah ditetapkan.

Rajah 5.12. Network Bagi Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam



Sumber: Analisa Penulis

Perincian kod bagi empat tema yang ditetapkan agar memperjelaskan persoalan kajian 3 dalam konstruk 3 iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG, turut disusun berdasarkan kekerapan dan taburan responden. Graf dalam rajah 5.13 menunjukkan dengan jelas bahawa setiap seorang responden berupaya menyenaraikan serta menunjukkan 12 hingga 13 kod bagi tema pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, 5 hingga 7 kod bagi tema kepelbagaian bahan bantu mengajar, 2 hingga 3 kod bagi tema penilaian terhadap kefahaman pelajar dan hanya 1 hingga 2 kod bagi tema kesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar.

Jadual kekerapan ini menunjukkan bahawa responden mampu berkongsi pendapat dan memperlihatkan kepentingan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG dengan menjawab dan mempamerkan sekurang-kurangnya satu jawapan bagi kod-kod yang telah ditetapkan. Setiap seorang daripada pensyarah yang ditemu bual dan diperhati telah berkongsi masing-masingnya 24, 21, 20 dan 18 kod yang berkaitan dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian bahan bantu mengajar, penilaian terhadap kefahaman pelajar dan kesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar.


Gaya dan pendekatan pengajaran pensyarah yang berbeza-beza berdasarkan kepakaran masing-masing membawa kepada keberkesanan sesebuah pengajaran di peringkat tinggi.⁵²⁹ Kurikulum yang menerapkan Islam dalam pelaksanaannya perlu memiliki isi kandungan pembelajaran yang disertai dengan kaedah pengajaran yang dicadangkan sesuai dengan kehendak dan keperluan sesebuah negara Islam.⁵³⁰ Perkara ini akan memantapkan sistem pengajaran dan pembelajaran tersebut.

⁵²⁹ Asmawati Suhid et al., "Personaliti Pendidik Yang Ideal : Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi?," 1.

⁵³⁰ Che Noraini Hashim and Hasan Langgulung, "Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia," *Bulletin of Education & Research* 30, no. 1 (2008), 16.

Taburan dan kekerapan terperinci bagi kod-kod dalam keempat-empat tema bagi konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG dapat digambarkan dalam rajah 5.13 yang berikut:

Rajah 5.13. Perincian Kod Bagi Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam Berdasarkan Kekerapan Dan Taburan Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.6.1 Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran

Terdapat 7 kod yang telah dikategorikan dalam tema 'pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran' dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Sepanjang sesi temu bual dan pemerhatian dilaksanakan, pensyarah didapati memberi penekanan sebanyak 15 kali dalam usaha mempelbagaikan kaedah pengajaran. Gaya dan pendekatan pensyarah yang berbeza-beza sememangnya mempengaruhi minat pelajar dalam

pengajaran.⁵³¹ Pensyarah didapati menumpukan perhatian terhadap usaha mengaitkan pengalaman dalam meningkatkan kesedaran pelajar sebanyak 11 kali. Seterusnya, pensyarah memberi penekanan terhadap perancangan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar sebanyak 10 kali.

Dalam sesi temu bual dan pemerhatian juga, pensyarah mengambil berat terhadap elemen mengkategorikan isi kandungan pelajaran sesuai dengan tajuk sebanyak 6 kali. Pensyarah juga mendapati bahawa perancangan pengajaran dan pembelajaran perlu dilaksanakan dengan baik dan objektif pengajaran perlu ditentukan dengan jayanya. Kedua-dua kod ini diwakili oleh kekerapan yang sama iaitu sebanyak 4 kali. Bagi kod yang terakhir iaitu 'pemilihan strategi pengajaran yang kreatif', pensyarah didapati mengambil berat dalam perkara ini sebanyak 3 kali.

Jadual 5.12 menunjukkan tema 'pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran' berdasarkan kekerapan.

Jadual 5.12. Tema 'Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran'
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Mempelbagaikan kaedah pengajaran	15
Mengaitkan pengalaman dalam meningkatkan kesedaran pelajar	11
Merancang aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar	9
Mengkategorikan isi kandungan pelajaran sesuai dengan tajuk	6
Perancangan pengajaran dan pembelajaran dengan baik	4
Objektif pengajaran dilaksanakan dengan jayanya	4
Pemilihan strategi pengajaran yang kreatif	3

Sumber: Analisa Penulis

⁵³¹ Asmawati Suhid et al., "Personaliti Pendidik Yang Ideal : Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi?," 1.

Pensyarah ternyata mengambil berat dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran semasa melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Di antara kaedah yang dilaksanakan semasa pengajaran adalah pembentangan dalam kumpulan, soal jawab, perbincangan, perkongsian pengalaman, penerangan pensyarah, simulasi dan diskusi berkaitan artikel. Kaedah pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah ini adalah antara kaedah yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w.

Ahmad Mohd Salleh,⁵³² Gharavi,⁵³³ Noornajihan dan Abd Halim⁵³⁴ bersependapat bahawa Rasulullah s.a.w merupakan model terbaik yang memiliki kaedah pengajaran yang terbaik dalam mendidik umatnya terutamanya dalam arena Pendidikan Islam. Kemahiran baginda dalam menyampaikan khutbah dan kuliah, dialog atau perbincangan, soal jawab, perdebatan, demontsrasi atau praktikal dan perancangan ilmiah yang mencakupi bidang kognitif, afektif dan psikomotor merupakan kunci keberkesanan pedagogi Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada para sahabat r.a.⁵³⁵

Pensyarah juga mengambil langkah yang bijak menerusi kod yang seterusnya dengan mengaitkan pengalaman dalam meningkatkan kesedaran pelajar. Pensyarah mampu mengaitkan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan isu semasa, pengalaman dan penceritaan berkaitan isu hak-hak wanita Islam. Kemahiran rasulullah s.a.w bercerita merupakan kunci keberkesanan pedagogi Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan sesuatu ilmu kepada para sahabat r.a.⁵³⁶ Kaedah bercerita mampu menaikkan semangat dan menambah keseronokan pelajar dalam mendalami isu hak-hak wanita yang diperbincangkan.

⁵³² Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 130.

⁵³³ Gharavi, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary," 1239.

⁵³⁴ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 1.

⁵³⁵ Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 133.

⁵³⁶ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 2.

Melalui kod perancangan aktiviti yang boleh meningkatkan kemahiran berfikir pelajar, pensyarah didapati telah menjadikan aktiviti pembentangan dalam kumpulan sebagai aktiviti yang paling popular dalam kalangan pelajar. Pelajar perlu membaca, berfikir, mencari maklumat dan menyediakan slaid *powerpoint* berkaitan tajuk yang telah ditetapkan untuk dibentangkan di hadapan pensyarah dan rakan pelajar. Perkara ini sedikit sebanyak akan menjadikan pelajar mendalami tajuk yang telah ditetapkan. Perbincangan dua hala antara pensyarah dan pelajar juga dijadikan antara aktiviti yang mampu merangsang kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar.

Dalam kod pengkategorian isi kandungan pelajar agar bersesuaian dengan tajuk, pensyarah memastikan pemeringkatan kandungan pelajaran diterangkan dengan terperinci berdasarkan kesinambungan tajuk yang didahului dengan perkahwinan, perceraian dan hak selepas perceraian. Pengkategorian isi membantu pelajar memahami kandungan pelajaran dengan jelas dan terperinci.

Perancangan pengajaran dan pembelajaran juga telah dilaksanakan dengan baik sepanjang pemerhatian dilaksanakan. Pensyarah berusaha untuk memberi maklumat yang tepat kepada para pelajar walaupun mereka bukanlah merupakan golongan pakar dalam isu hak-hak wanita Islam yang dibincangkan. Pensyarah turut menitik beratkan tentang objektif pengajaran yang terkandung dalam Skema TLO⁵³⁷ agar dapat tercapai sepanjang sesi pengajaran pembelajaran dilaksanakan. Kebolehan pelajar membentang, meneroka dan berkongsi maklumat bersama rakan-rakan dan pensyarah dalam tugas yang diberikan sekaligus memperlihatkan bahawa objektif pengajaran dalam menghurai, membincangkan dan menganalisis subtajuk berkaitan munakahat adalah tercapai.⁵³⁸

Pensyarah juga turut mengambil pendekatan kreatif dalam pemilihan strategi pengajaran dengan mengaitkan isu hak-hak wanita Islam dengan al-Quran dan hadis,

⁵³⁷ Institut Pendidikan Guru KPM, "Skema TLO, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh," 3.


⁵³⁸ *Ibid.*, 3.

sirah Rasulullah s.a.w, isu semasa, ceramah, lirik nasyid, akta dan kajian semasa melalui penulisan artikel. Pendidik sememangnya perlu kreatif dalam memilih strategi pengajaran yang terbaik dalam menyediakan kurikulum yang diperlukan terutamanya dalam arena Pendidikan Islam.⁵³⁹

Rangkaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran menerusi transkrip temu bual, laporan pemerhatian dan rakaman pemerhatian menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.14 yang berikut:

⁵³⁹ Che Noraini and Hasan, "Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia," 16.

Rajah 5.14. Network Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Menurut Responden



5.6.2 Kepelbagaian Bahan Bantu Mengajar

Dalam sesi temu bual dan pemerhatian yang telah dilaksanakan, terdapat 4 kod yang diklasifikasikan dalam tema 'kepelbagaian bahan bantu mengajar' dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Penggunaan multimedia sebagai bahan bantu mengajar (BBM) mencatatkan kekerapan yang tertinggi iaitu sebanyak 10 kali. Pengajaran hak-hak wanita dalam hak asasi manusia memerlukan kepelbagaian multimedia sebagai sokongan terhadap pengajaran yang akan dilaksanakan.⁵⁴⁰

Penggunaan bahan bercetak sebagai BBM dalam pengajaran juga agak popular dengan kekerapan sebanyak 7 kali. Manakala bagi penggunaan laman web sebagai rujukan dan papan tulis sebagai bahan sokongan pengajaran, masing-masingnya mencatat kekerapan terendah iaitu hanya sekali sahaja.

Jadual 5.13 menunjukkan tema 'kepelbagaian bahan bantu mengajar' berdasarkan kekerapan.

Jadual 5.13. Tema 'Kepelbagaian Bahan Bantu Mengajar'
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Penggunaan multimedia sebagai BBM	10
Penggunaan bahan bercetak sebagai BBM	7
Penggunaan laman web sebagai rujukan	1
Penggunaan papan tulis	1

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi kod penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia, pensyarah didapati kebanyakannya memilih slaid *powerpoint* sebagai bahan bantu mengajar. Terdapat hanya seorang yang memilih video sebagai sumber dalam

⁵⁴⁰ Chinkin, *Gender Mainstreaming in Legal and Constitutional Affairs: A Reference Manual for Governments and Other Stakeholders*, 68.

menyalurkan maklumat tentang hak-hak wanita Islam dalam sesi pengajaran. Menurut kajian Badger dan Sutherland⁵⁴¹ juga, penggunaan slaid *powerpoint* turut mendapat tempat dalam jiwa para pendidik jika dibandingkan dengan video. Penggunaannya didapati lebih digemari daripada video memandangkan ianya mudah untuk dimuat naik dalam blog atau laman web berkaitan bahan pengajaran.

Penggunaan bahan bercetak juga antara bahan bantu yang digemari oleh pensyarah dalam kajian ini. Buku rujukan, surat khabar, artikel dan nota pensyarah adalah antara bahan bercetak yang digunakan dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dalam kajian ini. Bahan bercetak adalah bahan bantu mengajar yang masih digunakan sehingga kini di samping bahan bantu mengajar yang berasaskan teknologi maklumat.⁵⁴²

Penggunaan laman web sebagai sumber rujukan pelajar dan penggunaan papan tulis untuk melukis peta minda bagi tajuk yang bersesuaian merupakan antara bahan bantu mengajar yang turut digunakan. Rangkaian kepelbagaian bahan bantu mengajar menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.15 yang berikut:

⁵⁴¹ Richard Badger and Peter Sutherland, "Lecturers' Perceptions of Lectures," *Journal of Further and Higher Education* 28, no. 3 (2004), 284.

⁵⁴² *Ibid.*, 283.

5.6.3 Penilaian Terhadap Kefahaman Pelajar

Menerusi tema bagi 'penilaian terhadap kefahaman pelajar' pula, respons responden hanya terbahagi kepada 2 kod sahaja iaitu usaha dalam mempelbagaikan bentuk pentaksiran dan tugas kepada pelajar. Responden mengutamakan elemen mempelbagaikan bentuk pentaksiran untuk menilai keberkesanan pengajaran dengan kekerapan sebanyak 5 kali. Manakala pemberian tugas bagi menambah kesedaran pelajar mencatat kekerapan sebanyak 4 kali. Responden ternyata mengambil berat terhadap kedua-dua kod tersebut dengan kekerapan yang hampir.

Hasil kajian ini turut bertepatan dengan pendapat Muedini⁵⁴³ di mana beliau turut berkongsi pengalamannya dalam memberi tugas dan mengutarakan beberapa soalan berbentuk penjelasan dan kritikan berkaitan hak-hak asasi manusia menurut Islam. Soalan-soalan yang disoal dalam peperiksaan akhir semester ini sekaligus bertujuan untuk menguji keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang telah dilaksanakan.

Jadual 5.14 menunjukkan tema 'penilaian terhadap kefahaman pelajar' berdasarkan kekerapan.

Jadual 5.14. Tema 'Penilaian Terhadap Kefahaman Pelajar'
Berdasarkan Kekerapan

Perkara	Kekerapan
Mempelbagaikan bentuk pentaksiran dalam menilai keberkesanan pengajaran	5
Tugas yang diberikan menambah kesedaran pelajar	4

Sumber: Analisa Penulis

Menerusi pentaksiran yang dilaksanakan, pensyarah secara keseluruhannya mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam sukatan pelajaran atau pro forma kursus

⁵⁴³ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 104.

yang telah menetapkan bahawa pentaksiran terdiri dari peperiksaan akhir dan kerja kursus berdasarkan ilmu (KKBI).⁵⁴⁴ Melalui peperiksaan akhir, terdapat beberapa soalan berkaitan munakahat turut diutarakan sekaligus memberi gambaran tentang kefahaman pelajar terhadap tajuk yang dipelajari.⁵⁴⁵ Soalan yang dikemukakan dalam peperiksaan merupakan cara untuk melihat kesinambungan antara keberkesanan pengajaran dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pensyarah.⁵⁴⁶ Terdapat juga pensyarah yang mengambil inisiatif untuk ulangkaji berbentuk latihan sebelum peperiksaan diadakan untuk melihat tahap kefahaman pelajar.


Dalam memberi tugas kepada pelajar pula, pensyarah kebanyakannya mempraktikkan kaedah pembentangan dalam kumpulan oleh pelajar berdasarkan subtajuk yang ditetapkan dalam tajuk munakahat, di samping tugas KKBI yang ditetapkan. Rangkaian kesesuaian tajuk pengajaran menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.16 yang berikut:

⁵⁴⁴ Institut Pendidikan Guru KPM, "Pro Forma Kursus, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh," 3.

⁵⁴⁵ Institut Pendidikan Guru KPM. "Jadual Spesifikasi Ujian (JSU), Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Pengajian Islam, Pengantar Ilmu Fiqh." (Jadual Spesifikasi Ujian, IPGKPM, 2013), 5.

⁵⁴⁶ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 104.

Rajah 5.16. Network Penilaian Terhadap Kefahaman Pelajar Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.6.4 Kesesuaian Tajuk Pengajaran

Kod berkaitan kesesuaian tajuk yang diajar dalam pengajaran merupakan kod tambahan yang diperolehi sepanjang temu bual dan pemerhatian dilaksanakan. Hanya terdapat 1 kod yang dikategorikan dalam tema 'kesesuaian tajuk pengajaran' dalam pendidikan hak-hak wanita Islam yang dilaksanakan di IPG. Kod tunggal yang mewakili tema ini memperlihatkan kepentingan bagi subtajuk yang diajar dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Kod tersebut diberi penekanan sebanyak 5 kali sepanjang sesi temu bual dan pemerhatian.

Subtajuk yang diajar sememangnya amat memainkan peranan penting dalam sesi pengajaran dengan mengambil kira kesesuaian tajuk dengan subtajuk yang dipelajari. Perancangan tajuk dalam pembelajaran berkaitan hak-hak wanita dalam Islam perlu mengambil kira keperluan, tugas, hak dan penekanan terhadap hak-hak yang terdapat dalam al-Quran dan hadis.⁵⁴⁷

Subtajuk yang sering dibangkitkan oleh pelajar dalam sesi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG adalah hak sebelum perkahwinan, talak, fasakh dan hadanah. Subtajuk berkaitan talak adalah merupakan subtajuk yang paling diminati oleh para pelajar dalam sesi pengajaran. Banyak persoalan berkaitan talak diutarakan dalam sesi pengajaran sekaligus menjadikan fasakh dan hadanah sebagai tajuk seterusnya yang turut diminati oleh pelajar. Hak sebelum perkahwinan juga turut menjadi perhatian dalam sesi pengajaran memandangkan pelajar yang berada dalam kursus tersebut adalah belum berkahwin dan berumur di antara 18 hingga 20 tahun.


Fenomena ini sekaligus memperlihatkan bahawa subtajuk-subtajuk yang dibincangkan dalam sesi pengajaran adalah bersesuaian dengan umur pelajar yang

⁵⁴⁷ Gharavi, "What Is Women's Studies in Islam?," 1791.

sedang meningkat remaja. I^cmar⁵⁴⁸ dalam kajiannya terhadap pelajar yang berumur 11 dan 12 tahun juga turut mendapati bahawa, subtajuk yang sesuai adalah satu keperluan dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan peringkat umur pelajar. Rangkaian kesesuaian tajuk pengajaran menurut responden dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 5.17 yang berikut:

⁵⁴⁸ I^cmār, “Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falasṭīn Min Wajhah Naẓr al-Mu^callimīn,” 241.

Rajah 5.17. Network Kesesuaian Tajuk Pengajaran Dengan Pelajar Menurut Responden



Sumber: Analisa Penulis

5.7 KELEBIHAN DAN KELEMAHAN PENGAJARAN PENSYARAH DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN HAK-HAK WANITA ISLAM DI IPG

Sesi pemerhatian yang telah dilaksanakan ke atas empat orang responden juga bertujuan merungkai maklumat bagi persoalan kajian 4 dalam konstruk 3 iaitu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Temu bual dan pemerhatian yang dilaksanakan dalam bahagian ini adalah bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian seperti yang berikut:

Persoalan kajian: Jelaskan kelebihan dan kelemahan pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.

Pemerhatian yang telah dilaksanakan mendapati bahawa terdapat tiga kelebihan dan empat kelemahan dalam pengajaran pensyarah dalam kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam.

Di antara kelebihan pengajaran pensyarah adalah:

- 1) Pengetahuan pensyarah yang meluas terhadap hak-hak wanita Islam banyak membantu pensyarah menyampaikan maklumat dalam pengajaran.
- 2) Kemahiran dan kaedah pengajaran pensyarah seperti pembentangan dalam kumpulan melahirkan suasana pembelajaran yang kondusif dan pelajar lebih proaktif.
- 3) Pemahaman murid lebih meningkat apabila pensyarah mengaitkan pembelajaran dengan isu semasa kerana kurangnya bahan bantu mengajar tentang tajuk.

Di antara kelemahan pengajaran pensyarah adalah:

- 1) Pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah di peringkat IPG tidak selaras ekoran hanya sukatan/ pro forma yang tidak dibekalkan dan tiada modul diperuntukkan bagi kursus. Pro forma yang dibekalkan juga tidak diperincikan.
- 2) Kekurangan bahan bantu mengajar menyukarkan pensyarah dalam memberi pemahaman yang jelas kepada pelajar tentang tajuk yang dipelajari.

- 3) Pensyarah terpaksa menjawab persoalan pelajar yang agak sukar di lain masa memandangkan persoalan tersebut di luar pengetahuan pensyarah.
- 4) Tempoh masa yang sangat pendek untuk kursus yang diajar menyebabkan pensyarah kurang fokus terhadap sesuatu topik yang diajar dan hanya mengajar secara keseluruhan sahaja.

5.8 RUMUSAN

Pendidikan ternyata berperanan dalam meningkatkan kefahaman terhadap hak-hak asasi manusia dalam kalangan pelajar di sekolah.⁵⁴⁹ Pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam turut diterapkan melalui pengajaran hak asasi manusia.⁵⁵⁰ Tenaga pengajar memainkan peranan yang amat penting dalam mengemudi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam.⁵⁵¹

Pensyarah sememangnya memainkan peranan yang amat penting dalam mengemudi pendidikan di peringkat tinggi.⁵⁵² Pengetahuan, kepakaran ilmu dan kaedah pengajaran yang dimiliki oleh pensyarah, mampu membimbing para pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari.⁵⁵³ Dapatan data kuantitatif dan kualitatif dalam kajian ini, membuktikan dan memperjelaskan bahawa pendidikan hak-hak wanita memerlukan pengetahuan pensyarah, peranan pensyarah dan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa berkait rapat antara satu sama lain dalam memastikan pendidikan hak-hak wanita yang dilaksanakan di IPG tercapai.

⁵⁴⁹ Susan Oguro and Nina Burridge, "Restructuring The School Curriculum To Enable Explicit And Implicit Opportunities For Human Rights Education" (proceedings, The Inagural Asian Symposium On Human Rights Education, Hiroshima, Japan, 2-4 Ogos 2014).

⁵⁵⁰ Muedini, "Teaching "Islam and Human Rights" in the Classroom," 103.

⁵⁵¹ Sharifah Nooraida and Raihanah Abdullah, "Evaluating The Lecturer's Role On Muslim Women's Rights Education In Malaysian Teaching Institutions" (proceedings, The Inagural Asian Symposium On Human Rights Education, Hiroshima, Japan, 2-4 Ogos 2014).

⁵⁵² Asmawati Suhid et al., "Personaliti Pendidik Yang Ideal: Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi?," 1.

⁵⁵³ Mohd Sahandari Gani Hamzah, Roselan Baki dan Saifuddin Kumar Abdullah, *Amalan Pengajaran Guru*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2012), 81.

Melalui data kualitatif pada konstruk yang pertama, responden ternyata banyak mengetahui dan memahami hak-hak yang dimiliki oleh para wanita Islam. Pensyarah mampu menyebut, menghurai dan memberikan contoh hak-hak wanita Islam sebelum, semasa dan selepas perkahwinan seperti yang disebutkan dalam jawapan temu bual. Walaupun terdapat beberapa hak yang hanya mampu disebut dan tidak dikupas lanjut, namun secara teorinya pensyarah menyedari hak-hak tersebut. Pensyarah juga turut menyatakan sumber-sumber maklumat berkaitan wanita Islam yang telah mereka perolehi. Ianya merupakan satu keperluan yang perlu ada dalam diri pendidik sekiranya hendak mengajar tajuk-tajuk berkaitan hak-hak wanita Islam. Pemahaman yang jitu dan padu mampu menggandingkan kemahiran dan kebolehan lain para pensyarah mahupun guru dalam pengajaran dan pembelajaran sesebuah tajuk.

Bagi konstruk yang kedua pula, responden turut memperlihatkan peranan pensyarah pelaksana terhadap pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam. Pensyarah sebagai pelaksana kurikulum sememangnya merupakan tunggak utama yang menjadi motivasi bagi pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Setiap seorang daripada pensyarah yang diperhatikan telah memperlihatkan elemen-elemen yang berkaitan dengan kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar, kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pelajaran dan minat para pensyarah dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

Bagi konstruk yang ketiga pula, responden juga didapati berkongsi pendapat dan memperlihatkan kepentingan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Setiap seorang daripada pensyarah yang ditemu bual dan diperhatikan telah berkongsi elemen-elemen yang berkaitan dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian bahan bantu mengajar, penilaian terhadap kefahaman pelajar dan kesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar.

Ketiga-tiga konstruk yang merupakan variabel-variabel tak bersandar dalam kajian ini adalah kerangka teori yang penting dalam melaksanakan kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG.

BAB 6

PENUTUP

6.1 PENGENALAN

Hasil kajian '*mixed methodology*' yang berorientasikan reka bentuk '*sequential explanatory*' ini, memperjelaskan kesinambungan di antara data bagi fasa kuantitatif dan disusuli dengan data fasa kualitatif yang seterusnya. Kesinambungan ini menggambarkan satu kerangka teori pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG di Malaysia. Pensyarah dianggap sebagai agen pemindah maklumat yang mampu menyedarkan masyarakat terutamanya para wanita tentang hak-hak mereka dalam perkahwinan menurut Islam.

Kesedaran masyarakat terhadap hak-hak wanita dalam Islam sememangnya perlu dititikberatkan untuk mengelakkan berlakunya pelanggaran terhadap hak-hak wanita Islam yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan hadis. Pendidikan ternyata merupakan satu medan penting dalam mempromosikan serta memperkasakan hak-hak wanita Islam di mata masyarakat.

Pendedahan terhadap hak-hak wanita Islam di IPG melalui pendekatan pedagogi adalah merupakan sumbangan besar yang perlu dipertingkatkan keupayaannya dari masa ke semasa. Pensyarah yang bertanggungjawab dalam mengemudi pedagogi tersebut perlu memiliki tiga elemen penting iaitu pengetahuan, peranan yang tinggi serta sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan agar maklumat yang ingin disampaikan kepada para pelajar dapat dipindahkan dengan baik.

Rasulullah s.a.w merupakan tokoh pendidik yang terbaik dan perlu dicontohi dalam keupayaan baginda mendidik umatnya khusus bagi para wanita. Kurikulum yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w merupakan kurikulum yang berpandukan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan utama. Pengetahuan, kemahiran dan kebijaksanaan Rasulullah s.a.w dalam mendidik adalah merupakan faktor utama yang membawa kepada meresapnya didikan Rasulullah s.a.w dalam jiwa setiap pelajar.

6.2 RUMUSAN HASIL PENYELIDIKAN

Dapatan kajian secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang amat rapat serta positif di antara ketiga-tiga variabel tak bersandar yang diuji dalam kajian ini. Dimensi pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam, dimensi peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum dan dimensi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sememangnya berkaitan antara satu sama lain terhadap pelaksanaan pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Hal ini turut diperakui dengan data yang diperolehi berdasarkan persepsi serta pandangan para pensyarah yang terlibat secara langsung dalam pengajaran tersebut di IPG di seluruh Malaysia.

Hasil dapatan kajian kuantitatif juga turut memperlihatkan perkaitan serta kesinambungan di antara ketiga-tiga dimensi ini di antara satu sama yang lain dalam pengajaran kurikulum berkaitan pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG. Kajian mendapati bahawa, semakin tinggi pengetahuan pensyarah terhadap hak-hak wanita Islam, maka semakin tinggi peranan yang dimainkan oleh pensyarah dalam mengemudi pengajaran tersebut.

Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita ternyata berkait rapat dengan peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum. Hubungan yang kuat antara pengetahuan dan peranan pensyarah menunjukkan persepsi positif dalam kalangan

pensyarah IPG mampu menjamin keberkesanan pengajaran pendidikan hak-hak wanita di IPG.

Di samping itu juga, pengetahuan yang tinggi dalam kalangan pensyarah terhadap hak-hak wanita Islam, turut mampu menjadikan sesi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran semakin berjaya. Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita ternyata berkait rapat dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Hubungan yang kuat antara pengetahuan dan pelaksanaan pengajaran pensyarah menunjukkan reaksi positif dalam kalangan pensyarah IPG turut mampu menjamin keberkesanan pengajaran pendidikan hak-hak wanita di IPG.

Kajian juga turut mendapati bahawa, semakin tinggi peranan yang dimainkan oleh para pensyarah, maka sesi pengajaran dan pembelajaran akan semakin berjaya. Peranan pensyarah sebagai pelaksana ternyata juga berkait rapat dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Hubungan yang sederhana antara peranan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pensyarah menunjukkan persepsi yang positif dalam kalangan pensyarah IPG turut mampu menjamin keberkesanan pengajaran pendidikan hak-hak wanita di IPG.

Dapat disimpulkan bahawa, pengetahuan dan peranan pensyarah adalah amat penting dalam menjamin kejayaan sesebuah sesi pengajaran dan pembelajaran. Peranan pensyarah akan lebih meluas sekiranya memiliki pengetahuan yang tinggi terhadap kurikulum yang akan diajar kepada para pelajar.

Gabungan hasil, penafsiran dan penjelasan data kuantitatif dan kualitatif bagi kajian 'Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG di Malaysia' dapat diperhatikan dengan jelas dalam rajah 6.1 yang berikut:

Jadual 6.1. Gabungan Hasil, Penafsiran dan Penjelasan Data Kuantitatif dan Kualitatif Bagi Kajian 'Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita Islam di IPG di Malaysia'.

Variabel Tak Bersandar	Fasa Kuantitatif	Fasa Kualitatif	Kesimpulan
Pengetahuan Pensyarah Berkaitan Hak-Hak Wanita Islam	- Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam pendapat mereka tentang konstruk pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (1.75) dan mod (1.75) - Pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita Islam mempunyai hubungan positif yang kuat dengan peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.727$).	Setiap seorang responden yang ditemu bual berupaya menyenaraikan 1 hingga 5 hak wanita Islam semasa perkahwinan, 2 hingga 3 hak wanita Islam selepas pembubaran perkahwinan, 1 hingga 3 hak wanita Islam sebelum perkahwinan dan 3 hingga 5 sumber yang membantu dalam menyalurkan maklumat kepada para pensyarah dalam mengetahui hak-hak wanita Islam. Walaupun terdapat beberapa hak yang hanya mampu disebut dan tidak dikupas lanjut, namun secara teorinya pensyarah menyedari hak-hak tersebut.	Seorang pensyarah perlu memiliki ilmu pengetahuan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Semakin tinggi pengetahuan pensyarah, maka peranan pensyarah dalam melaksanakan kurikulum juga semakin tinggi.
Peranan Pensyarah Sebagai Pelaksana Kurikulum	- Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam memberi pendapat mereka tentang konstruk peranan pensyarah pelaksana berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (1.81) dan mod (1.38). - Peranan pensyarah pelaksana dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam ($r = 0.703$).	Setiap seorang daripada pensyarah yang diperhati telah berkongsi masing-masingnya 8 hingga 16 kod yang berkaitan dengan kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar, kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pelajaran dan minat para pensyarah dalam pengajaran tersebut. Setiap seorang responden yang diperhati berupaya memperlihatkan 1 hingga 10 kod bagi tema kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran, 4 hingga 7 kod bagi tema kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar dalam pengajaran dan hanya 1 hingga 2 kod bagi tema minat pensyarah dalam pengajaran.	Pensyarah memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam. Pensyarah sebagai pelaksana kurikulum sememangnya merupakan tunggak utama yang menjadi motivasi bagi pelajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Semakin tinggi peranan pensyarah pelaksana dalam melaksanakan kurikulum, maka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam juga semakin berjaya.

Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	• Berdasarkan min bagi keseluruhan data yang diperolehi, responden didapati positif dalam memberi pendapat mereka tentang konstruk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berkaitan hak-hak wanita Islam dengan nilai median (2.0) dan mod (2). • Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dan pengetahuan pensyarah mempunyai hubungan positif yang kuat dengan ($r = 0.715$).	Setiap seorang daripada pensyarah yang ditemu bual dan diperhati telah berkongsi masing-masingnya 18 hingga 24 kod yang berkaitan dengan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, kepelbagaian bahan bantu mengajar, penilaian terhadap kefahaman pelajar dan kesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar. Responden mampu berkongsi pendapat dan memperlihatkan kepentingan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG dengan menjawab dan mempamerkan sekurang-kurangnya satu jawapan bagi kod-kod yang telah ditetapkan. Setiap seorang responden berupaya menyenaraikan serta menunjukkan 12 hingga 13 kod bagi tema pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran, 5 hingga 7 kod bagi tema kepelbagaian bahan bantu mengajar, 2 hingga 3 kod bagi tema penilaian terhadap kefahaman pelajar dan hanya 1 hingga 2 kod bagi tema kesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar.	Kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam memerlukan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dengan kriteria yang sesuai untuk menjamin pengajaran yang berkesan. Semakin tinggi pengetahuan pensyarah berkaitan hak-hak wanita, maka pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG juga semakin berjaya.
---	--	---	--

Sumber: Analisa Penulis

6.2.1 Dimensi Pengetahuan Pensyarah

Adalah menjadi satu keperluan bagi seorang pensyarah yang mengajar untuk memiliki ilmu pengetahuan terhadap hak-hak wanita Islam terlebih dahulu sebelum melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran di IPG. Isi kandungan pelajaran perlu diketahui oleh para pensyarah terlebih dahulu dengan turut mengutamakan sumber rujukan dalam usaha mencari maklumat berkaitan tajuk yang hendak diajar. Ketiadaan

modul yang disediakan adalah satu perkara yang agak merumitkan proses pengajaran di IPG. Justeru, maklumat perlu diperolehi oleh para pensyarah dalam menimba pengetahuan tentang hak-hak wanita yang akan diajar menerusi sumber rujukan yang tepat sama ada berkaitan hak-hak sebelum, semasa dan selepas berlakunya pembubaran perkahwinan.

Melalui fasa kuantitatif, pensyarah didapati memberi respons yang positif terhadap pandangan mereka bahawa pensyarah sememangnya memerlukan pengetahuan terhadap hak-hak wanita Islam sebelum memulakan sesi pengajaran dengan nilai median dan mod yang tinggi serta berada di antara skala cemerlang dan memuaskan. Dapatan ini ternyata bersesuaian dengan pendapat Mohd Salleh⁵⁵⁴ bahawa guru yang berkualiti perlu memahami kandungan kurikulum yang diajar sekaligus memastikan para guru sentiasa menambah ilmu pengetahuan.

Tibbits⁵⁵⁵ turut menegaskan dalam Model Nilai dan Kesedaran yang diketengahkan dalam Pendidikan Hak Asasi Manusia bahawa, kurikulum berasaskan sekolah melalui mengiktiraf guru sebagai duta penting yang perlu memiliki pengetahuan tentang kurikulum yang bakal diajar untuk menambah pemahaman pelajar tentang tajuk yang dipelajari.

Dalam fasa kualitatif yang seterusnya, pensyarah mampu menyebut dan memperjelaskan hak-hak wanita Islam yang mereka ketahui meskipun terdapat beberapa hak yang tidak mampu diperjelaskan dengan panjang lebar, namun para pensyarah menyedari kewujudan hak-hak itu secara teorinya. Teori Mohd Salleh⁵⁵⁶ dalam memperkasakan profesion keguruan menekankan bahawa guru yang berkualiti bersedia

⁵⁵⁴ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

⁵⁵⁵ Tibbits, "Understanding What We Do: Emerging Models For Human Rights Education," 163.

⁵⁵⁶ Mohd Salleh Lebar, "Pendidikan Guru Di Malaysia Kini: Perkembangan Profesionalisme Dan Peningkatan Yang Berkualiti," 8.

menambah ilmu pengetahuan agar lebih memahami kandungan kurikulum yang hendak diajar.

Pensyarah didapati menyedari hak-hak wanita Islam sebagai anak, ibu, isteri, menantu sekaligus hak dalam bekerja, bertunang, mahar, memilih pasangan, fasakh, khuluk, iddah, rujuk, nafkah, hadanah, harta pusaka dan harta sepencarian. Pengetahuan berkaitan 'Korpus Undang-Undang Keluarga Islam' tersebut merupakan antara perkara penting yang perlu diketahui dalam memberi kesedaran serta pendidikan terhadap para wanita tentang hak-hak mereka.⁵⁵⁷

Para pensyarah juga mendapati bahawa modul, buku, internet, suratkhobar, pembelajaran, kursus perkahwinan, seminar kekeluargaan, rancangan keagamaan di kaca televisyen dan tugas sebagai penceramah kursus perkahwinan serta penggubal pro forma, TLO dan JSU kursus sebagai sumber yang menyumbang dalam menyalurkan maklumat kepada mereka.

6.2.2 Dimensi Peranan Pensyarah

Pensyarah memainkan peranan yang amat penting sebagai pelaksana serta pengemudi kurikulum hak-hak wanita Islam di IPG dalam usaha memupuk kesedaran pelajar terhadap isi pembelajaran yang akan disampaikan. Pensyarah merupakan sumber motivasi bagi pelajar semasa berlangsungnya sesi pengajaran. Keupayaan pensyarah membangkitkan semangat belajar pelajar, kebolehan pensyarah dalam mengaitkan isi pengajaran dan minat para pensyarah dalam melaksanakan sesi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam merupakan peranan penting yang perlu dipikul oleh pensyarah mahu pun pendidik yang diamanahkan untuk menggalas tanggungjawab murni tersebut. Bukan sahaja pengetahuan terhadap hak-hak wanita Islam yang hanya perlu dimiliki

⁵⁵⁷ NoorAziah and Mohamad Nizam, "Discrimination of Women in the Syariah Court: Perceptions or Reality?" 488.

oleh tenaga pengajar, malahan peranan sebagai pelaksana kurikulum dalam amat penting untuk dititik beratkan.

Melalui fasa kuantitatif, pensyarah didapati memberi respons yang positif terhadap peranan pensyarah sebagai pelaksana kurikulum hak-hak wanita Islam dengan nilai median dan mod yang tinggi iaitu berada di antara skala cemerlang dan memuaskan. Abu al-Rub⁵⁵⁸ turut mendapati melalui dapatan kajiannya terhadap 351 orang guru pelaksana kurikulum bahawa, peranan dan kemahiran guru menjadi tunggak utama dalam menarik minat pelajar terhadap pengajian hak asasi manusia dalam kalangan rakyat Palestin.

Rosnah, Muhammad Faisal dan Saedah⁵⁵⁹ juga turut mencadangkan agar proses pengajaran guru Sekolah Berprestasi Tinggi diutamakan kerana peranan pendidik yang berkualiti mampu menghasilkan pelajar yang berkualiti dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran.

Melalui fasa kualitatif seterusnya, pensyarah dengan jelas memperlihatkan peranan mereka sebagai pelaksana kurikulum dengan menunjukkan minat dalam pengajaran dengan menggunakan bahan pengajaran yang menarik dan memberi penerangan yang terperinci dengan pelajar.

Kebolehan pensyarah dalam membangkitkan semangat pelajar juga dapat dilihat dengan pemupukan kesedaran pelajar terhadap pengajaran, pemupukan minat pelajar terhadap isu-isu hak wanita Islam, pembinaan respons positif pelajar terhadap pengajaran, pembinaan minat pelajar dalam pengajaran, pembinaan tingkah laku positif pelajar dalam pengajaran dan membangkitkan rasa tanggungjawab pelajar terhadap isu hak-hak wanita Islam.

⁵⁵⁸ Abu Al-Rub, "The Degree of The Inclusion of Human Rights Values in Palestinian Civic Education Curriculum at Higher Basic Stage, Their Teaching Status, and The Degree of These Values Acquisition Among Students," 186.

⁵⁵⁹ Rosnah Binti Ishak, Muhammad Faizal Bin A. Ghani dan Saedah Siraj, "Amalan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Berprestasi Tinggi," *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 2, no. 1 (2013), 58.

Pensyarah sebagai pengemudi harus mampu mencorakkan peranannya dalam memberi motivasi kepada pelajar dalam pembelajaran. Dapatan kajian ini ternyata amat bersesuaian dengan kajian yang telah dilaksanakan bagi guru cemerlang pendidikan Islam yang turut menunjukkan bahawa menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara keperibadian guru dan motivasi pelajar dalam memastikan objektif pengajaran tercapai.⁵⁶⁰

Kebolehan para pensyarah dalam mengaitkan isi pelajaran dengan al-Quran, hadis, Sirah Rasulullah, Undang-Undang Keluarga Islam, isu semasa dunia, kajian dan tokoh wanita juga menunjukkan bahawa pensyarah perlu mengemudi pengajaran pendidikan hak-hak wanita Islam dengan peranan dan kreativiti yang tersendiri agar sesi pengajaran dapat memupuk kesedaran serta memberi kesan yang mendalam terhadap para pelajar.

Gharavi⁵⁶¹ dan Kassam⁵⁶² juga turut bersependapat dengan menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan utama dalam melaksanakan pengajaran berkaitan hak-hak wanita. Penceritaan al-Quran melalui penafsirannya dikaitkan dengan kehidupan seharian yang dilalui oleh pelajar.

6.2.3 Dimensi Sesi Pengajaran Dan Pembelajaran

Kurikulum pendidikan hak-hak wanita Islam di IPG memerlukan sesi pengajaran dan pembelajaran yang memiliki kriteria yang sesuai dan tepat untuk menjamin sesi pengajaran yang berkesan. Sesi pengajaran yang dirancang dengan teliti oleh para pensyarah adalah merupakan kunci kejayaan sesebuah sesi pengajaran. Pelbagai aspek perlu ditekankan dengan mengambil kira kesesuaian tajuk pengajaran dengan pelajar,

⁵⁶⁰ Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri Dan Mohd Izham Mohd Hamzah, "Sifat Dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar," 70.

⁵⁶¹ Gharavi, "What Is Women Studies in Islam?," 1791.

⁵⁶² Kassam, "Engendering and Experience: Teaching a Course of Women In Islam."

sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, kepelbagaian bahan bantu mengajar dan penilaian terhadap kefahaman pelajar.

Melalui fasa kuantitatif, pensyarah didapati memberi respons yang positif terhadap keseluruhan dimensi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan nilai median dan mod yang tinggi serta berada pada skala berjaya. Ahmad Mohd Salleh⁵⁶³ dan Noornajihan dan Abdul Halim⁵⁶⁴ juga bersependapat bahawa model terbaik Rasulullah s.a.w dalam dunia pendidikan telah berjaya mendidik umat Islam dengan berkesan hingga kini. Keberkesanan dan kejayaan sesi pengajaran turut diperolehi apabila pensyarah memiliki pengetahuan yang tinggi dan peranan yang luas dalam mengemudi pengajaran. Dapatan kajian juga bertepatan dengan pendapat Asmawati⁵⁶⁵ bahawa pengetahuan dan kepakaran ilmu yang dimiliki oleh pensyarah, mampu membimbing pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari.

Melalui fasa kualitatif seterusnya, pensyarah dengan jelas berkongsi dan memperlihatkan pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran yang mampu mengaitkan pengalaman dalam meningkatkan kesedaran pelajar, merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik, melaksanakan objektif dengan jayanya, mengkategorikan isi pelajaran, mempelbagaikan kaedah, strategi dan aktiviti pengajaran yang mampu meningkatkan kemahiran berfikir pelajar.

Dapatan ini diperakui oleh Asmawati⁵⁶⁶ yang menyifatkan bahawa gaya dan pendekatan pengajaran pensyarah yang berbeza-beza berdasarkan kepakaran masing-masing membawa kepada keberkesanan sesebuah pengajaran di peringkat tinggi. Che Noraini dan Hasan Langgulung⁵⁶⁷ turut memperakui bahawa isi kandungan kurikulum

⁵⁶³ Ahmad, *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam Edisi Kedua KPLI Pengajian Islam & j-QAF*, 130.

⁵⁶⁴ Noornajihan dan Ab. Halim, "Pedagogi Rasulullah S.A.W Dalam Pengajaran," 1.

⁵⁶⁵ Asmawati Suhid et al., "Personaliti Pendidik Yang Ideal : Apa Kata Pelajar di Institut Pengajian Tinggi?," 1.

⁵⁶⁶ Ibid.

⁵⁶⁷ Che Noraini Hashim and Hasan Langgulung, "Islamic Religious Curriculum in Muslim Countries: The Experiences of Indonesia and Malaysia," 16.

yang menerapkan unsur-unsur Islam dalam pelaksanaannya hendaklah disertai dengan kaedah pengajaran yang dicadangkan bersesuaian dengan kehendak dan keperluan sesebuah negara Islam.

Gharavi⁵⁶⁸ juga turut memberi penekanan bahawa, pengajian berkaitan wanita Islam ini merupakan satu keperluan yang sejajar dengan perubahan diri yang perlu ada pada wanita Islam dalam mendepani cabaran dan serangan budaya serta isu berkaitan hak-hak wanita. Justeru, wanita seharusnya diberi peluang untuk memperbaiki diri, didedahkan dengan hak-hak yang sepatutnya dengan adanya kurikulum yang bersesuaian serta dilengkapi dengan kepakaran para pensyarah dengan pengetahuan dan pedagogi yang sedia ada.

Kepelbagaian bahan bantu mengajar yang digunakan oleh pensyarah seperti penggunaan bahan multimedia, laman web, papan tulis dan bahan bercetak turut memberi kesan dalam sesi pengajaran yang telah dilaksanakan. Pensyarah didapati turut mempelbagaikan pentaksiran dan tugas yang diberikan kepada para pelajar untuk menilai keberkesanan pengajaran yang telah dilaksanakan. Subtajuk yang diajar kepada para pelajar berkaitan perkahwinan, talak, fasakh, khuluk dan hadanah merupakan antara subtajuk-subtajuk yang diminati oleh pelajar sesuai dengan umur pelajar yang berada dalam lingkungan 18 hingga 19 tahun.

I'cmar⁵⁶⁹ dalam kajiannya juga turut mendapati bahawa, subtajuk yang sesuai adalah satu keperluan dalam menjamin keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan peringkat umur pelajar.

⁵⁶⁸ Gharavi, "Islamic Women Studies Is Important And Necessary, 1239.

⁵⁶⁹ I'cmar, "Madā al-Ilmām bi Huqūq al-Insān ladā Ṭalabah al-Madāris al-Thānawīyyah bi Muhāfazah Nāblas Falasṭīn Min Wajhah Naẓr al-Mu'allimīn," 241.


6.3 SUMBANGAN PENYELIDIKAN

Dapatan kajian yang telah diperolehi dalam kajian ini bukanlah merupakan satu pengujian terhadap model atau kerangka teori yang telah sedia ada berkaitan pengajaran pendidikan hak-hak wanita terutamanya hak-hak wanita Islam. Namun yang demikian, kajian yang telah dilakukan ini merupakan satu nilai tambah dalam usaha memperkasakan pendidikan hak-hak wanita Islam di peringkat institusi pengajian tinggi di Malaysia khususnya dalam bidang latihan keguruan. Kajian juga turut menyumbang secara khusus dalam bidang pengajian wanita terutamanya perihal berkaitan pemerkasaan hak-hak wanita.

6.3.1 Penyediaan Kerangka Teori Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita

Kajian ini menyumbangkan satu kerangka teori dalam pendidikan hak-hak wanita yang boleh dijadikan satu panduan dalam merancang pengajaran berkaitan pendidikan hak-hak wanita. Tenaga pengajar perlu mengambil kira tiga dimensi penting iaitu pengetahuan, peranan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam melaksanakan pendidikan berkaitan hak-hak wanita tidak kira di mana mana peringkat pengajian sama ada di IPT, IPG dan mahu pun di peringkat sekolah menengah. Kerangka teori pengajaran pendidikan hak-hak wanita hasil daripada kajian ini dapat diperjelaskan dalam rajah 6.1 yang berikut:

Rajah 6.1. Kerangka Teori ' Pengajaran Pendidikan Hak-Hak Wanita'



Sumber: Penulis

6.3.2 Penggubal Dasar

Kajian juga turut memberi sumbangan kepada penggubal dasar di Malaysia yang terlibat secara khusus dalam pengajian wanita seperti Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dalam merangka pendidikan berkaitan hak-hak wanita. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga tidak ketinggalan dalam terlibat dalam agenda pengajian wanita memandangkan kurikulum berkaitan hak-hak wanita telah diselitkan sebagai subtajuk dalam kurikulum wajib yang sedia ada di beberapa buah institusi pengajian.

Dapatan kajian dapat dijadikan panduan dalam merangka modul khusus bagi tenaga pengajar yang terlibat dalam pendidikan berkaitan hak-hak wanita dalam usaha menyalurkan maklumat tentang hak-hak wanita secara lebih teratur melalui pendidikan sebagai landasan utama. Pendekatan pedagogi dapat membantu meringankan beban kerajaan dalam menyalurkan maklumat kepada para wanita tentang hak-hak mereka.

6.3.3 Penggubal Kurikulum

Kajian juga dapat dijadikan panduan kepada para penggubal kurikulum di IPG, IPT mahu pun di peringkat sekolah dalam menyediakan isi kandungan pengajaran serta modul yang sesuai berkaitan pengajian hak-hak wanita. Penerapan hak-hak wanita dalam kurikulum semasa sama ada secara langsung atau pun tidak langsung memerlukan panduan untuk menjamin keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan.

Keperluan dalam penyediaan kurikulum berkaitan hak-hak wanita di Malaysia dilihat sebagai satu perkara yang penting dalam mendidik wanita tentang hak-hak yang seharusnya dimiliki oleh mereka. Pelaksanaan kurikulum hak-hak wanita di semua peringkat pengajian di Malaysia sama ada secara langsung mahu pun tidak langsung dapat mengurangkan berlakunya pelanggaran hak terhadap para wanita apabila masyarakat disedarkan tentang perihal hak-hak tersebut.

Pembinaan kurikulum memerlukan teori yang dapat dijadikan model dalam membina garis panduan pembinaannya agar kurikulum yang dibina selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang amat menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari semua aspek.

Pembinaan kurikulum yang berkaitan dengan bidang pengajian Islam turut tidak ketinggalan dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam yang merupakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah.

6.3.4 Pembinaan Insan Guru

